The background of the page features a large, light gray wireframe sphere on the left side. To the right of the sphere, several curved lines in dark brown, orange, and red sweep across the page from the bottom left towards the top right. The main title is positioned in front of the sphere.

Memacu ke Hadapan. **Peluang Direalisasikan.**

Laporan Bersepadu Tahunan **2020**

“

MEMACU KE HADAPAN. PELUANG DIREALISASIKAN.

Tema kami bagi Laporan Bersepadu Tahunan 2020 adalah **‘Memacu ke Hadapan. Peluang Direalisasikan’** menegaskan komitmen kami ke arah pencapaian transformasi operasi dalam perniagaan perladangan yang terus mencatatkan peningkatan bagi mengekalkan posisi kami sebagai pengeluar minyak sawit Nombor 1 di dunia.

Walaupun perniagaan sawit menjadi perniagaan teras, FGV berusaha merealisasikan segala kemampuan dalam perniagaan yang tidak berteraskan sawit yang berpotensi memberi manfaat kepada para pihak berkepentingan. Sebagai tambahan, tadbir urus korporat kami diperhebat dengan menitikberatkan integrasi tadbir urus beretika bersama amalan terbaik dalam operasi dan budaya kerja kami.

Visual muka laporan hadapan yang bercirikan lima (5) jalur garisan pelbagai warna memberi maksud tiga (3) perniagaan teras FGV iaitu Perladangan, Gula dan Logistik & Lain-lain dan dua (2) perniagaan baru iaitu Pertanian Bersepadu dan Produk Pengguna. Garisan lekuk menaik pula menggambarkan pertumbuhan, kemajuan dan usaha kami dalam mencapai kejayaan masa hadapan yang mampan.

FGV akan terus menyusun atur kedudukannya dalam mereliasasikan visi untuk menjadi peneraju berkkelas dunia dalam perniagaan agri. Visi ini juga selari dengan impian negara dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FOA) untuk menangani isu sekuriti makanan global pada abad ke-21 ini.

”

Dalam Laporan Ini

2 PERIHAL LAPORAN INI

1

SIAPA KAMI

- 6 Berusaha Demi Kemajuan
- 7 Perihal Perniagaan Kami
- 12 Butiran Korporat Kami
- 13 Struktur Kumpulan Kami
- 14 Struktur Organisasi Kumpulan Kami
- 15 Pencapaian Kami
- 16 Sorotan Peristiwa Utama 2020
- 22 Berita Mengenai FGV
- 24 Sorotan 5 Tahun Pencapaian Kewangan

2

PENYATA DAN PERBINCANGAN KEPIMPINAN KAMI

- 28 Catatan Pengerusi
- 34 Wawancara Bersama
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
- 48 Ulasan Kewangan Kumpulan
- 58 Ulasan Strategi & Pelan Perniagaan
Kumpulan
- 64 Ulasan Perniagaan Kumpulan

3

TENTANG OPERASI KAMI

- 78 Model Nilai Penciptaan Kami
- 80 Lanskap Operasi Kami
- 82 Libat Urus Bersama Pihak
Berkepentingan Kami
- 85 Risiko dan Peluang Kami

4

PERIHAL KELESTARIAN

- 94 Perjalanan Program Kelestarian FGV
- 96 Kelestarian di Tempat Kerja
- 102 Tema 1: Perniagaan yang
Bertanggungjawab
- 118 Tema 2: Menghormati Hak Asasi
Manusia
- 140 Tema 3 : Pendekatan Terhadap
Perubahan Iklim & Perlindungan
Alam Sekitar

5

TENTANG TADBIR URUS KAMI

- 164 Sekilas Pandang – Ahli Lembaga
Pengaroh
- 166 Profil Lembaga Pengarah
- 175 Sekilas Pandang – Jawatankuasa
Pengurusan Kumpulan
- 176 Profil Jawatankuasa Pengurusan
Kumpulan
- 192 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 227 Penyata Pengurusan Risiko dan
Kawalan Dalaman

6

MAKLUMAT TAMBAHAN

- 242 Pergerakan Harga Saham
- 243 Kalendar Kewangan
- 244 Analisis Pemegang Saham
- 248 10 Hartanah Utama Milik Kumpulan
FGV
- 250 Pendedahan Tambahan
- 259 Penerapan Prinsip dan Amalan Kod
Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017
(MCCG 2017)
- 262 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
2020 yang Ke-13

CARA UNTUK MUAT TURUN LAPORAN KAMI



IMBAS SAYA



DAPATKAN

Muat turun aplikasi 'Pembaca Kod QR' daripada Google (Gedung Android), Blackberry Aplikasi Dunia, Gedung Apple (iOS/iPhone) atau Gedung Telefon Windows



JALANKAN

Jalankan aplikasi Pembaca Kod QR dan halakan kamera pada Kod QR



AKSES

Muat turun Laporan Bersepadu Tahunan secara atas talian

Perihal Laporan Ini

INI ADALAH LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (TK2020) DAN MERUPAKAN TAHUN KE-6 BAGI LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN FGV. IANYA MERUPAKAN KEMUNCIAK BAGI USAHA KAMI MENGUTAMAKAN KETELUSAN DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN YANG BERTERUSAN BAGI MENCIPTA NILAI MAMPAN KEPADA PARA PEMEGANG BERKEPENTINGAN.

Penyediaan laporan ini mencerminkan pendekatan bersepadu yang diambil dalam pengurusan perniagaan kami. Enam (6) Modal dikenal pasti oleh Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) dijadikan panduan bagi mencapai objektif strategik kami. Antara enam (6) Nilai modal yang dirujuk adalah seperti berikut - Modal Kewangan, Modal Semula Jadi, Modal Pembuatan, Modal Intelek, Modal Insan, dan Modal Sosial & Perhubungan. Setiap penggunaan nilai modal ini memainkan peranan penting dalam memberi impak kepada perniagaan kami.

Melalui laporan yang berteraskan Rangka Kerja IIRC ini, kami akan dapat memberi pandangan yang lebih jelas dan luas kepada pihak berkepentingan mengenai kaedah penciptaan nilai dalam perniagaan kami. Pendekatan ini juga membolehkan AIR dihasilkan secara terperinci bersama ringkasan serta rangkuman semua perkara yang berkaitan dengan penciptaan nilai yang berterusan.

Dalam penghasilan laporan ini, kami telah berpandukan Rangka Kerja Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC Framework) dan mematuhi keperluan kawal selia tempatan, iaitu Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017) dan Keperluan Penyenaian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities). Selain itu, kami juga telah dipandu oleh keperluan Piawaian Inisiatif Pelaporan Global berkaitan laporan kelestarian.

SUITE PELAPORAN KAMI

Kumpulan pelaporan FGV 2020 merangkumi yang berikut:



SKOP DAN BATAS PELAPORAN

Laporan ini merangkumi maklumat aktiviti penciptaan nilai yang khusus untuk Kumpulan kami. Oleh yang demikian, laporan ini khusus kepada pembangunan sepanjang TK2020, bermula dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020. Kecuali dinyatakan sebaliknya, ianya merangkumi kesemua perniagaan FGV Holdings Berhad di Malaysia dan lain-lain negara yang kami beroperasi. Ini termasuk operasi kami yang mempunyai kawalan penuh, subsidiari dan rakan kongsi. Kami juga melaporkan maklumat dan pembangunan yang berkemungkinan melangkaui batas laporan tetapi merupakan perkara material penting kepada prestasi Kumpulan.

Maklumat dalam laporan ini mengandungi semua butiran penting yang dilaporkan mengikut asas serupa tanpa sebarang pernyataan semula yang utama. Selari dengan usaha kami untuk menyepadukan amalan kelestarian dalam semua segmen operasi, kami telah memperbaharui pendekatan pelaporan dengan menyertakan pendedahan kelestarian dalam keseluruhan laporan ini. Pendekatan ini membuktikan peranan kelestarian pada setiap peringkat penciptaan nilai Kumpulan. Laporan ini juga merangkumi semua risiko dan peluang yang material untuk kelestarian. Perkara ini berkait rapat dengan entiti, operasi dan topik menurut batas yang bersesuaian dalam tempoh pelaporan. Walau bagaimanapun, laporan itu tidak menganggarkan atau meramalkan impak masa hadapan perkara material berkaitan kelestarian. Bagi menilai potensi risiko terhadap alam sekitar, kami menerapkan Prinsip Berjaga-jaga untuk mengelakkan impak negatif yang diketahui dan tidak dijangka terhadap alam sekitar.

Untuk gambaran lebih holistik tentang perniagaan kami, AIR ini harus dibaca bersama dengan maklumat yang terdapat di laman web kami.

www.fgvholdings.com

MENILAI PERKARA MATERIAL KAMI

Untuk tahun ini, kami telah mengkaji semula kaitan perkara material kami dan harapan para pemegang berkepentingan. Kami juga telah memperbaharui penglibatan pihak berkepentingan dan penilaian material termasuk pelaporan Matriks Material 2020 yang telah dikemas kini di dalam laporan ini berpandukan Prinsip Panduan Laporan Bersepadu (*Guiding Principle <IR>*). Kami juga telah mengaplikasikan Prinsip Panduan: Kematerialan dalam menilai maklumat yang ingin disertakan dalam laporan kami. Laporan ini juga memberi fokus kepada segala isu, risiko, peluang dan cabaran yang mempunyai impak material kepada FGV termasuk keupayaan FGV untuk terus mampan bagi memberi penciptaan nilai yang konsisten kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingan.

LAPORAN BERINTEGRITI

Kami berusaha sebaik mungkin untuk memastikan semua informasi yang dibentangkan mempunyai elemen kebolehpercayaan, berterusan dan lengkap. Bagi memastikan kualiti informasi yang diberi, laporan ini telah dikaji semula oleh ahli Jawatankuasa Pelaporan untuk mengesahkan pematuhannya terhadap Rangka Kerja IIRC dibentangkan secara saksama berdasarkan prestasi Kumpulan yang bersepadu berbanding dengan sasaran yang ditetapkan.

Laporan ini telah dikaji secara teliti oleh Jawatankuasa Audit disertakan bersama Laporan Penyata Kewangan Kumpulan 2020 dan diserahkan kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan akhir.

Juruaudit luaran juga menyokong objektif jaminan dan kelulusan dengan menyediakan jaminan pihak luar terhadap Penyata Kewangan kami. Segala maklumat telah dikaji dan dipertimbangkan sama ada maklumat lain adalah konsisten secara material dengan Penyata Kewangan, atau pengetahuan yang mereka peroleh menerusi audit. Juruaudit luaran turut menyediakan jaminan semakan terhadap Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) kami.

PENYATA HADAPAN

Penyata hadapan yang disediakan oleh kami adalah berkaitan dengan perancangan, matlamat, strategi dan operasi masa hadapan bersama kedudukan Kumpulan, sekiranya perlu. Walau bagaimanapun, penyata hadapan ini tidak memberi jaminan kepada pencapaian Kumpulan di masa hadapan kerana kami berhadapan dengan pelbagai senario dan risiko, ketidakpastian dan andaian. Pencapaian dan keputusan sebenar mungkin berbeza dengan penyata hadapan. Kami tidak memberi jaminan atau mengesahkan pembentangan secara lisan atau khusus untuk mencapai kejayaan. Kami juga tidak bertanggungjawab untuk memberi maklumat terkini sejarah informasi atau penyata yang terdapat dalam AIR ini.

PELUANG UNTUK MAKLUM BALAS

Kami mengalu-alukan sebarang maklum balas dan penambahbaikan daripada pihak berkepentingan dan pandangan umum mengenai laporan ini. Mutu piawaian pelaporan ini hanya dapat dicapai dengan penglibatan serta interaksi secara langsung dan konsisten sepanjang tahun. Pihak Perhubungan Pelabur boleh dihubungi melalui beberapa saluran seperti tersenarai di bahagian Butiran Korporat Kami pada muka surat 12 dan Libat Urus Bersama Pihak Berkepentingan di muka surat 224.

IKON PELAYARAN

ASAKAN STRATEGIK

| | | | |
|---|---|---|---|
|  |  |  |  |
| Kemajuan Pengoperasian | Produk dan Penembusan Pasaran | Bidang Pertumbuhan Baharu | Keupayaan Kewangan dan Kemampuan |

ENAM (6) MODAL PENCIPTAAN KAMI

| | | | |
|---|--|---|--|
|  | Kewangan Modal Kewangan merupakan dana yang tersedia bagi pembiayaan dalam menambahbaik Modal Penciptaan Nilai yang lain termasuk Modal Kewangan. Keseluruhan dana ini merangkumi hutang, ekuiti atau hasil pendapatan daripada aktiviti perniagaan. Ini amat kritikal untuk dikekalkan memandangkan ianya berperanan sebagai sumber menjana hasil penciptaan nilai yang lain. |  | Intelek Modal Intelek merupakan kemampuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam mengembangkan ilmu hak milikan (<i>proprietary knowledge</i>) dan pengetahuan harta intelek untuk menjadikan kami lebih produktif dan efisien. Hasil daripada produk nilai-tinggi melalui rantaian nilai minyak sawit dapat menambah nilai kepada Modal yang lain. |
|  | Semula Jadi Kesemua sumber boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui dan proses persekitaran yang menyediakan keperluan dan perkhidmatan untuk menyokong penjanaan syarikat masa lalu, semasa atau masa hadapan. Ia merangkumi pelepasan, air, sisa tanah, mineral dan hutan dengan kepelbagaian biologi dan ekosistemnya. |  | Insan Kompetensi, kemampuan dan pengalaman, dan motivasi mereka untuk berinovasi, termasuk penajajaran dan sokongan tadbir urus rangka kerja Kumpulan, pengurusan risiko dan beretika, nilai bersama dengan kemampuan untuk memahami, mengembangkan dan melaksanakan strategi Kumpulan dan motivasi dalam meningkatkan proses, hasil dan perkhidmatan, termasuk kemampuan untuk memimpin, mengurus dan bekerjasama. |
|  | Pembuatan Objek fizikal (berbeza dari semula jadi objek fizikal) yang tersedia untuk sebuah syarikat untuk digunakan dalam pengeluaran barang atau penyediaan perkhidmatan, termasuk bangunan, peralatan dan infrastruktur (seperti jalan raya, pelabuhan dan jambatan dan lain-lain). |  | Sosial & Perhubungan Institusi dan hubungan di dalam dan di antara komuniti, kumpulan pihak berkepentingan dan rangkaian lain, dan keupayaan untuk berkongsi maklumat untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan lesennya untuk beroperasi. Modal Sosial dan Hubungan merangkumi jenama dan reputasi, nilai dan tingkah laku, libat urus bersama pihak berkepentingan dan kepercayaan dan kesediaan untuk terlibat dengan pihak berkepentingan luarannya. |

BAHAGIAN 1

SIAPA KAMI

- 6 Berusaha Demi Kemajuan
Profil Korporat
- 7 Perihal Perniagaan Kami
 - 7 Misi, Visi dan Nilai Teras Organisasi Kami
 - 8 Kehadiran Utama Kami
 - 10 Jenama Kami
- 12 Butiran Korporat Kami
- 13 Struktur Kumpulan Kami
- 14 Struktur Organisasi Kumpulan Kami
- 15 Pencapaian Kami
- 16 Sorotan Peristiwa Utama 2020
- 22 Berita Mengenai FGV
- 24 Soroton 5 Tahun Pencapaian Kewangan



FGV



Wilayah FGV

Berusaha Demi Kemajuan



“

**KAMI TERUS
MAJU DENGAN
MELAKSANAKAN
PELAN PERNIAGAAN
FGV YANG MEMACU
PERUBAHAN UNTUK
KEMAJUAN
KUMPULAN ”**

Walaupun perniagaan Kumpulan akan terus menjadikan minyak sawit sebagai teras, Lembaga Pengarah secara terperinci memanfaatkan segala sumber secara wajar bagi menjana nilai yang tinggi kepada sinergi perniagaan yang bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada harga minyak sawit mentah (CPO).

Bagi mencapai kejayaan kami, Lembaga Pengarah bersama pihak pengurusan telah memperhalusi tiga (3) teras pelan perniagaan dan strategi bagi mengukuhkan perniagaan perladangan sawit FGV, meneroka hasil terbaharu melalui ekonomi kitaran dan mengenalpasti hasil baharu yang berkait rapat dengan pendapatan sedia ada bagi mendapat pulangan yang optima.

Lembaga Pengarah akan memastikan pelan perniagaan ini akan menjana keuntungan kepada para pekebun kecil terutamanya kepada semua peneroka FELDA yang sentiasa menjadi rakan kongsi kami.



439,275 Ha

Jumlah Bank Tanah
di Malaysia dan Indonesia
(termasuk tanah pajakan LLA oleh FELDA)



68

kilang

100% Pensijilan MSPO
dan 49% Pensijilan RSPO



7

Fasiliti Pemprosesan
Getah



3

Pusat Penyelidikan &
Pembangunan


Profil Korporat

FGV merupakan **pengeluar terbesar minyak sawit mentah** (CPO), menghasilkan **4%** daripada **jumlah pengeluaran minyak sawit mentah dunia**.

FGV telah disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia semenjak 28 Jun 2012. Mula diperbadankan sebagai entiti komersil Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada 2007 dan bertanggungjawab dalam pelaburan huluan dan hiliran perniagaan minyak sawit termasuklah perniagaan agri.

Tumpuan kami terbahagi kepada tiga (3) perniagaan teras iaitu Perladangan, Gula dan Logistik & Lain-lain selain membangunkan dua (2) perniagaan baharu iaitu Pertanian Bersepadu dan Produk Pengguna.

Sebagai syarikat yang berpengalaman, kami begitu komited secara berterusan dalam memacu perniagaan yang mampan, di samping meneroka pendapatan baharu daripada ekonomi kitaran bagi menjana nilai tambahan kepada para pihak berkepentingan.



Sila imbas Kod QR untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai FGV Holdings Berhad

2



Kilang Penapisan
Gula

2



Kilang
Oleokimia

1



Kilang
Biodiesel

47,497

Petugas

* termasuk pekerja
ladang



Perniagaan Perladangan FGV didukung oleh integrasi hulu minyak sawit, hiliran, getah, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemasaran dan rantai nilai sumber diperbaharui.



343,399 Ha

335,404 Ha (Minyak Sawit) 7,995 Ha (Getah)

Kawasan Bertanam di Malaysia (termasuk tanah pajakan LLA oleh FELDA) & Indonesia

Perladangan



2 juta MT

Kapasiti Jumlah Pengeluaran Gula tahunan

Gula

Perniagaan Gula FGV oleh subsidiari MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) yang merupakan pengeluar gula terbesar dengan menguasai 60% pasaran domestik. MSM mempunyai dua (2) kilang penapisan gula iaitu Kilang Prai, Pulau Pinang dan kilang terbaharu yang canggih di Tanjung Langsat, Johor dengan kapasiti keseluruhan berjumlah 2.05 juta MT setahun.



Gedung Simpanan Pukul Minyak Sayuran Berkapasiti

955,290 MT

Kapasiti (Termasuk Indonesia & Pakistan)



Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR), Jerantut



Pusat Penyelidikan, Bandar Sahabat



Pusat Inovasi FGV, Enstek



Unit Pengeluaran Benih Cambah



Makmal Analitik



Pusat Penyelidikan



PERNIAGAAN KAMI

Fasiliti Hiliran

- 6 Kilang Penapisan Minyak Sawit
- 2 Kilang Penapisan di Pakistan dan Turki
- 4 Kilang Pemecahan Isirung Sawit
- 1 Kilang Oleokimia di Malaysia
- 1 Kilang Oleokimia di Amerika Syarikat
- 1 Kilang Biodiesel di Malaysia

Produk Pengguna

- Produk pengguna di pasaran domestik dan antarabangsa
- 93 jenis barangan runcit dan industri
- Peneraju pasaran bagi produk minyak masak dan marjerin dengan 40% dan 42% penguasaan pasaran bagi SAJI dan SERI PELANGI



68 Kilang Sawit yang menghasilkan sekitar

3 juta MT Minyak Sawit Mentah



Pertanian Bersepadu

Pertanian Bersepadu memberi peluang kepada FGV untuk mengembangkan sinergi perniagaannya kepada pertanian komersial seperti perladangan tenusu. Sebagai tambahan, ini merupakan sebahagian ekonomi kitaran FGV yang meliputi tanaman kontan di sebahagian tanah perladangan dan pengeluaran makanan haiwan berasaskan sisa sawit.


- Makanan Haiwan & Nutrisi
- Padi & Beras
- Makanan & Tanaman Kontan
- Perniagaan Lembu Tenusu Bersepadu
- e-Dagang
- Lembah Makanan Agro FGV di Chuping

Logistik & Lain-lain (LO) mendukung perniagaan teras Kumpulan dengan menghubungkan serta mengawal rangkaian aliran aset untuk memacu kecekapan di seluruh peringkat Kumpulan. LO mempunyai dan mengendalikan salah satu fasiliti simpanan pukal yang terbesar di dunia bagi minyak makan dan sayuran. LO juga dilengkapi dengan kemudahan trak pengangkutan melebihi 500 buah trak termasuk lori tangki, trak kargo, treler tirai tepi dan memiliki empat (4) gudang yang terletak di Shah Alam, Pasir Gudang, Kuantan dan Pakistan.

Catatan: Semua angka pengeluaran dan operasi berdasarkan purata tahunan

100% Pensijilan MSPO & 49% Pensijilan RSPO

- > 12,000 Ha perladangan sawit bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan
- **Pemenang Anugerah** dalam menghasilkan material biji benih cambah Yangambi menguasai 38% pasaran
- Pengeluar Baja Kompaun > 700,000 MT



>500

Trak dan Kargo

15

Hub Pengangkutan termasuk ibu pejabat

4

Gudang

Logistik & Lain-lain (LO)





Perihal Perniagaan Kami

Kami terus berusaha demi kemajuan. Amalan terbaik dijadikan panduan bagi penciptaan nilai yang mampan. Dengan tadbir urus yang kukuh dan efektif serta pengurusan kewangan yang cekap, kami terus menyediakan strategi secara objektif dan telus bagi mendukung kepentingan untuk pihak berkepentingan.

FGV berjaya memulihkan keyakinan, meningkatkan keupayaan dan menerapkan integriti. Kami berazam untuk berada di luar keselesaan dari segi kemampuan dalam penciptaan nilai yang mampan untuk pihak berkepentingan. Kami bersedia untuk membuat keputusan yang lebih baik, menjalankan tugas dengan lebih efisien dan menyediakan ruang untuk tenaga kerja kami terus maju.

VISI KAMI

Berusaha menjadi antara **Peneraju Perniagaan Tani Bersepadu** dan **Lestari** di **Dunia** yang **Memberikan Pulangan Nilai** kepada para pelanggan dan pihak berkepentingan

MISI KAMI

Berusaha menjadi **Peneraju Dunia** dengan:

- Penciptaan Nilai menerusi Modal Insan
- Membina Kelebihan Rantaian Nilai Bersepadu
- Mendukung Keperluan Tadbir Urus dan Pematuhan
- Memupuk Kepelbagaian Komoditi dan Geografi

NILAI ORGANISASI KAMI

P

KERJASAMA

Penyelesaian dan idea terbaik terhasil daripada kerjasama dengan rakan petugas (dalaman) dan rakan perniagaan (luaran).

R

HORMAT

Kejayaan dan pencapaian yang berterusan hanya dapat diperoleh dengan menghormati individu lain (rakan petugas, rakan industri dan rakan niaga) serta persekitaran yang menjadi sumber utama perniagaan kami.

I

INTEGRITI

Integriti melibatkan kepercayaan, kejujuran dan keikhlasan. Dalam konteks kami, integriti bermaksud penggalasan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban atas tindakan dan tingkah laku sendiri. Setiap petugas bertanggungjawab terhadap kejayaan dan reputasi perniagaan Kumpulan.

D

DINAMISME

Kami berusaha untuk menemu, mencipta idea dan mengenal pasti potensi pertumbuhan daripada peluang baharu dan melangkaui batas tradisi, demi kebaikan pihak berkepentingan dan masyarakat.

E

SEMANGAT

Kami berusaha untuk meneraju dan bekerja dengan penuh semangat. Kami bersemangat dalam apa jua yang dilakukan, komited terhadap pertumbuhan dan masa hadapan perniagaan tani kami, pada masa yang sama, memperluas pembangunan lestari ke seluruh dunia.

Perihal Perniagaan Kami

Kehadiran Utama Kami

MALAYSIA



11 SARAWAK

- 10 ladang
- 2 kilang sawit
- 1 sub-depoh pengangkutan

12 SABAH

- 75 ladang
- 11 kilang sawit
- 2 kilang penapisan minyak sawit
- 2 terminal simpanan pukal
- 1 kilang pemprosesan baja
- 1 pusat pembangunan dan penyelidikan
- 1 kilang pemecahan isirung sawit
- 1 depoh pengangkutan
- 1 sub-depoh pengangkutan
- 1 operasi jeti
- 1 kilang janakuasa elektrik
- 1 unit biak baka

**KEHADIRAN GLOBAL**

FGV beroperasi di **9 negara** di seluruh **Asia, Timur Tengah, Amerika Utara dan Eropah.**

**AMERIKA SYARIKAT**

- 1 kilang oleokimia

**SEPANYOL**

- 1 pejabat pemasaran dan perdagangan*

**PERANCIS**

- 1 pejabat pemasaran dan perdagangan*

**TURKI**

- 1 kilang penapisan minyak sayuran*

**KEMBOJA**

- 1 fasiliti pemprosesan getah

**THAILAND**

- 1 fasiliti pemprosesan getah

**PAKISTAN**

- 1 kompleks penapisan*
- 2 terminal pukal**
- 1 pejabat pemasaran dan perdagangan*
- 1 operasi jeti
- 1 gudang

**INDONESIA**

- 5 ladang
- 1 fasiliti pemprosesan getah
- 1 terminal pukal

* Usaha Sama

** Satu dari dua terminal pukal dalam bentuk usaha sama

Perihal Perniagaan Kami

Jenama Kami

FGV mempunyai portfolio produk dan perkhidmatan yang terkenal termasuklah beberapa jenama yang telah diiktiraf melalui pelbagai anugerah. Ini melambangkan kekuatan FGV dalam perniagaan agri di pasaran.

MAKANAN



BUKAN MAKANAN



PERKHIDMATAN



Butiran Korporat Kami

sehingga 19 Mac 2021

LEMBAGA PENGARAH

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid

Pengerusi

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Yusli Mohamed Yusoff

Timbalan Pengerusi

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Ditukarkan jawatan pada 2 Mac 2020)

Dato' Amiruddin Abdul Satar

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik pada 26 Oktober 2020)

Datuk Mohd Anwar Yahya

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dr. Mohamed Nazeeb P. Alithambi

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datin Hoi Lai Ping

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dr. Zunika Mohamed

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik pada 10 Februari 2020)

Dato' Shahrol Anuwar Sarman

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

(Dilantik pada 17 November 2020)

Dr. Nesadurai Kalanithi

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Dr. Noor Zari Hamat

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

(Tamat khidmat sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 22 Januari 2020)

Dato' Dr. Othman Haji Omar

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

(Meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 26 Oktober 2020)

Mohd Hassan Ahmad

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

(Meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 31 Oktober 2020)

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Dato' Haris Fadzilah Hassan

SETIAUSAHA SYARIKAT

Koo Shuang Yen

(MIA 7556)

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 21, Wisma FGV

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel : +603 2789 0000

Faks : +603 2789 0001

Laman Web : www.fgvholdings.com

PERHUBUNGAN PELABUR DAN PERTANYAAN

Fairul Nizam Che Rus

Ketua Perhubungan Pelabur

Aras 20, Wisma FGV

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel : +603 2789 0000

E-mel : fgv.investors@fgvholdings.com

PLATFORM BAGI PEMEGANG SAHAM DAN PIHAK BERKEPENTINGAN MENYUARAKAN PENDAPAT

Dato' Yusli Mohamed Yusoff

(Timbalan Pengerusi, memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Kanan Bebas)

E-mel : sid@fgvholdings.com

PENDAFTAR SAHAM

Boardroom Share Registrars Sdn. Bhd.

Nombor Pendaftaran: 199601006647 (378993-D)

Aras 11, Menara Symphony

No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim

Seksyen 13

46200 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel

Meja Bantuan : +603 7890 4700

Faks : +603 7890 4670

Laman Web : www.boardroomlimited.com

E-mail : bsr.helpdesk@boardroomlimited.com

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT

(LLP0014401-LCA & AF 1146)

Akauntan Berkanun

Aras 10, 1 Sentral, Jalan Rakyat

Kuala Lumpur Sentral

P.O. Box 10192

50706 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel : +603 2173 1188

Faks : +603 2173 1288

Laman Web : www.pwc.com/my

Penyenaraian Pasaran Saham

Disenaraikan di papan utama
Bursa Malaysia Securities Berhad


Tarikh penyenaraian : 28 June 2012

Nama Saham : FGV

Kod Saham : 5222

Sektor Saham : Perlindungan


 @fgvholdings

 FGV Holdings Berhad

 @fgvholdings

 FGV Holdings Berhad

Struktur Kumpulan Kami




Subsidiari □

Usaha Sama ■

Nota:

Untuk senarai keseluruhan entiti, sila rujuk pada Penyata Kewangan
Diaudit 2020 FGV yang boleh didapati dalam laman web kami, www.fgvholdings.com

Struktur Organisasi Kumpulan Kami




Pencapaian Kami



Pencapaian Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)

Dianugerahkan oleh
Perbadanan Produktiviti
Malaysia

*Kilang Sawit Maokil,
Kilang Sawit Besout,
Ladang Tembangau 6,
Ladang Maokil 7,
Kilang Sawit Embara Budi
dan Kilang Getah Palong 8*



Anugerah Presiden IKM 2020 bahagian Makmal Korporat

Malam Kimia 2020



Anugerah 'New Reseller' 2019

Dianugerahkan oleh
Internet NOW




Rakan Kongsi GLC Terbaik

Anugerah Komersial ACER
Malaysia 2019



Tenaga Boleh Diperbaharui (kategori kogenerasi)

Anugerah Tenaga
Kebangsaan (NEA)
2020



Anugerah Kecemerlangan Makmal IKM

Malam Kimia 2020

Majlis Anugerah MSOSH OSH 2020 ke-38

Emas Kelas I
Ladang Sawit Palong 18, FGVPM

Emas Kelas II
*Ladang Sawit Krau 04,
Ladang Sawit Aping Selatan,
Ladang Sawit Setiu 01,
FGVPM, Unit Biak Baka Sabah,
FGV R&D, Stesen Penyelidikan Sahabat 17
dan FGVAS*

Anugerah Perak
Ladang Sawit Aring 03, FGVPM

Pingat Perak, Anugerah Pelaporan Tahunan Dalam Kategori Bahasa Malaysia

Anugerah Laporan Korporat
Tahunan Kebangsaan (NACRA)
2020



Sorotan Peristiwa Utama 2020



10 & 11 JANUARI



Persidangan Minyak Makan Pakistan (PEOC 2020)

FGV merupakan Penaja Platinum bagi Persidangan Minyak Makan Pakistan 2020 ke-5. Hubungan baik Malaysia-Pakistan terjalin melalui usaha sama dengan rakan kongsi Kumpulan Westbury, Pakistan. Persidangan ini merupakan salah satu acara strategik untuk mengembang dan mengukuhkan perniagaan FGV di Pakistan.



19 JANUARI



Larian FGV @ KL Pagi Hari Bebas Kenderaan

Beratus petugas di Wisma FGV bersama-sama keluarga telah menyertai "Fun Run" bagi menggalakkan gaya hidup sihat seperti berbasikal, berlari dan berjalan sempena KL Pagi Hari Bebas Kenderaan.



21 JANUARI



Program FGV Kembali ke Sekolah

Serahan zakat kepada 75 murid asnaf di SK Lelaki Jalan Batu, Kuala Lumpur termasuk murid-murid Program Integrasi Pendidikan Istimewa. Sebahagian wang zakat ini juga telah digunakan bagi menaik taraf kawasan perhimpunan. Ini merupakan salah satu program komuniti di sekolah yang terletak di Jalan Raja Laut dan berhadapan Wisma FGV.



21 JANUARI



Pelancaran Perkhidmatan Pengurusan Desktop untuk Pos Malaysia oleh FGV Prodata

FGV Prodata Services Sdn. Bhd. telah meraih kontrak bagi pemeriksaan dan pengurusan aset Pos Malaysia di seluruh Malaysia.



31 JANUARI



FGV Menghargai Tenaga Kerja Migran

FGV telah memberikan pakej umrah kepada dua (2) tenaga kerja migran Indonesia sebagai tanda penghargaan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka bersama FGV.



Korporat



Tanggungjawab Korporat



13 FEBRUARI



Hari R&D FGV

R&D FGV telah mengadakan pameran selama dua (2) hari di Wisma FGV bagi mempamerkan 50 tahun kepakaran dan kebolehan dalam industri minyak sawit termasuk kemajuan dalam tanaman strategik.



14 FEBRUARI



FGV Teroka Sumber Pendapatan Baharu

FGV membeli 60% kepentingan ekuiti dalam RedAgri Farm Sdn. Bhd. bernilai RM10 juta dalam langkah Kumpulan meneroka perniagaan perladangan tenusu dan pemprosesan susu segar. Pengambilalihan RedAgri yang memiliki jenama produk tenusu Bright Cow membolehkan FGV mewujudkan lebih nilai daripada sumber sedia ada dan meneroka sinergi dalam kalangan ekonomi kitaran berasaskan sawit.



17 FEBRUARI



Malam Anugerah FGV dan Suara Emas FGV

Malam Anugerah FGV dihadiri hampir 1,000 petugas seluruh negara mewakili semua cabang perniagaan Kumpulan. Bertemakan "Let Us Celebrate You" majlis ini juga dihadiri oleh Pengerusi iaitu Datuk Wira Azhar Abdul Hamid dan beberapa ahli Lembaga Pengarah. Malam Anugerah ini juga dimeriahkan dengan Acara Suara Emas FGV dengan penyertaan para petugas dari seluruh Malaysia.



20 FEBRUARI



Majlis Pelancaran Program Biodiesel B20 bagi Sektor Pengangkutan

Kerajaan telah melaksanakan Program Biodiesel B20 secara berfasa di seluruh Malaysia bermula di Langkawi, Sarawak dan Sabah pada 2020 dan di Semenanjung Malaysia bermula Jun 2021. Pada 2019, FGV secara langsung telah terlibat dalam ujian biodiesel bersama MPOB selama enam (6) bulan menggunakan tiga (3) kenderaan milik FGV Transport Services Sdn. Bhd. Ini merupakan komitmen FGV dalam mendukung inisiatif kerajaan melaksanakan program biodiesel bagi sektor pengangkutan.



3 MAC



FGV Menerima Status 'ACCA Certified Employer'

Pencapaian 'Approved Employer' melambangkan sokongan yang diberikan kepada akauntan berkemahiran di dalam Kumpulan bagi keperluan mereka dalam Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) sekaligus mempamerkan program pembangunan pekerja secara latihan dalaman FGV setaraf dengan Amalan Terbaik Perakaunan Antarabangsa.

Sorotan Peristiwa Utama 2020



18 MAC



Penghantaran Ketiga Yangambi ML161 ke India

FGV Agri Services Sdn. Bhd. telah berjaya buat kali ketiga menghantar biji benih Yangambi ke India.



21 MAC



Tenaga Kerja FGV Menyelamatkan Gajah yang Terperangkap di Ladang Sahabat 50, Sabah

Empat (4) gajah yang terperangkap semalaman di kolam Ladang Sahabat 50 Lahad Datu, Sabah telah berjaya diselamatkan oleh beberapa tenaga kerja dan petugas FGV. Para tenaga kerja dan petugas FGV telah berusaha selama dua (2) jam untuk merendahkan sisi kolam bagi membolehkan gajah tersebut melepaskan diri dengan selamat ke dalam hutan yang berhampiran. Kehadiran para tenaga kerja dan petugas FGV kami yang bertugas ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berjaya membolehkan kerja menyelamatkan dilakukan dengan pantas tanpa bantuan daripada pihak luar.



MAC- APRIL



FGV Berjaya Mengagihkan 13,000 Beg Bantuan Makanan

Atas dasar kemanusiaan dan tanggungjawab sosial, FGV telah mengambil inisiatif bagi menyediakan bantuan kepada golongan B40 dan komuniti yang tidak berkemampuan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melalui FGV Food Relief Bag (FGV FReB).

9 APRIL



Malaysian Palm Oil Association



Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA)

FGV telah menyumbangkan wang tunai kepada Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) bagi membeli peralatan dan bekalan perubatan bagi membendung penyebaran COVID-19.



APRIL



FGV Prodata Tulang Belakang kepada Sistem LHDN Malaysia

FGV Prodata Sdn. Bhd. telah diberi kepercayaan untuk membangun dan mengawal-selia Sistem Khidmat Pelanggan serta Sistem Maklumat Pelanggan bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN). Sistem ini telah beroperasi hampir setahun di Bangi, Selangor dan juga di Akademi Percukaian Malaysia (APM) di Kuching, Sarawak.



22 APRIL



FGV Menyumbang Pulangan Zakat kepada PPZ-MAIWP dan MAIPk

FGV menyerahkan pulangan zakat kepada Tabung Zakat Wakalah, Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) untuk disalurkan kepada Tabung PPZ Musa'adah Khaira bagi membantu keluarga B40, peniaga, peniaga kecil dan pekerja harian termasuk individu yang terjejas pendapatan akibat daripada pandemik COVID-19. FGV juga telah menyumbangkan zakat wakalah untuk disalurkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) berjumlah RM26,434.75 yang merupakan sebahagian daripada zakat perniagaan yang dibayar pada 2019. Jumlah ini akan disalurkan kepada tabung kecemasan MAIPk bagi membantu hospital kerajaan dan klinik di Perak untuk menangani pandemik COVID-19.



Korporat



Tanggungjawab Korporat



24 APRIL - 30 MEI



Kongsi Rezeki Seikhlas Hati

Kongsi Rezeki Seikhlas Hati adalah kempen untuk membina kesedaran FGV sebagai badan prihatin yang sentiasa membantu mereka yang memerlukan ketika pandemik COVID-19.



19 JUN



Mesyuarat Agung Tahunan FGV 2020 Secara Maya buat kali pertama

Para pemegang saham telah meluluskan semua resolusi ketika Mesyuarat Agung Tahunan FGV Ke-12. Pengerusi FGV, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid turut mengumumkan bahawa ahli Lembaga Pengarah sebulat suara bersetuju mengurangkan yuran sebanyak 20 peratus berkuatkuasa Julai 2020 sehingga Disember 2020. Sebagai tambahan, pengurusan kanan juga bersetuju untuk mengurangkan 20 peratus elaun kereta mulai Julai 2020 sehingga Disember 2020 dan potongan 6.67% bagi gaji pokok berikutan dua (2) hari cuti tanpa gaji mandatori mulai Julai 2020 sehingga Disember 2020.

MEI – NOVEMBER



Kotak Harapan

Program ini untuk membantu jenama FGV mengekalkan perniagaannya dan sekaligus menyumbang kepada keluarga B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19.



23 JUN



FGV Menyokong Barisan Hadapan Sabah untuk Melawan COVID-19

FGV Plantations (Malaysia) Sdn. Bhd. (FGVPM) dan FGV Palm Industries Sdn. Bhd. (FGVPI) telah tampil untuk membantu barisan hadapan Sabah bagi mengawal penularan pandemik COVID-19 dengan menghulurkan bantuan kewangan kepada beberapa agensi kerajaan dan komuniti setempat. Keutamaan bantuan ini bagi membeli peralatan perlindungan diri (PPE) kepada barisan hadapan di Jabatan Kesihatan Lahad Datu, agensi kerajaan Lahad Datu termasuk Pejabat Polis Daerah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Majlis Perbandaran.



Program #mySPACE4Change

Bagi meningkatkan kesedaran tentang Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), Global Compact Network Malaysia (GCMY), rangkaian tempatan untuk Global Compact PBB telah melancarkan program #mySPACE4Change dalam usaha mendidik rakyat Malaysia tentang isu-isu kelestarian yang memberi kesan terhadap negara. Sebagai syarikat yang mendukung isu-isu kelestarian, FGV berbangga menjadi salah satu syarikat perintis untuk program #mySPACE4Change ini yang turut dipromosi di laman web korporat, media sosial rasmi serta di portal intranet FGV.



3 JULAI



Bantuan FGV dalam Misi Menyelamat Gajah Borneo di Sabah bersama Pembiayaan Kos Rawatannya

Susulan misi menyelamatkan anak Gajah Borneo oleh tenaga kerja perladangan di Sahabat 54 berdekatan sempadan Hutan Simpan Tabin pada April 2020, FGV bersetuju untuk memberi bantuan kepada Jabatan Hidupan Liar Sabah (SWD) dengan membiayai kos rawatan dan penjagaan mencecah RM16,000.00 bagi tiga (3) hingga enam (6) bulan tempoh program gajah angkat bergantung kepada status pemulihan 'Sahabat' dan kesediaannya untuk dilepaskan kembali ke habitat asal. Anak gajah Borneo berusia dua (2) tahun yang dinamakan 'Sahabat' itu dijumpai berkeliaran di kawasan perladangan oleh tenaga kerja FGV.



10 JULAI

Sorotan Peristiwa Utama 2020



Majlis Menandatangani Perjanjian di antara FGV dan ISP Management Sdn. Bhd.

Melalui subsidiari FGV, FGV Plantation (M) Sdn. Bhd. (FGVPM) dan ISP Management Sdn. Bhd. telah menandatangani Memorandum Kerjasama bagi meneroka usaha sama dalam menyediakan latihan kepada pengurus, penolong pengurus dan penyelia ladang bagi meningkatkan pengetahuan dan kebolehan dalam operasi di ladang sawit.



Sesi Pertemuan Townhall bersama GCEO Secara Maya

Sesi Townhall bersama GCEO secara maya ini merupakan peristiwa yang bersejarah kerana ia adalah sesi kali pertama yang ditonton di lebih 282 kawasan di seluruh Malaysia termasuk juga di Indonesia dan Amerika Syarikat.



FGV Hulus RM5 juta setahun bagi Program Tanggungjawab Sosial

FGV menyerahkan RM5 juta setahun kepada Yayasan Felda (YF) sebagai salah satu usaha tanggungjawab sosial Kumpulan. Sebahagian daripada peruntukan tahunan ini telah diserahkan kepada Pusat Hemodialisis FELDA yang dikelolakan oleh YF. Pusat ini menyediakan rawatan dialisis buah pinggang bagi kumpulan B40 termasuk pesakit yang tidak mempunyai tajaan atau perlindungan insurans.



Pelepasan Beruang Matahari

Sempena Hari Kebangsaan Malaysia yang Ke-63, FGV merayakan 'kemerdekaan' dua (2) ekor Beruang Matahari yang berjaya dilepaskan ke habitat asalnya di Taman Negara, Tasik Kenyir. Diketuai oleh Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia, acara ini ditaja oleh FGV. Kedua-dua ekor Beruang Matahari tersebut telah diselamatkan dan melalui proses rehabilitasi selama dua (2) tahun di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan di bawah Program Pemuliharaan Beruang Matahari (SBCP) FGV.



Kelab Sukan FGV (KSFGV) mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) pertama

Penubuhan kelab sukan ini adalah untuk menggalakan penyertaan aktif petugas FGV dalam sukan dan aktiviti rekreasi seiring dengan nilai organisasi iaitu PRIDE. MAT ini telah dihadiri seramai 110 ahli yang juga mengundi untuk jawatankuasa KSFGV dan memilih logo kelab.



Lawatan Pengurusan Kanan ke Loji Janakuasa 2MW Biogas Triang

Pada 1 Oktober 2020, tiga (3) pengurusan kanan FGV iaitu Dato' Haris Fadzilah Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Dato' Najmuddin Abdullah, Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan telah melawat Kilang Sawit Triang milik FGV Palm Industries Sdn. Bhd. di Pahang. Objektif lawatan ini adalah untuk memahami dengan lebih jelas tentang inisiatif tenaga boleh diperbaharui terutama dalam aktiviti biogas sebagai penjana elektrik Feed-In-Tariff (FIT) yang dihasilkan daripada sisa kilang sawit dan bagaimana penggunaannya secara menyeluruh dapat memanfaatkan populasi persekitaran selain meningkatkan pendapatan tambahan Kumpulan.



Persidangan Halal Sedunia 2020 secara Webinar

Ketidaktentuan akibat daripada pandemik COVID-19 telah menyebabkan gangguan luar kawalan dalam rantaian bekalan makanan halal. Pengurus Besar Kanan, Encik Farhan Hafetz daripada Delima Oil Products Sdn. Bhd. iaitu subsidiari FGV berkongsi pandangan ketika berlangsungnya Persidangan Halal Sedunia 2020 secara webinar tentang cara memastikan rantaian makanan halal terus dibekalkan.





Korporat



Tanggungjawab Korporat



19 OKTOBER



Mesyuarat bersama MPIC

Lawatan hormat ke Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan, Dato' Najmuddin Abdullah, Ketua Pegawai Strategi Kumpulan, Salman Ghazali dan Ketua Kelestarian Kumpulan, Nurul Hasanah Ahamed Hassain Malim bagi bertukar pandangan dan berbincang mengenai isu-isu dan cabaran berkaitan sektor minyak sawit negara. FGV juga telah memberi komitmen terkini Kumpulan dan langkah-langkah yang diambil bagi menangani Perintah Pelepasan Tahan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan AS (US Custom WRO).



25 NOVEMBER



FGV Memenangi Anugerah Tenaga Boleh Diperbaharui bagi Tiga (3) Tahun Berturut-turut di Anugerah Tenaga Nasional 2020

FGV Palm Industries Sdn. Bhd. (FGVPI) telah memenangi Anugerah Tenaga Nasional 2020 bagi kategori Tenaga Boleh Diperbaharui (*cogeneration*) bagi tiga (3) tahun berturut-turut semenjak 2018. Projek yang dianugerahkan ini adalah Loji Janakuasa Biomass Cogeneration FGVPI yang mengguna pakai buah tandan sawit kosong serta produk sampingan sisa sawit bagi menghasilkan wap dan elektrik. Loji Janakuasa Biomass ini terletak di ladang Kompleks Sahabat FGV, Lahad Datu, Sabah. Anugerah ini sebagai bukti kepada komitmen berterusan FGV dalam dasar tenaga boleh diperbaharui dan menyokong agenda negara ke arah kelestarian masa hadapan.



28 OKTOBER



Anugerah MSOSH OSH 2020

Anugerah tahunan disampaikan kepada organisasi Malaysia yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Emas Kelas 1: Ladang Sawit Palong 18, FGVPM

Emas Kelas 2: Ladang Sawit Krau 04, Ladang Sawit Aping Selatan, Ladang Sawit Setiu 01, FGVPM, Unit Biak Baka, Sabah, FGV R&D, Stesyen Penyelidikan Sahabat 17, FGVAS

Anugerah Perak- Ladang Sawit Aring 03, FGVPM



DISEMBER



Kilang Sawit Embara Budi Mendapat Pengiktirafan Tertinggi Bertaraf Tiga (3) Bintang bagi Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)

Kilang Sawit Embara Budi, Lahad Datu, Sabah telah mencapai taraf tiga (3) bintang bagi Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Ini merupakan pencapaian tertinggi pernah direkodkan oleh kilang sawit di Malaysia.



23 DISEMBER



Kilang Getah Palong 8 Mendapat Pengiktirafan Dua (2) Bintang bagi Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)

Kilang Getah FGV Palong 8, Negeri Sembilan telah dianugerahkan Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) dengan markah 78.8%. Pencapaian luar biasa ini amat membanggakan FGV kerana ia merupakan kilang getah pertama di Malaysia yang dianugerahkan pensijilan ini.

Berita Mengenai FGV



FGV Mencapai 100% Pensijilan MPSO



FGV mulakan kehadiran langsung dalam pasaran makanan serta Agro India



Harga MSM tinggi membolehkan FGV catat untung bersih suku kedua sebanyak RM20.55 juta



Subsidiari FGV menang projek SKMM



FGV bangun Lembah Makanan Agro di Chuping, Perlis – Pembangunan sinergi di tanah MSM



FGV perintis bayaran gaji tanpa tunai untuk tenaga kerja ladang



13,000 beg bantuan makanan FGV (FGV FReB) berjaya diagihkan



FGV perkenal Konsep Model Perladangan bagi transformasi operasi ladang dan kilang sawitnya.



FGV perkenalkan produk SAJI terbaharu



FGV umum pelan tindakan bagi pertingkatkan amalan tenaga kerja ladang



Aset baharu perkukuh perniagaan logistik FGV



FGV Prodata menang kontrak selenggara perkakasan ICT MINDEF



Kenyataan komitmen FGV kepada Hak Asasi Manusia



Pusat Pembelajaran Komuniti: Komitmen FGV menghargai Hak Kanak-Kanak dan Hak Pembelajaran



FGV mengorak langkah dalam ekosistem e-dagang hujung ke hujung bersama GOGOPASAR



FGV perluas perniagaan getah ke Eropah dan Amerika Utara



Loji janakuasa tenaga diperbaharui biogas FGV bekalkan elektrik kepada 15,000 rumah



28,000 tenaga kerja asing FGV menikmati pelbagai manfaat kesihatan pekerja ladang



FGV labur RM350 juta bagi rumah tenaga kerja ladang



FGV sasar 100% kebolehesan tandan buah segar pada suku keempat 2021



FGV Transport menerima pensijilan logistik halal



FGV umum tambah 35,600 MT tangki penyimpanan bagi memenuhi permintaan pasaran



FGV bayar RM1.63 juta zakat perniagaan kepada PPZ-MAIWP







Sorotan 5 Tahun

Pencapaian Kewangan

| | 2020 | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 |
|--|---------------|--------|---------|--------|--------|
| Keputusan Operasi (RM Juta) | | | | | |
| Hasil | 14,076 | 13,259 | 13,464 | 16,939 | 17,241 |
| Keuntungan/(kerugian) operasi | 445 | (194) | (815) | 485 | 377 |
| Keuntungan/(kerugian) sebelum zakat dan cukai | 346 | (339) | (1,025) | 403 | 260 |
| Keuntungan/(kerugian) boleh diagih kepada Pemilik Syarikat | 146 | (246) | (1,081) | 131 | 31 |
| Data Utama Kedudukan Kewangan (RM Juta) | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 7,810 | 8,190 | 8,501 | 8,392 | 10,074 |
| Jumlah aset | 17,180 | 17,702 | 18,992 | 20,833 | 21,092 |
| Jumlah pinjaman | 4,293 | 4,907 | 5,403 | 5,498 | 5,580 |
| Jumlah liabiliti | 11,079 | 11,601 | 12,388 | 13,002 | 12,871 |
| Ekuiti pemegang saham | 4,262 | 4,173 | 4,465 | 5,577 | 6,118 |
| Maklumat Saham | | | | | |
| Perolehan sesaham (sen) | 4.0 | (6.7) | (29.6) | 3.6 | 0.9 |
| Dividen sesaham (sen) | 3.0 | 2.0 | Nil | 5.0 | 1.0 |
| Aset bersih sesaham (RM) | 1.17 | 1.14 | 1.22 | 1.53 | 1.59 |
| Harga sesaham pada tarikh pelaporan (RM) | 1.28 | 1.52 | 0.71 | 1.69 | 1.55 |

Nota:

Sorotan Kewangan tahun-tahun sebelumnya berdasarkan jumlah dinyatakan semula selaras dengan perubahan dasar perakaunan dan aplikasi MFRS terbaharu.

HASIL
(RM Bilion)**KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI DAN
KEPENTINGAN MINORITI**
(RM Juta)**PEROLEHAN SESAHAM**
(Sen)**PULANGAN DANA PEMEGANG SAHAM**
(%)**ASET BERSIH SESAHAM**
(RM)**DIVIDEN SESAHAM**
(Sen)**Nota:**

Sorotan Kewangan tahun-tahun sebelumnya berdasarkan jumlah dinyatakan semula selaras dengan perubahan dasar perakaunan dan aplikasi MFRS terbaharu.

BAHAGIAN 2

PENYATA DAN PERBINCANGAN

KEPIMPINAN KAMI

- 28 Catatan Pengerusi
- 34 Wawancara Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
- 48 Ulasan Kewangan Kumpulan
- 58 Ulasan Strategi & Pelan Perniagaan Kumpulan
- 64 Ulasan Perniagaan Kumpulan





Catatan Pengerusi

LEMBAGA PENGARAH TELAH MELAKUKAN KEPUTUSAN STRATEGIK SUPAYA HALA TUJU FGV MENJADI LEBIH TERBUKA DAN CERAH.

oleh
DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
Pengerusi

Para Pihak Berkepentingan, Tahun 2020 merupakan tahun pandemik COVID-19 membawa bencana dan seluruh dunia terpaksa melakukan pelbagai sekatan dan ianya memberi kesan kepada ekonomi. Strategi dan perancangan syarikat dan juga negara terpaksa ditukar atau ditangguhkan.

Sasaran diubah, harapan terpaksa dipertimbangkan dan unjuran dilihat semula. Kita terpaksa menerap di minda tentang norma baharu iaitu bekerja dari rumah, penjarakan fizikal dan kurangnya interaksi secara fizikal di antara manusia.

Meskipun suasana luaran dan kesannya tidak dapat dielakkan, FGV Holdings Berhad tidak boleh bergerak secara perlahan atau mengambil pendekatan berhati-hati. Kami harus mempamerkan kemajuan bagi menzahirkan komitmen yang dijanjikan pada tahun 2018.

Saya dengan sukacitanya memaklumkan meskipun terdapat pelbagai halangan dalam tempoh dua tahun sebelum ini dan dengan pandemik COVID-19 yang masih berterusan, transformasi pengoperasian yang disasarkan telah jelas membuahkan hasil.

Syukur, sektor perladangan dan komoditi di Malaysia digolongkan oleh kerajaan sebagai perkhidmatan perlu (*essential service*) dan operasi kami terus berjalan dengan halangan yang minima ketika Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 sehingga Mei 2020. Pasukan

petugas khas COVID-19 FGV terus memantau pengoperasian kami bagi memastikan keselamatan para petugas serta tenaga kerja tidak dikompromi dalam apa jua situasi sekalipun.

Apabila kerajaan mengumumkan Lahad Datu sebagai zon merah pada bulan April, FGV telah mengambil langkah pencegahan dengan menutup lima kilang sawit di kawasan itu selama dua minggu. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga telah memberi kesan kepada produktiviti pengoperasian Perladangan, Logistik & Lain-lain dan juga Perniagaan Gula tetapi itulah langkah dan tanggungjawab yang perlu dilakukan. Kami juga terpaksa akur dengan penurunan permintaan terhadap produk kesan daripada kelemahan permintaan domestik termasuklah sekatan dan penutupan pelabuhan terutamanya di pasaran utama eksport kami.

Hanya yang menarik perhatian adalah trend kenaikan harga minyak sawit mentah (CPO) yang berjaya menembusi RM2,200 MT setelah berada di antara RM1,800-RM2,200 pada 2018 dan 2019.



Proses transformasi
pengoperasian
menghasilkan
pencapaian yang
membanggakan.
Kumpulan ini
berjaya menzahirkan
peningkatan dan
komitmen seperti
diharapkan.

Catatan Pengerusi

**“KUMPULAN BERJAYA
MENCATATKAN JUMLAH
HASIL RM14.08 BILION
DAN PEROLEHAN
SEBANYAK 4 SEN
SESAHAM. BAYARAN
DIVIDEN SEBANYAK
3 SEN SESAHAM
TURUT DIUMUMKAN”**

LIBAT URUS DAN PERANAN LEMBAGA PENGARAH SECARA KOLEKTIF

Ahli Lembaga Pengarah kini mempunyai lima (5) pengarah bebas yang berpengalaman dalam pelbagai bidang termasuk empat (4) pengarah bukan bebas yang bersama-sama memberi panduan dan sokongan kepada pihak pengurusan. Ini menunjukkan libat urus ahli Lembaga Pengarah yang sentiasa berbincang di kalangan mereka bersama pihak pengurusan kanan melalui pelbagai medium atas talian ketika tahun COVID-19 melanda. Kami bertukar pendapat dan pandangan serta memberikan kritikan yang membina namun segala keputusan yang dipersetujui adalah berdasarkan fakta and angka. Kami secara kolektif mempunyai satu tujuan di mana segala keputusan mesti dilakukan untuk kepentingan terbaik FGV.

Kami bermatlamat untuk membawa FGV ke arah yang lebih efisien melalui perniagaan yang bertanggungjawab dan sebagai syarikat senarai awam yang berprestij tinggi yang memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

Pada tahun ini juga, kami mengalu-alukan tiga (3) ahli Panel Penasihat Bebas (IAP) yang ditubuhkan menjelang akhir 2019. Panel ini dibarisi oleh nama-nama besar dalam kelestarian, alam sekitar dan perniagaan. IAP ini menjadi landasan terbaik dalam memberi pandangan berbeza kepada Lembaga Pengarah berkaitan objektif dan pelaksanaan terutama berkaitan kelestarian.

IAP ini memberi pandangan melalui perspektif luar yang begitu berharga kepada syarikat yang mempunyai kehadiran perniagaan di peringkat global. Panel ini berperanan dalam memberi pandangan dan maklum balas yang lebih jelas bagi membolehkan FGV sentiasa berada di landasan yang tepat. Secara peribadi, IAP dijadikan sebagai medium untuk meneliti dan menimbang segala keputusan dan tindakan yang dilakukan di peringkat Lembaga Pengarah melalui perspektif yang berbeza.

Dengan sukacitanya juga, saya ingin memaklumkan bahawa semua siasatan yang diumumkan oleh Lembaga Pengarah pada 2018 telah pun selesai dan Lembaga Pengarah telah mengarahkan tindakan seterusnya diambil. Sebagai bukti, laporan telah difailkan kepada pihak berkuasa berkaitan dua (2) tuntutan kepada bekas pengarah dan pengurusan FGV terdahulu telahpun bermula. Tuntutan ini akan terus berjalan dan akan diumumkan dari masa ke semasa.

Untung Sebelum Zakat dan
Cukai (RM)

>100%

RM

346 Juta

TK2019 (RM339) Juta

Hasil (RM)

6%

RM

14.08 Bil

TK2019 RM13.26 Bilion

PERALIHAN PERANAN DALAM KUMPULAN MAKANAN

Kami terus maju ke hadapan walau apa jua rintangan kesan daripada pandemik dengan menumpukan program transformasi Kumpulan.

Setelah hampir dua (2) tahun masa yang diambil bagi menyelesaikan isu legasi dan melupakan kisah lampau, akhirnya kami berada di penghujungnya. FGV akan terus dipimpin secara berhemah di dalam ruang yang sedia ada bagi membolehkan prestasi perniagaan dan kewangan menjadi lebih mampan dan positif di masa akan datang.

Tahun 2020 ini juga menjadi titik perubahan bagi kami menumpukan kepada kemajuan setelah berjaya memulihkan cabaran di peringkat pengoperasian. Pasti kami berkemampuan dalam membina FGV yang berdiri kukuh tanpa kebergantungan kepada harga minyak sawit mentah (CPO). Kami berpandangan, sebagai syarikat perladangan yang memberi fokus kepada segmen hulu akan membataskan potensi keupayaan syarikat.

Lembaga Pengarah telah melakukan keputusan strategik supaya hala tuju FGV menjadi lebih terbuka dan cerah. Walaupun perniagaan Kumpulan akan terus menjadikan minyak sawit sebagai teras, Lembaga Pengarah secara terperinci memanfaatkan

2020

RM

2,765

Harga CPO Purata Industri



segala sumber yang wajar bagi menjaga nilai yang tinggi dalam sinergi perniagaan yang bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada turun naik harga CPO.

Sebagai bukti, FGV telah memulakan peralihan peranannya sebagai kumpulan makanan yang terlibat dalam seluruh rantai penawaran bermula dari ladang hingga ke makanan. Malaysia membelanjakan sebanyak RM65 bilion bil makanan import dan dengan memberi tumpuan kepada pengganti makanan import, ianya mampu memberi saingan di dalam pasaran domestik sedia ada untuk kami melaksanakannya.

KEMAJUAN SIGNIFIKAN DALAM PERTANIAN BERSEPADU

Kami telah bersetuju untuk mengambil langkah permulaan dengan mengembangkan Perniagaan Pertanian Bersepadu dan Produk Pengguna yang telah wujud di rantaian nilai perniagaan minyak sawit. Di peringkat dalaman, dua (2) perniagaan ini dikembangkan menjadi bahagian perniagaannya tersendiri untuk menambahkan hasil yang ketara bagi FGV di masa hadapan.

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa kami juga telah melakukan kemajuan signifikan dalam Pertanian Bersepadu. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan pelan bersepadu bagi pembangunan Lembah Makanan Agro di Chuping pada Disember 2020. Ini merupakan pembangunan berintegrasi seluas 4,499 hektar dan FGV bakal mengusahakan tanaman kontan yang bernilai tinggi seperti nanas premium MD2, pisang *Cavendish*, mangga harumanis dan juga pembangunan ladang ternakan tenusu.

Selain itu, kemajuan signifikan juga dapat dilihat di India yang merupakan salah satu daripada tiga (3) pasaran utama minyak sawit kami. Pada Mei 2020, kami telah menjalankan usaha sama perniagaan bersama Pre-Unique India Pvt. Ltd. (PreU) yang berpusat di Hyderabad. Usaha sama ini akan menjadi batu loncatan dan secara langsung untuk turut serta bagi pemasaran produk makanan di India terutama di wilayah India selatan.

Pada tahun yang sama juga, kami berjaya menembusi pasaran biji benih sawit India dengan memperolehi kontrak jualan sejuta biji benih premium. Pada 2021, kami telah memasarkan jualan biji benih sebanyak 1.5 juta.



**LEMBAH AGRO
FGV CHUPING**

4,499 Ha

Pembangunan Berintegrasi

Catatan Pengerusi

MEMANFAATKAN KEUPAYAAN SEDIA ADA

Kami juga telah merancang untuk melebarkan perniagaan pelengkap termasuk perniagaan sampingan yang akan memberi manfaat kepada pihak berkepentingan terutama para pekebun kecil yang merupakan rakan kongsi kami. FGV membeli dua per tiga buah tandan segar (BTS) daripada para peneroka FELDA dan juga pekebun-pekebun kecil yang berperanan sebagai bahagian penting dalam rantaian bekalan. Secara tidak langsung, kami menyediakan laluan pasaran dunia kepada para pekebun kecil bagi memastikan mereka menerima bayaran yang berpatutan dan sejajar dengan harga pasaran dunia.

Rantaian ini akan menjadi lebih kukuh apabila kami menyediakan peluang kepada mereka untuk menjadi Petani Agro FGV bagi perusahaan ladang baharu yang berintegrasi.

Strategi dari ladang hingga ke dapur berperanan untuk menerokai pengeluaran makanan di seluruh rantaian nilai. Ini akan memberi hasil yang lebih tinggi dalam kepelbagaian produk berbanding memberi tumpuan kepada pengeluaran hasil hulu. Secara amnya, FGV juga mempunyai Perniagaan Logistik & Lain-lain tetapi ianya harus diperbaharui dengan daya perniagaan untuk menjadi perniagaan yang berorientasikan keuntungan.

Untuk mencapai kejayaan ini, kami telah menyusun semula peranan Ketua Kumpulan bagi Operasi Perladangan dan Logistik & Lain-lain dengan melantik mereka sebagai Pengarah Kumpulan. Matlamat ini bertujuan memberi peranan kepada mereka untuk membuat keputusan dalam membangunkan dan mengembangkan lagi perniagaan sekaligus bertanggungjawab dalam membuat keputusan yang tepat.



PELAKSANAAN PELAN PERNIAGAAN

2020 merupakan tahun kedua bagi Pelan Perniagaan Tiga Tahun yang dikenali sebagai BP21 dan Lembaga Pengarah telah mengenal pasti empat teras strategik untuk dilaksanakan oleh pengurusan Kumpulan. Dengan bermula 'Hentikan Penurunan' pada 2019, pada tahun 2020 ini pula FGV akan memberi tumpuan kepada 'Kekalkan Prestasi'.

Walaupun hala tuju telah dipersetujui, tempoh pelaksanaannya sedikit tersasar daripada perancangan. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti isu legasi yang berterusan sehinggalah budaya kerja yang terbatas. Kurangnya tindakan segera ini telah memberi kesan kepada pelaksanaan yang perlahan, pembaziran masa dan pelbagai kerugian; namun perkara ini boleh difahami memandangkan banyak pertukaran yang berlaku di peringkat kepimpinan semenjak 2019.

MENERAPKAN KELESTARIAN

Sebagai perniagaan bertanggungjawab, kami perlu bergerak ke tahap yang lebih baik untuk penerapan kelestarian dalam cara kami menjalankan operasi syarikat. Di FGV, kami percaya dasar kelestarian dan hak asasi manusia adalah perkara yang sepatutnya menjadi lumrah budaya dan nilai mana-mana syarikat sekalipun.

Meskipun FGV komited sepenuhnya terhadap kelestarian dan hak asasi manusia, namun dalam memastikan segala komitmen dizahirkan secara konkrit kepada amalan di semua peringkat bukanlah mudah apabila beberapa tradisi tertentu tidak selari dengan piawaian hak asasi manusia sepenuhnya yang sudah menjadi kebiasaan dalam industri sejak dahulu lagi.

Walaupun usaha yang intensif sudah dilakukan beberapa tahun yang lalu untuk merapatkan jurang ini, beberapa halangan masih wujud dalam membawa seluruh perniagaan mematuhi keperluan mengikut piawaian antarabangsa.



Saban tahun, kami sentiasa diingatkan tentang cabaran berkaitan penggantungan semula pensijilan RSPO bagi Kompleks Serting FGV, penggantungan langsung bagi proses pensijilan RSPO termasuk Perintah Sekatan Perlepasan (WRO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP) terhadap minyak sawit dan produk sawit yang dikeluarkan oleh FGV termasuk subsidiarinya dan perniagaan usaha sama atas alasan kelemahan amalan buruh kami.

Biarpun ia memberi kesan kepada FGV, kami kekal berazam untuk melakukan langkah yang penting bagi menangani segala isu dan memastikan FGV mematuhi sepenuhnya piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Ini menunjukkan bahawa kami perlu bekerja dengan lebih pantas bagi memastikan perubahan yang bermula dari bawah untuk memberi impak positif kepada tenaga kerja migran dan kami juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Tenaga Kerja Migran yang dipengerusikan oleh saya sendiri.



Jawatankuasa ini telah mengambil kira pendekatan menyeluruh merangkumi pelbagai rancangan termasuk menambahbaik perumahan sedia ada, membina perumahan baharu termasuk bangunan, klinik, sekolah, kedai dan rumah ibadat. Matlamat kami adalah untuk menyediakan kuarters bagi tenaga kerja yang lebih baik daripada piawaian industri.

Sebagai tambahan, kolaborasi bersama *Fair Labor Association (FLA)* menggariskan komitmen kami untuk memperbaiki amalan buruh dengan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk mengukuhkan proses berkaitan dengan pengambilan pekerja migran, meningkatkan mekanisme aduan, memperbaiki sistem penyeliaan dan pemulihan, membangunkan program pembangunan kapasiti dan meningkatkan penglibatan secara berinteraksi bersama pihak berkepentingan.

Sementara pematuhan kepada piawaian perburuhan menjadi perkara utama, kami juga menerapkan kepentingan yang sama terhadap aspek kelestarian yang lain seperti perubahan iklim termasuk perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Inisiatif tenaga boleh diperbaharui dan aktiviti pemuliharaan hidupan liar terus menjadi agenda utama FGV. Semua usaha ini adalah refleksi kepada penyelesaian dan komitmen bagi pengiktirafan dasar kelestarian dan hak asasi manusia antarabangsa yang diisytiharkan oleh Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGPs), Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang relevan dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs). Kami terus meletakkan tenaga dan keupayaan kami bagi memastikan segala komitmen menjadi kenyataan.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah 2020, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan kesyukuran dan setinggi-tinggi penghargaan kerana sokongan yang diterima kami daripada pelbagai pihak berkepentingan yang sentiasa meletakkan kepercayaan kepada FGV sebagai syarikat senarai awam.

Untuk semua pemegang saham, saya berterima kasih di atas kesetiaan dan keteguhan bersama FGV dalam melayari arus yang tidak menentu untuk mengembalikan syarikat yang besar ini kepada asasnya semula. Pengurus kanan dan petugas memainkan peranan dalam hal ini dan saya berterima kasih di atas dedikasi dan komitmen untuk melaksanakan strategi BP21 yang diformulasikan oleh Lembaga Pengarah.

Perniagaan kami bergantung kepada kekuatan dan kestabilan rantai bekalan oleh para pekebun kecil yang merupakan dua per tiga hasil tuaian FGV. Saya ingin berterima kasih kepada para peneroka FELDA dan para pekebun kecil bebas atas sumbangan mereka menjadikan FGV sebagai pengeluar minyak sawit terbesar di dunia.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Menteri-menteri, agensi kerajaan, rakan kongsi, organisasi industri, media dan juga komuniti pelaburan dan kewangan atas panduan dan sokongan yang tidak berbelah bagi.

Saya berkeyakinan FGV mempunyai masa depan yang begitu cerah dan berharap untuk menyaksikan kumpulan ini berjaya mencapai aspirasi dan matlamat dalam fasa kejayaan yang mendatang.

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid
Pengerusi



“

Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran, bagi tahun kewangan berakhir 2020, Kumpulan mencatatkan PBZT sebanyak RM346 juta berbanding LBZT sebanyak RM339 juta pada tahun sebelumnya.

”

Wawancara Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

FGV BEGITU YAKIN DALAM MEREKUT SEGALA PELUANG SERTA MENCAPAI POTENSI KAMI UNTUK MASA HADAPAN

oleh

DATO' HARIS FADZILAH HASSAN

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

PARA PIHAK BERKEPENTINGAN, TAHUN 2020 MERUPAKAN TAHUN YANG MENCABAR KEPADA KITA SEMUA EKORAN PANDEMIK COVID-19. IA MEMBERIKAN PELBAGAI CABARAN KEPADA PERNIAGAAN DAN ISI RUMAH, KEBANYAKANNYA ADALAH PENGGUNA PELBAGAI PRODUK FGV.

Sepanjang tahun ini, permintaan domestik dan antarabangsa kami mengalami penurunan termasuk juga halangan bagi pelbagai aktiviti perniagaan kami. Walaupun di dalam situasi sukar ini, sukacita saya memaklumkan bahawa FGV telah berjaya mencatatkan keuntungan pada tahun ini. Ini didorong oleh harga minyak sawit mentah (CPO) yang tinggi berbanding tahun 2019, sekaligus memberi kejayaan kepada prestasi FGV setelah mengalami kerugian dua (2) tahun berturut-turut sebelum ini.



Bagaimana anda menghuraikan prestasi FGV pada 2020?

FGV berjaya mencatatkan keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, dengan Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai (PBZT) sebanyak RM346 juta berbanding Kerugian Sebelum Zakat dan Cukai (LBZT) sebanyak RM339 juta pada 2019.

Walaupun prestasi suku pertama bagi Tahun Kewangan 2020 (TK2020) agak perlahan disebabkan cuaca kemarau, Perniagaan Perladangan berjaya mencatat keputusan yang kukuh disebabkan oleh peningkatan margin bagi minyak sawit mentah (CPO) dan minyak isirung sawit mentah (CPKO) yang didorong oleh harga CPO yang tinggi. Ia juga dibantu oleh peningkatan hasil daripada pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang tinggi, kos pengeluaran yang rendah dan prestasi kadar perahan minyak (OER) yang lebih baik.

Perniagaan Gula juga menunjukkan prestasi yang baik berbanding tahun sebelumnya. Ia berjaya mencatatkan keputusan yang kukuh pada suku keempat TK2020 yang mencatatkan jumlah jualan yang tinggi, kos penggunaan gula yang rendah termasuk kos penapisan yang lebih baik. Bagaimanapun, keputusan keseluruhan kewangan terjejas disebabkan hapus kira dan rosot nilai pada suku tahun ketiga TK2020. Keseluruhannya, kami berjaya

mengurangkan kerugian sebanyak 89% kepada RM35 juta pada 2020.

Perniagaan Logistik & Lain-lain (LO) pula merekodkan keuntungan yang lebih rendah pada 2020 dengan mencatatkan RM5 juta bagi pengangkutan dan RM72 juta untuk pemukalan. Sepanjang tahun, kadar pengendalian dan pengangkutan juga menurun namun berjaya diimbangi oleh kadar isipadu dan pengendalian kargo cecair yang lebih tinggi.

Kami menjangkakan 2021 bakal mencabar terutamanya dengan kekurangan tenaga kerja migran dan ketidakpastian harga CPO yang pasti memberi kesan kepada Perniagaan Perladangan kami yang menyumbang 82% kepada hasil Kumpulan. Kami juga berharap agar Perniagaan Gula akan terus menunjukkan peningkatan dalam prestasi operasi dan kewangan.

Di tahun 2021, fokus kami tertumpu kepada penciptaan nilai baharu bagi Perniagaan Hiliran. Ini adalah integrasi penting selaras dengan visi kami untuk meletakkan FGV sebagai peneraju perniagaan agri. Sehingga kini, kami kekal berada di landasan bagi melaksanakan strategi dan pelan tindakan untuk merealisasikan aspirasi ini.

Wawancara Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

S²

Apakah kejayaan yang membanggakan setakat ini?

Mengikut Pelan Perniagaan, keutamaan Pengurusan kami adalah untuk memastikan syarikat berada dalam keadaan yang baik. Sukacita saya maklumkan bahawa kami telah mencapai kejayaan di tiga (3) aspek strategik yang penting iaitu tadbir urus, pengoperasian dan budaya syarikat. Kami berpandangan bahawa tiga (3) dimensi ini menjadi asas kepada pengoperasian dan prestasi kewangan yang baik. Selepas kejayaan membentuk asas yang kukuh bagi setiap bahagian ini, FGV akan mempunyai kekuatan dan keyakinan untuk merebut segala peluang yang akan mencipta nilai tambahan termasuk menangani segala risiko secara efektif.



PENERAPAN PIAWAI TADBIR URUS YANG JITU

Pencapaian yang membanggakan bagi FGV ialah ketika merangkul anugerah *World Finance 2020 Corporate Governance* (Malaysia). Pemenang anugerah daripada Malaysia sebelum ini juga adalah nama-nama syarikat besar daripada pelbagai sektor seperti telekomunikasi dan perbankan.

Bagi kami, penghargaan ini merupakan pengiktirafan antarabangsa terhadap usaha kejayaan FGV dalam memperkukuh tadbir urus, hasil kerja keras Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

Pencapaian signifikan yang lain adalah ISO370001:2016 Akreditasi Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) yang diterima pada Disember 2019. Kami juga merupakan syarikat perladangan yang pertama diakreditasikan ABMS ini. Saya begitu berpuas hati kerana akreditasi ABMS ini bukan seperti syarikat lain kerana ianya meliputi keseluruhan skop operasi FGV. Kami merupakan salah satu daripada beberapa syarikat di dalam Bursa Malaysia yang mempunyai rangkaian ABMS dari hujung-ke-hujung.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Anti-Rasuah, kami telah menjalankan pelbagai program latihan dan bengkel untuk memberi mesej kepada para petugas bahawa FGV tidak akan

bertoleransi dengan rasuah serta korupsi. Bagi memastikan sistem ini berjalan lancar, kami juga telah meningkatkan mekanisme pendedahan maklumat (*whistleblowing*). Penggunaan saluran pendedahan maklumat ini juga telah meningkat kerana petugas FGV memanfaatkan saluran ini sekaligus menunjukkan peningkatan kepercayaan dalam membangkitkan isu kepada pihak pengurusan supaya tindakan sewajarnya diambil dan tiada pesalah akan terkecuali.

Tahun ini juga, kami telah melancarkan Pelan Anti-Korupsi FGV iaitu program tiga (3) tahun yang komprehensif bagi memastikan penerapan integrasi yang tinggi dan toleransi sifar kepada budaya rasuah di seluruh FGV. Sebagai tambahan terhadap usaha ini, Ikrar Integriti Atas Talian telah dilaksanakan kepada semua petugas FGV dan lebih 90% telah ditandatangani oleh para petugas kami dengan sewajarnya.

Dalam penglibatan saya bersama komuniti pelaburan, saya dapati aspek tadbir urus korporat serta perkara berkaitan etika dan integriti FGV tidak lagi dipersoalkan. Ini mencerminkan perkembangan yang sangat baik. Persepsi umum juga dilihat positif melalui harga saham FGV yang merupakan syarikat senarai awam. Sewaktu saya menyertai FGV pada Januari 2019, saham FGV bernilai RM0.92 namun pada penghujung akhir 2020, harga saham ini berlegar-legar di antara RM1.27-RM1.30. Apabila FELDA mengumumkan pengambilalihan pada Disember 2020, harga saham ini kekal pada nilai RM1.30.

Saya berpendapat bahawa para pelabur mulai yakin kepada kepimpinan FGV dan FGV sendiri sebagai sebuah syarikat pilihan dalam pelaburan.



KESEGERAAN PEMULIHAN PENGOPERASIAN

Pasukan pengurusan juga telah menyegerakan pemulihan pengoperasian bagi tiga (3) perniagaan teras iaitu Perladangan, Gula dan Logistik & Lain-lain (LO). Ini dapat dilihat apabila kami menerapkan pelbagai inisiatif bagi pemulihan pengoperasian dan keputusan yang telah diperolehi setakat ini adalah seperti di bawah:

PERNIAGAAN PERLADANGAN



Peluasan Konsep Model Perladangan (MPC)

Konsep Model Perladangan (MPC) telah dibangunkan oleh Bahagian Kecemerlangan Operasi semenjak 2019 sebagai sebahagian daripada pamacu penambahbaikan bagi mencapai 'Asas Yang Cemerlang' di dalam Sektor Perladangan melalui pendekatan Model Perintis. Model Perintis berperanan sebagai inkubator dalam melaksanakan pengurusan padu dan amalan terbaik sebelum ianya direplikasi dan dilaksanakan dalam skala yang besar. Konsep ini memfokuskan kepada pendekatan 3S iaitu Pengukuhan (*Strengthen*), Penyeragaman (*Standardise*) dan Pengekalan (*Sustain*) dengan bermatlamat supaya projek ini menjadi asas pengukur kepada produktiviti, kualiti dan kos.

Pada 2019, kami telah berjaya membangunkan empat (4) tapak Model Perintis iaitu Ladang Tembangau 6, Ladang Maokil 7, Kilang Sawit Maokil dan Kilang Sawit Besout (fokus kepada Perladangan Hulan). Pada 2020, projek MPC ini diperluaskan ke ladang kelapa sawit dan kilang minyak sawit di Sabah (Ladang Sahabat 11 dan Kilang Sawit Embara Budi), operasi getah (Kilang Getah Palong 8) dan Operasi Hiliran (Delima Oil Products (DOP) Sdn. Bhd.).

Sehingga Disember 2020, melalui projek MPC ini, enam (6) daripada lapan (8) tapak Model Perintis telah menerima Pensijilan QE/5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia. Kilang Sawit Embara Budi kami telah menempa sejarah menjadi model pertama yang menerima pensijilan peringkat tertinggi bertaraf 3-bintang; selain itu, Kilang Getah Palong 8 pula menjadi kilang getah pertama di Malaysia yang menerima Pensijilan QE/5S. Senarai Pensijilan QE/5S bagi tapak projek dan kedudukan adalah seperti di bawah.


Kilang Sawit Embara Budi – ★★★★★ Kilang Sawit Besout – ★★★★★ Kilang Getah Palong 8 – ★★★★★
Kilang Sawit Maokil – ★★★★★ Ladang Maokil 7 – ★★★★★ Ladang Tembangau 6 – ★★★★★

Berdasarkan perkembangan penambahbaikan yang berlaku di semua tapak model perintis, semua inisiatif akan digerakkan mengikut fasa bagi tujuan replikasi di semua ladang, kilang sawit dan kilang getah FGV.

Profil Umur Kelapa Sawit

Kami terus berusaha untuk mengendalikan program penanaman semula yang dianggarkan 10,000-15,000 hektar bagi menurunkan profil umur dengan peruntukan RM300 juta setahun.

Pada tahun 2020, Kumpulan berjaya mencatatkan peratusan tertinggi bagi pokok muda dan matang serta pencapaian ini adalah julung kali semenjak disenaraikan. Kami juga telah berjaya menurunkan peratusan pokok tua daripada 54% pada tahun 2012 kepada 32% pada tahun 2020. Ini memberikan kelebihan kerana ianya dapat memberi prospek kepada kadar perahan dan pengeluaran CPO yang tinggi.



Wawancara Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

PERNIAGAAN PERLADANGAN



Mencapai 81% Kebolehhesanan ke Perladangan

(sasar 100% kebolehhesanan penuh Buah Tandan Segar (BTS) pada 2021)

Melalui inisiatif kebolehhesanan yang mantap, kami berjaya mencapai 81% Kebolehhesanan ke Perladangan (TTP) dan berada di landasan untuk mencapai 100% menjelang suku keempat 2021. Inisiatif kebolehhesanan FGV adalah untuk memastikan sumber BTS kami adalah selaras dengan Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP) dan komitmen kami terhadap Tiada Pembasmian Hutan, Tiada Penanaman di Tanah Gambut dan Tiada Eksploitasi (NDPE).

Walaupun BTS Kumpulan mencapai 100% Kebolehhesanan ke Kilang (TTM), namun kami berdepan dengan cabaran yang unik dalam mengesan BTS daripada rantai nilai para pekebun kecil kami. Tambahan pula, dua pertiga daripada BTS kami diperolehi daripada pembekal luar termasuk peneroka FELDA, pekebun kecil bebas dan peniaga BTS. Hanya satu pertiga sahaja yang diterima daripada ladang sendiri (untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada bahagian Kelestarian).

Gabungan Bersama Fair Labor Association (FLA)

bagi mendukung komitmen kelestarian Kumpulan dalam menghormati hak asasi manusia dan mendukung piawaian buruh


Sebagai sebahagian daripada komitmen untuk menyeragamkan hak asasi manusia dan amalan buruh FGV mengikut piawai antarabangsa, kami telah berkolaborasi bersama *Fair Labor Association* (FLA). Pada 2020, kami telah membangunkan pelan tindakan bersama beberapa pihak berkepentingan yang menggariskan beberapa inisiatif bagi memperkukuhkan pelbagai aspek berkaitan amalan buruh termasuk pengambilan tenaga kerja migran, pembangunan kapasiti, mekanisme aduan dan menambahbaik sistem penyeliaan dan pemulihan. Usaha kami di bawah gabungan ini dipantau dan dinilai secara bebas oleh FLA.

(Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif hak asasi manusia kami, sila rujuk kepada bahagian Kelestarian, Hak Asasi Manusia pada muka surat 118 hingga 139 dalam laporan ini).

PERNIAGAAN GULA



Kami yakin dengan prospek jangka masa panjang bagi Perniagaan Gula. Bagi tahun ini, kami telah menumpukan perhatian bagi mengurangkan kos operasi dengan meningkatkan kecekapan operasi, aliran tunai dan persaingan perniagaan. Kami juga telah memperkenalkan beberapa produk nilai tambah baharu yang bakal dilancarkan di pasaran.



Meningkatkan Kecekapan Operasi

Menggabungkan operasi gula di Prai dan Tanjung Langsat bagi kilang penapisan untuk mengurangkan kos operasi.

Aliran Tunai yang Baik

Terus memanfaatkan penyusunan perolehan secara 'just in time'.

Persaingan Perniagaan

Meneroka peluang baharu bagi meningkatkan perniagaan hiliran Kumpulan.


Produk Nilai Tambah Baharu

Menaik taraf Kilang Penapisan Gula Tanjung Langsat bagi memperkenalkan produk nilai tambah baharu seperti gula cecair dan sirap yang diproses bagi menembusi pasaran serantau.

LOGISTIK & LAIN-LAIN (LO)



LO bersedia memainkan peranan utama dalam perancangan ke hadapan Kumpulan untuk menjadi salah satu perniagaan agri yang menyeluruh. Pada akhir tahun 2019, kapasiti bagi penyimpanan minyak sayuran adalah 939,700 MT (Malaysia, Indonesia, Pakistan) dan kapasiti gudang seluas 434,613 kaki persegi di Malaysia. Bagi pengangkutan darat, LO memiliki lebih daripada 500 buah kenderaan yang pelbagai. Pada tahun 2020, operasi penyimpanan minyak makan, gudang dan pengangkutan darat diperkukuhkan lagi bagi memenuhi permintaan pasaran yang tinggi selaras dengan strategi perniagaan Kumpulan untuk meningkatkan pendapatan sektor LO dengan penambahan bilangan aset seperti di bawah:



NILAI TERAS

Penerapan Nilai Teras di dalam Budaya Korporat Kami

Di FGV, kami percaya dalam penciptaan nilai melalui sumber modal insan. Ini mendorong Kumpulan untuk melatih, melatih dan mengekalkan mereka yang berkebolehan. Dalam masa yang sama, pihak pengurusan melakukan pelbagai usaha bagi menyediakan para petugas dengan suasana latihan yang menggalakkan inovasi, komunikasi, kolaborasi dan komitmen untuk merealisasikan matlamat perniagaan dan visi Kumpulan. Teras perniagaan kami sentiasa memberi galakan bermula daripada pendekatan yang bermakna dalam membina rantaian nilai integrasi yang efisien dan efektif. Asas ini juga terletak di dalam budaya korporat yang baik dan sentiasa memacu FGV maju ke hadapan untuk menjadi organisasi berprestasi tinggi yang berguna, relevan dan dihormati. Ia juga begitu kritikal kepada para petugas untuk menjiwai nilai teras korporat bagi melahirkan nilai yang ketara iaitu di luar kelaziman 'hanya melakukan kerja'.

Di FGV, kami berusaha untuk memastikan para petugas membentuk diri mereka selaras dengan lima nilai teras korporat kami yang mudah untuk dizahirkan iaitu P.R.I.D.E - Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisme dan Semangat. P.R.I.D.E merupakan asas kepada budaya korporat Kumpulan dan ianya memberi penjelasan tentang cara menjalankan perniagaan di dalam FGV, rantaian pembekal, rakan kongsi kami dan semua pihak luaran. Kami mahu P.R.I.D.E menjadi lebih daripada ungkapan. 2020 juga menjadi tahun untuk kami melangkah setapak lagi dengan menerapkan P.R.I.D.E ke dalam rangka kerja Sistem Pengurusan Prestasi (PMS). Ini bermaksud setiap petugas harus memilih satu kompetensi (daripada 18 kompetensi kepimpinan yang telah dikenal pasti terdahulu oleh pihak pengurusan) dan berusaha untuk menambahbaik kompetensi yang dipilih dalam konteks lima nilai korporat berkenaan.

Kompetensi yang telah dipilih akan dipantau dengan rapi oleh pihak atasan petugas tersebut. Pelbagai bengkel dan program telah diadakan untuk memastikan inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan berjaya termasuk Bengkel Latihan dan Maklum balas serta Bengkel Kompetensi Kepimpinan P.R.I.D.E.



Wawancara Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

S³ FGV telah melengkapkan Pelan Perniagaan pada tahun keduanya, apakah kemajuan setakat ini?

Pelan transformasi FGV adalah untuk membawa Kumpulan maju lebih jauh daripada kemampuan setakat ini. Ini bukan bermakna lari daripada Perniagaan Perladangan tetapi lari daripada kebergantungan terhadap turun naik harga komoditi yang berada di luar kawalan kami.

Pelan Perniagaan adalah panduan strategik bagi FGV menangani cabaran sedia ada dan melakar masa hadapan Kumpulan. Ini adalah objektif utama untuk memaksimumkan nilai bagi segala perniagaan tradisi dan mencipta nilai baharu untuk kemajuan yang mampan.

MEREALISASIKAN SEPENUHNYA POTENSI PERNIAGAAN KAMI

Pelan perniagaan dibentuk melalui empat (4) asakan strategik bagi penciptaan nilai dan kemajuan yang berterusan.



Setakat ini, kami telah melaksanakan 61 inisiatif bagi merealisasikan segala matlamat dan seterusnya memantau setiap prestasi secara berkala ataupun setiap suku tahunan.



S⁴ Apakah kekuatan sedia ada FGV yang boleh dimanfaatkan untuk kemajuan jangka masa terdekat dan jangka masa sederhana?

MEMANFAATKAN PELUANG SEDIA ADA

Kami adalah pengeluar minyak sawit mentah (CPO) yang terbesar di dunia untuk beberapa tahun dan mengeluarkan secara purata sebanyak tiga (3) juta tan metrik CPO setiap tahun. Hampir kesemua CPO kami dieksport dan menjadi penyumbang utama kepada hasil Kumpulan.

Dalam proses pengeluaran minyak sawit, kami juga menghasilkan sejumlah besar sisa produk daripada aktiviti perladangan dan pengilangan. Sisa produk ini telah menjadi peluang perniagaan dengan prospek yang agak bagus dan kami sudah memanfaatkan peluang sedia ada ini di bawah inisiatif 'Waste to Wealth'.

Selain daripada faedah komersial, inisiatif 'Waste to Wealth' juga adalah mesra alam dan memelihara kemampanan ekonomi kitaran (*circular economy*). Fokus kami adalah menghasilkan tenaga boleh diperbaharui yang mesra alam seperti disarankan oleh kerajaan yang meletakkan sasaran untuk Malaysia mencapai 20% tenaga boleh diperbaharui berkapasiti campuran pada 2025.

Sebagai tambahan kepada inisiatif 'Waste to Wealth' ini, kami menyedari kebanyakan operasi mempunyai kesan kepada risiko iklim dan persekitaran. Oleh itu, kami mengenal pasti keperluan segera bagi menangani kesan ke atas perubahan iklim di dalam operasi perniagaan. Kami juga telah mempercepatkan usaha untuk mengurangkan kesan ke atas iklim dan maklumat lebih lanjut dibincangkan di Bahagian 4 dalam laporan ini.

Di FGV, kami menghasilkan bahan bakar biogas dengan metana yang diperolehi daripada kilang sawit kami. Kami mempunyai 68 kilang sawit dan merupakan salah satu pengeluar metana terperangkap tertinggi di Malaysia. Biogas yang kaya dengan metana ini akan dihantar ke 28 loji tenaga termasuk 11 loji tenaga Tarif Galakan yang membekalkan tenaga boleh diperbaharui ke grid nasional. Beberapa loji tenaga biogas ini menjadi sebahagian daripada projek elektrifikasi bagi kawasan pedalaman Sabah. Sebagai tambahan juga, FGV telah menjadi syarikat perladangan pertama di Malaysia yang membangunkan secara komersial kilang Gas Asli Bio Mampat (Bio-CNG) yang berasaskan sawit.

TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI



Hasil & Untung

Pada 2020, perniagaan pembaharuan mencatat hasil sejumlah RM143 juta dan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM72 juta



Segmen

Produk Sampingan

- Buah Tandan Sawit Kosong (EFB)
- Tempurung Isirung Sawit (PKS)
- Serat Misocarp
- Minyak Enap Cemar
- Abu Tandan

Tenaga boleh diperbaharui

- Pelan Janakuasa Sahabat
- Elektrifikasi luar bandar (Ayu, Umas, Miri, Cenderawasih, Desa Kencana)
- 11 Loji biogas FiT
- Bio-CNG Sg. Tengi – Pertama di dunia bagi Bio-CNG melalui Efluen Kilang Sawit (POME)
- 4 kilang kompos



Strategi

- 28 loji janakuasa biogas beroperasi
- Fokus kepada projek sifar pelaburan (Biogas, Bio-CNG, Bahan api bio dan kertas pulpa)
- Maksimakan keuntungan daripada PKS/Minyak Enap Cemar
- Fokus kepada pengguna akhir bagi produk sampingan
- Membekalkan kuasa elektrik dengan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui



Prospek

Mensasarkan hasil tahunan sebanyak RM200 juta bagi 5 tahun akan datang.

Pada 2020, perniagaan tenaga boleh diperbaharui menghasilkan RM143 juta dengan PBZT sebanyak RM72 juta. Sasaran kami adalah menghasilkan RM200 juta pendapatan bagi 5 tahun akan datang.

Di bawah Strategi Pemulihan COVID-19 Kumpulan, kami akan mengkaji semula segmen perniagaan dengan objektif untuk membangunkan pelan kukuh yang boleh dilaksanakan secepat mungkin.

R&D MENGHASILKAN BAHAN TANAMAN YANG BERMUTU TINGGI

Keupayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kami tidak dapat dinafikan terutama bahan tanaman premium yang mampu bertoleransi terhadap cuaca panas dan penyakit. Yangambi ML161 telah menjadi bahan tanaman kelapa sawit nombor satu di Malaysia dengan menguasai 38% pasaran. Pada November 2020, FGV melebarkan sayapnya di pasaran biji benih di India dengan menubuhkan usaha sama bersama Pre-Unique Pvt. Ltd. Kami akan mengeksport biji benih Yangambi ML161 ke Indonesia dan India. Sesetengah negeri di India menanam kelapa sawit bagi penggunaan domestik.

Pada tahun 2020, FGV telah berjaya meraih kontrak bagi membekalkan satu juta biji benih premium dan kami mensasarkan penjualan sebanyak 1.5 juta biji benih pada 2021.

Wawancara Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

S⁵

FGV mengembangkan Perniagaan Pertanian Bersepadu dan Produk Pengguna. Apakah hala tuju untuk kedua-dua perniagaan ini?

Kedua-dua perniagaan ini bukanlah baharu secara keseluruhannya dan telah menjadi sebahagian daripada perniagaan perladangan sejak beberapa tahun. Pembaharuannya adalah kedua-dua perniagaan ini akan mempelbagaikan jenis pertanian selain daripada tanaman kelapa sawit. Langkah ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada harga CPO. Sebagai tambahan, kami juga akan terlibat di dalam rantaian nilai hiliran dan menikmati margin keuntungan yang tinggi.

Dengan mendorong perniagaan ini ke hadapan, visi baharu FGV untuk mencipta nama sebagai penggiat perniagaan agri yang terlibat dalam rantaian nilai bermula dari ladang hingga ke dapur semakin hampir untuk direalisasikan.

Penyelidikan pasaran kami juga menunjukkan Pertanian Bersepadu dan Produk Pengguna mempunyai prospek yang baik. Setakat ini, kami telah melabur ke dalam beberapa projek utama. Kami meletakkan matlamat agar Perniagaan Pertanian Bersepadu ini dapat memberi pulangan EBITDA 15% (perolehan sebelum kadar faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan) menjelang 2023.

Bagi Produk Pengguna pula, kami memberi fokus kepada produk Barangan Pengguna Mudah Laris (FMCG) yang akan mengguna pakai barangan mentah daripada Pertanian Bersepadu. Oleh kerana kami tidak mempunyai kepakaran tinggi dalam bidang pembuatan makanan, beberapa peluang secara usaha sama dengan vendor yang berpengalaman sedang diteliti bagi mempercepatkan penyertaan kami dalam perniagaan makanan FMCG.

RANGKA TINDAKAN PERTANIAN BERSEPADU FGV

PERTANIAN BERSEPADU FGV TELAH MENGENAL PASTI 5 PERNIAGAAN AGRI YANG BERKEUPAYAAN MENJANA HASIL TAMBAHAN DAN MENYOKONG RANTAIAN NILAI PERNIAGAAN LAIN.



Pertanian berskala besar secara *intercropping* di ladang kelapa sawit
(nanas MD2, pisang Cavendish dan tembikai)



Pergabungan berskala besar, **berintegrasi penuh**, penghasilan beras berteknologi tinggi bermula dari benih hingga ke beras



Penghasilan produk dari dedak isirung sawit (PKE) sebagai sumber makanan dan nutrisi haiwan dengan **peningkatan formulasi**



Pembangunan ladang tenusu berintegrasi penuh bagi pengeluaran susu segar



Sebagai platform **e-Dagang** untuk pemasaran & pengedaran hasil produk segar

Kekuatan Tenaga Kerja

47,497

* termasuk tenaga kerja migran dan para petugas FGV

Platform e-Dagang



Pasar runcit digital yang menjual produk segar

PENCAPAIAN BAGI PERTANIAN BERSEPADU 2020

Pada 2020, kami telah mewujudkan ladang benih nanas MD2 di ladang Maokil sebagai perancangan untuk penanaman berskala besar tahun hadapan. Buat masa ini, industri nanas berdepan dengan kekurangan sulur nanas MD2 sekaligus memperlahankan pergerakan kami. Tetapi, ini bukanlah penghalang untuk menyertai pasaran dengan pelaksanaan program petani kontrak. Bahkan, kami telah mendapat persetujuan bersama pembeli sedia ada dan akan melancarkan jenama sendiri yang dikenali sebagai Ladang 57.

Pada suku keempat TK2020, kami telah memulakan pengusahaan ladang benih beras wangi MRQ76 dan berjaya menerima lesen pemborong beras daripada Kementerian Perindustrian dan Asas Tani (MAFI).

Bagi makanan haiwan pula, kami telah melancarkan empat (4) produk baharu pada suku kedua TK2020 yang diformulasikan khusus untuk lembu daging dan lembu tenusu serta berjaya mencatatkan 39,093 MT jualan pada 2020, peningkatan sebanyak 80% daripada tahun sebelumnya.

Kami juga merancang untuk bekerjasama dengan pihak SME bagi meningkatkan perniagaan makanan dan nutrisi haiwan. Memandangkan hampir kesemua makanan haiwan di Malaysia diimport, matlamat kami adalah untuk menembusi pasaran domestik sebagai penglibatan dalam menjayakan polisi penggantian barangan import yang dipromosikan oleh kerajaan.

Pada Februari 2020, FGV menceburi bidang perniagaan ladang tenusu dengan membeli 60% kepentingan ekuiti dalam RedAgri Farm Sdn. Bhd. yang berjumlah RM10 juta. RedAgri merupakan pemilik jenama produk susu Bright Cow. Pembelian pegangan majoriti ini membolehkan Kumpulan untuk mencipta lebih nilai daripada sumber sedia ada dan meneroka ke dalam sinergi dalam kitaran ekonomi berasaskan sawit. Buat masa ini, kami sedang membina kilang susu segar dengan kapasiti pemprosesan 30,000 liter sehari.

PENCAPAIAN BAGI PRODUK PENGGUNA 2020

FGV amat dikenali di dalam pasaran peruncit makanan di Malaysia, di mana kami mengeluarkan pelbagai barangan Produk Pengguna. Pada tahun 2020, kami telah melancarkan tiga (3) produk baharu di bawah jenama terunggul kami iaitu SAJI. Antaranya ialah Beras SAJI, Gula Kasar SAJI dan Santan Kelapa SAJI.

Kami juga merupakan peneraju pasaran bagi produk minyak masak dan marjerin dengan 40% dan 42% penguasaan pasaran bagi SAJI dan SERI PELANGI.

Pada bulan Mei 2020 ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih dilaksanakan, Kedai FGV, sebuah platform e-Dagang yang menjual Produk Pengguna FGV, telah dilancarkan bagi memudahkan pembelian produk kami secara atas talian. Kemudian pada November 2020, GOGOPASAR telah dilancarkan sebagai kedai runcit e-pasar yang menjual barangan segar yang diperolehi secara terus daripada para petani dan pembekal, diproses dan dibungkus di dalam gudang kami untuk dihantar terus kepada pengguna. Laman web kedua-duanya boleh diakses melalui www.kedai fgv.com dan www.gogopasar.com.

Bagi tahun 2020, kami merancang untuk memperkukuhkan kedudukan sebagai peneraju pasaran dengan mempelbagaikan variasi produk keperluan isi rumah seperti krimer, mi segera, dan sos. Kami juga merancang untuk memasuki pasaran segmen makanan yang baharu seperti gula-gula, snek bernutrisi dan minuman ringan.

Di peringkat antarabangsa pula, kami bercadang untuk meneroka pasaran Asean dan Timur Tengah dan Afrika Utara melalui rangkaian pengedaran minyak sawit sedia ada. Kami merancang untuk memanfaatkan rangkaian ini untuk meningkatkan penguasaan pasaran Produk Pengguna. Inovasi produk juga merupakan salah satu keutamaan bagi membolehkan kami berterusan mengeluarkan produk makanan baharu untuk segmen peruncitan mahupun industri.



Wawancara Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

S⁶ Apakah cabaran utama pada 2020? Termasuk langkah yang telah diambil untuk menanganinya?

CABARAN #1: KESAN COVID-19 KEPADA PENGOPERASIAN

Cabaran paling utama pada 2020 adalah menangani kesan pandemik COVID-19. Kami di dalam sektor perniagaan makanan, membekalkan minyak sawit dan gula kepada pengguna di Malaysia dan di luar negara. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, banyak kedai-kedai makanan dan hiburan ditutup termasuk bidang perhotelan yang turut merosot sekaligus menyebabkan permintaan domestik terhadap produk kami menurun. Di luar negara pula, penutupan semua pelabuhan menyebabkan kami terpaksa mengubah haluan pasaran eksport ke pasaran lain.

Sebanyak 33% hasil FGV disumbangkan oleh pasaran eksport, maka perubahan haluan ini banyak membantu ketika harga CPO melambung tinggi.

Cabaran yang seterusnya pula adalah memastikan keselamatan tenaga kerja ketika pandemik. FGV mengambil langkah persediaan yang proaktif dengan mewujudkan Pasukan Petugas Khas COVID-19. Pandemik ini telah memberi kesan kepada produktiviti dan pengoperasian kami terutamanya di Sabah. Kami terpaksa menutup lima (5) kilang sawit di sana pada Mac dan April 2020 sebagai langkah pencegahan kerana bilangan kes COVID-19 yang tinggi berhampiran dengan kilang sawit kami. Bagaimanapun, kilang sawit yang lain masih terus beroperasi dengan kapasiti tenaga kerja yang minimum.

(Maklumat lanjut berkaitan pengurusan COVID-19 oleh FGV boleh didapati di Bahagian 5 laporan ini)

CABARAN #2: SEKATAN TENAGA KERJA MIGRAN OLEH KERAJAAN

Cabaran seterusnya adalah sekatan tenaga kerja migran oleh kerajaan yang memberi kesan kepada industri minyak sawit secara keseluruhan. Setakat 31 Disember 2020, FGV mempunyai 27,376 tenaga kerja migran, tidak termasuk kilang sawit dan penapisan yang didominasi oleh tenaga kerja tempatan. Berbeza pula di ladang, kami bergantung sepenuhnya kepada tenaga kerja migran jika dibandingkan dengan syarikat perladangan yang lain. Industri telahpun mengemukakan rayuan kepada kerajaan mengenai isu ini dan kami mengharapkan keputusan yang positif pada tahun 2021.

Walau bagaimanapun, FGV secara agresif berterusan membuka pengambilan warga tempatan untuk bekerja di ladang.



Temuduga Terbuka
Untuk warga Malaysia

OPERATOR LADANG FGV

| SYARAT & KELAYAKAN: | KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN: |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh temuduga • Sihat tubuh badan • Berminat dengan operasi ladang sawit • Individu yang berpengalaman sangat digalakkan | <ul style="list-style-type: none"> • Program latihan percuma • Kediaman percuma (selama tempoh perkhidmatan) bagi yang berkeluarga / bujang • Pengangkutan ke tempat kerja percuma • Perkakasan & peralatan kerja percuma • Peralatan perlindungan diri percuma • Pendapatan lumayan melebihi RM1,200 sebulan • Elaun kerja lebihan masa • KWSP & PERKESO • Kemudahan perubatan tahunan • Subsidi elektrik & air • Fasilitas sukan & rekreasi • Bantuan persekolahan anak-anak (tahunan) • Kemudahan & elaun berkaitan mengikut syarat perkhidmatan |

Kunjungi pejabat ladang FGV yang berdekatan untuk sebarang pertanyaan atau hubungi wakil FGV anda, En. Kamal 019-669 9191 / emel akamal.mr@fgvholdings.com. Kami menanti anda.

S⁷

FGV telah memulakan langkah yang meyakinkan dalam ruangan e-Dagang dengan pelancaran GOGOPASAR 2020. Apakah langkah yang diambil untuk memastikan laman pembelian dalam talian adalah selamat digunakan termasuk perlindungan data?

Pandemik COVID-19 mempamerkan kelebihan e-Dagang bagi perniagaan untuk bertahan dan berkembang. Walaupun e-Dagang menyediakan pelbagai peluang, ia juga mempunyai risiko kepada keselamatan dan perlindungan data.

Memandangkan ini adalah bidang yang baharu untuk FGV, kami telah mempelajari bagaimana peneraju e-Dagang yang lain melakukannya. Kami juga telah bekerjasama dengan pembekal perkhidmatan digital bagi memastikan pembelian atas talian bukan sahaja mesra pengguna malah turut melindungi segala data berkaitan rakan kongsi, pembekal, pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain.

Di peringkat Kumpulan, kami telah memulakan langkah bagi mempercepatkan perjalanan digital. Seiring dengan ini, kumpulan IT telah menjalankan analisa jurang keselamatan pada 2020 bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan infrastruktur digital kami. Buat masa ini, pelan tindakan penambahbaikan sedang dikemas kini bagi memastikan keselamatan data dan struktur digital kami. Semenjak 2018, kami telah menjalankan ujian penembusan keselamatan tahunan bagi struktur digital FGV dan hasilnya agak memuaskan.

S⁹

FGV memberi fokus terhadap kepaduan tenaga kerja yang lebih efektif, produktif dan beretika. Apakah pencapaian yang telah dilakukan pada 2020?

Meskipun pandemik COVID-19 melanda pada 2020, FGV meneruskan usaha untuk menjadi lebih fokus dan dalam masa yang sama mengurangkan kos para petugas di masa hadapan. Untuk mencapai objektif ini, kami telah menjalankan kajian *Full Time Equivalent (FTE)* Fasa 1 bagi membantu pihak pengurusan mengumpulkan data.

Kajian Fasa 1 FTE ini menunjukkan peluang bagi kami untuk menjalankan penstrukturan semula perniagaan terutamanya dalam potensi untuk proses automasi.

Kajian Fasa 2 pula masih di dalam pelaksanaan dan apabila selesai, ia akan meliputi 40% para petugas FGV.

Kumpulan Modal Insan (GHC) juga telah melaksanakan Kerangka Komunikasi di Tempat Kerja (WPC) pada September 2020 dengan matlamat:

- Mewujudkan garis jelas komunikasi antara tenaga kerja bagi mencapai misi Kumpulan.

S⁸

Kumpulan secara relatif mempunyai barisan kepimpinan baharu. Apakah perancangan untuk meningkatkan tahap kepimpinan dan juga program pelan penggantian untuk memacu FGV ke hadapan?

Kini, kami mempunyai gabungan yang baik dalam barisan kepimpinan. Terdapat kepakaran luar yang membawa kehebatan dan idea baharu, bersama mereka yang berpengalaman daripada dalam organisasi dengan kefahaman dan kesinambungan yang bernilai.

Bagi posisi utama kepimpinan, secara minimumnya, kami telah mengenal pasti tiga pelapis. Pelapis pertama dan kedua akan dipersiapkan untuk mengambil alih tugas sekiranya jawatan itu kosong. Manakala pelapis ketiga pula, akan dikenal pasti daripada kumpulan bakat bagi posisi kepimpinan di masa hadapan.

Mengenal pasti pelapis merupakan keutamaan bagi kami dalam memastikan FGV tidak ketinggalan kerana kekurangan pemimpin. Maka, sekiranya terdapat kekosongan secara mendadak, pemilihan akan dibuat daripada kumpulan bakat yang telah ditubuhkan.

- Mencipta ketelusan dan peranan yang jelas bagi setiap tenaga kerja dalam komunikasi di tempat kerja untuk mengelakkan kemusykilan dan penyalahafsiran maklumat.
- Menggalakkan kolaborasi dengan membina perhubungan di antara tenaga kerja sepejabat untuk inovasi yang tinggi dan bertanggungjawab.

Antara inisiatif WPC adalah 209 sesi meja bulat yang diadakan daripada September sehingga Disember 2020 dengan penglibatan 146 tempat kerja di seluruh Malaysia.

Langkah-langkah yang diambil ini adalah bagi meningkatkan modal insan FGV dalam mencapai objektif sebagai organisasi berprestasi tinggi, dengan amalan tadbir urus korporat efektif yang merupakan intipati penting dalam merealisasikan strategi jangka panjang dan penciptaan nilai mampan bagi tenaga kerja.

Wawancara Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

S¹⁰ Apakah jangkaan dan prospek bagi tahun 2021?

Dengan pandemik COVID-19 yang yang berlarutan, sukar bagi kami untuk meramal prospek 2021. Bagaimanapun, secara optimistik kami menjangka harga CPO akan berada di atas paras RM3,000 MT. Ini mengambil kira keadaan cuaca baik yang memangkinkan peningkatan hasil tuaian selepas penguncupan BTS sebanyak 4% pada 2020.

Walau bagaimanapun, kenaikan harga CPO ini mungkin terjejas akibat kemerosotan permintaan daripada industri hotel, restoran dan catering sekiranya pandemik COVID-19 kekal berterusan. Bagi FGV, pelanggan HoReCa adalah penting untuk pasaran minyak sawit dan produk pengguna.

Pasca pandemik, saya begitu yakin FGV akan berada di dalam keadaan yang lebih baik, hasil daripada kemajuan dalam Perniagaan Pertanian Bersepadu, Produk Pengguna dan Tenaga Boleh Diperbaharui. Kesemua perniagaan ini adalah dipacu oleh pasaran dan tidak bergantung kepada turun naik harga komoditi.

Bagi perladangan pula, kami akan terus menangani isu kelestarian yang penting untuk memenuhi pengeluaran CSPO. Berdasarkan momentum pada masa ini, kami begitu komited untuk mencapai 100% kebolehesanan daripada ladang ke kilang pada 2021. Kami juga berharap untuk mendapatkan semula pensijilan RSPO dan penarikan semula sekatan eksport oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat.

Tambahan lagi, kami menjalankan usaha dan inisiatif bagi mengurangkan kesan terhadap alam sekitar sebagai sebahagian daripada komitmen kami dalam menangani perubahan iklim. Ini termasuklah dengan membangunkan inventori Gas Rumah Hijau (GHG).



S¹¹

Kata-kata akhir memandangkan Laporan Bersepadu Tahunan kali ini mungkin yang terakhir bagi FGV sebagai syarikat senarai awam.

Prinsip asas bagi FGV adalah untuk menjadi perniagaan komersial berdaya maju yang menjalankan tanggungjawab sosial untuk meningkatkan taraf komuniti pekebun kecil. Ini menjadikan FGV berbeza daripada syarikat perladangan lain di Malaysia. Maka, tidak timbul sama ada FGV menjadi syarikat senarai awam ataupun tidak kerana prinsip asas tidak akan berubah sama sekali.

Kami sentiasa menyedari peranan dalam tanggungjawab sosio-ekonomi. Ini terbukti apabila kami sentiasa membeli dua pertiga BTS daripada peneroka FELDA dan pekebun kecil bebas dengan harga yang berpatutan. Ini merupakan situasi menang-menang apabila kami menjadi pembeli tetap bagi peneroka dan pekebun kecil untuk memastikan rantaian bekalan kami terus berjalan. Keputusan kami untuk mengembangkan Perniagaan Pertanian Bersepadu dan Produk Pengguna juga bakal mengekalkan model yang sama di mana kami berharap ia akan membantu peneroka FELDA menjadi petani FGV Agro yang mampu membekalkan pelbagai tanaman selain daripada BTS.

Secara keseluruhan, 2020 merupakan tahun yang sukar untuk kita semua tetapi kami memanfaatkan tempoh ini dengan sebaik-baiknya untuk memperkukuh teras dalaman bagi membolehkan FGV berada di kedudukan yang baik untuk merealisasikan pelbagai peluang bagi syarikat yang menjalankan agribisnis dan makanan.

Semenjak FELDA mengumumkan pengambilalihan FGV, kami menjangkakan akan ada perubahan pada Lembaga Pengarah. Sebagai wakil kepada pihak pengurusan,

saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada ahli Lembaga Pengarah 2020 yang telah memimpin dan menyokong agenda transformasi Kumpulan sejak tahun 2018.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pemegang saham utama iaitu FELDA yang menyokong pihak pengurusan melaksanakan segala polisi dan strategi. Kepada pemegang saham, kami berterima kasih di atas kesetiaan terhadap FGV dalam mengharungi waktu yang sukar.

Saya juga ingin memberi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri atas sokongan dan bantuan termasuk agensi kerajaan terutamanya MPOB yang memberi latihan dan seminar untuk meningkatkan piawai industri.

Pelaksanaan strategi dan pelan Kumpulan tidak akan menjadi kenyataan tanpa sokongan dan komitmen daripada para petugas dan tenaga kerja. Saya mengucapkan terima kasih atas dedikasi mereka bagi memastikan pelaksanaan BP21 FGV berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamatnya.

Sepanjang dua tahun penglibatan bersama FGV, saya menganggap menguruskan FGV sama seperti saya menguruskan masa depan peneroka FELDA. Melangkah ke hadapan, kami dengan berbesar hati akan terus memainkan peranan dalam membentuk persekitaran sosio-ekonomi yang lebih baik bagi peneroka FELDA yang merupakan nadi kepada industri minyak sawit Malaysia semenjak era 1960-an.

Dato' Haris Fadzil Hassan
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Ulasan Kewangan Kumpulan

TAHUN 2020 ADALAH TAHUN YANG PENUH MENCABAR BAGI FGV DI MANA KEBANYAKAN AKTIVITI PERNIAGAAN FGV TERGANGGU DAN PERMINTAAN DOMESTIK DAN GLOBAL BAGI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN KUMPULAN FGV TERJEJAS KESAN DARIPADA PANDEMIK COVID-19. WALAUPUN PADA TAHUN BERAKHIR KUMPULAN MENCATATKAN KEPUTUSAN YANG POSITIF DIPACU OLEH HARGA MINYAK SAWIT MENTAH (CPO) YANG TINGGI, PENGURUSAN TERUS MENGUKUHKAN KEWANGAN KUMPULAN SECARA MENYELURUH DENGAN LEBIH BERDISPLIN BAGI MENANGANI CABARAN YANG DIHADAPI FGV.

Kumpulan telah kembali mencatatkan keuntungan pada tahun ini selepas dua (2) tahun berturut-turut mengalami kerugian yang besar. Keuntungan ini dicapai walaupun dalam keadaan pengoperasian dipenuhi dengan pelbagai cabaran kesan daripada pandemik COVID-19. Selain daripada harga CPO yang tinggi, inisiatif transformasi Kumpulan termasuk disiplin kewangan yang ketat telah dilaksanakan bagi memulihkan kedudukan kewangan.

Sepanjang tahun ini, Kumpulan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menambahbaik prestasi pengoperasian, pengurangan kos dan menyahlabur aset bukan teras/aset tidak berprestasi. Kumpulan telah berjaya memperoleh RM68 juta hasil daripada pelupusan Kao Malaysia, FGV Cambridge Nanosystems Limited dan pelupusan tanah dalam Malaysia Cocoa Manufacturing Sdn. Bhd.

Subsidiari perladangan terbesar Kumpulan juga telah memulakan pelaksanaan Sistem SAP Pengurusan Ladang yang merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk mempunyai sistem ERP tunggal bagi menyokong pelaporan yang mantap dan tepat pada masanya. Migrasi ini masih berjalan dan dijangka selesai pada 2021. Kumpulan juga telah memulakan pertukaran proses manual bagi permohonan penggunaan CAPEX dan dipantau di dalam proses aliran pendigitalan elektronik. Semua permohonan penggunaan, pemeriksaan dan proses kelulusan bajet akan dilaksanakan secara atas talian.

Pihak pengurusan melaksanakan inisiatif penjimatan kos secara menyeluruh di peringkat Kumpulan di mana penjimatan sebanyak 10% dalam perbelanjaan pentadbiran; bersamaan dengan RM87.2 juta telah direalisasikan. Ini termasuk pemotongan gaji dan elaun Pengurus Besar dan ke atas bagi mengurangkan kesan COVID-19.


Usaha juga telah dilakukan bagi meningkatkan kawalan kewangan dengan penambahbaikan Had Kuasa Kumpulan. Dengan peningkatan kawalan kewangan, tadbir urus Kumpulan dan pengurusan kewangan menjadi lebih baik. Ini terbukti dengan jumlah simpanan tunai Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2020 telah meningkat kepada RM1.73 bilion, kenaikan 6.9% berbanding tahun sebelumnya.

PRESTASI KEWANGAN

Bagi TK2020, Kumpulan mencatatkan 6.2% peningkatan hasil kepada RM14.08 bilion berbanding RM13.3 bilion pada 2019. Ini didorong oleh peningkatan purata harga CPO yang direalisasikan pada RM2,675 setiap MT dan jumlah jualan yang lebih baik bagi Perniagaan Gula. Walaupun terdapat peningkatan dalam kos pengeluaran CPO sebelum kilang dan sumbangan Perniagaan Logistik & Lain-lain yang lebih rendah, Kumpulan berjaya mencatatkan keuntungan operasi sebelum rosot nilai dan caj LLA sebanyak RM839 juta iaitu peningkatan melebihi daripada 100% bagi TK2020.

Ini juga didorong oleh margin produk sawit yang tinggi dan margin keuntungan kasar bagi Perniagaan Gula yang lebih baik. Selari dengan peningkatan keuntungan operasi sebelum rosot nilai dan caj LLA yang diiktiraf pada TK2020, Kumpulan telah mencatatkan keputusan kewangan yang positif dengan Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai (PBZT) sebanyak RM346.1 juta berbanding Kerugian Sebelum Zakat dan Cukai (LBZT) sebanyak RM338.8 juta pada 2019. Peningkatan ini melebihi daripada 100% berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh caj nilai saksama LLA yang lebih rendah, penurunan kos perbelanjaan pentadbiran dan kewangan masing-masing sebanyak 10.1% dan 11.6%. Selain itu, keputusan perniagaan syarikat usaha sama yang lebih baik menyumbang kepada prestasi keuntungan Kumpulan.

Perniagaan Perladangan telah menyumbang sebanyak RM402.0 juta dalam PBZT, Perniagaan Logistik & Lain-lain menyumbang sebanyak RM50.5 juta manakala Perniagaan Gula melaporkan kerugian yang lebih rendah sebanyak RM34.5 juta.



KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN

Jumlah aset Kumpulan pada 2020 adalah sebanyak RM17.2 bilion, pengurangan sebanyak 2.9% berbanding RM17.7 bilion pada 2019.

Ini disebabkan oleh penurunan nilai bagi hartanah, loji dan peralatan kesan daripada kerugian rosot nilai dalam Asian Plantations Limited berjumlah RM137.4 juta dan kerugian rosot nilai ke atas ladang getah berjumlah RM40.8 juta. Berikutan penutupan ladang getah di Chuping, Perlis, Kumpulan telah mengiktiraf kerugian rosot nilai dan hapus kira bagi tumbuhan penghasil berjumlah RM62.9 juta dalam Perniagaan Gula. Walau bagaimanapun, pengurangan tersebut sebahagiannya diimbangi dengan peningkatan belum terima dan tunai masing-masing sebanyak 16.3% dan 6.9%.

Jumlah liabiliti menurun sebanyak 4.5% daripada RM11.6 bilion kepada RM11.1 bilion pada 2020 disebabkan penurunan pinjaman dan jumlah belum bayar, sekaligus menjadikan aset semasa bersih meningkat kepada RM295.4 juta daripada RM13.4 juta pada 2019.

Jumlah ekuiti Kumpulan berada pada RM6.1 bilion, kekal seperti 2019.

PENYATA ALIRAN TUNAI

Jumlah baki tunai Kumpulan setakat 31 Disember 2020 meningkat 6.9% kepada RM1.73 bilion (2019: RM1.62 bilion).

Aliran tunai bertambah baik disebabkan oleh pengurusan modal kerja yang cekap dan perolehan daripada pelupusan aset pada tahun ini.

DIVIDEN

Sejajar dengan peningkatan prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, dividen akhir sebanyak 3 sen sesaham berjumlah RM109.4 juta telah dibayar pada 31 Mac 2021.

INDIKASI UTAMA KEWANGAN

Bagi tahun 2020, perolehan sesaham meningkat kepada 4 sen berbanding negatif 6.7 sen seperti yang dilaporkan pada 2019. Aset bersih sesaham meningkat kepada RM1.17 berbanding RM1.14 manakala dana pemegang saham bertambah kepada RM4.26 bilion berbanding RM4.17 bilion pada 2019.

Nisbah gearing menurun kepada 1.39 kali berbanding 1.51 kali pada tahun 2019. Nisbah kecairan Kumpulan juga meningkat daripada 1.00 kali kepada 1.07 kali.

TINJAUAN

Tahun 2021, Kumpulan akan kekal lebih optimistik terhadap prestasi kewangan Kumpulan. Kumpulan menjangkakan harga CPO akan kekal melebihi paras RM2,500 tetapi berwaspada dengan cabaran yang berpunca daripada kekurangan tenaga kerja perladangan bagi aktiviti hulu.

Perniagaan Gula telah menunjukkan tanda pemulihan dan kami akan terus memberi fokus kepada strategi bagi meningkatkan kecekapan pengoperasian dan prestasi kewangan bagi perniagaan ini. Bagi Perniagaan Logistik & Lain-lain pula, kami menjangkakan prestasi yang lebih baik terutama apabila kawalan pergerakan dan sekatan ditarik balik sepenuhnya.

Secara keseluruhan, Kumpulan akan meneruskan segala usaha bagi mencatatkan keputusan pengoperasian dan kewangan yang lebih baik bagi mencipta lebih nilai untuk para pemegang saham. Ini termasuk inisiatif yang memberikan hasil yang berterusan untuk kebaikan semua pihak berkepentingan.



Daripada Kiri (Berdiri) : • Hasnul Fadil Al Hadi Kharis – (M), Sektor Logistik & Lain-lain (LO) • Mohd Izam Pariz Zamri – VP / Kumpulan Akauntan GA, Sektor (LO) • Siti Azrina Abdul Razak – SM, Belanjawan Kumpulan • Shahril Ibrahim – VP / GA, Sektor Perladangan (PS) • Mohammad Asraf Nordin – M, PS
Daripada Kiri (Duduk) : • Rahayu Alias – Hulu, GM / GA • Sumarni Zubir – GM, Gabungan & Pelaporan Berkanun Kumpulan • Aznur Kama Azmir – SVP / Pengawal Kewangan Kumpulan • Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid - Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan • Haslinda Abdul Rahim – SGM / GA, Polisi Kewangan & Tadbir Urus (FPG) • Syakima Nur Sabri – M, FPG

Ulasan Kewangan Kumpulan

PEROLEHAN KUMPULAN

FGV telah memberi perhatian yang lebih kepada perbelanjaan perolehan semenjak 2019 dan memperkenalkan langkah bagi meminimumkan ketirisan. Oleh yang demikian, kami telah mencatat 16.7% ataupun RM175 juta penjimatan daripada aktiviti perolehan. Keputusan ini adalah hasil daripada penambahbaikan proses dan strategi runding cara yang berkesan. Penjimatan yang terbesar dicatatkan melalui perolehan baja dan perbelanjaan ladang dan kilang sawit.

Usaha ini terus dilaksanakan oleh kumpulan pada 2020 dan telah berjaya mencapai RM176 juta ataupun 17.3% penjimatan berbanding RM150 juta unjuran dalaman Kumpulan walaupun aktiviti perolehan agak perlahan disebabkan pandemik COVID-19. Kami akan terus memantau dengan rapi perbelanjaan perolehan ini yang menjadi salah satu pendekatan untuk mengurangkan kos pengoperasian.

**Mencatat 17.3%
Penjimatan Kos
pada 2020**



Pemerolehan Strategik

- **Perbelanjaan bijak** dengan pendekatan 'beli apa yang perlu, bila diperlukan' untuk mengelakkan pembaziran.
- **Model Kos Pembekalan Termurah** bagi membeli daripada pembekal domestik/serantau/global tanpa menjejaskan kualiti dan perkhidmatan.
- **Projek Pemerolehan Mega** yang menggabungkan kuantiti + keperluan barangan yang sama + perkhidmatan di semua peringkat Kumpulan yang membolehkan perancangan perolehan lebih efisien dan mengelakkan pertindihan.
- **Berfokuskan teknologi** bagi menguruskan kehendak Kumpulan dalam urusan tanpa kertas melalui automasi dan pendigitalan bagi meningkatkan kepantasan pasaran.
- **Berkolaborasi dan mengambil kesempatan ke atas rakan kongsi strategik bagi keputusan menang-menang** untuk mendapat kos bekalan yang efisien dan meningkatkan kepuasan pelanggan.
- **Integriti sebagai asas kukuh pemerolehan** dengan toleransi sifar kepada ketidakpatuhan dan salah urus.



Penjimatan Kos

- Berjaya mencapai RM176.3 juta ataupun 17.3% penjimatan berbanding RM150 juta unjuran dalaman Kumpulan walaupun aktiviti perolehan agak perlahan disebabkan pandemik COVID-19.



Pengoperasian Cemerlang

- **Mencadangkan Program Juara Pemerolehan pada Julai 2020.** Mengadakan beberapa siri taklimat bagi proses pemerolehan untuk menerapkan kefahaman dengan lebih mendalam berkaitan proses pemerolehan untuk mengurangkan isu ketidakpatuhan. Sesi pengkongsian pengetahuan bersama pihak luar turut diadakan untuk mendapat pengetahuan baharu berkaitan proses pemerolehan, sistem dan amalan terbaik.
- **Pendekatan Kluster** diperkenalkan bagi beberapa kategori yang dikumpulkan dan diuruskan sebagai kluster. Objektifnya adalah untuk mendapat ekonomi skala, optimalkan keluaran, penjimatan yang tinggi, penggunaan sumber yang efisien serta mendapat pengetahuan yang berkaitan pasaran.

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN

| | Kumpulan | |
|--|---------------------|----------------|
| | 2020 RM'000 | 2019 RM'000 |
| Hasil | 14,075,712 | 13,259,012 |
| Kos jualan | (12,501,668) | (12,049,310) |
| Keuntungan kasar | 1,574,044 | 1,209,702 |
| Pendapatan lain operasi | 132,499 | 100,391 |
| Kos jualan dan pengagihan | (114,671) | (149,908) |
| Perbelanjaan pentadbiran | (774,343) | (861,554) |
| Pembalikan rosot nilai/(rosot nilai) aset kewangan (bersih) | 7,793 | (86,300) |
| Rosot nilai aset bukan kewangan (bersih) | (242,074) | (168,262) |
| Perbelanjaan lain operasi | (22,697) | (3,558) |
| Kerugian lain, (bersih) | (116,034) | (234,499) |
| Keuntungan/(kerugian) operasi | 444,517 | (193,988) |
| Pendapatan kewangan | 39,612 | 25,085 |
| Kos kewangan | (161,872) | (183,158) |
| Bahagian keputusan daripada syarikat bersekutu | 366 | (1,625) |
| Bahagian keputusan daripada usaha sama | 23,441 | 14,858 |
| Keuntungan/(kerugian) sebelum zakat dan cukai | 346,064 | (338,828) |
| Zakat | (16,300) | (6,397) |
| Cukai | (195,571) | (25,931) |
| Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan | 134,193 | (371,156) |
| Keuntungan/(kerugian) boleh diagih kepada: | | |
| Pemilik syarikat | 146,156 | (246,174) |
| Kepentingan tidak mengawal | (11,963) | (124,982) |
| | 134,193 | (371,156) |
| Perolehan sesaham ("EPS") yang boleh diagihkan kepada Pemilik Syarikat | | |
| EPS asas dan kecairan (sen) | 4.0 | (6.7) |

Ulasan Kewangan Kumpulan

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

| | Kumpulan | |
|---|-------------------|-------------------|
| | 2020 RM'000 | 2019 RM'000 |
| ASET | | |
| <u>Aset Bukan Semasa</u> | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 7,810,463 | 8,190,118 |
| Hak penggunaan aset dalam tempoh pajakan | 2,299,579 | 2,213,761 |
| Pelaburan hartanah | 93,789 | 106,049 |
| Aset tidak ketara | 958,289 | 969,754 |
| Kepentingan dalam syarikat bersekutu | 38,058 | 39,757 |
| Kepentingan dalam usaha sama | 441,546 | 437,064 |
| Belum terima | 136,078 | 86,736 |
| Jumlah belum terima dari syarikat induk utama | 12,455 | 52,276 |
| Jumlah belum terima daripada usaha sama | - | 1,017 |
| Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain | - | 12,218 |
| Aset cukai tertunda | 526,672 | 651,301 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain | 144,251 | 107,434 |
| Pinjaman belum terima daripada usaha sama | - | - |
| | 12,461,180 | 12,867,485 |
| <u>Aset Semasa</u> | | |
| Inventori | 1,192,616 | 1,313,037 |
| Aset biologi | 57,001 | 45,766 |
| Belum terima | 1,410,955 | 1,213,217 |
| Aset kontrak | 27,880 | 28,417 |
| Jumlah belum terima dari syarikat induk utama | 62,440 | 70,375 |
| Jumlah belum terima daripada usaha sama | 26,908 | 148,011 |
| Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain | 63,660 | 76,618 |
| Cukai boleh diperolehi semula | 33,539 | 51,264 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian | 68,201 | 58,940 |
| Aset kewangan derivatif | 14,061 | 18,388 |
| Deposit, baki tunai dan di bank | 1,729,194 | 1,617,622 |
| | 4,686,455 | 4,641,655 |
| Aset dipegang untuk jualan | 31,866 | 192,499 |
| | 4,718,321 | 4,834,154 |
| Jumlah aset | 17,179,501 | 17,701,639 |

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

| | Kumpulan | |
|---|----------------|----------------|
| | 2020 RM'000 | 2019 RM'000 |
| EKUITI DAN LIABILITI | | |
| <u>Modal dan rizab</u> | | |
| Modal saham | 7,029,889 | 7,029,889 |
| Saham perbendaharaan | (518) | (302) |
| Rizab tukaran asing | 26,497 | 52,218 |
| Rizab penyusunan semula | (3,089,497) | (3,089,497) |
| Rizab lain | 10,624 | (20,682) |
| Perolehan terkumpul | 284,708 | 201,575 |
| Ekuiti boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat | 4,261,703 | 4,173,201 |
| Kepentingan tidak mengawal | 1,838,504 | 1,927,099 |
| Jumlah ekuiti | 6,100,207 | 6,100,300 |
| <u>Liabiliti Bukan Semasa</u> | | |
| Pinjaman | 773,182 | 766,054 |
| Liabiliti pajakan | 358,036 | 258,957 |
| Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama | 882,866 | 883,176 |
| Liabiliti perjanjian pajakan tanah ("LLA") | 3,881,584 | 4,063,332 |
| Liabiliti kewangan derivatif | 10,163 | 5,166 |
| Peruntukan aset persaraan | 32,358 | 32,124 |
| Peruntukan pelan manfaat ditentukan | 67,492 | 87,801 |
| Liabiliti cukai tertunda | 635,501 | 671,954 |
| Belum bayar | 15,196 | 12,000 |
| | 6,656,378 | 6,780,564 |
| <u>Liabiliti Semasa</u> | | |
| Belum bayar | 1,049,465 | 906,970 |
| Liabiliti kontrak | 104,168 | 77,623 |
| Pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama | 3,322 | 3,322 |
| Jumlah belum bayar kepada syarikat induk utama | 265,984 | 216,558 |
| Jumlah belum bayar kepada syarikat bersekutu | 494 | 485 |
| Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain | 1,374 | 1,604 |

Ulasan Kewangan Kumpulan

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

| | Kumpulan | |
|---|-------------------|-------------------|
| | 2020 RM'000 | 2019 RM'000 |
| EKUITI DAN LIABILITI (sambungan) | | |
| <u>Liabiliti Semasa (sambungan)</u> | | |
| Liabiliti kewangan derivatif | 929 | 29,266 |
| Pinjaman | 2,633,582 | 3,254,504 |
| Liabiliti pajakan | 27,790 | 41,838 |
| Peruntukan aset persaraan | 643 | 655 |
| Liabiliti cukai semasa | 2,925 | 34,520 |
| Liabiliti LLA | 332,240 | 252,814 |
| | 4,422,916 | 4,820,159 |
| Liabiliti berkaitan dengan aset dipegang untuk jualan | - | 616 |
| | 4,422,916 | 4,820,775 |
| Jumlah liabiliti | 11,079,294 | 11,601,339 |
| Jumlah ekuiti dan liabiliti | 17,179,501 | 17,701,639 |

NISBAH UTAMA KEWANGAN

| | UOM | 2020 | 2019 | TkT |
|---|---------|--------|--------|--------|
| Jumlah Aset | RM juta | 17,180 | 17,702 | -3% |
| Jumlah Liabiliti | RM juta | 11,079 | 11,601 | -5% |
| Tunai dan Setara Tunai | RM juta | 1,729 | 1,618 | 7% |
| Aset Bersih Sesaham | RM | 1.17 | 1.14 | 2% |
| Perolehan Berkumpulan | RM juta | 285 | 202 | 41% |
| Jumlah Ekuiti | RM juta | 6,100 | 6,100 | 0.003% |
| Perolehan Sesaham (EPS) | sen | 4.0 | -6.7 | >100% |
| Pulangan Dana Pemegang Saham (ROSF) | % | 3.4 | -5.9 | >100% |
| Jumlah Pinjaman | RM juta | 4,293 | 4,907 | -13% |
| Jumlah Pinjaman dan LLA | RM juta | 8,507 | 9,223 | -8% |
| Nisbah Kecairan | kali | 1.07 | 1.00 | 6% |
| Nisbah Penggearingan | kali | 1.39 | 1.51 | -8% |
| Nisbah Penggearingan (tidak termasuk LLA) | kali | 0.7 | 0.8 | -13% |

PENYATA ALIRAN TUNAI

| | Kumpulan | |
|---|----------------|----------------|
| | 2020 RM'000 | 2019 RM'000 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan | 134,193 | (371,156) |
| Pelarasan bagi: | | |
| Cukai | 195,571 | 25,931 |
| Zakat | 16,300 | 6,397 |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | 662,510 | 672,397 |
| Kerugian rosot nilai hartanah, loji dan peralatan (bersih) | 221,769 | 159,802 |
| Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira | 34,332 | 14,486 |
| (Keuntungan)/kerugian ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan (bersih) | (4,119) | 12 |
| Susut nilai hak penggunaan aset dalam tempoh pajakan | 84,334 | 71,239 |
| Kerugian rosot nilai hak penggunaan aset dalam tempoh aset dalam tempoh pajakan | 20,305 | 8,281 |
| Susut nilai pelaburan hartanah | 12,260 | 12,321 |
| Pelunasan aset tidak ketara | 23,655 | 27,779 |
| Aset tidak ketara dihapus kira | - | 2,173 |
| Kerugian rosot nilai aset tidak ketara | - | 179 |
| Keuntungan ke atas pelupusan aset dipegang untuk jualan | (33,762) | - |
| Pembalikan rosot nilai jumlah belum terima daripada syarikat induk utama | (13,341) | (27,860) |
| Kerugian rosot nilai pinjaman belum terima daripada syarikat usaha sama | 4,000 | 89,669 |
| Pembalikan rosot nilai jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain | (24) | (30,440) |
| Kerugian rosot nilai pinjaman belum terima yang daripada syarikat usaha sama | - | 47,171 |
| Kerugian rosot nilai aset kontrak | 1,551 | - |
| Keuntungan ke atas pelupusan subsidiari | - | (219) |
| Realisasi pertukaran wang asing atas pelupusan aset dipegang untuk jualan | (4,342) | - |
| Realisasi pertukaran wang asing atas pelupusan subsidiari | - | (3,658) |
| Kerugian ke atas pelupusan syarikat bersekutu | - | 1,413 |
| Kerugian rosot nilai belum terima (bersih) | 1,572 | 7,760 |
| Inventori diturun nilai | 3,589 | 2,379 |
| Bahagian keputusan daripada syarikat bersekutu | (366) | 1,625 |
| Bahagian keputusan daripada syarikat usaha sama | (23,441) | (14,858) |
| Kerugian/(keuntungan) bersih pertukaran mata wang asing belum direalisasi | 7,326 | (2,685) |
| Pendapatan dividen daripada aset kewangan melalui pendapatan komprehensif lain | (2,814) | (1,394) |
| Kos kewangan | 161,872 | 183,158 |
| Pendapatan kewangan | (39,612) | (25,085) |
| Kerugian lain, (bersih) | 127,282 | 237,817 |
| Perubahan nilai saksama aset biologi (bersih) | (11,248) | (3,318) |
| Peruntukan pelan manfaat ditentukan | (22,189) | 16,163 |
| Penamatan kontrak pajakan (bersih) | 496 | - |
| Diskaun yang dilepaskan bagi peruntukan aset persaraan | 437 | 459 |
| Peruntukan bagi kerugian perundangan | 19,802 | - |
| Peruntukan bagi LTIP | 2,404 | 3,589 |
| Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja | 1,580,302 | 1,111,527 |
| Perubahan modal kerja: | | |
| Inventori | 115,808 | 734,032 |
| Belum terima | (211,182) | 21,604 |
| Antara syarikat | 253,622 | 364,613 |
| Belum bayar | 109,720 | (271,265) |

Ulaskan Kewangan Kumpulan

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)

| | Kumpulan | |
|---|----------------|----------------|
| | 2020 RM'000 | 2019 RM'000 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI (SAMBUNGAN) | | |
| Tunai dijana daripada operasi | 1,848,270 | 1,960,511 |
| Pendapatan kewangan | 39,612 | 25,085 |
| Bayaran cukai | (118,340) | (109,501) |
| Bayaran zakat | (16,300) | (6,397) |
| Bayaran balik cukai | 4,800 | 155,476 |
| Bayaran manfaat persaraan | (2,363) | (17,057) |
| Pembayaran kerugian perundangan | - | (32,674) |
| Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi | 1,755,679 | 1,975,443 |
| ALIRAN ASET DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Belian hartanah, loji dan peralatan | (435,536) | (620,894) |
| Belian hak penggunaan aset dalam tempoh pajakan | - | (4,860) |
| Belian aset tidak ketara | (3,337) | (3,262) |
| Tambahan aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain | (3,521) | (8,034) |
| Tambahan aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (bersih) | (13,278) | (23,781) |
| Aliran masuk tunai bersih daripada pelupusan subsidiari | - | 77,347 |
| Aliran masuk tunai bersih daripada pengambilalihan subsidiari | 207 | - |
| Tambahan pelaburan dalam subsidiari | (1,076) | - |
| Tambahan pelaburan dalam syarikat usaha sama | (1,274) | (6,584) |
| Pembayaran balik pinjaman daripada syarikat usaha sama | - | 22,510 |
| Pembayaran aset persaraan | (52) | (63) |
| Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | 4,830 | 385 |
| Perolehan daripada pelupusan aset dipegang untuk jualan | 54,522 | - |
| Perolehan daripada pelupusan syarikat bersekutu | - | 29,000 |
| Perolehan daripada pelupusan aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain | 14,007 | - |
| Perolehan daripada penjualan aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (bersih) | - | 8,731 |
| Dividen diterima daripada syarikat usaha sama | 16,401 | 42,895 |
| Dividen diterima daripada syarikat bersekutu | 3,437 | 1,167 |
| Dividen diterima daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain | 2,814 | 1,394 |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan | (361,856) | (484,049) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Pembayaran balik pinjaman belum bayar kepada syarikat induk utama | (310) | (272,605) |
| Pengeluaran pinjaman | 8,959,653 | 4,474,502 |
| Pembayaran balik pinjaman | (9,586,469) | (4,699,230) |
| Bayaran liabiliti pajakan | (43,676) | (39,121) |
| Pembayaran balik liabiliti LLA | (260,812) | (248,683) |
| Bayaran dividen kepada pemegang saham | (72,963) | - |
| Bayaran dividen kepada kepentingan tidak mengawal | (91,861) | (82,395) |
| Bayaran kos kewangan | (175,980) | (221,921) |
| Belian saham perbendaharaan | (2,620) | (3,186) |
| (Peningkatan)/penurunan dalam tunai terhad | (14,562) | 75,169 |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan | (1,289,600) | (1,017,470) |
| PENINGKATAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH | 104,223 | 473,924 |
| Kesan daripada kadar pertukaran mata wang asing | (7,100) | (1,644) |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN | 1,568,447 | 1,096,007 |
| (Peningkatan)/penurunan dalam aset dipegang untuk jualan | (113) | 160 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN | 1,665,457 | 1,568,447 |

PENYATA TAMBAH NILAI

| | 2020 RM'000 | 2019 RM'000 |
|---|------------------|------------------|
| Hasil | 14,075,712 | 13,259,012 |
| Kos langsung & tidak langsung | (8,221,754) | (8,529,670) |
| Pembelian BTS daripada peneroka | (3,345,816) | (2,624,697) |
| Nilai Tambah daripada Operasi | 2,508,142 | 2,104,645 |
| Pendapatan lain operasi | 132,499 | 100,391 |
| Keuntungan lain | 42,456 | 2,322 |
| Bahagian keputusan daripada syarikat bersekutu dan usaha sama | 23,807 | 13,233 |
| Pendapatan kewangan | 39,612 | 25,085 |
| Jumlah Tambah Nilai | 2,746,516 | 2,245,676 |

PENYATA NILAI DIAGIH

| | 2020 RM'000 | 2019 RM'000 |
|-----------------------------------|------------------|------------------|
| Pekerja | 1,455,821 | 1,617,610 |
| Kerajaan (Cukai Korporat & Zakat) | 211,871 | 32,328 |
| Penyedia Modal | | |
| Kos kewangan | 161,872 | 183,158 |
| Kepentingan tidak mengawal | (11,963) | (124,982) |
| Susut nilai dan pelunasan | 782,759 | 783,736 |
| Keuntungan/(kerugian) terkumpul | 146,156 | (246,174) |
| | 2,746,516 | 2,245,676 |

Ulasan Strategi dan Pelan Perniagaan Kumpulan

Strategi Kumpulan FGV mengambil pendekatan jangka masa panjang dengan matlamat untuk meningkatkan tawaran nilai dan akhirnya menjadi syarikat perniagaan agri yang kukuh dan terkenal di peringkat antarabangsa.

Oleh itu, Kumpulan telah memulakan dua perniagaan baharu di bawahnya bagi mencapai objektifnya iaitu Pertanian Bersepadu dan Produk Pengguna sebagai tambahan kepada tiga perniagaan sedia ada seperti Perladangan, Gula dan Logistik & Lain-lain.

Aktiviti perniagaan bagi dua perniagaan baharu ini bukanlah sesuatu yang baru bagi FGV. Walau bagaimanapun, usaha yang jitu akan dilakukan dalam perniagaan baharu ini untuk membolehkan FGV memantapkan perniagaannya bagi memberi keuntungan dan pulangan yang tinggi dan berterusan.

Pertanian Bersepadu akan memberi FGV pilihan untuk mengoptimalkan pulangan Kumpulan bagi setiap hektar tanah dibawahnya dan mempunyai pendedahan di seluruh rantai nilai bagi pelbagai jenis tanaman kontan selain daripada kelapa sawit.

Produk Pengguna pula akan berfungsi sebagai agen produk yang akan menjual pelbagai produk makanan dan bukan makanan yang dikeluarkan oleh petani FGV Agro dan juga pengilang kontrak. Kesemua Produk Pengguna ini akan dijual dengan menggunakan jenama pengguna FGV. Penekanan yang kuat juga akan diberi ke arah membina ekuiti jenama termasuk menghasilkan produk bermutu tinggi yang diterima diseluruh dunia tanpa mengira budaya dan cara hidup.


Bagi tempoh jangka masa sederhana, Pelan Perniagaan Kumpulan mengambil kira semua inisiatif strategik utama yang perlu diambil oleh setiap perniagaan Kumpulan untuk mencapai sasaran kewangan dan pengoperasian bagi tiga tahun akan datang dan seterusnya. Matlamat akhir adalah untuk membolehkan FGV merealisasikan keupayaannya dalam jangka masa panjang.

Pelan Perniagaan Kumpulan FGV telah dirancang berdasarkan garis panduan yang berprinsipkan seperti di bawah:



Sebagai perniagaan yang bertanggungjawab, FGV telah mengukuhkan penerapan bagi tadbir urus korporat, kelestarian dan amalan yang bertanggungjawab untuk memastikan semua perniagaan komited dalam merealisasikan nilai kepada para pihak berkepentingan, komuniti dan persekitaran dalam pengoperasian kami.

KEHADIRAN FGV DI SELURUH RANTAIAN NILAI



MENCAPAI PERTUMBUHAN JANGKA MASA PANJANG YANG MAMPAN

Kumpulan telah mengenal pasti perancangan strategik untuk memacu pertumbuhan di masa hadapan dan penciptaan nilai yang mampan. Pada 2020, Kumpulan telah meluluskan kepelbagaian perniagaannya menjadi dua (2) tunjang utama iaitu komoditi dan Produk Pengguna bagi mengambil peluang kepada pulangan margin yang tinggi melalui produk tambah nilai.

Bagi merealisasikan ini, Kumpulan telah memperkukuhkan pelaksanaan asakan strategik dengan menguatkan infrastruktur, pasaran dan kebolehan Kumpulan sekaligus membangunkan sumber modal insan, kewangan dan kelestarian.



Ulasan Strategi dan Pelan Perniagaan Kumpulan

PELAN TINDAKAN STRATEGIK – TUMPUAN KEPADA PRODUK PENGGUNA

Pada tahun ini, Kumpulan secara rasmi menjadikan Produk Pengguna sebagai perniagaan yang berdiri sendiri bagi melengkapi pendapatan hasil dari segmen komoditi yang telah lama berada di bawah Perniagaan Perladangan Hiliran. Produk Pengguna bukanlah suatu yang baharu bagi FGV dan kehadiran kami telah dikenali dengan jenama terkenal melalui barangan makanan SAJI.

Langkah seterusnya, kami merancang untuk menumpukan kehadiran kami di dalam pasaran Produk Pengguna. Walaupun Produk Pengguna kami berasaskan sawit, ia tidak akan bergantung sepenuhnya kepada sumber huluan malah kami juga akan meneroka produk makanan lain yang bermutu tinggi.

Keputusan kami dalam membina kehadiran Produk Pengguna yang kuat dan dinamik ini berdasarkan hasil kajian strategik yang terperinci di mana kekuatan perniagaan FGV dinilai semula dengan mengambil kira makro dan mikro ekonomi bagi membolehkan strategi pertumbuhan jangka masa panjang dibuat sekaligus berupaya memberi pulangan yang mampan kepada pihak berkepentingan. Berdasarkan aktiviti pemetaan perniagaan, beberapa isu utama yang dihadapi oleh industri perladangan di Malaysia beberapa tahun sebelum ini adalah seperti berikut:

- Peningkatan kos yang bukan disebabkan pengoperasian yang tidak efisien tetapi disebabkan oleh struktur kos yang tinggi kesan daripada pendapatan negara per kapita yang meningkat dan ini memerlukan perniagaan di Malaysia untuk menceburi dalam aktiviti perniagaan yang mempunyai nilai tambahan yang tinggi.
- Penurunan margin daripada komoditi yang disebabkan kos yang terus meningkat namun harga CPO bergantung kepada kuasa pasaran.

- Bagi jangka masa panjang, besar kemungkinan Perniagaan Huluan dan Hiliran Malaysia akan dijalankan oleh negara berpendapatan kecil yang mengeluarkan minyak sawit disebabkan kos pengeluaran mereka yang lebih rendah.
- Peluang penciptaan nilai tambahan berada di dalam perniagaan produk pengguna hiliran yang mempunyai margin keuntungan yang mantap, pulangan yang tinggi dan saiz pasaran yang lebih besar.
- Bil import makanan Malaysia yang tinggi dianggarkan bernilai RM60 bilion setahun memberi ruang untuk penggantian produk import bagi pengeluar tempatan yang berkebolehan untuk mengeluarkan dan menjual barangan yang bermutu tinggi dengan harga yang berpatutan.

Pada 2020, Pelan Tindakan Strategik Produk Pengguna telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ini merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategi Tertinggi kumpulan untuk menjadi salah satu peneraju perniagaan agri yang berintegrasi dan mampan di dunia.

Pelan tindakan ini telah berjaya menubuhkan bahagian Produk Pengguna yang akan memberi fokus kepada pembangunan dan pemasaran Produk Pengguna yang berjenama dan bermutu tinggi serta berperanan sebagai:

- Menjadi 'price maker' bagi mengurangkan impak jangka masa panjang kepada penurunan margin keuntungan dan pulangan daripada perniagaan huluan.
- Menjana pulangan yang lebih baik kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingan utama.

PERTANIAN BERSEPADU

Pertanian Bersepadu merupakan komitmen FGV ke arah penerapan ekonomi kitaran dan usaha ke arah memaksimumkan nilai daripada aset tanah yang wujud dalam operasi perniagaan Kumpulan.

Pertanian Bersepadu FGV diberi kepercayaan untuk mencapai matlamat seperti berikut:



Menyumbang
kepada Strategi Keselamatan
Makanan Negara



Menceburi dalam pasaran
premium yang berfokuskan
Gaya Hidup Sihat



Memfaatkan
kekuasaan FGV



Mengembangkan
penglibatan dalam rantaian
nilai perniagaan

Pertanian Bersepadu memberi fokus kepada 6 tunggak perniagaan utama iaitu:

PROJEK YANG SEDANG BERJALAN

Makanan Haiwan

Makanan haiwan berasaskan sawit mempunyai potensi pertumbuhan yang begitu memberangsangkan dan FGV telah mengenal pasti ianya sebagai punca pendapatan yang penting. Melalui prinsip yang terhasil daripada dedak isirung sawit (PKE), sisa sawit ini dahulunya dieksport dan mempunyai margin yang rendah. Namun, bahagian R&D telah menjalankan beberapa ujian mengenai makanan haiwan berasaskan sawit bagi mengeluarkan produk makanan haiwan berkualiti tinggi.

Buat masa ini, FGV mengeluarkan 400,000 MT PKE setahun. Sebagai pengeluar makanan haiwan, kami komited untuk memastikan makanan haiwan FGV dikeluarkan selaras dengan kualiti yang tinggi, selamat dan berproduktiviti untuk menyokong kemampuan perladangan ternakan.

Tanaman Kontan

Sehingga 2020, penanaman tanaman kontan FGV terhad kepada aktiviti tanam selingan, di mana tanah untuk penanaman semula digunapakai untuk tanaman kontan yang mempunyai kitaran hidup yang singkat. Sebanyak 15,000 hektar tanah dikenal pasti untuk penanaman semula setiap tahun.

Kami juga telah memulakan penanaman pisang *Cavendish* melalui pengurusan ladang kontrak yang akan membekalkan buah-buahan kepada FGV bagi membolehkannya untuk dijual kepada pasaran domestik dan eksport. Buat masa ini, kami sedang membuat kaji selidik mengenai kebolehpasaran buah-buahan lain seperti nangka dan tembikai.

Kami juga sedang menguji potensi biojisim dari lebihan penanaman nanas dan pisang untuk diproses sebagai makanan haiwan.



Penanaman Nanas MD2

Sebanyak 237,309 sulur nanas telah ditanam di Moakil 7, Johor bermula September 2020. Sulur nanas ini akan digunakan oleh FGV sebagai benih untuk perladangan berskala komersial FGV.



Ladang Pisang Cavendish

Pada 2020, sebanyak 64,500 pokok pisang *Cavendish* ditanam di Paloh, Johor. Pertanian Bersepadu telah mensasarkan untuk mengunapakai tanaman pisang secara tanaman selingan bagi 1,000 ha kawasan penanaman semula FGV.

Perladangan Tenusu

Pada bulan Februari 2020, FGV menjadi rakan usaha sama dengan pegangan ekuiti sebanyak 60% dengan nilai pelaburan RM10 juta di dalam RedAgri Farm Sdn. Bhd. (RedAgri). Melalui pegangan ekuiti ini, Kumpulan dapat mengorak langkah dalam perniagaan ladang tenusu dan pemprosesan susu segar. Usaha sama ini sekarang dikenali sebagai FGV Dairy Farm Sdn. Bhd. (FGV DF) dan produk tenusu di bawah FGV DF akan dipasarkan menggunakan jenama Bright Cow.

Buat masa ini, FGV DF memproses 1,250 liter susu segar sehari dan mensasarkan pengeluaran 30,000 liter sehari menjelang 2022. Kenaikan sasaran pengeluaran ini telah pun mendapat permintaan daripada pelanggan komersial dan industri. FGV merancang untuk meningkatkan pengeluaran melalui ladang kontrak bagi memenuhi permintaan domestik.



Ladang Tenusu Nukleus FGV di Linggi, Negeri Sembilan

Pada 14 September 2020, sebanyak 120 ekor lembu baharu telah dibawa daripada Australia, telah menjadikan jumlah keseluruhan daripada 130 ekor kepada 250 ekor.



Kilang Memproses Susu Lembu Segar

Kilang memproses susu yang terletak di Ara Damansara akan dipindahkan ke kilang berteknologi tinggi di Linggi, Negeri Sembilan menjelang 2021. Fasilitas baharu ini akan mempunyai kapasiti pengeluaran 10 juta liter setahun.



Ladang Kepelbagaian FGV

Ladang tenusu baharu FGV akan membantu pengeluaran susu segar yang dipasarkan di bawah jenama Bright Cov.



Ladang Kontrak (usahawan Agro)

Ladang kontrak daripada kumpulan B40 akan dibantu untuk menjadi usahawan perladangan FGV Agro.



Ladang Anak Lembu di ladang kelapa sawit

Anak lembu jantan akan dibesarkan di ladang fidlot yang terletak di ladang kelapa sawit FGV.

Ulasan Strategi dan Pelan Perniagaan Kumpulan



Padi & Beras

Pada 2020, Pertanian Bersepadu telah mengenal pasti sekitar 10,000 ha kawasan untuk pertanian padi secara mekanikal berskala besar yang akan bermula pada 2025. Anggaran kapasiti pengeluaran optimum adalah 70,000 tan padi bersih selari dengan objektif Kementerian Asas Tani dan Industri (MAFI). Bagi memenuhi kapasiti pengeluaran yang diperlukan, Pertanian Bersepadu telah memulakan kolaborasi bagi menambahbaik proses mekanikal bersama Insitut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Kawasan Pertanian Bersepadu Malaysia (IADA) dan juga Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA). Sehingga sekarang, Pertanian Bersepadu telah memulakan 300 ha ladang padi beras wangi MRQ76 yang terletak di Barat Laut Selangor dan Seberang Perak. Keluasan perladangan padi ini akan bertambah setiap tahun dan tidak hanya tertumpu di Selangor dan Perak sahaja malah termasuk di Pahang dan Kelantan bagi mencapai 10,000 ha menjelang 2025.

Bagi ladang padi berskala besar pula, Pertanian Bersepadu telah melaksanakan model perniagaan secara ladang kontrak bagi mengurangkan risiko kepada aktiviti pengoperasian. Walaubagaimanapun, semua petani kontrak diwajibkan untuk mengikut standard prosedur operasi (SOP) yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dengan penglibatan agensi kerajaan seperti MARDI, DOA dan IADA.


e-Dagang bersama GOGOPASAR

Pada November 2020, FGV telah melabur di dalam syarikat 'start up' tempatan dan memperkenalkan GOGOPASAR, pembelian melalui talian e-Dagang. GOGOPASAR ini membolehkan FGV untuk meningkatkan keupayaannya dalam rantai pembekalan perniagaan agri dari hujung-ke-hujung yang menghubungkan secara terus kepada pengguna.

GOGOPASAR merupakan subsidiari kepada FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. yang ditubuhkan bagi penanaman tanaman kontan, perladangan padi, ternakan, perladangan tenusu dan pengeluaran makanan haiwan.

GOGOPASAR ini menerapkan kesinambungan teknologi bersama dengan perniagaan, menghubungkan pasaran perniagaan ke perniagaan (B2B) dan perniagaan kepada pengguna (B2C). Ianya tidak mempunyai had kuantiti jualan ataupun pembelian.

GOGOPASAR berfungsi sebagai pedagang runcit maya hujung-ke-hujung yang menghubungkan pembekal, gudang dan logistik. Ia juga platform runcit maya untuk penjualan terus kepada pengguna dengan harga berpatutan dan produk yang dijamin kualitinya. Pembelian boleh dibuat melalui laman web GOGOPASAR di www.gogopasar.com atau melalui aplikasi Gedung Apple ataupun Gedung Play Store.



LEMBAH MAKANAN AGRO FGV


Pada Mei 2020, FGV bersama subsidiarinya yang disenaraikan iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad telah mengumumkan kerjasama komersial untuk membangunkan kawasan pembangunan pertanian yang baharu dinamakan sebagai Lembah Makanan Agro FGV di Chuping, Perlis.

Pembangunan Lembah Makanan Agro FGV seluas 4,499 ha ini dijangka dapat membawa perubahan kepada lanskap industri pertanian di Perlis kerana menggunakan pendekatan Revolusi Industri 4.0 yang menggabungkan teknologi dan mekanisme moden, pembangunan mampan serta aktiviti bernilai tambah.

Fokus utama bagi Lembah Makanan Agro FGV adalah integrasi pertanian tenusu dan penanaman tanaman kontan bernilai tinggi. Ianya akan memainkan peranan yang tinggi dalam membina industri perniagaan agri Malaysia bagi menjamin keselamatan makanan negara.

Sebagai tambahan, pembangunan ini dijangka dapat menjana ekonomi Malaysia yang menghadapi fasa menurun disebabkan pandemik COVID-19. Pembangunan Lembah Makanan Agro FGV ini juga dijangka akan menawarkan 300 peluang kerja bagi komuniti tempatan dan peluang perniagaan kepada petani muda terutamanya kumpulan B40 yang boleh melibatkan diri sebagai petani kontrak, logistik dan pembekal kepada barangan ataupun perkhidmatan.

Sasaran kami untuk menjadi salah satu peneraju hub makanan di Malaysia, memberi nilai yang mampan kepada pemegang saham dan meningkatkan taraf hidup komuniti tempatan dan bertanggungjawab kepada alam sekitar. Lembah Makanan Agro FGV akan terus memperkuat sektor makanan agro negara sekaligus menjamin keselamatan makanan negara.



Ulasan Perniagaan Kumpulan

PERLADANGAN



Perniagaan Perladangan merupakan tulang belakang kepada Kumpulan FGV dan ianya menjadi perhubungan utama kelapa sawit di dalam rantai nilai daripada hulu, hiliran, pemasaran & dagangan sehingga aktiviti penyelidikan & pembangunan. Perniagaan ini juga terlibat di dalam perniagaan aktiviti getah.



Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi Perniagaan Perladangan yang disebabkan oleh tiga (3) faktor:

- Kesan sela masa akibat cuaca kering menyebabkan pengeluaran buah tandan segar (BTS) menurun sekaligus menyebabkan penurunan kepada prestasi hasil, kadar perahan minyak (OER) dan faktor utilisasi mengakibatkan peningkatan kos pengeluaran sebelum kilang.
- Kekurangan tenaga kerja migran kesan daripada perintah kerajaan untuk menutup pintu sempadan bagi mencegah penyebaran pandemik COVID-19.
- Kawalan pergerakan di Malaysia akibat pandemik COVID-19 dan penutupan ekonomi global termasuk kelembapan ekonomi menyebabkan permintaan dan perbelanjaan yang rendah terutama bagi perniagaan HoReCa (Hotel, Restoran dan Kafe).


Cabaran ini telah meningkatkan keperluan untuk mengambil tindakan bagi risiko kelestarian yang sedia ada, terutamanya risiko iklim dan alam sekitar. Inisiatif dan langkah mengatasi telah dilaksanakan dan segala maklumat disertakan di bahagian 4 pelaporan ini.

Kesemua kesan negatif ini telah diatasi dengan peningkatan harga minyak sawit mentah (CPO) dan minyak isirung sawit (PKO) sebanyak 30% dan 28% bagi tahun ini.

Keseluruhannya, Perniagaan Perladangan telah merekodkan peningkatan pada keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) kepada RM402 juta pada tahun 2020 (2019: LBZT RM9 juta) didorong oleh peningkatan hasil sebanyak 6% menjadi RM11.57 bilion (2019: RM10.89 bilion).


HULUAN DAN PERDAGANGAN

Hasil daripada huluan dan perdagangan telah meningkat 13% menjadi RM7.91 bilion (2019: RM7 bilion) dan untung sebelum zakat dan cukai (PBZT) pula meningkat kepada RM279 juta (2019: LBZT RM136 juta). Kenaikan keuntungan yang melebihi 100% ini disebabkan oleh margin CPO yang lebih baik seiring dengan harga kenaikan harga CPO. Bagaimanapun, prestasi kewangan sedikit terkesan dengan penurunan 4% pengeluaran BTS dan 7% penurunan CPO yang diproses.




HILIRAN

Bahagian hiliran pula mencatatkan untung sebelum zakat dan cukai (PBZT) sebanyak RM157 juta yang didorong oleh peningkatan margin keuntungan bagi CPKO/RBDPKO dan juga keuntungan yang tinggi bagi perniagaan oleokimia termasuk hasil daripada nyahlaburan FGV-CNS sebanyak RM32 juta. Bagaimanapun, prestasi positif keseluruhan ini dikekang oleh keuntungan yang rendah bagi subsidiari usaha sama dan syarikat sekutu.



R&D

Hasil daripada bahagian R&D menurun dengan mendadak kepada RM281 juta (2019: RM555 juta) untuk merekodkan kerugian sebelum zakat dan cukai (LBZT) sebanyak RM34 juta (2019: PBZT RM21 juta). Penurunan ini disebabkan oleh jualan benih yang rendah termasuk permintaan daripada pelanggan yang merosot kesan daripada PKP. Ini juga termasuk dengan penurunan bagi jumlah jualan baja kerana kekurangan tender kesan daripada kelembapan ekonomi keseluruhannya yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.



RUMUSAN OPERASI HULUAN

Perniagaan Perladangan FGV didominasi oleh operasi huluan yang merupakan penyumbang terbesar kepada hasil Kumpulan.

2020 merupakan tahun yang mencabar kepada operasi huluan yang mengalami penurunan kadar hasil perahan kelapa sawit, kekurangan tenaga kerja migran dan penutupan sementara operasi yang disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebagai tambahan, bahagian ini telah menangguhkan penanaman semula dan aktiviti penyuburan.

Operasi huluan menguruskan 439,275 ha jumlah bank tanah (termasuk tanah LLA) di Malaysia dan Indonesia yang mengeluarkan sekitar tiga (3) juta MT CPO setiap tahun. Di Malaysia, kami mempunyai 197 ladang yang terletak di Selangor, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Di Indonesia pula, kami mempunyai lima (5) ladang yang terletak di pusat dan barat Kalimantan.

FGV mempunyai 68 kilang sawit di seluruh Malaysia, memproses lebih 14 juta MT BTS setiap tahun. Kilang sawit ini menerima satu pertiga BTS daripada ladang FGV di atas tanah LLA manakala baki dua pertiga diterima daripada peneroka FELDA dan pekebun kecil bebas.

Pada tahun 2020, bahagian huluan meneruskan program penanaman semula secara berskala minimum disebabkan halangan pengoperasian akibat pandemik COVID-19. Bahagian ini sangat menyedari bahawa mengekalkan kadar sasaran tanaman semula adalah penting bagi mendapat purata umur kelapa sawit yang matang. Aktiviti penanaman semula ini akan diteruskan sehingga Kumpulan mencapai profil purata umur 12 tahun menjelang 2026.


Dalam mengekalkan saiz kawasan mekanisasi, bahagian huluan telah mengambil semula 28,500 ha yang diberi secara kontrak sebelum ini. Dengan pelaksanaan ini, Kumpulan telah mendapat faedah melalui pengumpulan BTS, mengurangkan kebergantungan kepada penuai manual dan tenaga kerja bagi mencapai peningkatan nisbah *land to man ratio*.

Ulasan Perniagaan Kumpulan

BANK TANAH

| Bank Tanah (ha) | 2020 | 2019 |
|---|---------|---------|
| • Malaysia | | |
| • Semenanjung | 252,543 | 252,509 |
| • Sabah dan Sarawak | 164,154 | 164,144 |
| • Indonesia | | |
| • Subsidiari | 22,578 | 22,578 |
| • Usaha sama | 42,824 | 42,824 |
| Keseluruhan tanah tidak termasuk usaha sama | 439,275 | 439,230 |
| • Kawasan bertanam (sawit) | | |
| • Tidak matang | 59,842 | 74,953 |
| • Matang | 275,562 | 263,484 |
| Keseluruhan kawasan bertanam (kelapa sawit) | 335,404 | 338,437 |
| • Keseluruhan kawasan bertanam (getah) | | |
| • Tidak matang | 4,630 | 7,680 |
| • Matang | 3,365 | 3,521 |
| Keseluruhan kawasan bertanam (getah) | 7,995 | 11,201 |

PROFIL UMUR KELAPA SAWIT



PRESTASI OPERASI

Tahun ini, pengeluaran BTS telah menurun sebanyak 4% kepada 4.29 juta MT (2019: 4.45 juta MT) dan hasil BTS juga menurun sebanyak 8% kepada 16.96 MT/ha (2019: 18.44 MT/ha) disebabkan kesan sela masa cuaca panas dan kemarau termasuk penurunan pengeluaran daripada pokok muda, tua dan terlalu tua.


Ini menyebabkan pengeluaran CPO dan PK mencatatkan penurunan sebanyak 6% dan 7%. Pengeluaran CPO bagi 2020 adalah 2.87 juta MT (2019: 3.07 juta MT) manakala pengeluaran PK adalah 0.72 juta MT (2019: 0.77 juta MT).

OER pula telah jatuh 1% kepada 20.32% (2019: 20.61%) dan kadar perahan isirung jatuh 2% lebih rendah menjadi 5.09% (2019: 5.20%).

Kos pengeluaran sebelum kilang pula meningkat 7% kepada RM1,619/MT didorong oleh pengeluaran tuaian yang rendah termasuk peningkatan kos ladang dan kilang.

Jadual di bawah menunjukkan trend prestasi pengoperasian di antara FGV dan MPOB pada tahun 2020. Secara keseluruhan, prestasi yang rendah ini seiring dengan industri yang dijadikan sebagai piawai bagi prestasi kami dengan MPOB.

| Parameter Utama | UOM | FGV 2020 | FGV 2019 | 2020 MPOB (Penanda Aras) | 2019 MPOB (Penanda Aras) |
|-----------------|---------|----------|----------|--------------------------|--------------------------|
| Hasil BTS | MT/HA | 16.96 | 18.44 | 16.73 | 17.19 |
| Pengeluaran CPO | Juta MT | 2.87 | 3.07 | 19.14 | 19.86 |
| Pengeluaran PK | Juta MT | 0.72 | 0.77 | 4.70 | 4.89 |
| OER | % | 20.32 | 20.61 | 19.92 | 20.21 |
| KER | % | 5.09 | 5.20 | 4.90 | 4.98 |
| UF | % | 70.00 | 73.00 | 82.26 | 87.04 |





Ulasan Perniagaan Kumpulan

Tenaga Kerja Perladangan

Tenaga kerja perladangan kami memainkan peranan bagi pengoperasian perniagaan huluan termasuk prestasi keseluruhan Kumpulan. Jumlah bagi tenaga kerja kami adalah 31,837 orang yang terbahagi kepada 4,461 rakyat Malaysia dan 27,376 tenaga kerja migran. Tenaga kerja migran yang merangkumi 87% tenaga kerja perladangan telah menurun sebanyak 1% pada 2020 berbanding 2019. Bagaimanapun, FGV telah mengambil langkah bersepadu untuk meningkatkan penglibatan rakyat Malaysia dalam perniagaan perladangannya.

|  <p>Tenaga Kerja Perladangan di ladang kami pada 31 Disember 2020</p> <p>31,837</p> | No. | Warganegara | 2020 | 2019 |
|--|---------------|-------------|---------------|---------------|
| | 1 | Indonesia | 13,178 | 14,732 |
| | 2 | Bangladesh | 7,843 | 8,531 |
| | 3 | Filipina | 2,146 | 2,557 |
| | 4 | Thailand | 49 | 78 |
| | 5 | Nepal | 7 | 9 |
| | 6 | Myanmar | 2 | 3 |
| | 7 | Sri Lanka | 1 | 1 |
| | 8 | India | 4,150 | 3,434 |
| | JUMLAH | | 27,376 | 29,345 |

JUMLAH TENAGA KERJA



JUMLAH TENAGA KERJA

31,837



JUMLAH TENAGA KERJA

33,859

Hiliran

Bahagian hiliran menjadi kepentingan strategik kepada Kumpulan dalam merealisasikan visi FGV untuk menjadi peneraju perniagaan agri yang berintegrasi dan berkelas dunia. Ini dapat dilihat melalui momentum yang berterusan dalam pembangunan produk bersama rakan usaha sama dan aktiviti penggabungan & pengambilan.

Kami sedang memperluaskan kehadiran pasaran eksport dengan meneroka model perniagaan yang mampan termasuk membangunkan portfolio produk yang bersesuaian bagi memenuhi segmen pasaran yang berbeza. Subsidiari kami iaitu Twin Rivers Technologies meluaskan aktiviti untuk membesarkan kehadiran kami di Amerika Syarikat untuk pengeksportan produk berasaskan sawit. Buat masa ini, kami sedang menimbangkan perkongsian dan kolaborasi untuk memasuki pasaran India, Timur Tengah dan Asean.

Selain produk makanan berasaskan minyak sawit, bahagian hiliran juga telah meluaskan perniagaannya di dalam makanan dan nutrisi haiwan. Ini adalah lambang kepada pacuan ekonomi kitaran yang berasaskan sawit dan mempunyai potensi untuk menjana pendapatan kepada hasil Kumpulan.


Pemasaran & Dagangan

Operasi pemasaran dan dagangan kami memulakan haluan ke pasaran India pada tahun 2020.

Pada Julai 2020, FGV Trading Sdn Bhd (FGVT) telah mengadakan usaha sama (JV) bersama sebuah syarikat yang berpangkalan di Hyderabad – Pre-Unique Pvt. Ltd. (PreU). Usaha sama yang baharu di antara FGV – PreUnique (India) Pvt. Ltd. ini berpangkalan di India. Terdapat potensi yang besar dalam pasaran di India, mengambil kira hanya terdapat 1.3 bilion populasi di benua kecil itu. Usaha sama ini merupakan batu loncatan bagi FGV untuk mengambil bahagian secara langsung di dalam perniagaan minyak dan lemak di India. India merupakan salah satu pengimport terbesar minyak sawit mentah (CPO) FGV selain produk bertapis yang lain.

Dengan produk sampingan yang berlebihan yang dihasilkan oleh ladang dan kilang kami, kami telah meningkatkan pengeluaran makanan haiwan yang bernutrisi tinggi kepada 40,000 MT. Dedak isirung sawit (PKE) merupakan ramuan utama dalam menghasilkan makanan haiwan dan ianya juga dihasilkan selaras dengan piawaian kebersihan makanan berkelas dunia untuk menjamin keselamatan dan kesihatan ternakan.

Langkah seterusnya, kami akan membuat penyelidikan baharu untuk menguatkan perniagaan makanan haiwan. Kami juga akan mengukuhkan perniagaan makanan FMCG sebagai pemacu utama bagi pertumbuhan pendapatan. Menjelang 2021, kami bercadang untuk membangunkan lima (5) produk minyak dan lemak pacu pasaran. Pelan masa hadapan kami juga termasuk penembusan pasaran CPKO berpremium dan membangunkan makanan haiwan yang lain.



Ulasan Perniagaan Kumpulan

Penyelidikan & Pembangunan

Bahagian R&D kami memainkan peranan yang penting dalam pembangunan produk termasuk penembusan pasaran dan pendapatan keuntungan. Ianya diberi penghargaan atas pengkomersialan bahan tanaman kelapa sawit premium dan baja yang menjana pendapatan utama bagi bahagian R&D.

Selain produk berasaskan sawit, bahagian ini juga telah mempergiat untuk membangunkan usaha niaga Pertanian Bersepadu bagi Perniagaan Perladangan. Ini termasuk mengoptimalkan kapasiti pengeluaran klon bagi tanaman strategik seperti nanas MD2, pisang dan pelbagai tanaman kontan yang dirancang oleh Kumpulan.

Pada 2020, kami telah memulakan tapak semaian benih nanas MD2 di Johor yang menjadi bukti penglibatan FGV dalam tanaman nanas berskala komersial untuk jualan domestik dan pasaran eksport. Kami juga telah menjalankan penyelidikan untuk membangunkan pisang *Cavendish* dan pelbagai tanaman kontan untuk menguatkan kebolehan sebagai penjana utama pendapatan bagi Kumpulan. Sebagai tambahan, kami juga sedang menjalankan penyelidikan bagi penghasilan biojisim melalui pengeluaran nanas dan pisang dan bagi mengenal pasti potensi untuk diproses menjadi produk makanan haiwan.

FGV Agri Services Sdn. Bhd. (FGVAS) iaitu anak syarikat kami telah pun memulakan langkah di pasaran benih kelapa sawit di India dan bercadang untuk menembusi pasaran Afrika. Kami telah mengeksport bahan tanaman premium dan benih ke Thailand, Indonesia, Papua

New Guinea dan Filipina. Pada tahun ini juga, produk utama kami iaitu benih dan anak benih Yangambi ML161 telah mengalami 16.76% penurunan jualan kepada 15 juta benih dan 31.92% kepada 2.63 juta bagi anak benih. Penurunan jumlah jualan bagi dua (2) produk ini disebabkan oleh permintaan yang lemah daripada operator nurseri dan penangguhan program penanaman semula disebabkan oleh pandemik COVID-19. Jumlah eksport Yangambi ke India, Indonesia dan Thailand juga terkesan akibat penutupan ekonomi di negara-negara tersebut.

Jumlah jualan bagi anak benih kelapa sawit pula meningkat sebanyak 38.37% kepada 2.64 juta MT disebabkan minat pelanggan yang lebih kepada anak benih berbanding benih bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja di nurseri sewaktu pandemik COVID-19.

Penjualan ramet pula telah melonjak dua kali ganda kepada 0.35 juta atau 57.20% dengan 91% jualan kepada FGV Plantations Malaysia. Penjualan umpan racun tikus pula bertambah secara sederhana iaitu 7.71% didorong oleh tender yang diraih melalui syarikat perladangan seperti Tradewinds, IOI dan TH Plantations.

Bagi segmen baja pula, kami mencatatkan jualan baja sebanyak 420,000 MT pada 2020, pencapaian yang lebih rendah berbanding 610,000 MT yang dicatat pada 2019. Penurunan penjualan baja ini disebabkan situasi pandemik COVID-19 dan PKP yang diwartakan oleh kerajaan sekaligus mengganggu-gugat pengeluaran dan penghantaran baja kepada pelanggan. Situasi pandemik juga telah menyebabkan penanam menangguhkan pembajaan mereka sekaligus mengurangkan pembelian baja.



Pada Julai 2020, kami telah melancarkan produk baja kompaun 1 kg bungkusan botol yang dikenali - SF65: Baja Subur, melengkapi produk terdahulu seperti SB45: Baja Penggalak Bunga dan Buah yang menunjukkan peningkatan permintaan setiap tahun dan mengambil peluang terhadap trend bercucuk tanam di rumah yang tinggi ketika waktu PKP.

Bagi tahun 2020, jualan baja runcit kami telah meningkat 30% daripada 24,000 MT kepada 34,000 MT termasuk 20,000 botol SB45 dan SF65.

Pada akhir 2020, kami telah merekodkan jualan baja runcit sebanyak 21,013.16 MT, termasuk 2,580 botol Baja Subur yang baharu dilancarkan. Bagi memenuhi peningkatan pasaran baja runcit, kami telah melantik lima (5) agen jualan pada 2020 menjadikan jumlah keseluruhan rangkaian menjadi 32.

FGVAS juga memperkenalkan baja baharu bagi pertanian di rumah yang diberi nama LiqGro63, MycoGrow500 dan TopGro88. Kami juga dalam perancangan untuk mengkomersialkan baja FOF ini diperkuat daripada buah tandan sawit kosong (EFB) dan dikompos berasaskan kelapa sawit matang.

Langkah seterusnya, FGVAS berkolaborasi dengan AMCO Niaga Sdn. Bhd. untuk mengembangkan lagi produk racun pembunuh untuk perladangan padi. Bagi kolaborasi bersama PT Pandawa, FGVAS telah menubuhkan rangkaian pembekal dan pengedaran bagi cecair rumpai berasaskan bio untuk pasaran domestik mereka.

Kami juga sedang meneroka potensi penggunaan untuk inokulum mikrob bagi rawatan efluen kilang sawit (POME) dan memperkenalkan buluh sebagai tanaman strategik baharu di kawasan yang sesuai untuk tanaman sawit dan getah.

Pengoperasian Getah

Strategi pasaran dan penembusan produk bagi perniagaan kelapa sawit juga mengambil kira perniagaan getah. Ia sesuai dengan pelan jangka masa panjang Kumpulan untuk menjadi peneraju perniagaan agri yang berintegrasi dan lestari dengan pelbagai Produk Pengguna.

Perniagaan getah kami juga sedang meneroka pengeluaran bagi produk getah mesra alam. Getah mesra alam ini mempunyai kelebihan sebatian getah asli dan sintetik yang boleh digunakan bagi industri tayar. Getah lateks mesra alam boleh juga digunakan dalam pembuatan sarung tangan yang mempunyai margin keuntungan yang tinggi berbanding produk getah asli. Bagi meningkatkan perniagaan ini, kami sedang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti produk asli untuk diimport.

FGV juga sedang meneroka kebolehan kami untuk melibatkan diri dalam hiliran produk getah bagi pembuatan sarung tangan. Buat masa ini, kami adalah pembekal kepada peneraju pembuat sarung tangan di Malaysia.

Tenaga Boleh Diperbaharui

Bahagian tenaga boleh diperbaharui dan produk sampingan berada di bawah FGV Palm Industries Sdn. Bhd. (FGVPISB). Ianya ditubuhkan untuk menjadi tulang belakang kepada inisiatif 'Waste to Wealth', membekalkan dan menjual 14 jenis produk sampingan biojisim seperti tempurung isirung sawit, minyak enap cemar dan cebisan serat buah tandan sawit kosong. FGVPISB juga memacu inisiatif Kumpulan dalam pengurangan pengeluaran karbon dengan pengoperasian 28 loji biogas yang dapat mengurangkan 108,197 MT pengurangan pengeluaran karbon pada 2020 selain menggunakan biogas ini untuk menjana Projek Tarif Galakan (*Feed-in-Tariff*) dan lapan (8) Projek Elektrifikasi Luar Bandar yang terletak di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Pada Oktober 2020, bahagian ini telah berjaya mengkomersialkan Loji Janakuasa Biogas Triang yang terbesar di Kumpulan FGV. Loji janakuasa ini mampu menghasilkan 2MW kapasiti daripada biogas dan membekalkannya kepada grid elektrik TNB di bawah skim FiT di bawah pihak berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia). Biogas ini dihasilkan daripada POME yang 100% organik dan kaya dengan tenaga untuk menghasilkan elektrik.

Di peringkat kebangsaan, hasil murni FGV ini telah diiktiraf dengan kemenangan tiga (3) tahun berturut-turut oleh Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) daripada 2018 sehingga 2020 dan memenangi tempat ketiga bagi ASEAN Energy Awards di peringkat antarabangsa sekaligus mencerminkan kerja keras, minat dan komitmen yang tidak berbelah bagi kepada inisiatif tenaga boleh diperbaharui semenjak 2000.

TINJAUAN DAN PROSPEK

Dengan kejayaan FGV melakar kepada pembangunan baharu sebagai perniagaan agri yang berkelas dunia dengan rantai nilai hujung ke hujung, pengoperasian Perniagaan Perladangan Hulu akan meneruskan usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pengurangan kos. Kami telah meletakkan beberapa inisiatif bagi mencapai matlamat ini antaranya:

- Untuk terus memperbaiki hasil dengan bahan tanaman yang berkualiti tinggi
- Untuk menubuhkan model penanaman semula yang berpiawaian tinggi dengan menggunakan teknologi *Safe Application for Environment (SAFE)* bagi kawasan penanaman yang terpilih
- Untuk meneruskan Konsep Model Perladangan (MPC) di seluruh kawasan ladang
- Untuk meneruskan aktiviti penanaman semula dan mekanisasi
- Untuk membangunkan perniagaan nilai tambah yang bernilai tinggi bagi menyokong Perniagaan Produk Pengguna baharu Kumpulan
- Untuk membangunkan minyak berkualiti tinggi, lemak istimewa dan oleokimia istimewa
- Untuk mencipta produk baja bio menggunakan *microbial consortia*
- Untuk menembusi pasaran antarabangsa melalui bahagian R&D
- Untuk mengkomersialkan loji janakuasa biogas 2MW di Kilang Sawit Kratong 9, Muadzam Shah, Pahang.

Ulasan Perniagaan Kumpulan

PERNIAGAAN GULA




MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) merupakan pengeluar gula terbesar di Malaysia dengan 60% penguasaan pasaran domestik dan mempunyai kilang penapisan gula yang kelapan terbesar dengan jumlah kapasiti pengeluaran sebanyak 2.14 juta MT. Namun, kapasiti ini telah berkurang kepada 2.05 juta MT setelah penutupan operasi MSM Perlis Sdn. Bhd. pada 30 Jun 2020.



Pada 2020, permintaan gula daripada perniagaan F&B, komersial dan perindustrian telah menurun kesan daripada pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP. Ini sekaligus telah menyebabkan jumlah inventori bagi separuh tahun pertama 2020 meningkat namun ianya kembali stabil pada separuh tahun kedua 2020 apabila PKP mula dilonggarkan sekaligus memberi tanda-tanda pemulihan ekonomi.

PRESTASI KEWANGAN

Pada 2020, Perniagaan Gula kami mencatatkan kerugian yang lebih rendah berbanding 2019 disebabkan oleh margin keuntungan kasar yang lebih baik, didorong oleh kos gula mentah dan penapisan yang rendah. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, keputusan terkesan oleh hapus kira dan rosot nilai tumbuhan penghasil yang berjumlah RM63 juta (2019: RM147 juta).



PRESTASI OPERASI

Pada 2020, Perniagaan Gula mencatatkan 8% peningkatan jumlah jualan dan 0.5% peningkatan bagi purata harga jualan. Pengeluaran pula telah menurun sebanyak 6% dari tahun ke tahun disebabkan oleh penutupan operasi di MSM Perlis pada Jun 2020. Pengurangan kepada kapasiti ini akan diisi oleh kilang penapisan MSM Johor. Permintaan domestik juga telah menurun kesan daripada pandemik COVID-19.

Walaupun faktor utilisasi telah menurun sebanyak 2%, suku keempat 2020 menunjukkan kemajuan daripada penggabungan kapasiti sekaligus menjadikan kos penapisan menjadi lebih rendah. Sebagai tambahan, penambahbaikan operasi ini menjadikan kadar hasil yang lebih baik bagi proses penapisan gula dan penurunan kepada kos jualan dan pengedaran.

| | TK2019 | TK2020 | Variasi (%) |
|--------------------------|-----------|-----------|-------------|
| Jumlah Jualan (MT) | 947,290 | 1,024,603 | +8 |
| Jumlah Pengeluaran (tan) | 1,073,888 | 1,010,215 | -6 |
| Faktor Utilisasi (UF) | 48 | 47 | -2 |

TINJAUAN DAN PROSPEK

- Pelan pengembangan bagi fasiliti nilai tambah di MSM Johor yang telah selesai
- Menambahbaik SKU di MSM Johor bagi memenuhi permintaan domestik terutamanya Gula Pasir Kasar (CGS-P1)
- Menambahbaik keupayaan dan kecekapan pengeluaran kilang MSM Johor
- Menembusi pasaran baharu melalui hubungan langsung bersama pihak yang mempunyai reputasi serta rangkaian pengedaran serantau bagi meningkatkan jualan serta faktor utilisasi kilang

- Pengurusan modal yang strategik bagi menambahbaik kecairan
- Menambahbaik kadar hasil bagi semua kilang secara berterusan
- Menggabungkan operasi rantai nilai dan operasi logistik bagi pengurusan penghantaran yang teratur dan lebih jimat
- Meneliti keupayaan hiliran berkaitan Perniagaan Gula bagi memberi ruang pendapatan tambahan
- Menyahlabur semua aset bukan strategik dan tidak berproduktif

Untuk maklumat lanjut berkaitan Perniagaan Gula boleh merujuk kepada Laporan Tahunan MSM 2020.



Ulasan Perniagaan Kumpulan

PERNIAGAAN LOGISTIK & LAIN-LAIN (LO)



Perniagaan LO terus memainkan peranan penting dalam menyokong perniagaan teras Kumpulan dengan memastikan kelangsungan pengedaran produk, keupayaan rantaian bekalan dan pengintegrasian teknologi bagi memacu keberkesanan dan kecekapan diseluruh peringkat Kumpulan. Secara keseluruhan, LO tetap mengekalkan prestasi yang positif walaupun ketidaktentuan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bagaimanapun, prospek perniagaan terkesan disebabkan oleh operasi yang terjejas, larangan perjalanan yang menyeluruh dan gangguan rantaian bekalan di peringkat global.

Antara perniagaan-perniagaan yang terkesan adalah:

Simpanan Pukul:

- Permintaan yang menurun daripada pasaran eksport utama disebabkan penutupan pelabuhan di sesetengah pasaran destinasi kami
- Kekangan ruang simpanan disebabkan paras stok yang tinggi disebabkan kelewatan penghantaran
- Pengurangan dalam pengendalian biodiesel disebabkan harga diesel yang rendah sekaligus memberi kesan kepada permintaan biodiesel

Pengangkutan :

- Penangguhan pelaksanaan projek strategik termasuk segmen minyak dan gas
- Pembatalan tender yang telah dimenangi, manakala sesetengahnya dilewatkan dan ditangguhkan ke tahun 2021
- Pergerakan yang terhad dalam/luar jeti disebabkan perintah kawalan pergerakan kesan daripada pandemik COVID-19

Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT):

- Pelaksanaan projek dan keputusan tender yang ditangguhkan oleh pihak kerajaan
- Penilaian semula garis masa dan kos projek sedia ada yang terjejas disebabkan oleh PKP
- Kelewatan untuk memperoleh projek berpotensi tinggi disebabkan penangguhan keputusan tender

Pelancongan:

- Pembatalan haji & umrah yang merupakan penyumbang pendapatan terbesar bagi perniagaan agensi pelancongan
- Sekatan rentas negeri memberi kesan kepada perniagaan Hotel Seri Costa
- Halangan untuk melancong yang diwartakan oleh kerajaan telah memberi kesan kepada perniagaan penjualan tiket

Bahagian LO terus kekal berdaya tahan dalam mengharungi krisis ini dengan meningkatkan keupayaan dan kebolehan dari segi penambahan kapasiti simpanan pukul dan gudang, penambahan aset kenderaan, penerimaan sijil logistik halal, perolehan projek mega ICT kerajaan, pembentukan kerjasama strategik dan penceburan dalam perniagaan e-Dagang.


PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, Perniagaan Logistik & Lain-lain telah mencatatkan 14% penurunan pendapatan kepada RM303 juta berbanding RM354 juta pada tahun 2019. Keuntungan bagi tahun ini pula telah meningkat 67% kepada RM50 juta berbanding RM30 juta pada tahun 2019.

Pendapatan bagi operasi pengangkutan telah menurun sebanyak 5% menjadi RM229 juta. Keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) pula

telah menurun sebanyak 74% kepada RM5 juta disebabkan jumlah pengangkutan yang menurun sebanyak 5% dan kadar pengangkutan yang juga menurun sebanyak 7%.

Pendapatan perkhidmatan simpanan pukul pula mencatatkan penurunan 7% kepada RM201 juta walaupun keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) telah meningkat sebanyak 6% kepada RM72 juta. Ini disebabkan penurunan kos operasi sebanyak 5% bagi kadar pengendalian dan penurunan sebanyak 2% bagi keseluruhan jumlah pengendalian.




PRESTASI OPERASI

Jumlah keseluruhan pengangkutan telah menurun sebanyak 5% iaitu 5.72 juta MT pada tahun 2020 (2019: 6.02 juta MT). Penurunan ini disebabkan oleh penurunan jumlah pengangkutan CPO, isirung sawit, PKE, EFB dan BTS.

Jumlah keseluruhan pengendalian simpanan pukal berkurang pada tahun 2020 kerana penurunan pengendalian sebanyak 11% pada suku pertama tahun 2020 disebabkan penutupan pelabuhan di

negara-negara pengimport akibat kesan wabak COVID-19. Jumlah simpanan pukal pada 2020 telah menurun sebanyak 2% kepada 8.22 juta MT (2019: 8.42 juta MT).

Kadar pusingan penggunaan tangki juga berkurang disebabkan oleh pengendalian simpanan pukal yang lebih rendah pada tahun 2020 berbanding 2019.



BIDANG PERTUMBUHAN BAHARU

Selari dengan perancangan strategik, Perniagaan LO telah menceburi dalam bidang perkhidmatan pihak ketiga logistik (3PL) dengan memanfaatkan treler tirai tepi yang baharu dan pembangunan sistem pengurusan gudang (WMS).

Bagi memperkukuhkan posisi perniagaan, LO terus memperluaskan portfolio pelanggan dari pelbagai industri seperti minyak & gas, pelabuhan, telekomunikasi, tenaga, pertahanan, automotif dan barangan pengguna cepat laris (FMCG).

Peningkatan yang mendadak dalam sektor ekonomi digital ketika pandemik COVID-19 telah memacu fokus kepada perniagaan e-Dagang seperti Kedai FGV, Kedai Felda Travel dan penghantaran 'last mile' FGV Transport.


TINJAUAN DAN PROSPEK

- Meningkatkan kerjasama strategik dan potensi M&A dalam perniagaan pengangkutan dan penyimpanan pukal
- Melebarkan perkhidmatan (3PL) kepada pelanggan luar
- Menubuhkan perkhidmatan logistik rantai sejuk 'cold chain'
- Menambahbaik sistem pengurusan gudang (WMS) yang dibangunkan oleh kepakaran dalaman
- Memaksimumkan penggunaan pengangkutan produk cecair dan kargo dengan memperoleh lebih perniagaan luar
- Menambahkan kapasiti simpanan pukal bagi pengendalian minyak sayuran atau minyak selainnya seperti kimia asas di Pelabuhan Tanjung Langsat, Johor
- Mempelbagaikan produk dan perkhidmatan bagi semua perniagaan di dalam LO

BAHAGIAN 3

TENTANG OPERASI KAMI

- 78 Model Nilai Penciptaan Kami
- 80 Lanskap Operasi Kami
- 82 Libat Urus Bersama Pihak Berkepentingan Kami
- 85 Risiko dan Peluang Kami



Model Penciptaan Nilai Kami

Model penciptaan nilai FGV menggambarkan visi kami untuk menjadi antara peneraju perniagaan tani bersepadu dan lestari di dunia. Di FGV, kami sentiasa menghargai enam modal yang memberikan pelbagai manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan.

Tawaran Nilai Strategik Kami

Kemajuan Pengoperasian

MODAL UTAMA



Modal Kewangan

RM4,262
juta

Ekuiti pemegang saham

RM17,180
juta

Jumlah aset

RM1,729
juta

Deposit, tunai dan baki dibank



Modal Semulajadi

Bank tanah
439,275 Ha

Kawasan mekanisasi di ladang
115,000 Ha

Kawasan Bertanam:

Kelapa sawit **335,404** Ha

Getah **7,995** Ha

5,342 Ha

Jumlah kawasan tanaman semula



Modal Pembuatan

68

Bilangan kilang

6

Kilang penapisan minyak sawit

2

Kilang penapisan gula

12

Terminal cecair

500

Lori tangki dan lori kargo

4

Gudang



Modal Intelektual



3 pusat pembangunan dan penyelidikan

56 petugas dan penyelidik berkecayaan tinggi

- Teknologi bahan tanaman
- Pengurusan bersepadu penyakit dan perosak
- Pembangunan amalan dan sistem mekanisasi bagi operasi huluan
- Teknologi makanan dan bukan makanan



Modal Insan

Petugas
15,660

15% Wanita



85% Lelaki

Tenaga kerja tempatan

4,461

Indonesia **13,178**

Filipina **2,146**

Nepal **7**

Sri Lanka **1**

Tenaga kerja migran

27,376

Bangladesh **7,843**

Thailand **49**

Myanmar **2**

India **4,150**




Modal Sosial & Perhubungan

- Menjadi rakan kongsi dan menyokong **112,638** peneroka FELDA
- Komitmen bagi melengkapkan pensijilan RSPO dan inisiatif yang berkaitan
- Menegakkan amalan tadbir urus korporat yang jitu
- Memacu kelestarian dan usaha pemuliharaan
- Meningkatkan amalan buruh

PERNIAGAAN KAMI

PERNIAGAAN PERLADANGAN



Produk dan Penembusan Pasaran

Bidang Pertumbuhan Baharu

Keupayaan Kewangan dan Kemampuan

KELUARAN UTAMA

HASIL

KESEIMBANGAN

PERNIAGAAN GULA

PEMBANGUNAN
PRODUK GULA
PREMIUMJUALAN DAN
PENGEDARANSIMPANAN CECAIR PUKAL
MINYAK SAYURAN DAN
KARGO KERINGTEKNOLOGI
MAKLUMAT &
KOMUNIKASIPERNIAGAAN
LOGISTIK & LAIN-LAIN

Hasil

RM14,076
jutaDividen daripada usaha sama dan
syarikat bersekutu**RM19.84**
juta

Pengeluaran BTS

4.29 juta MT

Purata umur pokok kelapa sawit

14.8 tahun

- Sebanyak 78 beruang matahari berjaya diselamatkan dan 52 berjaya dilepaskan ke beberapa lokasi termasuk Taman Negara di Pahang dan Terengganu

- Pengeluaran CPO **2.87** juta MT
- Kadar perahan minyak (OER): **20.32%**
- Pemprosesan BTS **14.13** juta MT
- Jumlah jualan minyak & lemak **353,625** MT
- Jumlah jualan Metil Ester Sawit (PME): **59,083** MT
- Pengeluaran gula bertapis **1.01** juta MT
- Jumlah pengendalian **8.22** juta MT

- Pembangunan tujuh (7) produk baharu bagi pengkomersialan hilir
- Pengklonan pelbagai tanaman bernilai tinggi bagi pertanian bersepadu
- Racun serangga baharu
- Tanaman strategik baharu
- Produk baharu bagi lemak khusus

- 6,786** hari latihan (training-man-days)
- Usaha pengoptimuman kos dan tenaga kerja secara berterusan
- Menyiapkan **387 blok perumahan** bagi tenaga kerja di seluruh Malaysia

- 33** kilang diperakui Pensijilan RSPO
- 68** kilang diperakui Pensijilan MSPO (*kami mendapat pensijilan penuh pada Februari 2020*)
- 100%** keberkesanan dari kilang
- Menerimakai prosedur dan garis panduan bagi pengambilan tenaga kerja asing yang bertanggungjawab

Keputusan kewangan yang lebih baik dan dividen daripada usaha sama dan syarikat bersekutu yang memberi manfaat kepada para pemegang saham.

Melalui kecemerlangan operasi dan usaha kelestarian di dalam pengoperasian boleh memanfaatkan peneroka FELDA dan para pemegang berkepentingan lain.

Mempelbagaikan pengeluaran CPO kepada pelbagai produk akan memanfaatkan modal intelektual dan modal kewangan.

Usaha transformasi yang berterusan bagi membina ekosistem inovatif yang mampan supaya produktiviti dapat diperbaiki, keefisienan dalam pemprosesan dan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan.

Melatih tenaga kerja yang mahir dan sihat termasuk membangunkan budaya kerja yang berinovatif.

Komitmen bagi memastikan pembangunan sosio-ekonomi termasuk peneroka FELDA dan para pemegang berkepentingan yang lain.

Modal Kewangan merupakan kunci utama kepada pertumbuhan mampan perniagaan kami di mana pelaburan dalam modal amat diperlukan bagi memastikan keberkesanan penggunaan modal yang lain untuk kelancaran aktiviti perniagaan serta perkembangannya.

Operasi perniagaan Kumpulan bergantung sepenuhnya kepada Modal Semula Jadi dan Kumpulan melaburkan Modal Kewangan bagi memastikan kemampuan jangka masa panjang perniagaan minyak kelapa sawit menerusi taburan umur pokok kelapa sawit yang dinormalisasikan dan tanggungjawab kepada kegunaan tanah kami.

Kumpulan melaburkan Modal Pembuatan bagi memperbaiki prestasi kilang sawit dan kilang penapisan selain membuat pelaburan kepada pembangunan produk dan perniagaan baharu. Keseimbangan di antara Modal Intelektual dan Modal Kewangan bagi memastikan Kumpulan dapat mengimbangi kitaran semulajadi perniagaan.

Kumpulan melaburkan dengan ketara bagi memperbaiki nilai Modal intelektual. Pelaburan ini adalah penting bagi inovasi dalam Modal Semulajadi dan Modal Pembuatan bagi memperbaiki keefisienan pengoperasian kami. Keseimbangan ini diperlukan bagi memastikan penguasaan dan memberi nilai jangka masa panjang yang mampan.

Kumpulan terus mengoptimalkan Modal Insan dan kos yang berkaitan bagi menambah nilai kepada Modal Kewangan. Walaupun usaha ini tidak mendatangkan manfaat kepada reputasi jangka masa pendek kepada Kumpulan, ianya sebagai keseimbangan yang diperlukan bagi menjamin masa depan jangka panjang perniagaan.

Hubungan Kumpulan bersama pihak berkepentingan adalah penting bagi perniagaan kami. Kami melabur dalam membina hubungan bersama pihak berkepentingan melalui libat urus bersama tenaga kerja, vendor, pelatih, rakan perniagaan dan badan kawal selia. Dengan libat urus bersama pihak berkepentingan, kami dapat mencipta perhubungan yang berterusan sekaligus akan membantu Modal Kewangan dan Modal Insan kami.

Lanskap Operasi Kami

PERSEKITARAN OPERASI

- Permintaan yang tinggi disebabkan kebimbangan keselamatan makanan global
- Ketidaktentuan harga CPO
- Kekurangan tenaga kerja migran

IMPLIKASI STRATEGIK

- Trend ini penting untuk dipertimbangkan oleh FGV kerana ia merupakan sebahagian daripada pasaran makanan domestik bagi meningkatkan penguasaan pasaran dengan mengeluarkan produk makanan yang bergantung kepada pasaran
- Pada 2020, Kementerian Kewangan Malaysia telah mencadangkan beberapa langkah termasuklah:
 - a) Program biodiesel bagi meningkatkan utilisasi CPO
 - b) Projek hiliran yang berimpak tinggi untuk membangunkan industri biokimia
 - c) Program kesedaran untuk mempromosi kebaikan minyak sawit kepada sosio-ekonomi
 - d) Meneroka pasaran baharu bagi mempromosi penerimaan minyak sawit bagi jangka masa panjang

PELAN TINDAKAN

- Kumpulan masih dalam penstrukturan semula untuk menjadikan Produk Makanan Pengguna sebagai aliran hasil strategik
- Dengan hala tuju baharu ini, kami ingin memainkan peranan dalam membantu mengurangkan bil import makanan Malaysia yang besar
- Menubuh dan memelihara hubungan bersama pihak kawal selia domestik dan luar negara

- Pensijilan RSPO
- Hak Asasi Manusia


- Penggantungan Pensijilan RSPO Ketidakpatuhan kepada peraturan dan dasar yang menyebabkan kegagalan untuk menjual produk berakuan kepada pembeli baharu/sedia ada


- Pelan tindakan RSPO akan dibangunkan, dilaksanakan dan dipantau selari dengan keperluan piawai. Butiran tindakan yang diambil boleh didapati di Bahagian 4 laporan ini.

- Perang perdagangan Amerika Syarikat dan China
- Larangan perdagangan Eropah dan tindakan Malaysia
- Perdagangan Amerika Syarikat dan Malaysia

- Kelemahan matawang Dolar akan menjadikan eksport Malaysia menjadi lebih mahal
- Kesan kepada rantaian bekalan syarikat dan jualan produk serta memberi tekanan kepada rakan dagangan lain seperti Jepun, Korea Utara, Taiwan dan Singapura

- FGV kekal berwaspada berkaitan perkembangan terkini dan kesan kepada perdagangan, teknologi dan halangan rantaian bekalan





Libat Urus Bersama Pihak Berkepentingan

PENGENALAN

FGV komited dalam memelihara hubungan baik bersama kumpulan pihak berkepentingan. Kami percaya bahawa pihak berkepentingan kami begitu penting bagi kejayaan perniagaan dan secara berterusan bersama mereka bagi mendapat maklum balas terhadap harapan dan persepsi mereka. Dengan mendengar maklum balas daripada mereka ini, kami akan mendapat mengumpul input yang berharga bagi mempengaruhi pengurusan risiko dan juga proses membuat keputusan bagi operasi perniagaan kami.

Pada 2020, FGV telah menjalankan aktiviti yang intensif bagi libat urus bersama pihak berkepentingan untuk mengukur maklum balas pihak tentang kepentingan perkara kelestarian. Dengan panduan daripada khidmat konsultan luar, kami telah melaksanakan aktiviti keutamaan pihak berkepentingan dan libat urus bersama pihak berkepentingan dalaman mahupun luaran.

PROSES MENGUTAMAKAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ketika proses aktiviti keutamaan pihak berkepentingan, kami telah menjalankan bengkel yang dihadiri oleh wakil daripada pelbagai cabang perniagaan FGV. Bengkel ini membincangkan secara mendalam tentang pengaruh dan kebergantungan setiap kumpulan pihak berkepentingan. Sebagai tambahan, pendekatan keutamaan pihak berkepentingan ini berpandukan Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia (Edisi Kedua) dan Kit Panduan Bursa Malaysia termasuk Kit Panduan Libat Urus Pihak Berkepentingan dan Kit Panduan Pernilaian Kelestarian.

Hasil perbincangan ini dapat membantu FGV menentukan pihak kepentingannya yang paling utama.

INTERAKSI LESTARI BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN






Ketika tahun pelaporan ini, kami telah melibatkan lebih 220 wakil daripada 11 kumpulan pihak berkepentingan seperti lembaga pengarah, FELDA, pemegang saham/pelabur, pelanggan, pembekal, NGO, rakan usaha sama/perniagaan, badan selia dan media.

Dengan panduan daripada konsultan kelestarian luaran, kami mengambil peluang untuk menjalankan pelbagai kaedah libat urus seperti lawatan tempat kerja, tinjauan secara atas talian, telesidang dan video sidang. Dalam libat urus ini, pihak berkepentingan perlu menentukan kepentingan setiap perkara kelestarian dan para pemegang berkepentingan ditemuduga untuk memberi pandangan dan peluang penambahbaikan bagi pertimbangan FGV.







Berdasarkan maklum balas, isu-isu utama yang telah disuarakan adalah hak asasi manusia, kebajikan tenaga kerja termasuk pengurusan sumber dan alam sekitar. Pihak berkepentingan kami juga telah membangkitkan isu berkaitan pembangunan & penyelidikan termasuk kualiti produk FGV. Bidang utama yang disaran oleh pihak berkepentingan untuk diperbaiki adalah kebajikan petugas/tenaga kerja dengan menilai imbuhan dan faedah yang disediakan dan meningkatkan kemudahan dan perumahan bagi tenaga kerja perladangan. Kami juga menerima beberapa cadangan untuk berkolaborasi bersama NGO/agensi kerajaan bagi memperbaiki status pensijilan RSPO. Para pemegang berkepentingan juga mencadangkan FGV untuk melabur di dalam teknologi baharu bagi operasi perniagaan untuk meningkatkan produktiviti.

Jadual di bawah merupakan ringkasan kepada libat urus pihak berkepentingan mengikut kategori, kaedah libat urus, topik utama, isu yang dibangkitkan dan reaksi FGV.



| Pihak Berkepentingan Utama | Kepentingan Mereka | Kekerapan & Kaedah Libat Urus | Topik Utama & Isu dibangkitkan | Reaksi FGV |
|--|--|--|---|---|
| Lembaga Pengarah  | <ul style="list-style-type: none"> Melihat FGV di peringkat strategik Bertanggungjawab untuk membuat keputusan di dalam organisasi untuk kawalan kewangan dan hala tuju perniagaan | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat suku tahunan luaran/dalaman Persidangan/forum/seminar Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Luar Biasa Taklimat Penganalisa Tahunan | <ul style="list-style-type: none"> Prestasi kewangan dan perancangan Kecemerlangan operasi Kepatuhan perundangan, tadbir urus dan etika Mendukung Hak Asasi Manusia dan Piawai Tenaga Kerja Keselamatan dan Perlindungan Data Pengurusan sumber dan alam sekitar | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |
| Pelanggan  | <ul style="list-style-type: none"> Menerima/membeli produk dan perkhidmatan Menjana hasil bagi FGV | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat luaran/dalaman yang berterusan Persidangan/forum/seminar Mesyuarat Agung Tahunan Kaji selidik tahunan | <ul style="list-style-type: none"> Kepatuhan perundangan, tadbir urus dan etika Mendukung Hak Asasi Manusia dan Piawai Tenaga Kerja Keselamatan dan Perlindungan Data Keselamatan dan kesihatan pekerjaan | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |
| Petugas  | <ul style="list-style-type: none"> Mengurus dan mengendalikan operasi organisasi Mewakili organisasi untuk berkomunikasi bersama pelanggan dan pembekal Mempunyai maklumat dan pengetahuan dalam operasi perniagaan | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat luaran/dalaman Aktiviti dan majlis syarikat yang berterusan seperti townhall, mentor, mesyuarat meja bulat, perjumpaan sosial, Intranet / buletin syarikat Kaji selidik luaran/dalaman | <ul style="list-style-type: none"> Kelangsungan perniagaan, prestasi kewangan & perancangan Kecemerlangan pengoperasian dan penambahbaikan teknologi Pematuhan undang-undang, pemerintahan dan etika Mendukung Hak Asasi Manusia dan Piawai Tenaga Kerja Keselamatan dan Perlindungan Data Pengurusan alam sekitar dan sumber Keselamatan dan kesihatan pekerjaan Imbuan dan libat urus petugas | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |
| FELDA  | <ul style="list-style-type: none"> Pihak berkepentingan utama syarikat | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat/forum/seminar berterusan Taklimat penganalisa tahunan | <ul style="list-style-type: none"> Kecemerlangan operasi Kepatuhan perundangan Mendukung Hak Asasi Manusia dan Piawai Tenaga Kerja Pengurusan sumber dan alam sekitar | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |
| Tenaga Kerja Perladangan  | <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan kerja perladangan dan menuai sawit Boleh mempengaruhi pengeluaran kadar hasil di ladang FGV | <ul style="list-style-type: none"> Laman web syarikat Mesyuarat dalaman/luaran yang berterusan Mesyuarat/forum/seminar yang berterusan Aktiviti/Majlis syarikat Surat Berita/Intranet syarikat Lawatan kerja/audit | <ul style="list-style-type: none"> Kecemerlangan pengoperasian Tadbir urus, etika dan integriti Pengurusan air Pakej imbuan dan manfaat Libat urus dan kebajikan tenaga kerja Komunikasi bersama pengurus dan pengurusan kepimpinan | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |

Libat Urus Bersama Pihak Berkepentingan

| Pihak Berkepentingan Utama | Kepentingan Mereka | Kekerapan & Kaedah Libat Urus | Topik Utama & Isu dibangkitkan | Reaksi FGV |
|--|--|---|--|---|
| Pelabur  | <ul style="list-style-type: none"> Sumber modal melalui pelaburan Boleh menganalisa peluang daripada pelbagai sudut dan lebih cenderung untuk meminimalkan risiko dan memaksimumkan pulangan | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat luar secara berkala Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Luar Biasa Taklimat Penganalisa | <ul style="list-style-type: none"> Kecemerlangan Operasi Kepatuhan perundangan, tadbir urus dan etika Mendukung Hak Asasi Manusia dan Piawai Tenaga Kerja Pengurusan sumber dan alam sekitar Keselamatan dan kesihatan pekerjaan | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |
| Rakan Usaha Sama/ Perniagaan  | <ul style="list-style-type: none"> Rakan kolaborasi bersama pakar industri | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat luaran yang berterusan Lawatan kerja/audit secara berkala | <ul style="list-style-type: none"> Kepatuhan perundangan Mendukung Hak Asasi Manusia dan Piawai Tenaga Kerja Tadbir urus, etika dan integriti Pensijilan RSPO | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |
| Media  | <ul style="list-style-type: none"> Boleh menyediakan pandangan melalui orang awam Bertanggungjawab melaporkan berita dan mengemaskini perihal perniagaan industri | <ul style="list-style-type: none"> Laman web Aktiviti/acara syarikat | <ul style="list-style-type: none"> Libat urus bersama komuniti Mendukung Hak Asasi Manusia dan Piawai Tenaga Kerja Keselamatan dan kesihatan pekerjaan Pengurusan sumber dan alam sekitar | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |
| NGOs  | <ul style="list-style-type: none"> Mempromosi nilai sosial, inisiatif dan budaya sivik Mengekalkan lesen sosial kumpulan untuk beroperasi | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat luar yang berterusan Persidangan/forum/seminar/ Lawatan kerja/audit | <ul style="list-style-type: none"> Libat urus petugas dan persekitaran tempat kerja yang baik Kepatuhan perundangan Kecemerlangan operasi Mendukung Hak Asasi Manusia dan Piawai Tenaga Kerja Pengurusan sumber dan alam sekitar Keselamatan dan kesihatan pekerjaan Pengurusan tenaga boleh diperbaharui/tenaga Pensijilan RSPO | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |
| Badan Kawal Selia  | <ul style="list-style-type: none"> Menguatkuasakan undang-undang industri | <ul style="list-style-type: none"> Laman web syarikat Mesyuarat yang berterusan Lawatan kerja/audit | <ul style="list-style-type: none"> Kepatuhan perundangan Kecemerlangan operasi Mendukung Hak Asasi Manusia dan Piawai Tenaga Kerja Tadbir urus, etika dan integriti Keselamatan dan kesihatan pekerjaan Keselamatan dan perlindungan data Pengurusan air | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |
| Pembekal  | <ul style="list-style-type: none"> Sumber bahan mentah Berperanan penting dalam rantai nilai perniagaan | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat dalaman/luaran yang berterusan Lawatan kerja/audit | <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan projek dan perancangan Kepatuhan perundangan Tadbir urus, etika dan integriti Keselamatan dan kesihatan pekerjaan Pengurusan sumber tenaga diperbaharui/tenaga Pengurusan air | Sila rujuk kepada bahagian 4 laporan ini. |

Risiko Dan Peluang Kami

PENGENALAN

Dengan peningkatan persaingan dan perubahan perniagaan yang dinamik, FGV telah menjalankan kajian mengenai risiko dan peluang di dalam lanskap pengoperasian dan pasaran bagi mencapai strategi perniagaan kami. Setiap tahun, kami menjalankan penilaian material dan risiko untuk menentukan skala kepada kesan terhadap kepelbagaian perniagaan kami. Pandangan daripada pihak berkepentingan merupakan pertimbangan yang penting yang digunakan dalam proses ini untuk mendapat perspektif yang realistik dan menyeluruh dalam menentukan cabaran di dalam lanskap pengoperasian.

PROSES DAN PENDEKATAN KAMI


PENILAIAN RISIKO

FGV menjalankan penilaian keseluruhan Kumpulan setiap suku tahun bagi mengenal pasti risiko perniagaan yang utama. Pendekatan kami, rangka kerja dan butiran lanjut proses pengurusan risiko ada disertakan di dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam di muka surat 231 hingga 239.

PENILAIAN MATERIAL

Kami juga menjalankan penilaian material setiap tahun bagi menentukan material ekonomi, alam sekitar dan tadbir urus (dikenali sebagai material kelestarian) yang relevan kepada perniagaan kami. Penilaian material kami berpandu kepada Rangka Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) termasuk Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia (Edisi Ke-2), Kit Bursa Malaysia termasuklah Libat Urus Bersama Pihak Berkepentingan dan Kit Penilaian Material.


Pada 2020, penilaian ini merangkumi empat (4) fasa iaitu:



Risiko Dan Peluang Kami

RISIKO DAN PELUANG KAMI

Lanjutan daripada kajian penilaian material, kami telah menghasilkan matriks material dan mengenal pasti perkara material kelestarian utama bagi 2020 iaitu Kecemerlangan Operasi dan Dukungan terhadap Hak Asasi Manusia & Piawai Tenaga Kerja.



MATRIKS MATERIAL 2020 KAMI

- Kecemerlangan operasi dan Dukungan Hak Asasi Manusia & Piawai Tenaga Kerja kekal sebagai perkara utama material bagi Kumpulan FGV. Ianya selari dengan usaha berterusan FGV bagi memastikan perniagaan kelestarian dan menangani isu hak asasi manusia
- Keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga muncul sebagai perkara penting material bagi Kumpulan FGV. Ini disumbangkan oleh kesan kepada pandemik COVID-19
- Perkara kelestarian berkaitan alam sekitar (termasuk pengurusan air, pengurusan sisa, tindakan perubahan iklim, tenaga boleh diperbaharui dan pengurusan tenaga) telah meningkat materialnya dan melonjak daripada kuadran rendah kepada kuadran sederhana. Lonjakan di dalam perkara material ini adalah selari dengan landskap pengoperasian semasa dengan peningkatan yang ketara terhadap perubahan iklim dan risiko berkaitan alam sekitar
- Kebolehesanan, sumber bertanggungjawab dan pengurusan rantaian bekalan telah menunjukkan peningkatan di dalam perkara material. Perubahan ini telah membawa kepada lonjakan daripada kuadran sederhana kepada kuadran tinggi. Ini adalah hasil daripada harapan pihak berkepentingan dan usaha berterusan FGV dalam menjalankan pelbagai inisiatif bagi memperbaiki kebolehesanan dan sumber di seluruh Kumpulan

PENILAIAN PERKARA KELESTARIAN




| Perkara Kelestarian | Kepentingannya | Hubung Kait kepada Risiko Utama Kami | Tindakan Mitigasi |
|---|---|---|---|
| Kecemerlangan Operasi  | <p>Penambahbaikan pengeluaran kadar hasil dan peningkatan pengoperasian bergantung penuh kepada inovasi, pembangunan & penyelidikan termasuk juga amalan dan dasar kelestarian yang mampan bagi alam sekitar dan iklim.</p> | <ul style="list-style-type: none"> Peratus tinggi bagi pokok kelapa sawit tua (profil umur pokok). Pengendalian kilang sawit yang rendah. Pandemik dan perintah/dasar oleh kerajaan. Pengeluaran tidak memenuhi Ujian Selepas Siap. Risiko yang tinggi bagi aktiviti dagangan CPO. | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penggunaan PalmPro bagi kawasan pokok kelapa sawit tinggi. Pantauan secara harian ke atas pencapaian kadar hasil di dalam pihak berkepentingan. Menguatkan pelaksanaan Amalan Perkebunan Baik (GAP) ketika aktiviti tanaman semula. Menambahbaik penyelenggaraan kilang sawit dan mengguna pakai teknologi baharu untuk menyelesaikan kesesakan di baris pemprosesan. Menubuhkan Pengurusan Pasukan Khas COVID-19. Penilaian berterusan terhadap kedudukan kewangan dan sumber Kumpulan. Libat urus yang aktif bersama rakan perniagaan, badan kawal selia dan pihak ketiga yang berkaitan. Menambah/menggantikan peralatan terkini bagi kapasiti/kebolehgantungan. Pemasangan turbin ekzos tekanan gas rendah dan transformer pengeluaran tekanan. |
| Pensijilan Kelestarian  | <p>Kepatuhan kepada kriteria dan prinsip bagi tujuan pensijilan dan penjajaran amalan yang diterima pakai mengikut piawaian kelestarian oleh industri minyak sawit.</p> | <ul style="list-style-type: none"> Kepatuhan kepada kelestarian (Pensijilan ISCC, MSPO, COSS). Penanguhan pengaturcaraan tenaga kerja. Persepsi negatif disebabkan kurangnya tindakan FGV dalam menangani kelestarian. Penggantungan Pensijilan RSPO FGV. | <ul style="list-style-type: none"> Perjanjian baharu bagi pembekal BTS luar termasuk keperluan kepada pematuhan prosedur dan dasar FGV. Menguatkan informasi berkaitan kebolehesanan. Menggunakan pakai dasar dan proses pengambilan tenaga kerja yang bertanggungjawab bagi memastikan semua pihak terlibat di dalam proses ini terutamanya agensi pengambilan yang seharusnya patuh kepada proses/dasar. Libat urus bersama kumpulan kelestarian bagi memahami segala komitmen syarikat, kawasan kelabu dan KPI. Libat urus berterusan bersama NGO, media dan pihak berkepentingan yang relevan bagi menjelaskan isu berbangkit. Menyedia dan memantau pelan tindakan RSPO bagi penyelarasan dengan keperluan piawaian. Kolaborasi bersama Suhakam untuk menjalankan penilaian berkaitan cara hidup dan keadaan pekerjaan di ladang dan kilang FGV. Mengurus dan menguatkuasakan kepatuhan kepada undang-undang negara, dasar syarikat dan SOP untuk kontraktor dan vendor. |
| Pembangunan Perniagaan & Kualiti Produk  | <p>Penyertaan dalam pasaran baharu/ perniagaan baharu dan usaha untuk membangunkan produk yang memenuhi permintaan/ keperluan pelanggan.</p> | <ul style="list-style-type: none"> Kesan kepada permit kebenaran dan liberisasi pasaran. Pulangan rendah bagi pelaburan/projek baharu. Pengeluaran yang tidak memenuhi Ujian Selepas Siap. Ujian pantas ke atas gangguan bersama inovasi daripada pesaing. Halangan perdagangan ke pasaran tujuan. | <ul style="list-style-type: none"> Libat urus bersama kementerian dan agensi kerajaan. Menjalankan kajian kebolehlaksanaan yang munasabah dan analisis pasaran untuk pelaburan yang dicadangkan. Meningkatkan kebolehan alatan melalui pengubahsuaian atau penggantian. Menghasilkan variasi produk yang sihat/segmen produk yang memberi nilai tambah bagi perniagaan gula. Memaksimumkan peluang di dalam pasaran permintaan sedia ada. Memastikan tiada kontrak yang gagal. |




Risiko Dan Peluang Kami

| Perkara Kelestarian | Kepentingan | Hubung Kait kepada Risiko Utama Kami | Tindakan Mitigasi |
|---|---|---|---|
| Tadbir urus, Etika dan Integriti  | Kepatuhan kepada keperluan perundangan dan prinsip tadbir urus korporat yang baik (Anti-Korupsi, Patuh Sekatan atau Dasar Percukaian). | <ul style="list-style-type: none"> Proses perniagaan yang terdedah dengan korupsi tidak dikenalpasti secara menyeluruh. Kegagalan untuk memberikan nasihat tadbir urus kepada lembaga pengarah. Risiko ketidakpatuhan kepada dasar syarikat/prosedur dan penipuan. Terdedah kepada tuntutan mahkamah jika timbulnya pertikaian. Keperluan ketidakpatuhan yang disarankan oleh badan kawal selia tempatan dan kepiawaian. | <ul style="list-style-type: none"> Perlantikan ketua tadbir urus yang baharu/pengganti. Ketua Jabatan/CEO mengenalpasti pemilik proses perniagaan untuk penyertaan bengkel CRM. Menubuhkan pendaftaran risiko CRM melalui latihan. Melantik setiausaha syarikat luaran daripada firma penasihat sebagai setiausaha syarikat sementara. Mendapat nasihat daripada firma undang-undang apabila diperlukan. Memastikan tiada toleransi bagi transaksi yang tidak disahkan. Pemantauan yang kerap untuk fasiliti pengoperasian. Memastikan keperluan dasar dan SOP yang berada di tahap yang baik. Mempertahankan pensijilan bersama EMS 14001/ISO45001. |
| Kebolehkesanan, Sumber bertanggungjawab dan Pengurusan Rantaian Bekalan  | Penubuhan sistem kebolehkesanan dan proses perolehan bagi memastikan amalan bertanggungjawab/kelestarian di dalam rantaian nilai minyak kelapa sawit. | <ul style="list-style-type: none"> Pandemik dan dasar/perintah yang ketat oleh kerajaan. Penggantungan minyak sawit oleh EU. Kekurangan kebolehkesanan sepenuhnya ke atas bekalan BTS dan isirung. | <ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan pengurusan Pasukan Khas COVID-19 bagi memastikan dasar dan SOP FGV selari dengan arahan kerajaan. Libat urus yang aktif bersama pihak luaran yang relavan. Perjanjian baharu bagi semua pembekal FFB luaran termasuk keperluan untuk pematuhan dasar dan prosedur FGV. Mengetatkan maklumat kebolehkesanan. Mengenalpasti elemen risiko BTS dengan menyediakan pelan bersama pembekal. Mengenalpasti kilang yang berisiko tinggi dengan menyediakan pelan bersama pembekal. Menubuhkan Pasukan Kebolehkesanan dan Pengesanan (TVTF). |
| Keselamatan dan Perlindungan Data  | Perlindungan data/maklumat/harta intelektual kepunyaan pihak berkepentingan dalaman/luaran (pelanggan, pembekal, rakan perniagaan dan lain lain) yang bertentangan dengan pencerobahan keselamatan. | <ul style="list-style-type: none"> Ancaman Siber. Kegagalan untuk mengawal penerimaan fizikal kepada pusat data/kemudahan dan kawasan perumahan yang kritikal kepada sumber IT. | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan saluran penyulitan bagi khidmat web, pengerasan pelayan dan penyulitan. Menjalankan ujian penembusan keselamatan bagi aplikasi dan infrastruktur IT. Memberi tunjuk ajar kepada pengguna melalui pelbagai e-mel bagi mendidik pengguna dan memberi kesedaran. Melaksanakan penilaian kawalan melalui peralatan yang bersesuaian seperti Penilaian Matriks bersama matriks yang menyeluruh. Mengkaji SOP dan matriks sedia ada di Pusat Data dan Pusat Pemulihan Data. |

| Perkara Kelestarian | Kepentingannya | Hubung Kait kepada Risiko Utama Kami | Tindakan Mitigasi |
|---|---|---|---|
| Mendukung Hak Asasi Manusia & Piawai Tenaga Kerja  | Menghormati dan melindungi hak asasi manusia bagi petugas dan tenaga kerja migran dengan mendukung piawai tenaga kerja antarabangsa. | <ul style="list-style-type: none"> Kebergantungan kepada tenaga kerja migran terutamanya daripada Indonesia dan India. Kadar tenaga kerja melarikan diri yang tinggi menjadi punca kepada kekurangan tenaga kerja Pandemik dan dasar/perintah larangan yang ketat oleh kerajaan. Penggantungan Pensijilan RSPO FGV. | <ul style="list-style-type: none"> Menubuh dan mengekalkan perhubungan yang baik bersama badan kawal selia tempatan dan antarabangsa. Mekanisasi pekerjaan diladang seperti pengutip buah. Menyediakan persekitaran tempat tinggal yang kondusif bagi tenaga kerja perladangan termasuk penyediaan bagi aktiviti sosial. Meningkatkan kemudahan perumahan bagi tenaga kerja dan memastikan semua kemudahan di dalam keadaan yang baik. Menubuhkan pusat pengenalan tenaga kerja migran yang menyediakan sesi pengenalan dan latihan. Mematuhi Dasar Sumber Manusia Kumpulan berkaitan pandemik. Membangunkan Pelan Tindakan Pengambilan, melaksanakan dan memantaunya selari dengan keperluan piawaian. Membangunkan modul Hak Asasi Manusia dan Latihan bersama TenagaNita. Pemeriksaan proses pengambilan tenaga kerja migran. |
| Libat Urus dan Pembangunan Komuniti  | Libat urus bersama komuniti tempatan, NGO, pekebun kecil di dalam komuniti termasuk penyediaan bantuan (kewangan dan bukan kewangan) bagi meningkatkan kehidupan komuniti tempatan. | <ul style="list-style-type: none"> Persepsi negatif ke atas kekurangan tindakan yang diambil bagi menangani isu kelestarian. | <ul style="list-style-type: none"> Libat urus bersama kumpulan kelestarian bagi memahami segala komitmen syarikat, kawasan kelabu dan KPI. Libat urus berterusan bersama NGO, media dan pihak berkepentingan yang relevan bagi menjelaskan isu berbangkit. Mengkaji secara berkala tentang dasar berkaitan kelestarian bagi menyelaraskan komitmen bersama peraturan dan keperluan pasaran. |
| Libat Urus Petugas  | Memastikan kepuasan petugas melalui libat urus yang bermakna dan komunikasi untuk mempromosikan persekitaran tempat kerja yang kondusif. | <ul style="list-style-type: none"> Gagal untuk pertahankan petugas yang cekap. Penggantungan Pensijilan RSPO FGV. | <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan analisa Kelayakan dan Kecekapan Tugas (JCP). Menjalankan putaran kerja/pertukaran petugas bagi memastikan aktiviti syarikat tidak tergugat. Memulakan program jangka masa panjang bersama Fair Labor Association (FLA). Mengurus dan menguatkuasa kontraktor/vendor untuk mematuhi peraturan dan undang-undang negara termasuk dasar FGV dan segala SOP. |
| Pengurusan Bakat  | Peruntukan berterusan kepada latihan dan program pembangunan kerjaya bagi petugas dan tenaga kerja perladangan. | <ul style="list-style-type: none"> Kesediaan petugas. Pembangunan modal insan yang lemah. | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan latihan atau pendaftaran kepada program luar bagi pembangunan individu petugas. Menyediakan pelan penggantian bagi fungsi pekerjaan yang kritikal. Mengenalpasti kekurangan di antara sumber dan kemahiran, latihan, bimbingan dan melaksanakan program pengurusan bakat. Menguruskan jurang kemahiran petugas yang merangkumi pelaksanaan program pengurusan. Menggalakan libat urus petugas di dalam aktiviti syarikat. |

Risiko Dan Peluang Kami

| Perkara Kelestarian | Kepentingan | Hubung Kait kepada Risiko Utama Kami | Tindakan Mitigasi |
|---|---|--|--|
| Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  | <p>Inisiatif dan usaha bagi memastikan keselamatan dan kesihatan tempat kerja bagi petugas (termasuk tenaga kerja perladangan) dan pihak berkepentingan seperti pembekal, penyedia perkhidmatan dan vendor.</p> | <ul style="list-style-type: none"> Gagal mematuhi undang-undang keselamatan. Ancaman kebakaran dan kekerapan tinggi bagi kemalangan pengoperasian. Pandemik dan dasar/perintah larangan yang ketat oleh kerajaan. | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan prosedur komunikasi yang efektif bagi keselamatan dan kesihatan. Memastikan program kesedaran yang berterusan untuk memastikan petugas berwaspada dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Menyediakan tenaga kerja dengan kelengkapan keselamatan seperti peralatan perlindungan diri (PPE). Meningkatkan keupayaan sistem anti kebakaran. Memperbaiki peralatan pengoperasian dan persekitaran tempat kerja. Menyelenggara peralatan pengoperasian dan keselamatan. Menubuhkan Pengurusan Pasukan Khas COVID-19 bagi memastikan dasar dan SOP Kumpulan selari dengan arahan kerajaan. Menilai keberkesanan perlindungan perubatan keselamatan bagi petugas dan menjejaki penggunaannya. Membangunkan dasar cuti petugas bagi kuarantin sendiri dan perubatan disebabkan pandemik. |
| Pendekatan Terhadap Perubahan Iklim  | <p>Inisiatif untuk membangunkan mitigasi perubahan iklim dan langkah penerapan untuk menguruskan kesan perubahan iklim kepada operasi perniagaan termasuk meminimalkan pembebasan karbon daripada operasi perniagaan.</p> | <ul style="list-style-type: none"> Pembebasan gas karbon hijau (GHG) di dalam perniagaan termasuk senario biasa yang menyebabkan pemanasan gas global yang akan memberi kesan kepada perniagaan FGV. Cuaca yang buruk memberi kesan kepada kadar hasil dan kematangan BTS. | <ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti jumlah pengeluaran karbon melalui pengiraan karbon. Melaksanakan inisiatif bagi keefisienan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui. Membangunkan material penamaman baharu bagi penyesuaian (perubahan iklim). Memastikan kesesuaian pengurusan tanah paya. Memastikan pengurusan penuaian yang fleksibel bagi kawasan banjir. Amalan pertanian yang baik bagi kawasan pemuliharaan yang basah. |
| Pengurusan Tanah & Biodiversiti  | <p>Pemuliharaan biodiversiti di kawasan operasi FGV melalui pengurusan tanah yang lestari (Dasar Kebakaran Sifar dan Usaha Pemuliharaan).</p> | <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan konflik Manusia-Haiwan Liar akan menggugat operasi perladangan dan memberi kesan kepada perkhidmatan ekosistem semulajadi. Konflik haiwan liar yang kerap akan memberi kesan kepada prestasi kewangan. | <ul style="list-style-type: none"> Konflik haiwan liar di dalam dan persekitaran kawasan operasi FGV. Melaksanakan langkah masa pendek, sederhana dan panjang bagi mengurangkan konflik haiwan liar. |

| Perkara Kelestarian | Kepentingannya | Hubung Kait kepada Risiko Utama Kami | Tindakan Mitigasi |
|---|---|--|---|
| Pengurusan Sisa  | <p>Pengurusan yang bersesuaian berkaitan sisa yang terhasil daripada operasi (termasuk ladang, kilang dan pejabat) yang bertanggungjawab selari dengan keperluan peraturan.</p> | <ul style="list-style-type: none"> Gagal untuk mematuhi undang-undang berkaitan pelepasan sisa. Lebih oksigen biologikal yang tinggi di dalam kolam sisa efluen. | <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan pengurusan tempat kerja dan penyelenggaraan yang baik. Mematuhi keperluan pensijilan dan peraturan yang ketat. Menggunakan teknologi baharu bagi pengawasan alam sekitar yang berkesan. Menjalankan ujian makmal bagi sampel air daripada kolam sisa pengeluaran efluen. Membina loji efluen ketiga bagi pembuangan kolam efluen dan pemasangan pengudaraan. |
| Pengurusan Air  | <p>Pemeliharaan dan perlindungan sumber air dan menguruskan dengan bertanggungjawab bagi penggunaan air oleh operasi FGV (termasuk ladang dan kilang).</p> | <ul style="list-style-type: none"> Gagal untuk mematuhi undang-undang berkaitan pelepasan sisa. Lebih oksigen biologikal yang tinggi di dalam kolam sisa efluen. | <ul style="list-style-type: none"> Pemantauan rapi bagi penggunaan air harian, bulanan dan tahunan dengan perbandingan terhadap nisbah kurang daripada 1.0 (air/MT: yang diproses BTS/MT). Fokus kepada penggunaan air yang optimum di 10 kilang utama yang penggunaan air tertinggi – memasang tangki sokongan yang mempunyai kapasiti penyimpanan sehingga dua (2) hari. Memasang Osmosis Berbalik (RO) untuk merawat efluen daripada loji sisa rawatan air. |
| Pengurusan Tenaga & Tenaga Boleh Diperbaharui  | <p>Pengurusan dan penggunaan tenaga yang efektif bagi pengoperasian perniagaan dengan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sebagai sebahagian pengurusan tenaga yang efisien.</p> | <ul style="list-style-type: none"> Pembebasan gas karbon hijau (GHG) di dalam perniagaan termasuk senario biasa yang menyebabkan pemanasan gas global yang akan memberi kesan kepada perniagaan FGV. Peningkatan dalam penjejakan tenaga . | <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan R&D bagi menentukan material tanaman yang toleransi kemarau. Mengenalpasti pembebasan jumlah karbon melalui pengiraan karbon. Minimalkan kos seunit pengeluaran bagi tenaga dengan pengoperasian kilang di kadar optimum. Menggunakan keefisienan tenaga sebagai kriteria utama dalam pemilihan peralatan. |

BAHAGIAN 4

PERIHAL

KELESTARIAN

- 94 Perjalanan Program Kelestarian FGV
- 96 Kelestarian di Tempat Kerja
- 102 Perniagaan yang Bertanggungjawab
- 118 Menghormati Hak Asasi Manusia
- 140 Pendekatan Terhadap Perubahan Iklim & Perlindungan Alam Sekitar



PERJALANAN PROGRAM KELESTARIAN FGV

2018 – 2020

2018

Memulakan Projek Kesedaran Beruang Matahari Malaya melalui program CEPA (penerbitan, aktiviti sekolah, jerayawara, acara anjuran syarikat dll.)

FEB 2018

Menerbitkan dua (2) garis panduan:

- Pengurusan Beruang Matahari di Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan
- Garis Panduan Pelaksanaan Komuniti Sahabat Beruang Matahari

Menubuhkan satu lagi Kumpulan Tindakan Komuniti (Community Action Group – CAG) di Gerik (salah satu kawasan yang mengalami konflik hidupan liar tertinggi di Semenanjung Malaysia)

- Pemetaan risiko bagi 72 pembekal Tandan Buah Segar FGV Peringkat Ke-2 kilang minyak sawit
- FGV menjadi syarikat penyertaan dalam Fair Labor Association (FLA)

OKT 2019

- Pengesahan aktiviti pembasmian hutan di sekitar kilang minyak sawit FGV
- Menjalankan audit tenaga di kilang penapis minyak sawit, kilang getah, kilang penapis gula dan pengendali pukal
- Menggunakan pakai GSP 3.0
- Memulakan inisiatif sumber bertanggungjawab

MEI 2019

NOV 2019

- Bekerjasama dengan FELDA, MPOC, SWD di Tawau bagi menganjurkan Bengkel Human Wildlife Conflict (HEC) – mengenal pasti dan membangkitkan isu dalam membendung konflik manusia-gajah di ladang dan persekitarannya
- Menubuhkan Pusat Khidmat Setempat bagi pengambilan tenaga kerja di Lombok, Indonesia
- Penempatan semula Pusat Khidmat Setempat ke Gemencheh, Negeri Sembilan

JUN 2019

- Mengamalkan garis panduan dan prosedur FGV bagi Pengambilan Tenaga Kerja Migran yang Bertanggungjawab
- Melaksanakan Program Sosialisasi GSP 3.0 serta dasar dan prosedur yang berkaitan dengan kelestarian
- Menyemak kontrak pengambilan kerja berserta peruntukan bagi memastikan tiada bayaran pengambilan yang dikenakan kepada tenaga kerja
- CP RSPO menarik penggantian pensijilan Kompleks Serting FGV
- Selesai pemasangan peti keselamatan pasport yang bermula pada tahun 2016

JAN 2020

- CP RSPO mengumumkan pengantungan semula terhadap pensijilan Kompleks Serting termasuk proses pensijilan bagi unit-unit lain yang belum disahkan

FEB 2020

- Mencapai Pensijilan MSPO 100%
- Melancarkan projek perintis untuk sistem e-wallet FGV
- Menubuhkan Pusat Khidmat Setempat di Chennai dan Kolkata, India bagi pengambilan tenaga kerja
- Memulakan inisiatif kebolehsasaran getah
- Menubuhkan TVTF bagi memastikan pembekal patuh kepada komitmen kelestarian FGV

MAC 2020

- Memulakan program kesedaran #FGVsavethesunbear selama sebulan bersempena dengan Hari Hidupan Liar Sedunia 2020 (World Wildlife Day 2020) Bangsa-bangsa Bersatu (UN)
- Menyediakan garis panduan bagi 'Kawasan Diurus Baik untuk Hidupan Liar' bagi menguruskan kawasan berpotensi menghadapi konflik manusia-hidupan liar
- Mengamalkan dan menjalankan Pelan Tindakannya di bawah gabungan bersama FLA
- Mengemukakan rayuan kepada CP RSPO terhadap arahan mereka bertarikh 13 Januari 2020

Menganjurkan 'Minggu Kesedaran Pemuliharaan Hidupan Liar'.

MAC 2018

Melancarkan Program Pemuliharaan Beruang Matahari FGV (SBCP).

APR 2018

Penanaman 10,033 anak benih oleh FGV Pontian United Plantation (PUP) di kawasan Riparian Kinabatangan di bawah Projek Pemuliharaan Koridor Biodiversiti Mega di Lembangan Kinabatangan.

OKT 2018

- Mengamalkan Pelan Tindakan bagi mengatasi petunjuk CP RSPO

MAC 2019

APR 2019

- Menganjurkan 'Train the Trainer' bagi Guru-guru Kelab Pencinta Alam (KPA) (Peringkat Negeri Pahang)
- Menyediakan Latihan dan SOP untuk menjalankan pemantauan dan rondaan
- Melaksanakan Kod Tatalaku Pembekal FGV
- Memulakan Program Regularisasi untuk Tenaga Kerja di Sabah

FEB 2019

- Menyediakan Terma Rujukan (ToR) dan Latihan Rondaan Hidupan Liar bersama Sahabat Raja Rimba dan Kumpulan Tindakan Komuniti (CAG) Beruang Matahari
- Borneo Conservation Trust (BCT), FGV-PUP dan komuniti tempatan melancarkan program penanaman pokok di G6 Orico-PUP dengan jumlah 500 anak benih.

NOV 2018

- FGV-PUP menganjurkan kursus, 'Honorary Wildlife Warden' (HWWW)
- Bekerjasama menganjurkan seminar berkenaan: Status Penyelidikan Rafflesia- Suatu Perspektif' di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan mengambil bahagian dalam Hari Mesra Hidupan Liar (HMHL) 2018
- Panel Aduan RSPO (CP) menggantung Pensijilan RSPO Serting

- Berkolaborasi bersama Tenaga Kita dalam membangunkan modul latihan Hak Asasi Manusia
- Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (CBP) mengeluarkan Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) terhadap minyak dan produk sawit keluaran FGV, subsidiari dan syarikat usaha samanya
- FLA menerbitkan Laporan Penilaian berkaitan pelaksanaan Pelan Tindakan FGV – FLA
- Membangunkan Pelan Tindakan Pemuliharaan Beruang Matahari di Semenanjung Malaysia (MSBCAP) di bawah Program Pemuliharaan Beruang Matahari

OGO 2020

JUL 2020

- Menyelamatkan dan memelihara seekor gajah spesies pygmy bernama 'Sahabat' di Lahad Datu, Sabah
- Memulakan perakaunan karbon

- Mengamal dan melaksanakan program kecekapan tenaga di kilang-kilang getah
- RSPO memulakan audit pengesahannya
- Menggunakan GSP 4.0

NOV 2020

- 78 Beruang Matahari telah diselamatkan, 56 direhabilitasi dan 52 dilepaskan ke dalam hutan di bawah Program 5 Tahun Pemuliharaan Beruang Matahari
- Berkolaborasi dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) untuk menilai keadaan kehidupan dan pekerjaan tenaga kerja FGV

DIS 2020

KELESTARIAN DI

“KELESTARIAN KEKAL MENJADI KEUTAMAAN DAN TERAS KEPENTINGAN BAGI FGV DAN DILIHAT SEBAGAI KEPERLUAN DALAM MENJAYAKAN PERNIAGAAN JANGKA PANJANG KAMI. USAHA KELESTARIAN KAMI TIDAK TERTAKLUK KEPADA MEMBANGUNKAN PERNIAGAAN SECARA OPTIMUM, TETAPI DALAM MASA YANG SAMA MELAHIRKAN PENCIPTAAN NILAI SOSIAL YANG KETARA, SELAIN MEMANFAATKAN SUMBER SEMULAJADI SECARA BERTANGGUNGJAWAB, DAN MENGEKALKAN HUBUNGAN YANG UTUH BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN.”



Kelestarian telah menjadi prioriti utama bagi syarikat perladangan yang tersenarai untuk membolehkan mereka memacu tiga bidang pembangunan lestari iaitu ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Bursa Malaysia juga telah meningkatkan langkah dalam usaha meningkatkan usaha untuk menggalakkan syarikat-syarikat untuk memperkuat portfolio ESG mereka. Sebagai tambahan, pelanggan, terutama di Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat, telah menjadikan kelestarian sebagai faktor pertimbangan dalam keputusan urus niaga mereka. Selain ini dijadikan asas yang kuat dalam mematuhi piawai kelestarian, kepentingan moral dalam menghormati hak asasi manusia dan memelihara alam sekitar adalah perkara yang wajar dilaksanakan.

Pada tahun 2020, FGV telah gigih ke hadapan untuk mematuhi amalan terbaik dalam kelestarian dan kami kekal komited untuk melahirkan nilai lestari kepada pihak berkepentingan. Kami terus berusaha menambahbaik perkhidmatan dan produk-produk dengan mengamalkan pendekatan lestari bagi mengoptimumkan sumber dan menyokong efisiensi operasi di samping menghormati hak asasi manusia dan pada masa yang sama meminimalkan impak terhadap alam sekitar kesan daripada operasi perniagaan kami.

Dengan perkembangan baharu dan kriteria kelestarian bagi pengeluaran minyak sawit yang terlalu tinggi, satu perkara yang jelas: FGV merancang untuk terus akur dengan perubahan bagi kekal seiring dengan pembangunan kelestarian global yang baharu serta keperluan dan harapan industri yang khusus.

TEMPAT KERJA

Sebagai salah satu pengeluar minyak sawit mentah (CPO) terbesar di dunia, kami memenuhi permintaan pasaran antarabangsa, di mana jumlah eksport kami dipengaruhi oleh pengeluaran Minyak Sawit Lestari Diperakui (CSPO). Penciptaan nilai seperti ini hanya dapat dihasilkan bagi pihak berkepentingan dengan mengguna pakai amalan lestari dalam semua perkara dalam sebuah organisasi.

Selain pengawasan kelestarian industri minyak sawit, amalan kelestarian kami juga dipacu oleh Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Bangsa-Bangsa Bersatu, Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP) dan Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia (UDHR). Sebagai sebuah Kumpulan, kami menjadikan kelestarian sebagai kunci utama dalam mencapai objektif Pelan Perniagaan 2019-2021 (BP21) kami. Dalam memastikan amalan terbaik antarabangsa dan industri sejajar dengan amalan kami, GSP telah diterima pakai dengan pengemaskinian terbaharu pada November 2020.

Ini merupakan tahun ke-6 pelaporan bersepadu FGV, dan perincian mengenai aktiviti kelestarian 2020 boleh didapati pada muka surat berikutnya di bahagian ini dan juga melalui laman web www.fgvholdings.com. Amalan pelaporan kelestarian adalah kepatuhan kepada Garis Panduan Pelaporan Kelestarian Edisi ke-2 Bursa Malaysia Securities Berhad. Pelaporan kami juga adalah berpandukan Piawai Inisiatif Pelaporan Global di bawah pelaporan kelestarian, Kerangka Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) dan amalan terbaik global yang lain.

DASAR KELESTARIAN KUMPULAN (GSP) FGV 4.0

GSP FGV berperanan sebagai kerangka utama bagi agenda kelestarian FGV. GSP ini merangkumi tiga tonggak, menyokong perkembangan ekonomi, menghormati hak asasi manusia dan memelihara alam sekitar. GSP ini diguna pakai oleh keseluruhan Kumpulan FGV serta subsidiarinya di seluruh dunia sama ada yang tersenarai ataupun tidak. Dasar ini juga digunapakai oleh kontraktor dan pembekal FGV.

Pada November 2020, kami telah mengkaji semula Dasar Kelestarian Kumpulan 4.0 (GSP), dan telah menambahbaik beberapa peruntukan terutama yang berkaitan dengan komitmen FGV terhadap hak asasi manusia, dengan matlamat menyelaraskannya dengan Kod Tatalaku di Tempat Kerja (Workplace Code of Conduct – WCOC) di bawah Fair Labor Association (FLA) yang berdasarkan piawaian tenaga kerja dan hak asasi manusia antarabangsa. Pengkajian semula GSP yang terkini melibatkan beberapa siri rundingan bersama pihak berkepentingan dalaman dan luaran termasuk organisasi masyarakat sivil, ahli akademik dan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang relevan.

GSP adalah nadi yang menyatakan kesungguhan komitmen kami dalam mendukung prinsip Tiada Pembasmian Hutan, Tiada Penanaman di Tanah Gambut dan Tiada Eksploitasi (NDPE).

GSP melambangkan komitmen FGV, sebagai sebuah entiti perniagaan yang diasaskan bersesuaian bagi pembangunan mampan dan pembasmian kemiskinan, dengan mencipta nilai untuk para pelanggan kami dan pihak berkepentingan terutama pekebun-pekebun kecil. Ini termasuklah mendukung amalan, piawai dan prinsip antarabangsa sebagai langkah utama dalam amalan dan perjalanan kelestarian kami.


Untuk dikenali sebagai peneraju perniagaan bertanggungjawab, FGV juga secara sukarela menjalani audit kelestarian secara rapi oleh penguatkuasa pensijilan diiktiraf dunia seperti Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) Malaysia.



Perihal Kelestarian

TADBIR URUS KELESTARIAN

Di bawah pimpinan Ahli Lembaga Pengarah, kelestarian kekal sebagai prioriti di FGV. Struktur organisasi diperincikan dengan jelas bagi memastikan Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP) dilaksanakan dengan tepat dan jitu seperti yang disasarkan. Tanggungjawab serta peranan badan pentadbir kelestarian adalah seperti di bawah.



AHLI LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah memformulasikan GSP dan memastikan pelaksanaannya oleh GMC. Lembaga Pengarah juga memastikan bahawa GSP diterapkan dalam perkara material yang memberi impak terhadap matlamat perniagaan dan amalan kelestarian FGV. Sebagai tambahan, Lembaga Pengarah juga dipertanggungjawabkan untuk meluluskan pembentangan Kelestarian FGV.

PANEL PENASIHAT BEBAS (IAP)

IAP telah ditubuhkan pada November 2019 dan terdiri daripada pakar-pakar yang memberi nasihat bebas kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan tentang penambahbaikan prestasi kelestarian dan tadbir urus korporat FGV. Komposisi IAP termasuk peranan, tanggungjawab serta saranannya adalah digubah untuk menyentuh isu-isu kelestarian yang dihadapi Kumpulan pada 2020 seperti terdapat di Bahagian 5: Tentang Tadbir Urus pada muka surat 197.

JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA (BGRMC)

BGRMC merupakan jawatankuasa lembaga yang memberi perhatian kepada formulasi GSP dan strategi kelestarian. Jawatankuasa ini mengawal selia implimentasi GMC, dan mengkaji Laporan Kelestarian serta sebarang informasi berkaitan yang memberi impak besar terhadap kewangan dan/atau reputasi Kumpulan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN (GMC)

GMC melapor terus kepada Lembaga Pengarah sebagai saluran di antara Lembaga Pengarah (termasuk BGRMC) dan unit operasi FGV berkenaan perkara berkaitan kelestarian dan tadbir urus korporat. GMC terdiri daripada ahli-ahli pengurusan kanan dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO), yang memantau, memberi nasihat serta menyelia prestasi keseluruhan inisiatif-inisiatif kelestarian Kumpulan.

JAWATANKUASA SINERGI KELESTARIAN

Jawatankuasa Sinergi Kelestarian dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Kelestarian Kumpulan. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil daripada pelbagai bidang perniagaan dan bahagian di dalam Kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan prinsip serta amalan kelestarian merangkumi keseluruhan FGV. Jawatankuasa ini juga diamanahkan untuk menjalankan implementasi berkesan berkaitan inisiatif kelestarian FGV.

BAHAGIAN KELESTARIAN KUMPULAN (GSD)

Ketua GSD melapor terus kepada GCEO, yang memberikan khidmat kepimpinan dan hala tuju bagi inisiatif kelestarian. Ketua GSD mengeluarkan arahan dan memantau kerja harian GSD serta memberi khidmat nasihat kepada Kumpulan mengenai perkara berkaitan kelestarian, termasuk aspek berkaitan perlindungan hak asasi manusia dan alam sekitar. GSD terdiri daripada bahagian-bahagian yang berikut:

Bahagian Pensijilan dan Pematuhan Kelestarian (SCCD)



Memberi **khidmat nasihat** kepada unit dan bahagian yang relevan berkaitan pelaksanaan **perniagaan bertanggungjawab**. Menyelia **pematuhan** dalam piawai kelestarian termasuk RSPO dan MSPO.

Bahagian Perundangan Kelestarian



Memastikan polisi dan **prosedur kami** adalah selaras dengan **piawai** antarabangsa yang relevan serta **perundangan** dan **undang-undang** yang berkaitan.

Bahagian Perhubungan Kelestarian



Membangunkan strategi perhubungan pihak berkepentingan dan **pelan komunikasi** selain memantau **projek-projek** yang sedang **berlangsung**. Berhubung dengan pihak berkepentingan mengenai pelaporan kelestarian dan **program-program hak asasi manusia**.

Bahagian Teknikal Kelestarian



Menubuhkan metodologi bagi mengukur, memantau dan menambahbaik prestasi berkaitan kelestarian utama. Bahagian ini **berhubung** dengan pihak luar berkaitan penilaian kelestarian. **Memacu** penyelidikan dan pendidikan alam sekitar juga **berkolaborasi** dengan pihak luar dalam program pemuliharaan.




Perihal Kelestarian

PRESTASI KELESTARIAN KAMI

FGV di kedudukan ke-23 daripada 100 syarikat yang melalui penilaian SPOTT.

Pada 2020, FGV berjaya menduduki tempat ke-23 daripada 100 buah syarikat mengambil bahagian dengan jumlah 131.33/188 markah. Berjaya mencapai markah 69.9% berbanding purata sebanyak 41.5%.



FGV mendapat 74 mata berbanding 100 di dalam Kedudukan *Forest Heroes Green Tigers Index*.

Pada 2020, FGV berjaya mengumpul 74 mata dan berjaya mengekalkan diri dalam kategori *Green Cat*. Laporan tersebut dinilai berdasarkan usaha syarikat dalam penerapan polisi dan piawai pembasmian hutan.



Impak Kelestarian terhadap FGV

FGV telah disenaraikan oleh *World Benchmarking Alliance (WBA)* sebagai salah satu syarikat SDG2000. SDG2000 mengenal pasti 2000 buah syarikat global paling berpengaruh di mana FGV jatuh pada kedudukan 350 syarikat asas di bawah kategori industri agrikultur dan pemakanan yang kritikal untuk mencapai SDG Bangsa-Bangsa Bersatu 2030.

FGV MERAHAI ANUGERAH TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DI ANUGERAH TENAGA NASIONAL 2020 SELAMA 3 TAHUN BERTURUT-TURUT

FGV melalui subsidiarinya FGV Palm Industries Sdn. Bhd. (FGVPI), merupakan pemenang anugerah Anugerah Tenaga Nasional (NEA) 2020, di bawah kategori Tenaga Boleh Diperbaharui (Kogenerasi). FGVPI telah memenangi anugerah kebangsaan itu selama tiga tahun berturut-turut sejak 2018 di dalam pelbagai kategori berkaitan tenaga boleh diperbaharui melibatkan penukaran sisa kelapa sawit menjadi tenaga. Anugerah ini disampaikan kepada Loji Kogenerasi Biojisim Sahabat (SBCP) FGVPI yang telah memanfaatkan Buah Tandan Sawit Kosong (EFB), produk sampingan sisa kelapa sawit yang menghasilkan stim dan tenaga elektrik. Loji tenaga biojisim ini terletak di Kompleks Sahabat FGV di Lahad Datu, Sabah.



2020 KUNCI KEJAYAAN



FGV MENGAJI SEMULA PERKARA KELESTARIANNYA, YANG DIKATEGORIKAN KEPADA TIGA TEMA:

TEMA 1

Perniagaan yang Bertanggungjawab



Mencapai

100%

buah tandan segar (BTS)
ke kilang-kilang



Pada 2020, FGV mengkaji semula Kod Tatalaku Pembekal (SCOC) bagi mengukuhkan keperluan kelestarian, di mana semua pembekal dikehendaki patuh



Mencapai

81%

Kebolehesanan ke Perladangan (TTP)



TEMA 2

Menghormati Hak Asasi Manusia



Memulakan implimentasi Pelan Tindakan FGV-FLA yang komprehensif bagi menambahbaik amalan buruh



Menubuhkan Jawatankuasa berkaitan Kesaksamaan Jantina dan Pemerksaan Wanita dengan tujuan menguna pakai kaedah yang lebih gender responsif dan mengarusperdanakan gender dalam amalan FGV



Melengkapkan

387/435

blok perumahan bagi tenaga kerja seluruh Malaysia sebagai usaha memenuhi hak tenaga kerja terhadap perumahan yang memadai



TEMA 3

Pendekatan Terhadap Perubahan Iklim & Perlindungan Alam Sekitar



Mencapai

50%

Pengesahan kepatuhan bekalan Buah Tandan Segar (BTS) luaran terhadap komitmen NDPE



Program Pemuliharaan Beruang



Matahari **78** diselamatkan, **56** direhabilitasi dan **52** dilepaskan ke dalam hutan

Daripada

28

loji biogas

di FGV, **11** adalah diperakui sebagai Projek Tarif Galakan (*Feed-in-Tariff*) dan telah mengeksport **15.4MW** kepada grid kebangsaan pada 2020



Perihal Kelestarian



#1 Perniagaan yang Bertanggungjawab

Sebagai sebuah syarikat perladangan yang utama, FGV berterusan mencipta semula dirinya ke arah operasi perniagaan bertanggungjawab. Adaptasi kami dipacu oleh lanskap perniagaan yang terus berkembang dan keperluan pasaran saham.

Di FGV, kami mengambil pendekatan kelestarian sebagai satu Kumpulan dan mengaplikasikan keperluan kelestarian perniagaan minyak sawit kami kepada perniagaan yang lain dengan perincian yang sama rata.

Pada 2020, operasi FGV menghadapi cabaran berikutan kawalan pergerakan yang diperintah oleh Kerajaan Malaysia kesan daripada pandemik COVID-19. Meskipun begitu, FGV berterusan melangkah ke hadapan dengan inisiatif kelestarian selaras dengan komitmen kami sebagai sebuah perniagaan yang bertanggungjawab.



Kecemerlangan Operasi



Kebolehkesanan, Sumber Bertanggungjawab & Pengurusan Rantaian Bekalan



Pensijilan Kelestarian



Kualiti Produk & Pembangunan Perniagaan



Tadbir Urus, Etika dan Integriti



Keselamatan dan Perlindungan Data

PERIHAL KELESTARIAN: KECEMERLANGAN PENGOPERASIAN

Di FGV, misi mencapai kecemerlangan pengoperasian mempunyai empat (4) fungsi: menyediakan perkhidmatan dan produk berkualiti, mengelakkan amalan pembaziran untuk mengurangkan kos operasi, mencipta peluang perniagaan baharu, dan menggilap imej syarikat. Kecemerlangan pengoperasian adalah penting bagi prestasi perniagaan yang mantap, yang mana merupakan prioriti di FGV.

PERLADANGAN

Sebahagian daripada strategi pemulihan Perniagaan Perlindungan FGV adalah untuk menambahbaik operasi perniagaan dengan penekanan diberikan kepada peningkatan produktiviti, mengoptimalkan kos pengeluaran, meminima kerugian dan mengurangkan pembaziran. Ini adalah bertujuan untuk menyeragamkan proses pembuatan produk dan seterusnya memastikan penghasilan produk yang berkualiti di sepanjang rantai operasi Perniagaan Perlindungan.

Bagi mencapai matlamat di atas, empat (4) strategi utama telah dikenalpasti sebagai inisiatif Kecemerlangan Operasi Perniagaan Perlindungan, iaitu:



Pada 2019, pelan hala tuju Kecemerlangan Operasi Perniagaan Perlindungan telah diperkenalkan dengan memberi fokus kepada tiga (3) fasa iaitu Fasa Asas yang Cemerlang, Fasa Prestasi yang Efektif dan Fasa Kuartil Teratas.

Tumpuan kepada pelan halatuju ini adalah amalan kelestarian yang memfokuskan kepada pelaksanaan holistik merangkumi aktiviti operasi, kewangan, kualiti, kecekapan dan pengurusan dengan matlamat menjadi yang "Terbaik Dalam Kelasnya" (*Best in Class*).

Sebagai sebahagian daripada usaha kami memacu proses penambahbaikan dan penciptaan nilai, kami telah melaksanakan Projek Penambahbaikan Berterusan (*Continuous Improvement Project (CIP)*) merentasi seluruh Perniagaan Perlindungan. CIP ini memberi tumpuan kepada peningkatan sasaran prestasi utama operasi perniagaan kami seperti kos, kualiti dan produktiviti.


Di samping itu, bagi memastikan budaya CIP diterapkan secara efektif di dalam perniagaan kami, aktiviti latihan dan bimbingan telah dilaksanakan untuk membina teras kecekapan kakitangan. Setakat ini, inisiatif CIP berjalan lancar dan kami berhasrat untuk terus melahirkan pengamal CIP di seluruh operasi Perniagaan Perlindungan menjelang 2023.

Sebahagian daripada inisiatif penambahbaikan ini merangkumi perumahan bagi tenaga kerja. FGV mengukuhkan usahanya untuk menambahbaik keadaan perumahan di ladang-ladang. Pada 2018, FGV memulakan projek penambahbaikan perumahan tenaga kerja di beberapa lokasi di Malaysia. Projek ini telahpun mencapai 89% siap setakat akhir tahun 2020. Piawai perumahan ini memenuhi keperluan perumahan yang ditetapkan oleh kerajaan dan badan kawal selia setempat di mana FGV beroperasi.

Perihal Kelestarian

Perniagaan hiliran FGV melibatkan pengeluaran produk utama yang berasaskan minyak sawit. Fokus utama di sini adalah untuk memaksimumkan penciptaan nilai dan mengoptimumkan minyak serta lemak dan keupayaan oleokimia bagi meningkatkan penguasaan pasaran.

Perniagaan hiliran mempunyai lima (5) subsidiari yang bertanggungjawab untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berbeza. Mereka adalah:



Pada 2020, Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 telah mengakibatkan gangguan terhadap rantaian bekalan. Terdapat kelewatan dalam bekalan bahan mentah, kelewatan bagi vendor memberikan perkhidmatan teknikal dan penurunan permintaan terhadap produk-produk.

Sejak 2018, FGV telah melancarkan Projek Menghapuskan Kerugian (*Loss Elimination Projects*) sebagai sebahagian daripada inisiatif pengurangan kos. Ini membolehkan kami untuk mencapai penjimatan yang signifikan dalam operasi.

FGV secara langsung terus memberi fokus terhadap strategi bagi mengurangkan kos operasi. Salah satu peluang untuk mencapainya adalah dengan melabur di dalam sistem kecekapan tenaga. Di Delima Oil Products, contohnya, terdapat perancangan untuk Pensijilan Sistem Pengurusan Tenaga dan pemasangan sistem kuasa solar bagi menjimatkan kos tenaga.

Pemasaran dan Penjualan Berpusat

FGV memasarkan dan menjual pelbagai produk pukal secara berpusat. Pada tahun 2020, produk pukal utama kami ialah minyak sayuran dan laurik termasuk biodiesel dan produk-produk lain yang berkaitan.

FGV mementingkan pengoptimuman margin jualan semenjak tahun 2019. Dalam usaha mencapainya, kami menggunakan model dagangan yang berdasarkan aset dalam memastikan strategi penetapan harga produk FGV adalah bersifat kompetitif, terutama bagi pasaran tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, kami berterusan mengatur langkah dengan menggunakan strategi pemasaran dan penjualan yang mantap, termasuk kaedah penstrukturan yang sesuai mengikut keperluan produk bagi setiap negara.

Pada masa yang sama, FGV mencari peluang untuk mengembangkan, mengukuhkan dan meneroka pemasaran serta rangkaian perniagaan. Walaupun pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sebahagian daripada perancangan kami dalam pembangunan bidang baharu, kami berjaya menembusi pasaran India. Pada Julai 2020, kami telah menubuhkan usaha sama FGV PU India Pte. Ltd. yang berpusat di Hyderabad. Menjelang 2022, kami merancang untuk memanfaatkan FGV PU India Pte. Ltd. sebagai pemacu bagi penjualan produk hiliran produk makanan di India.

Dalam melangkah ke hadapan, FGV merancang untuk memberi fokus kepada jualan eksport dan mempelbagaikan portfolio produk kami. Dalam menjamin hala tuju ini, FGV akan mengambil langkah persiapan untuk merebut peluang baharu dan menyahut cabaran di dalam lanskap operasi yang kompetitif.



PERDAGANGAN VOLUM TINGGI

Perniagaan Perladangan FGV merupakan penyumbang penting kepada keuntungan Kumpulan melalui perdagangan minyak sayuran, minyak laurik dan produk biodiesel bervolum tinggi.

PERNIAGAAN PERLADANGAN – PENUNJUK PENINGKATAN PENGOPERASIAN



PENINGKATAN KADAR PERAHAN

Peningkatan kadar perahan melalui pengoperasian

Keefisienan dan hasil daripada inovasi baja serta racun perosak mesra alam sekitar merupakan satu strategi mitigasi untuk mengurangkan kesan dan tekanan terhadap persekitaran.



Penggunaan biji benih, baja serta kawalan penyakit dan perosak

dengan sokongan teknologi terkini serta implementasi amalan agrikultural baik (GAP) di tapak khusus.



Program tanaman semula

- Menyelenggara produktiviti dan kelestarian perniagaan.
- Memastikan profil umur berada dalam julat perdana.
- Melanjutkan program penanaman semula sehingga FGV mencapai profil umur purata kebiasaan iaitu 12 tahun menjelang 2026.
- Penggunaan material penanaman berdensiti-tinggi bagi menghasilkan kadar perahan yang lebih baik.
- Merintis projek penanaman semula sendiri yang bermatlamat untuk tidak menggunakan khidmat kontraktor luar sebaliknya memanfaatkan tenaga kerja FGV.



Implementasi Amalan Agrikultural Baik (GAP) di seluruh perladangan

- Pelan implementasi GAP dengan 100% pematuan dan seliaan oleh ahli agronomi
- Mengukuhkan pemulihan tanaman dan meminimalkan kerugian dengan kecekapan sistem penuaian
- Mewujudkan pasukan Agro yang bertanggungjawab memantau penggunaan baja, mengawal selia foliar dan sampel tanah termasuk membuat pemerhatian terhadap piawai penanaman semula



Penanaman selingan di tanah marginal

- Penggunaan bank tanah secara maksima bagi menghasilkan keuntungan
- Pembangunan ladang benih nenas di FGV Maokil 7, Johor yang memanfaatkan tanah marginal yang berkeupayaan memberi nilai tempoh tidak berhasil selama tiga tahun tempoh pramatang berikutan aktiviti penanaman semula kelapa sawit



PENGHASILAN MINYAK BERKUALITI PREMIUM

Memperkenalkan

Minyak Sawit Mentah (CPO) Berkualiti Premium (PQ)

dengan kandungan bebas asid lemak (FFA) yang kurang daripada

1.5%

Pusat setempat bagi produk pukal, daripada proses perancangan, penghantaran, menguruskan **rantaian bekalan** dengan spektrum hujung ke hujung, sebagai pembekal minyak lestari berkualiti tinggi dengan **reputasi yang baik**.

Perkhidmatan Berkualiti bagi:

- Konsultasi spesifikasi produk
- Perancangan penjualan & pembelian
- Penghantaran FOB dan FNC kepada pembeli eksport
- Pengangkutan untuk penghantaran tempatan
- Pengurusan dokumentasi penghantaran

Pada 2020, FGV memperdagangkan produk-produk berikut:

Kelapa Sawit

- Minyak Sawit Mentah
- Pemeringkatan Minyak Sawit Bertapis, Berluntur, Minyak Sawit Bernyahbau (RBD), Produk Sawit Olein RBD, Produk Sawit Stearin RBD, Asid Lemak Tersuling daripada Minyak Sawit

Laurik

- Isirung Sawit
- Minyak Isirung Sawit Mentah
- Minyak Isirung Sawit RBD
- Asid Lemak Tersuling daripada Isirung Sawit
- Inti Hampas Biji Isirung Sawit

Produk Biodiesel

- Ester Metil Sawit
- Gliserin

Perihal Kelestarian

Memacu peningkatan pengoperasian dengan Penyelidikan & Pembangunan (R&D)

Penyelidikan & Pembangunan FGV yang sentiasa meraih anugerah adalah pemacu kecemerlangan operasi bagi aktiviti huluan, hiliran dan pertanian bersepadu. Melalui perniagaan yang berorientasikan perniagaan yang mantap dan program R&D yang berteknologi tinggi, kami berjaya untuk mengukuhkan keupayaan dalam penciptaan nilai bagi aktiviti perniagaan agri FGV. Pada masa yang sama juga, kami telah meningkatkan langkah pengkomersialan produk R&D kami ke pasaran luar.



HULUAN

- Amalan agronomi baik bagi peningkatan hasil
- Pengurangan penggunaan baja bukan organik
- Menambah mekanisme bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja manual
- Membangunkan produk baja dan melebarkan sayap perniagaan ke pasaran luaran
- Menambahbaik keefisienan melalui pemodenan kilang



HILIRAN

- Menghasilkan produk baharu bagi FMCG hiliran
- Produk baharu untuk Industri Bahan Kimia Khusus



PERTANIAN BERSEPADU

- Menyokong usaha niaga dalam Pertanian Bersepadu

BIDANG FOKUS R&D

Dalam tahun 2020, fokus strategik R&D tertumpu kepada projek peningkatan pengoperasian iaitu dengan menggalakkan produktiviti Bahagian Huluan dan juga penyelidikan Hiliran dalam produk makanan dan bukan makanan. Kami berprogres dengan baik dalam pembangunan produk dan penambahbaikan proses, serta bakal menempa pasaran produk baharu, iaitu umpan tikus bagi sawah padi.

PENCAPAIAN 2020

Projek Telah Selesai

Sepanjang tahun, R&D berjaya melengkapkan pelbagai projek termasuk:

- Racun perosak baharu
(1) *Weed Solut-ion*
- Tanaman strategik baharu
(1) Anak Benih Kelapa Pandan Diiktiraf
- Produk baharu bagi produk pengguna
(1) Minyak Gorengan PREMEO
(2) Gantian Lelemak Tenuku PREMEO
(3) Gantian Lelemak Haiwan PREMEO
(4) Minyak Campuran Premium (Olein & Bunga Matahari)
(5) Lepa Lembut (*soft spread*)
(6) Marjerin Perindustrian Adela
(7) Saji Plus (Olein & Soya)
- Produk baharu untuk lemak khusus
(1) Asid Laktik Mentah
(2) Ester Etil Mentah

Pembangunan Produk

- Penggunaan baja organik bagi minyak sawit matang **(480MT)**
- Kultur tisu tanaman buluh **(50,000 anak benih)**
- Geospatial Teknologi (SAFE) bagi piawai model penanaman semula yang lebih tinggi **(200 ha)**

Peningkatan Proses

- Peningkatan kadar percambahan benih **(>80%)**
- Mewujudkan populasi spesies **burung pungguk** di PUP

Segmen Pasaran Baharu


- **Umpan tikus** yang didaftarkan untuk sawah padi



LOGISTIK DAN LAIN-LAIN (LO)

Perniagaan LO FGV menawarkan rantaian perkhidmatan yang menyeluruh, dan menjadi kekuatan kami kepada pelanggan.

LO mengenal pasti tujuh (7) bidang yang boleh mempertingkatkan operasi perniagaan bagi Sektor LO dibawah:



Prioriti Masa Hadapan

Bagi 2021, FGV telah mengenal pasti empat (4) inisiatif strategik utama bagi peningkatan efisiensi pengoperasian.

INISIATIF STRATEGIK UTAMA 2021



PERTANIAN BERSEPADU

Perniagaan pertanian bersepadu merupakan satu langkah kemajuan bagi penggiat perniagaan agrikultur perdana yang terbabit dalam aktiviti dari ladang-ke-dapur (*farm-to-fork*).

Pada tahun 2020, Kumpulan telah menunjukkan peningkatan dengan pelancaran pasaran peruncitan digital (*grocery marketplace*) di bawah jenama GOGOPASAR. Dengan pelancarannya, FGV bersedia untuk menambah penglibatan dalam ruang pasaran hujung-ke-hujung bersama pengguna atas talian. GOGOPASAR adalah satu kerjasama niaga di antara FGV dan pembekal perkhidmatan infrastruktur digital.

Model perniagaan GOGOPASAR membolehkan FGV untuk mengawal rantaian bekalan dengan memansuhkan penglibatan orang tengah. Ini menjadikan FGV lebih dominan dalam menentukan kaedah pembungkusan, penjualan & pemasaran serta penghantaran. Hasilnya, manfaat daripada margin harga yang lebih baik berbanding penggunaan model jualan konvensional oleh penggiat industri yang lain di dalam pasaran dapat diperolehi. Walau bagaimanapun, ketetapan harga jualan FGV masih berdasarkan trend industri.

GOGOPASAR juga membuka peluang bagi para petani, yang akan ditawarkan insentif berdasarkan jumlah dan kualiti bekalan. Yang lebih penting, ini adalah selaras dengan matlamat utama FGV dalam memasarkan produk hasil daripada petani mengikut harga perdagangan yang adil. FGV juga sedang mempertimbangkan pelantikan ejen, yang bakal dikenali sebagai GOGOpeneurs. Ini sekaligus membuka peluang kerjaya dalam bidang jualan, pemasaran dan pengurusan pelanggan.

Perihal Kelestarian



PERIHAL KELESTARIAN: KEBOLEHKESANAN, SUMBER BERTANGGUNGJAWAB DAN PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN

Di FGV, kami mengenal pasti tanggungjawab dan peluang untuk memacu perubahan melalui pengurusan rantai bekalan. Kami percaya kebolehkesean merupakan elemen penting dalam perniagaan kami di mana ia merupakan kepentingan dalam memenuhi komitmen sumber yang bertanggungjawab.

Usaha kebolehkesean kami diteruskan dengan kolaborasi bersama rakan perniagaan strategik untuk mengesan asal dan rantai pengawasan bagi semua material yang digunakan dalam operasi, serta menilai risiko kelestariannya. Sebagai tambahan, kami mengambil langkah pengkongsian informasi dan berkomunikasi bersama para pembekal untuk mencapai kebolehkesean hujung-ke-hujung.

FGV komited dalam memastikan semua material mentah diperolehi melalui sumber yang lestari seiring dengan komitmen GSP kami. Kami juga telah memulakan pengurusan rantai bekalan yang efisien bagi mengurangkan kos pengoperasian. Usaha ini termasuklah menggunakan sumber strategik dan transaksi melalui rundingan serta kawalan dalaman yang telah diperbaiki. Dengan ini, sebanyak 10% penjimatan kos perolehan telah dicatatkan.

GSP 4.0 yang berkuatkuasa pada November 2020 meletakkan syarat kepada semua pembekal untuk mengikuti amalan dan keperluan kelestarian FGV. Sehubungan dengan itu, FGV telah mengadakan sesi penerangan bersama para pembekal.

PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Semenjak tercetusnya COVID-19 bersama Perintah Kawalan Pergerakan Kerajaan, ia telah memberi kesan kepada bahagian produk pengguna. Ia menyebabkan kelewatan dalam penghantaran material mentah dan bekalan pembungkusan. Kesannya, kilang-kilang kami telah gagal memenuhi permintaan minyak masak dan untuk menanganinya, bahagian perolehan Kumpulan FGV telah bersama mencari penyelesaian dan berjaya mendapat bekalan daripada sumber alternatif yang lain. Dengan ini, risiko pengurusan rantai bekalan dapat dielakkan.

Dalam tindakan pembetulan ini, FGV memperolehi sumber botol, karton dan uncang nilon daripada pembekal alternatif. Melalui pengalaman ini, FGV telah mengguna pakai dasar yang memberi tender material mentah dan material pembungkusan kepada sekurang-kurangnya dua pembekal. Ini dapat mengurangkan risiko kekurangan produk pengguna FGV di pasaran dan menjamin bekalan yang mencukupi.

Berkaitan usaha kebolehkesean kami, terdapat penanguhan dalam pengesahan data kebolehkesean. Namun pada tahun ini, komunikasi bersama pembekal buah tandan segar (BTS) adalah menggunakan kaedah e-mel dan perhubungan melalui telefon sementara data kebolehkesean adalah terbatas dengan hanya pengesahan melalui komputer.

Bagi perniagaan logistik, COVID-19 dan kawalan pergerakan telah memberi impak kepada perkhidmatan pelancongan dan pengangkutan kami. Selain itu, terdapat risiko kesesakan di fasiliti simpanan pukal akibat eksport CPO yang melebihi permintaan daripada para pengimport, kesan daripada penutupan enam (6) pelabuhan utama dalam pasaran CPO kami. Terdapat juga kelewatan dalam enam (6) projek pembangunan strategik yang sedang berlangsung. Dengan keperluan penjarakan fizikal, FGV melaksanakan Sistem Pengedaran & Logistik Bersepadu (*Integrated Logistic & Distribution System – ILDS*) yang merupakan aplikasi di telefon bimbit bagi para pemandu sebagai langkah berjaga-jaga; aplikasi ini juga dapat mengesan lokasi para pemandu kenderaan FGV.



Kod Tatalaku Pembekal

Dalam tahun 2020, FGV telah mengkaji semula Kod Tatalaku Pembekal (SCOC) sebagai sebahagian daripada implementasi Pelan Tindakan FGV bersama FLA. SCOC menggariskan prinsip dan piawai di mana para pembekal dikehendaki patuh kepada perkara berkaitan amalan kelestarian; integriti dan etika perniagaan, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar, serta amalan buruh.

Ketidakpatuhan terhadap SCOC akan membawa potensi dikenakan penggunaan Garis Panduan Delinkuen Pembekal FGV ke atasnya, yang memungkinkan pembekal/vendor yang melanggar kepatuhan digantung, ditamatkan dan disenarai hitam sekiranya gagal menunjukkan kesungguhan untuk membaiki kegagalan amalan mereka.



Penyumberan Bertanggungjawab

Di antara tahun 2019 dan 2020, FGV telah mengendalikan lapan (8) sesi penerangan bagi pembekal BTS untuk memberi kesedaran berkaitan GSP. Berikutan penggunaan GSP yang telah dikaji semula pada November 2020, kami berjaya mengatur enam (6) sesi pada 2020. Keseluruhannya, FGV dapat melihat lebih 200 penyertaan sepanjang inisiatif peningkatan kesedaran ini.

PROSES PENTAKSIRAN & PENILAIAN PEMBEKAL

Pelantikan pembekal adalah berdasarkan tender terbuka bagi memastikan proses perolehan yang adil. Sebelum berlaku pelantikan pembekal, FGV telah mengendalikan aktiviti pra-kelayakan bagi mengenal pasti pembekal yang menepati kriteria. Pembekal perlu mematuhi SCOS bagi keperluan dan kepatuhan kepada kelestarian FGV.

Bagi memantau prestasi pembekal, FGV menggunakan sistem pengurusan vendor yang dikenali sebagai e-Daftar, iaitu suatu sistem yang digabungkan bersama sistem SAP FGV. Sistem ini juga telah menggabungkan semua keperluan dan dasar dan ianya wajib untuk pendaftaran pembekal.

Sistem ini membolehkan pemantauan FGV terhadap status pembekal (contoh: aktif dan tidak aktif). Pembekal yang disenarai hitam akan diletakkan di bawah senarai pantau. Dengan merujuk kepada e-Daftar, FGV dapat mengelakkan interaksi bersama pembekal yang tidak aktif dan disenaraihitamkan.

Bagi ketidakpatuhan berskala kecil, FGV akan memberi panduan kepada pembekal dengan pelan penambahbaikan bagi memastikan amalan kelestarian yang lebih baik.



Perihal Kelestarian

PROGRAM PEMETAAN RISIKO DAN KEBOLEHKESANAN

Pasukan Petugas Pengesahan dan Kebolehkesanan

Pada 2020, FGV telah menubuhkan program pemetaan risiko dan kebolehkesanan bagi pembekal-pembekal luar. Program ini bermatlamat untuk mengenal pasti dan mengesahkan risiko kelestarian, termasuk alam sekitar dan juga risiko hak asasi manusia dan sosial, yang berkait rapat dengan pembekal luar yang dikenal pasti berdasarkan lokasi geografi mereka.

Pada 2020, kami menubuhkan Pasukan Petugas Pengesahan dan Kebolehkesanan (TVTF) dengan kolaborasi bersama MISI, MIMOS dan Procter & Gamble. Pasukan petugas ini diamanahkan untuk mengesan, menilai dan mengesahkan pematuhan rantai bekalan BTS pihak ketiga berdasarkan GSP FGV selain membantu pekebun-pekebun kecil meningkatkan amalan pertanian mereka.

Pasukan petugas ini ditugaskan untuk mengesan sumber BTS daripada para pembekal bebas ke 32 kilang-kilang, dalam masa yang sama memastikan kepatuhan terhadap GSP FGV. Pada akhir tahun 2020, pasukan ini berjaya mengesan 1,600 pekebun-pekebun kecil bebas yang membekal kepada 10 kilang-kilang, termasuk butiran pematuhan terhadap NDPE. Para pekebun kecil dan peneroka FELDA meyumbang sebanyak 47% daripada jumlah bekalan luar rantai bekalan FGV.

Sebagai tambahan, pasukan petugas khas ini meminta pengesahan daripada FGV untuk mengesahkan data yang disediakan oleh kilang dan peniaga besar dan pemetaan risiko kelestarian bagi pembekal besar daripada ladang-ladang komersial.

KEBOLEHKESANAN DALAM PERNIAGAAN PERLADANGAN


Kami mengamalkan tiga (3) kategori kebolehkesanan: Kebolehkesanan ke Kilang (TTM), Kebolehkesanan ke Perladangan (TTP) dan Kebolehkesanan Produk (ToP). Inisiatif kebolehkesanan kami adalah untuk memastikan bahawa sumber BTS yang diperolehi adalah bebas daripada aktiviti pembasmian hutan, penanaman di tanah gambut dan pembakaran terbuka, selaras dengan komitmen kami terhadap NDPE GSP.

Sejak tahun 2019, FGV telah memperkenalkan papan pemuka kebolehkesanan FGV di laman web syarikat. Papan pemuka ini memberi maklumat terkini berkaitan status TTM dan TTP subsidiari perladangan kami, iaitu FGV Plantations (Malaysia) Sdn. Bhd., FGV Refineries Sdn. Bhd., FGV Kernel Products Sdn. Bhd., FGV Biotechnologies Sdn. Bhd. dan Delima Oil Products Sdn. Bhd.

HULUAN


Minyak Sawit Mentah

KILANG MINYAK SAWIT



Minyak Isirung Sawit

KILANG MINYAK SAWIT




■ Dapat dikesan ke perladangan
■ Tidak dapat dikesan ke perladangan


PAPAN PEMUKA KEBOLEHKESANAN FGV

Minyak Sawit Mentah

FGVR & DOP




FGVBSB




Minyak Isirung Sawit

FGVR




FKP



■ Dapat dikesan ke kilang ■ Dapat dikesan ke perladangan


Jumlah Hiliran

CPO



Jumlah Hiliran

CPKO



FGVR: FGV Refineries Sdn. Bhd.
FKP: FGV Kernel Products Sdn. Bhd.

FGVBSB: FGV Biotechnologies Sdn. Bhd.
FGVPM: FGV Plantations (Malaysia) Sdn. Bhd.

DOP: Delima Oil Products Sdn. Bhd.

Kebolehhkesanan ke Kilang

Pada 2020, kami berbangga dengan kejayaan kami dalam mengekalkan 100% Kebolehhkesanan ke Kilang yang telah dicapai semenjak tahun 2019.

Kebolehhkesanan ke Perladangan

Pada 2020, kami berjaya mencapai **81%** kebolehhkesanan ke perladangan, merangkumi **pembekal BTS**. Kami akan meneruskan usaha bagi meningkatkan kebolehhkesanan ke perladangan walaupun berdepan dengan jaringan BTS yang kompleks disebabkan oleh pembekal pihak ketiga.

Bagi mengatasi cabaran ini, FGV akan bekerjasama dengan rakan niaga rantai nilai untuk memastikan kebolehhkesanan dan ketelusan diterapkan dalam amalan mereka. Sebagai tugas yang menjadi amalan, pasukan kebolehhkesanan kami berkomunikasi dengan pembekal BTS dan berkomunikasi mengenai komitmen kelestarian. Pasukan ini juga akan mengemas kini dan mengesahkan data kebolehhkesanan FGV.

Pada tahun 2020, kami telah berjaya mencatatkan 81% (2019: 80%) kebolehhkesanan berbanding **75% sasaran yang telah ditetapkan**.

FGV telah meletakkan sasaran pencapaian **100% kebolehhkesanan ke perladangan bagi pembekal luar tidak langsung menjelang 2021**.

| Tahun Kewangan Berakhir | Sasaran | Prestasi Kami |
|-------------------------|--|--|
| TK2019 | <ul style="list-style-type: none"> 50% kebolehhkesanan bagi pembekal luar tidak langsung Pemetaan risiko kelestarian bagi semua pembekal yang dapat dikesan. | <ul style="list-style-type: none"> 68% pembekal luar tidak langsung dapat dikesan 100% pemetaan risiko kebolehhkesanan telah dilakukan bagi semua pembekal yang dapat dikesan. |
| TK2020 | <ul style="list-style-type: none"> 75% kebolehhkesanan bagi pembekal luar tidak langsung Pemetaan risiko kelestarian bagi semua pembekal yang dapat dikesan. | <ul style="list-style-type: none"> 76% pembekal luar tidak langsung dapat dikesan 100% pemetaan risiko kebolehhkesanan telah dilakukan bagi semua pembekal yang dapat dikesan. |



Penambahbaikan Sistem Kebolehhkesanan Produk FGV (Sistem ToP FGV)

Pada 2020, sebagai sebahagian daripada inisiatif kebolehhkesanan, kami telah menambahbaik Sistem ToP FGV, iaitu suatu sistem kebolehhkesanan berkomputer yang membolehkan pelanggan mendapatkan maklumat seperti pensijilan, lokasi geografi dan hasil pengeluaran bulanan di kilang FGV dalam bentuk yang interaktif. ToP FGV adalah sebahagian daripada Sistem Pengurusan Minyak Sawit Lestari (SPOMS) yang meliputi Sistem Pengurusan Bersepadu Audit (FGV AIMS).

Dengan penambahbaikan yang dilakukan, sistem ini akan dapat memberi maklumat komprehensif mengenai pergerakan BTS/CPO/PK/ PKO beserta perincian seperti status pematuan kebolehhkesanan dengan pantas. Sistem ini merangkumi keseluruhan produk subsidiari FGV yang berasaskan minyak sawit. Ia juga membolehkan maklumat-maklumat lain yang akan disediakan untuk diperolehi dengan konsep mesra pelanggan.

Prioriti Masa Hadapan

Pada 2021, kami merancang untuk mengembangkan Kebolehhkesanan ke Perladangan (TTP) bagi Buah Tandan Segar (BTS) untuk pembekal Peringkat 2 dan Peringkat 3 dalam perladangan. Menjelang 2023, FGV meletakkan matlamat untuk mengembangkan Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP) kepada semua rakan niaga rantai bekalan, serta bagi tujuan mencapai kepatuhan terhadap syarat yang ditetapkan oleh CSPO secara menyeluruh mengikut pasaran saham antarabangsa. FGV kini di dalam proses melantik vendor yang akan membangunkan sistem yang dijadualkan bermula pada tahun 2021.

Perihal Kelestarian

Mengurus Risiko NDPE bagi Pembekal BTS Tidak Langsung

BTS daripada rangkaian peniaga mungkin membawa risiko yang tinggi dalam komitmen NPDE FGV.

Pada 2020, FGV telah menjalankan penilaian risiko NDPE sekitar radius 50km di 72 pusat pungutan BTS yang menyumbang 50% bekalan daripada jaringan peniaga BTS.

Secara keseluruhan, kami mendapati tiada pendedahan risiko yang tinggi terhadap NPDE yang ditunjukkan. Namun, bagi subjek yang khusus kepada pembasmian hutan, kami mengenal pasti empat (4) pusat pungutan yang menyumbang 1.5 peratus bekalan daripada rangkaian peniaga terdedah kepada risiko pembasmian hutan di kawasan persekitaran manakala 22 pusat pungutan yang lain pula terdedah kepada risiko penanaman di tanah gambut.

FGV telah memaklumkan perkara ini kepada pihak yang berkaitan dan masih menunggu pengesahan data yang diperolehi semasa penilaian dijalankan.



Perniagaan Getah

Perniagaan getah FGV memberi fokus kepada pengeluaran material getah asli berkualiti tinggi. Pengoperasian getah ini telah berjaya melakukan pemulihan perniagaan dengan mencatatkan RM3 juta keuntungan bagi pengoperasian di Malaysia. Sebagai tambahan kepada getah komersial, kami telah menghasilkan getah hijau iaitu getah berkualiti tinggi dengan keistimewaan kandungan getah sintetik.

Sebagai amalan Kumpulan, pembekal material mentah kami adalah tertakluk kepada SCOC FGV. Bahagian getah juga telah memetakan bekalan di Malaysia, di mana 70% diperolehi melalui sumber tempatan, dengan proses kebolehsesanan yang mampu mengelaskan negeri produk getah itu berasal.

Kilang-kilang kami di Malaysia juga mengguna pakai sistem SAP yang digunakan untuk memantau dan mengemas kini data berkaitan sumber material mentah, isipadu getah dan jadual penghantaran serta barangan yang boleh dihantar. Di Thailand, pasukan Bahagian Getah membuat lawatan ke pembekal dan agensi mereka untuk membuat penilaian amalan kelestarian.

Pada 2020, FGV memulakan kebolehsesanan bekalan getah daripada sumber tempatan bagi memastikan ia tidak diperolehi melalui aktiviti pembasmian hutan atau daripada kawasan yang dilindungi. Sasaran kami adalah untuk mencapai 100% kebolehsesanan bagi bekalan Peringkat 2. Kami telah berjaya mencapai 96% kebolehsesanan setakat akhir tahun 2020 dan berharap untuk mencapai 100% pada 2021. Dalam tahun 2021, kami akan mengesan asal bagi bekalan getah daripada luar negara.

| Tahun Kewangan Berakhir | Sasaran | Prestasi Kami pada 2020 |
|-------------------------|---|--|
| 2020 | 1. Mengesan sumber BTS (TTP) ke 23 kompleks kilang dan memastikan kepatuhan terhadap GSP FGV. | 1. 1,600 pekebun kecil bebas membekalkan BTS kepada 10 kilang dan telah dikesan ke perladangan mereka dengan kebolehsesanan lengkap bersama informasi pematuan NDPE. |
| | 2. Untuk mengesahkan data yang dikeluarkan oleh FGV di peringkat kilang dan di peringkat peniaga yang menunjukkan prestasi secara terpilih. | 2. 3,200 pekebun kecil bebas telah dikesan membekalkan BTS kepada 23 kilang. |
| | 3. Pemetaan risiko kelestarian dalam pematuan terhadap NDPE bagi pembekal berskala besar (contoh: perladangan komersial). | 3. 72 pusat pungutan (merangkumi 50% BTS daripada jaringan peniaga) telah dipetakan risikonya. Tiada di antaranya yang menunjukkan risiko tinggi melalui keseluruhan penilaian, walaupun terdapat segelintir yang berisiko tinggi dalam komponen NDPE yang khusus. |



Implimentasi Sistem Pengurusan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) EcoVadis

Sejak 2018, Bahagian Getah telah secara sukarela mengambil bahagian dalam tinjauan Ecovadis tahunan industri untuk memastikan kelestarian produk getah FGV. Sistem ini membantu syarikat-syarikat membuat penilaian dan memantau prestasi mereka di dalam empat (4) tema utama: Alam Sekitar, Hak Asasi Manusia & Amalan Buruh, Etika dan Perolehan Lestari. Kami juga mengambil bahagian di dalam audit-bio tahunan yang dijalankan oleh industri getah asli global. Audit ini melibatkan penilaian proses pengeluaran getah dan kualiti produk, juga audit kelestarian.

Penilaian tahunan yang dijalankan ini dapat membantu kami mengenal pasti jurang dan peluang berpotensi seluruh operasi kami bagi menambahbaik prestasi serta mengurangkan kos, selain memastikan kami kekal patuh terhadap keperluan undang-undang.

PERIHAL KELESTARIAN: PENSIJILAN KELESTARIAN

Pensijilan RSPO

FGV dengan gigih melangkah bagi memperkukuhkan kelayakan kelesetariannya melalui Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Pensijilan Kemampanan dan Karbon Antarabangsa (ISCC).

RSPO adalah piawai global yang diiktiraf dunia bagi kelestarian minyak sawit. Ia mengguna pakai pendekatan menyeluruh dan pensijilan berdasarkan audit yang mengambil kira impak negatif terhadap penanaman kelapa sawit, pemprosesan minyak dan pengeluaran produk di dalam kepelbagaian ekonomi, alam sekitar dan penunjuk sosial.

Dengan kesedaran penguasaan pasaran terhadap produk yang bertanggungjawab kepada alam sekitar dan sosial, permintaan terhadap minyak sawit lestari dilihat semakin meningkat. Buat masa ini, insentif juga diberikan kepada pekebun, penapis dan pengeluar produk melalui margin keuntungan yang tinggi bagi minyak sawit lestari.

Pensijilan RSPO adalah satu inisiatif sukarela yang bermula sejak tahun 2008. FGV secara sukarela mendapatkan pensijilan RSPO, dan merupakan salah satu syarikat perladangan terawal mendapat pensijilan ini iaitu sekitar tahun 2010. Semenjak itu, kami telah mengadakan Pelan Terikat-Waktu (*Time-Bound Plan*) yang bermatlamat supaya 68 kompleks kilang kami memperolehi pensijilan menjelang 2022.

Kesan daripada arahan Panel Aduan (CP) RSPO pada 13 Januari 2020 – yang telah menggantung semula pensijilan RSPO Kompleks Serting FGV dan sekaligus menggantung pensijilan RSPO FGV yang masih di dalam proses – FGV kekal teguh dengan usaha implementasi yang berterusan terhadap pelan tindakan untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan CP.

Audit pengesahan oleh RSPO yang sepatutnya berlangsung pada Jun 2020 telah mengalami kelewatan kesan daripada pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) yang diarahkan

oleh Kerajaan Malaysia. Audit pengesahan itu akhirnya dilakukan pada November 2020. Bureau Veritas Certification (BVC) telah dilantik oleh RSPO sebagai badan pensijilan bebas yang menjalankan audit pengesahan tersebut. Enam (6) audit berlangsung di tapak kompleks FGV – empat (4) di Semenanjung Malaysia manakala dua (2) di Sabah – merupakan sebahagian daripada pelaksanaan audit pengesahan. Audit pengesahan ini dijangka berakhir pada April 2021. Keputusan daripada audit pengesahan ini akan dikemukakan bagi penarikan semula penggantungan pensijilan oleh Panel Aduan (CP) RSPO. FGV telah mengambil kira semua arahan CP dengan seluruh kemampuan dan FGV memastikan untuk terus komited dalam kepatuhan terhadap semua piawaian yang relevan sebagai sebuah perniagaan yang lestari dan bertanggungjawab. Apabila penggantungan semula ditarik balik, FGV akan meneruskan proses pensijilan bagi kilang-kilang yang masih belum memilikinya.

Setakat akhir tahun 2020, sejumlah 33 kompleks FGV telah memperolehi pensijilan RSPO. Ini diterjemahkan sebagai 454,918 MT Minyak Sawit Lestari Diperakui (CSPO) dan 112,398 MT Isirung Sawit Lestari Diperakui. Susulan penggantungan pensijilan RSPO, kami tidak dapat memperbaharui pensijilan RSPO bagi produk Kelapa Sawit boleh dikesan yang telah tamat. Ini sekaligus menjejaskan dagangan produk lestari tersebut. FGV kini di dalam proses perbincangan bersama badan pensijilan yang berkaitan bagi memanjangkan tempoh sah laku bagi pensijilan Kelapa Sawit yang boleh dikesan secara bulanan dan secara suku tahunan supaya produk yang diperakui ini dapat didagangkan.

Dalam tahun 2021, kami akan mengkaji semula Pelan Terikat-Waktu RSPO sedia ada bersama pihak berkepentingan yang relevan. Kajian semula ini juga akan meneliti pensijilan RSPO bagi pembekal BTS, terutama perladangan berskala besar.



Penggantungan RSPO


Dalam tahun 2018, Panel Aduan (CP) RSPO telah menggantung Kompleks Kilang Minyak Kelapa Sawit di Nilai, Negeri Sembilan ekoran jurang dalam amalan buruh. Sebagai respons, FGV dengan konsultasi bersama RSPO telah membangunkan satu pelan tindakan bagi mengatasi kebimbangan yang dibangkitkan dan pelbagai tindakan telah dilaksanakan. Tiga (3) laporan suku tahunan telah dihantar kepada RSPO pada Mac, Jun dan September 2019. FGV juga telah melakukan kenyataan pelan tindakannya secara umum. Langkah ini telah membawa kepada penarikan semula penggantungan pensijilan RSPO bagi Kompleks Serting pada Ogos 2019.

Walau bagaimanapun, pada Januari 2020, Panel Aduan membuat keputusan untuk menggantung semula pensijilan Kompleks Serting berdasarkan audit pengesahan yang dijalankan pada Oktober 2019, yang menekankan situasi berkaitan regularisasi tenaga kerja di Sabah berbanding isu yang lain. Turut digantung adalah proses pensijilan bagi kilang yang belum diaudit.

Berikutan arahan ini, FGV telah mengatasi isu yang dibangkitkan dengan mengadakan satu lagi audit pengesahan pada November 2020 yang dijangka berakhir pada April 2021.

Perihal Kelestarian

Status Pensijilan MSPO bagi Kilang-kilang FGV



PENSIJILAN MSPO

Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) adalah skim pensijilan bagi perladangan minyak kelapa sawit di Malaysia, bebas dan mengatur fasiliti pemprosesan minyak sawit dan pekebun-pekebun kecil. Ia merupakan saluran utama bagi pekebun kecil di Malaysia untuk mengambil bahagian dalam skim pensijilan diiktiraf antarabangsa yang mengikut prinsip kelestarian.

Pada 2017, Kerajaan telah mengumumkan bahawa MSPO adalah mandatori mulai tahun 2020 dan ke atas. Mulai Februari 2020, kesemua 68 kilang dan 189 estet FGV telah diperakui MSPO.

Bagi memastikan standard yang tinggi bagi rantai bekalan, FGV telah berhubung dengan pekebun kecil untuk menambahbaik amalan agrikultur mereka. Ini dapat membantu mereka dalam Pensijilan MSPO dan membolehkan FGV mencapai 100% kebolehsenangan ke perladangan pekebun kecil yang membekal BTS kepada FGV.

PERIHAL KELESTARIAN: PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & KUALITI PRODUK

Sebagai perniagaan lestari dan bertanggungjawab, FGV memberi prioriti berterusan kepada pembangunan perniagaan sebagai sebahagian daripada penciptaan nilai dan pada masa yang sama memastikan piawai yang tinggi terhadap kualiti produk bagi meraih penerimaan pelanggan dan melahirkan jenama berdaya saing.

Di FGV, pembangunan perniagaan dan kualiti produk dipacu oleh Perniagaan Gula dan Perladangan Kumpulan, yang kini sedang melebarkan sayap ke produk agrikultural yang lain selari dengan haluan Kumpulan untuk memajukan diri sebagai pesaing perniagaan agri global pada masa akan datang.

Pada 2020, fungsi pembangunan perniagaan dan kualiti produk Kumpulan terus kekal di bawah skop perniagaan Perladangan FGV.



Aktiviti yang diadakan bagi pembangunan perniagaan dan kualiti produk Kumpulan adalah fokus kepada memperluaskan penguasaan pasaran dan memastikan produk-produk kami diterima pakai oleh pengguna selain kekal patuh kepada kehendak perundangan di dalam pasaran masing-masing.

Bagi melebarkan jejak perniagaan kami, FGV melantik pengedar peringkat kebangsaan di dalam pasaran baharu dan sedia ada. Sebelum berlakunya sebarang pelantikan, kami menilai terlebih dahulu nilai etika dan kewangan serta kebolehan untuk mengedar dari segi kemampuan. Kami meneroka prospek produk-produk baharu yang dikeluarkan oleh subsidiari FGV atau sumber daripada pembekal OEM. FGV juga membuat penilaian berkenaan potensi dan saiz pasaran, kesesuaian dan penerimaan pengguna, serta prestasi para pengedar.

Sejak FGV membuat pengkhususan kepada produk makanan, ia mendukung piawai kebersihan yang ketat merangkumi seluruh spektrum pengeluaran. Ini disokong oleh pensijilan kualiti dan keselamatan makanan termasuklah:

- Pensijilan Sistem Keselamatan Makanan 22000 (FSSC) – pensijilan keselamatan makanan
- ISO 9001:2015 – pensijilan pengurusan kualiti
- HALAL – pensijilan Sistem Pengurusan Halal

Pada 2020, FGV maju ke hadapan bersama e-Dagang sebagai satu platform alternatif bagi jualan dan pemasaran dengan pelancaran Kedai FGV dan GOGOPASAR.

Sebagai sebahagian daripada usaha peningkatan yang berterusan dalam kualiti produk, FGV telah mewujudkan sistem pengurusan maklum balas dan aduan pengguna serta pelanggan.

Portfolio Produk Pengguna

Portfolio produk pengguna kami menjamin penggunaan Minyak Sawit Mentah (CPO) yang berterusan bagi aktiviti hiliran berasaskan sawit, ini termasuk penukaran CPO dan Isirung Sawit (PK) kepada produk yang menambah nilai seperti oleokimia, biodiesel, lemak dan FMCG.

Produk kami yang terkenal adalah jenama SAJI yang mendahului segmen minyak masak bertapis tempatan dengan penguasaan pasaran sebanyak 40%, sementara marjerin SERI PELANGI pula mempunyai penguasaan pasaran sebanyak 42%.

Lemak khusus FGV dan produk FMCG terus berkembang bersama rangkaian produk lain seperti mi segera, mayo, krimer, sos, vanaspati dan lain-lain lagi, di mana kebanyakannya merupakan pilihan jutaan isi rumah di Malaysia.

Melalui kerjasama strategik bersama *Procter & Gamble* di Malaysia, kami berminat untuk mengoptimumkan perniagaan oleokimia dengan inisiatif pembangunan dan penyelidikan.

Meskipun kawalan pergerakan akibat COVID-19 telah mengganggu usaha perhubungan bersama pelanggan dan percubaan produk-produk baharu, FGV telah berjaya melancarkan tiga (3) produk pengguna yang baharu di bawah jenama SAJI iaitu Santan Kelapa, Beras, dan Gula serta tiga (3) lagi produk perindustrian baharu di bawah jenama PREMEO iaitu Minyak Gorengan, Gantian Lelemak Haiwan dan Gantian Lelemak Tenusu.



Prioriti Masa Hadapan

Melangkah ke hadapan, kami merancang untuk membina rangkaian pengedar antarabangsa dan tempatan bagi mengukuhkan pasaran sedia ada dan menembusi pasaran baharu. Pada masa yang sama, kami akan memperhebatkan aktiviti penambahbaikan dan peningkatan produk dengan matlamat dapat memenuhi permintaan bagi pasaran dan produk sasaran.

Buat masa ini, sebelum proses pengagihan, kebanyakan produk kami disimpan di gudang FGV yang terletak di Shah Alam. Bagi membantu mengurangkan jejak karbon FGV, kami sedang meneroka pengangkutan langsung bagi menghantar produk-produk daripada kilang ke pihak pengedar yang bertindak sebagai pusat pengumpulan di kawasan itu.

PERIHAL KELESTARIAN: TADBIR URUS, ETIKA DAN INTEGRITI

FGV telah mengukuhkan prestasi tadbir urus, etika dan integritinya yang merupakan pemacu utama transformasi perniagaan FGV.

Saban tahun, FGV terus kekal dalam mengejar matlamatnya untuk membudayakan integriti di keseluruhan organisasi. Harapan ini dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Tadbir Urus & Pengurusan Risiko (GGRM). GGRM telah mengadakan kerangka kerja integriti dan tadbir urus yang mantap serta mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan piawai tadbir urus sekaligus menerapkan amalan beretika di dalam Kumpulan.

Sejak memperolehi ISO 37001:2006 iaitu pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah pada Disember 2019, FGV telah mengadakan program kesedaran tentang organisasi tanpa toleransi terhadap sebarang bentuk korupsi dan penyalahgunaan kuasa. Susulan itu FGV telah mengukuhkan mekanisme pendedahan maklumat (*whistleblowing mechanism*), dan pada tahun 2020, Pelan Tindakan Anti-Korupsi FGV (FGVACP) diterbitkan bersesuaian dengan Pelan Anti-Korupsi Kebangsaan dan Seksyen 17A peruntukan Liabiliti Korporat di bawah Akta 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (MACC).

Sebagai tambahan, lebih 90% tenaga kerja FGV telah melengkapkan Perjanjian Integriti Atas Talian yang diperkenalkan pada 2020.

FGV juga telah menjalankan pelbagai program integriti dan tadbir urus di seluruh operasi. Bagi memastikan keberkesanannya, kami telah melantik ketua tadbir urus di peringkat subsidiari dan bahagian. Ketua tadbir urus bertanggungjawab untuk mengimplementasi, memantau dan mengkaji semula program peringkat Kumpulan yang telah dirancang di tempat kerja masing-masing.

Sebagai ketua tadbir urus, prestasi mereka dinilai sebagai KPI integriti, yang mana akan menjadi sebahagian daripada proses penilaian tenaga kerja tahunan mereka. Dengan insentif ini diharapkan dapat mendorong mereka untuk mengambil peranan dengan secara serius, sebagai tambahan kepada skop pekerjaan sedia ada di bahagian masing-masing.

Pada 2020, dengan kehadiran pandemik COVID-19, FGV telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas COVID-19 yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan mitigasi terhadap risiko perniagaan. Maklumat lanjut berkenaan Pasukan Petugas Khas COVID-19 terdapat di Bahagian 5 laporan ini.

Perihal Kelestarian

Tadbir Urus Utama dan Inisiatif Integriti





Sepanjang tahun, terdapat 10 inisiatif strategik telah dijalankan untuk memastikan integriti menjadi nilai asas di dalam persekitaran kerja FGV.

| | | | | |
|--|--|--|--|---|
| 01 Tinjauan Kepuasan Pelanggan Dalam Sebelum terbentuk formulasi FGVACP, Kumpulan telah menjalankan satu Tinjauan Kepuasan Pelanggan Dalam. Ia berjaya mendapatkan 215 respons, yang telah dianalisa dan isu-isu yang kritikal telah pun disalurkan kepada FGVACP. | 02 Modul Peningkatan Kesedaran Integriti Modul Kesedaran Integriti telah ditambah baik menjadi lebih interaktif. Modul ini termasuk topik-topik baharu seperti peruntukan Liabiliti Korporat, Seksyen 17A di bawah Akta 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (MACC). | 03 Peningkatan Tadbir Urus Korporat dan Kerangka Tindakan Integriti Perniagaan Tadbir Urus Korporat dan Kerangka Tindakan Integriti Perniagaan 2015-2019 telah ditambah baik dengan pendekatan FGVACP 2020-2023, selaras dengan Pelan Anti-Korupsi Kebangsaan. | 04 Komunikasi berkenaan Tadbir Urus dan Integriti GGRM berkolaborasi bersama Kumpulan Komunikasi Strategik untuk membangunkan dan mengimplementasi Pelan Komunikasi 2020 bagi topik berkaitan Integriti dan Tadbir Urus. | 05 Perjanjian Integriti Atas Talian Pelancaran Perjanjian Integriti FGV versi atas talian melibatkan 90% tenaga kerja mengambil bahagian pada 2020. |
| 06 Mengidentifikasi risiko korupsi baharu dan mengkaji semula risiko sedia ada Pengurusan Risiko Korporat kini meliputi FGV Travel; ia mengkaji 25 risiko korupsi sedia ada. | 07 Pelebaran Skop ABMS Skop ABMS diperluaskan lagi dengan melibatkan FGV Travel, PUP/APL. Walaubagaimanapun, akibat arahan kawalan pergerakan, kemudahan dan program latihan hanya terhad kepada kakitangan di Felda Travel dan Ibu pejabat PUP/APL. | 08 Latihan serta Kesedaran tentang Tadbir Urus dan Integriti Modul peningkatan bagi Latihan serta Kesedaran Tadbir Urus dan Integriti dikendalikan di 62 tapak seluruh Kumpulan. Sesi latihan adalah secara fizikal dan maya. | 09 Ceramah Integriti Atas Talian Satu ceramah bertajuk Tumbuk Rusuk: Dari Norma Baharu kepada Norma Biasa telah dihadiri oleh 200 kakitangan FGV. | 10 Audit Dalam Anti-Rasuah (ABIA) Audit ABIA sepatutnya dijalankan di 68 tapak FGV. Walau bagaimanapun, ekoran kawalan pergerakan COVID-19, GGRM hanya dapat menguasai 30% daripada angka tapak yang dicadangkan. |

Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta 2009, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Pada 5 April 2018, Seksyen baharu iaitu 17A di bawah Akta 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah telah memperkenalkan liabiliti korporat di organisasi komersial di Malaysia. Pengenalan Seksyen 17A Akta 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini, bertarikh 1 Jun 2020, membolehkan organisasi komersial dan pihak berkaitan untuk didakwa bagi prosiding perundangan sekiranya pihak berkaitan organisasi komersial didapati melakukan kesalahan korupsi.

Dalam persediaan penguatkuasaan Seksyen 17A Akta 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, FGV telah melaksanakan beberapa inisiatif penambahbaikan pematuhan terhadap Akta tersebut iaitu:

| | | | |
|--|---|---|--|
| Pengkajian semula Dasar dan SOP  Mengukuhkan implimentasi ISO 37001: 2006 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) melalui pengkajian semula dasar dan SOP. Sejumlah 73 Dasar dan 133 SOP telah dikaji semula pada 2020. | Komunikasi dan Latihan  Meningkatkan kesedaran tenaga kerja FGV akan kewujudan dan kesan pelanggaran Seksyen 17A Akta 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah melalui komunikasi dan latihan intensif. | Pematuhan Garis Panduan Prosedur yang Memuaskan  FGV mencari pemahaman yang lebih baik dan melaksanakan sepenuhnya syarat seperti yang tertakluk dalam Garis Panduan Prosedur Memuaskan. | Tinjauan Dalam  Audit Dalam Kumpulan (GIA) telah menjalankan tinjauan dalam berkaitan kesediaan FGV terhadap Seksyen 17A Akta 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Tinjauan tersebut menyediakan maklumat berkaitan tahap pematuhan FGV dan mengenal pasti bidang yang memerlukan pelaksanaan penambahbaikan. |
|--|---|---|--|



Untuk mendapatkan informasi lanjut berkaitan tadbir urus, etika dan integriti di FGV, sila rujuk Bahagian 5 laporan ini.

PERIHAL KELESTARIAN: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN DATA

Keselamatan dan perlindungan data merupakan perkara yang kritikal bagi sesebuah perniagaan yang menuju ke arah pendigitalisan tempat kerja. Sebagai syarikat berskala besar, dengan tenaga kerja dan bank tanah yang luas, operasi luar negara dan pelanggan antarabangsa, keselamatan dan perlindungan data adalah sangat diperlukan.

Dalam pada perniagaan kian berkembang luas dan semakin kompleks, ditambah dengan penceburan dalam e-Dagang, FGV perlu lebih berwaspada dalam melindungi datanya, termasuk data rakan niaga, data pembekal, data pelanggan dan juga pihak berkepentingan.

Di FGV, keselamatan dan perlindungan data adalah berdasarkan beberapa dasar.

Inisiatif Utama 2020

1. Kajian Analisis Jurang Keselamatan (Security Gap Analysis Study)


FGV membuat kesimpulan melalui analisis jurang keselamatan terhadap persekitaran digitalnya bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan lalu menyediakan pelan tindakan penambahbaikan untuk diimplementasi bagi memastikan perlindungan data adalah terjamin.

2. Ujian Pencerobohan Sekuriti

Pada 2020, FGV menguji keselamatan sistem di dalam infrastruktur IT Kumpulan dan aplikasinya. Kami telah menerima hasil keputusan yang memuaskan dari segi prestasi yang ditunjukkan bagi mengatasinya.

3. Menyaring spam e-mel

Bahagian ini juga meningkatkan penyaringan spam e-mel, terutama semasa pandemik COVID-19. Kami telah berjaya menyaring lebih daripada 99% spam e-mel.



Perihal Kelestarian



#2

Menghormati Hak Asasi Manusia

Di FGV, kami percaya menghormati hak asasi manusia adalah amalan yang perlu dilakukan. Kami berikrar untuk mendukung piawai dan prinsip hak asasi manusia yang diiktiraf antarabangsa di dalam operasi dan subsidiari, selain mengambil langkah bagi memastikan hak asasi manusia juga dihormati di keseluruhan rantai bekalan kami. Mengiktiraf hak asasi manusia dan Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG) yang memperjuangkan perkara yang sama, kami tidak mengambil ringan dan memberi sepenuh komitmen dalam memenuhi dan menggalas tanggungjawab ini.

Sebagai tambahan, kami mengenal pasti tanggungjawab menghormati hak para pekebun kecil, pelanggan dan komuniti di tempat kami beroperasi.



Mendukung Piawai Perburuhan



Penglibatan Tenaga Kerja



Pengurusan Bakat



Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

PERIHAL KELESTARIAN: MENDUKUNG PIAWAI PERBURUHAN

Di FGV, kami memahami bahawa menghormati hak asasi manusia memerlukan usaha yang berterusan. Sebagai sebahagian daripada dedikasi kami dalam mendukung industri minyak sawit lestari dan adil kesaksamaan sosial, kami komited dalam memastikan operasi kami bebas daripada sebarang bentuk eksploitasi, tenaga kerja paksa atau berkontrak, perdagangan manusia, perhambaan dan buruh kanak-kanak.

Berdasarkan jejak global kami yang luas serta rantai bekalan yang kompleks, kami telah berhadapan dengan jurang dalam pelaksanaan komitmen hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, capaian dan


skala kami membuka peluang bagi memacu perubahan secara berkolaboratif bersama penggiat industri.

Usaha sama kami ini berpandukan instrumen hak asasi manusia kebangsaan termasuk Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGPs), keperluan kawal selia tempatan dan juga syarat-syarat pensijilan RSPO dan MSPO.

Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP), Dasar Modal Insan Kumpulan dan SCOC menguatkan lagi komitmen kami dalam mendukung hak asasi manusia.



Mengambil kira bahawa semua hak asasi manusia adalah saling bergantung, berkaitan dan tidak boleh dinafikan, FGV telah menerapkan prinsip-prinsip yang berikut:



Perihal Kelestarian

GABUNGAN BERSAMA FAIR LABOR ASSOCIATION (FLA)

Sebagai sebahagian daripada komitmen untuk mendukung piawai perburuhan, kami telah menjadi salah satu syarikat yang mengambil bahagian bersama Fair Labor Association (FLA) pada Oktober 2019. FGV kini mengimplimentasikan Pelan Tindakan Hak Asasi Buruh jangka masa panjang yang komprehensif selama lima tahun di bawah gabungan bersama FLA yang merangkumi beberapa inisiatif bagi pengukuhan beberapa aspek dalam amalan buruh seperti program latihan hak asasi manusia iaitu sewaktu proses pengambilan tenaga kerja, keadaan tempat tinggal dan tempat kerja, mekanisme aduan, dan sebagainya. Pelan tindakan ini diterbitkan dan diguna pakai pada 31 Mac 2020 susulan konsultasi bersama FLA dan pihak berkepentingan yang pelbagai termasuk organisasi masyarakat sivil.

Dengan gabungan bersama FLA, FGV juga turut meningkatkan mekanisme pemantauan terhadap pematuan piawai perburuhan. Satu bengkel telah dijalankan pada bulan November, di mana pelbagai kelemahan di dalam pemantauan dalaman FGV dikenal pasti. FLA telah mengemukakan beberapa cadangan untuk mengukuhkan sistem sedia ada dan FGV begitu komited untuk melaksanakannya.

GSP FGV melambangkan komitmen kumpulan menentang amalan buruh kanak-kanak. FGV kini telah menetapkan mekanisme dan prosedur bagi melindungi hak asasi kanak-kanak dan pada masa yang sama memastikan mereka mempunyai akses kepada pendidikan yang bersesuaian.

Walaupun terpaksa berdepan dengan cabaran luar jangkaan kesan daripada pandemik COVID-19, FGV kekal komited mengatur semula prioriti dan melaksanakan pelan tindakan demi memastikan kelangsungan perniagaan.

Mencapai objektif gabungan bersama FLA merupakan prioriti utama FGV, dalam memastikan komitmen terhadap amalan perniagaan lestari dan bertanggungjawab, termasuk menghormati hak asasi manusia dan menjaga piawai perburuhan. Gabungan FGV bersama FLA adalah tertakluk kepada pelaksanaan pengesahan yang tegas selain pelaporan umum. Laporan FLA terhadap progres FGV dalam mengimplimentasikan pelan tindakan boleh didapati melalui laman web FLA.



PELAN TINDAKAN FGV-FLA BAGI PENINGKATAN AMALAN BURUH

Pelan Tindakan FGV-FLA bermatlamat untuk menyelaraskan amalan FGV bersama Prinsip FLA dalam Penyumbangan Bertanggungjawab untuk Syarikat yang mempunyai Rantaian Bekalan Agrikultural. Prinsip-prinsip ini adalah berasaskan instrumen dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa termasuk piawaian Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (OHCHR) dan juga Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), khususnya Deklarasi ILO berkaitan Prinsip Asas dan Hak Asasi di Tempat Kerja. Prinsip-prinsip ini juga mengguna pakai dan menyokong Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP) dan Bimbingan daripada OECD-FAO untuk Rantaian Bekalan Agrikultural Bertanggungjawab.

Di bawah pelan ini, FGV memastikan komitmennya untuk:

- menentang amalan buruh kanak-kanak dan buruh paksa
- mengukuhkan pengurusan dan pengambilan tenaga kerja secara bertanggungjawab bagi tenaga kerja migran
- meningkatkan mekanisme rungutan
- memperhebat sistem pemantauan dan pemulihan
- menambahbaik penglibatan bersama pihak berkepentingan
- mempraktikkan kesaksamaan jantina dan pemerksaan wanita
- mengendalikan latihan berkaitan pematuan piawai tenaga kerja dan hak asasi manusia antarabangsa
- mengkaji semula dasar FGV berkaitan tenaga kerja

TENAGA KERJA KAMI

Di FGV, kami menghargai tenaga kerja kami sebagai tulang belakang kepada pertumbuhan dan pembangunan kami. Kami meletakkan matlamat untuk membudayakan sikap menghormati antara satu sama lain di dalam organisasi bagi menanam semangat kekeluargaan untuk mencipta persekitaran kerja yang harmoni bagi kakitangan dan tenaga kerja.

Pada 2020, FGV mempunyai seramai 15,660 tenaga kerja yang berkhidmat dalam kapasiti yang pelbagai di pusat korporat dan subsidiari. Sebagai tambahan, kami mengambil seramai 31,837 tenaga kerja di perladangan, yang 14% daripadanya berasal dari Malaysia manakala 86% lagi merupakan tenaga kerja migran dari Indonesia, Bangladesh dan India.

Sebagai majikan bertanggungjawab, FGV mendukung prinsip keadilan tenaga kerja tanpa diskriminasi dan komited terhadap kesaksamaan, pembangunan bakat dan kebajikan tenaga kerja.

PROSES PENGAJIAN & PENGAMBILAN TENAGA KERJA YANG ADIL & SAKSAMA

Sepanjang tahun, proses pengambilan tenaga kerja kami disesuaikan dengan keadaan semasa pandemik COVID-19 yang menyaksikan peningkatan terhadap aktiviti dalam talian bagi mengurangkan risiko kesihatan terhadap calon dan pihak majikan. Permohonan pekerjaan dihantar menggunakan salinan digital dan temuduga dijalankan secara dalam talian. Melapor diri untuk tugas dengan interaksi digital terus kepada majikan, sesi suai tugas juga diadakan secara maya.


Pengambilan tenaga kerja secara dalam talian dilihat lebih efisien dan menjimatkan kos, kerana ia dapat dijalankan secara jarak jauh di mana tiada pihak perlu meninggalkan tempat kerja masing-masing. Sebagai sebuah organisasi pelbagai bangsa, FGV meraikan kepelbagaian. Kami komited memberi peluang sama rata dalam pengambilan tenaga kerja dan pertumbuhan kerjaya tanpa mengira bangsa, budaya, umur dan jantina. Pada 2020, FGV telah mengambil 723 tenaga kerja baharu.

Profil Tenaga Kerja kami bagi TK2020 digambarkan seperti paparan di bawah.


PROFIL TENAGA KERJA FGV



JUMLAH TENAGA KERJA



KUMPULAN UMUR (%)




Nota

* Data di atas tidak mengambil kira jumlah tenaga kerja migran.

Semua data tidak melibatkan MSM, syarikat di luar negara dan syarikat di bawah Pertanian Bersepadu.

STATISTIK TENAGA KERJA MIGRAN




PENGAMBILAN TENAGA KERJA BAHARU

Jumlah tenaga kerja baharu

723

Jumlah tenaga kerja baharu mengikut kumpulan umur



KADAR PERTUKARAN BAGI TENAGA KERJA

Jumlah kadar pertukaran bagi tenaga kerja

576*

Jumlah kadar pertukaran bagi tenaga kerja mengikut kumpulan umur



Jumlah kadar pusingan tenaga kerja mengikut jantina



Nota

* Merujuk kepada peletakan jawatan sahaja

PENUBUHAN JAWATANKUASA FGV BAGI KESAKSAMAAN JANTINA DAN PEMERKASAAN WANITA

Pada Februari 2021, FGV menubuhkan satu jawatankuasa berkaitan Kesaksamaan Jantina dan Pemerdayaan Wanita untuk memajukan agenda tersebut bagi semua wanita yang berada di bawah naungan FGV, merangkumi tenaga kerja di semua peringkat termasuk tenaga kerja migran dan ahli komuniti yang relevan. FGV komited untuk menyepadukan perspektif jantina bagi memenuhi tanggungjawab Kumpulan dalam menghormati hak asasi manusia.

Jawatankuasa ini memudahkan kumpulan dalam menyokong tanggungjawab penuh serta sokongan terhadap hak asasi wanita di tempat kerja daripada segi kesaksamaan tanpa diskriminasi.

Jawatankuasa ini dipandu oleh prinsip dan piawai hak asasi manusia antarabangsa, termasuk Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak (CRC), Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD), Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG), Prinsip Garis Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (UNGP), Panduan dalam isu jantina bagi UNGP, termasuk konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang relevan, dan sebagainya.

Perihal Kelestarian

KEPELBAGAIAN JANTINA DAN KESAKSAMAAN


Pengelasan tenaga kerja mengikut jantina, kumpulan umur, dan kumpulan etnik berdasarkan jawatan pada tahun 2020

| | Pengurusan Kanan | Pengurusan | Eksekutif | Bukan Eksekutif | Jumlah |
|-----------------------|------------------|------------|-----------|-----------------|--------|
| Jantina | | | | | |
| Lelaki | 42 | 672 | 1,402 | 11,161 | 13,277 |
| Wanita | 7 | 133 | 637 | 1,606 | 2,383 |
| Kumpulan Umur | | | | | |
| 18 ke 30 | 0 | 1 | 387 | 2,503 | 2,891 |
| 31 ke 50 | 19 | 554 | 1,290 | 7,472 | 9,335 |
| 50 ke atas | 30 | 250 | 362 | 2,792 | 3,434 |
| Kumpulan Etnik | | | | | |
| Bumiputera | 43 | 702 | 1,794 | 11,121 | 13,660 |
| Cina | 3 | 23 | 21 | 38 | 85 |
| India | 0 | 15 | 17 | 35 | 67 |
| Lain-lain | 2 | 12 | 38 | 264 | 316 |
| Sabah | 1 | 49 | 143 | 1,177 | 1,370 |
| Sarawak | 0 | 4 | 26 | 132 | 162 |

PENGURUSAN TENAGA KERJA MIGRAN

FGV merupakan majikan kepada lebih 31,837 tenaga kerja, iaitu 14% tenaga kerja tempatan dan 86% tenaga kerja migran daripada Indonesia, Bangladesh dan India, yang majoritinya bekerja di perniagaan perladangan.

Pengurusan tenaga kerja migran mengalami peningkatan yang berterusan, dan sejak tahun 2019, kami telah mengamalkan pendekatan sistematik bagi memastikan tenaga kerja dihormati dan mendapat layanan yang baik serta memenuhi semua kewajipan terhadap mereka sebagai majikan yang bertanggungjawab.





Perintah Tahanan Pelepasan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat

Pada September 2020, Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) telah mengeluarkan Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) terhadap minyak sawit dan produk-produk kelapa sawit daripada FGV, subsidiari dan rakan niaganya berdasarkan informasi yang menyatakan tentang berlakunya penggunaan buruh paksa.

FGV komited melakukan semua usaha dan langkah bersesuaian untuk membatalkan WRO tersebut. FGV telah berhubung dengan CBP melalui kaedah telesidang bagi mendapatkan penjelasan mengenai dakwaan penggunaan buruh paksa di perladangan FGV. Pihak CBP bagaimanapun tidak mendedahkan sebarang maklumat yang diperolehi kecuali penyelidikannya berdasarkan 11 petunjuk buruh paksa oleh Pertubuhan Buruh Antrabangsa (ILO) terhadap amalan FGV. CBP tidak memberi pendedahan dan maklumat lanjut mengenai lokasi atau perihalnya atau sebarang insiden berkaitan petunjuk yang diberi.

Oleh yang demikian, FGV mengambil keputusan untuk mengambil pendekatan yang sistematik dalam memastikan hak asasi tenaga kerja sentiasa dihormati dan dilindungi.

Buat masa ini, Lembaga Pengarah FGV telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja bagi Tenaga Kerja Migran dan diketuai sendiri oleh Pengerusi. Jawatankuasa ini diberi tugas untuk memastikan amalan buruh terbaik dipantau selalu sejajar dengan undang-undang tenaga kerja antarabangsa di seluruh operasi perniagaan kumpulan. Projek ini membabitkan penambahbaikan perumahan, perumahan baharu dan akses kesihatan, pendidikan dan bekalan keperluan yang lebih baik.

PENGAMBILAN TENAGA KERJA SECARA BERTANGGUNGJAWAB DAN BERETIKA

Mengambil kira permasalahan tenaga kerja migran sewaktu proses pengambilan tenaga kerja, kami telah mengambil langkah siap siaga untuk melindungi hak asasi mereka melalui pelaksanaan Prosedur dan Garis Panduan bagi amalan Pengambilan Tenaga Kerja Bertanggungjawab untuk Tenaga Kerja Warga Asing pada 2019.

Di bawah Garis Panduan ini, FGV komited membiayai kos rasmi yang berkaitan dengan pengambilan tenaga kerja migran, termasuk tambang penerbangan dan kos bagi permit kerja, visa, pemeriksaan kesihatan dan insurans. FGV juga mengkaji semula kontrak bersama agensi pengambilan tenaga kerja bagi memastikan tiada sebarang yuran dikenakan kepada mereka.

FGV kini sedang mengkaji semula Garis Panduan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menyelaraskan polisi FGV mengikut piawai antarabangsa dan amalan terbaik.

Berkuatkuasa pada tahun 2020, FGV mengambil tenaga kerja migran yang kebanyakannya berasal dari India dan Indonesia melalui saluran yang sah serta proses yang diiktiraf dan diluluskan oleh pihak penguatkuasa di Malaysia dan negara asal. Semasa tahun pelaporan, FGV mempunyai 13,178 tenaga kerja dari Indonesia dan 4,150 tenaga kerja dari India, yang secara kolektifnya merupakan majoriti tenaga kerja perladangan FGV. Kesemua mereka diambil bekerja secara langsung oleh FGV.

Kami memantau secara teliti akan sebarang petunjuk terhadap buruh paksa. Kami membuat pemantauan melalui penglibatan yang berterusan bersama tenaga kerja, agen dan juga mekanisme rungutan yang diwujudkan bagi membantu kami dalam memberi respons terhadap risiko buruh paksa di dalam operasi dan juga rantai bekalan.



Perihal Kelestarian

Mengkaji semula kontrak bersama agensi pengambilan tenaga kerja

FGV telah memperbaiki kontraknya bersama agensi pengambilan tenaga kerja bagi memastikan tenaga kerja migran tidak dikenakan sebarang kos yang telah dibiayai oleh FGV di dalam proses pengambilan bagi meminimalkan risiko penghambaan hutang.



Pembangunan Pek Komunikasi

FGV telah membangunkan satu pek komunikasi sebagai panduan untuk tenaga kerja migran supaya mereka dapat memahami dengan lebih baik isi kandungan kontrak pekerjaan yang telah diterjemahkan mengikut bahasa kebangsaan masing-masing.



Kontrak pekerjaan yang diterjemah dan dikaji semula

FGV telah mengkaji semula kontrak pekerjaan bersama tenaga kerja migran bagi mengatasi isu yang dibangkitkan oleh Panel Aduan RSPO. Kontrak Pekerjaan yang telah dikaji semula diterjemahkan kepada lima (5) bahasa: Inggeris, Indonesia, Bengali, Tamil dan Hindi.



Pusat Khidmat Setempat bagi pengambilan tenaga kerja

FGV telah menubuhkan Pusat khidmat setempat sebagai lokasi bagi tenaga kerja menjalani program orientasi, latihan dan mendengar taklimat. Pusat-pusat ini terletak di Gemencheh, Negeri Sembilan dan Lombok, Indonesia serta Chennai dan Kolkata di India. Kumpulan sedang menilai kemungkinan untuk menambah pusat seperti ini di negara-negara asal yang lain.



REGULARISASI TENAGA KERJA

Kami terus diduga dengan kelemahan polisi merentas sempadan dan isu migrasi yang menjadi pemacu sosio-ekonomi dan kebergantungan kepada pengoperasian khususnya di Sabah. Dalam konteks di Sabah, ia begitu kompleks kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor penyumbang. Bagi memastikan komitmen kami untuk tidak lagi bergantung kepada kontraktor, FGV telah mempelawa tenaga kerja daripada kontraktor untuk menyertai pasukan tenaga kerja kami pada 2019. Ini diikuti dengan bantuan dalam permohonan regularisasi tenaga kerja termasuk menaja bayaran yang berkaitan semasa prosesnya. Aktiviti regularisasi ini adalah inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Sabah yang mana kuasa penuh untuk meregularisasi terletak di tangan pihak berkuasa yang relevan. Sementara itu, FGV telah memainkan peranannya bagi mendaftar seramai 6,158 tenaga kerja di bawah program ini, walau bagaimanapun aktiviti regularisasi telah dihentikan sementara pada September 2020. FGV akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi memantau secara keseluruhan resolusi perkara ini.

Aktiviti regularisasi kami dalam TK2020

6,158

Jumlah permohonan yang dihantar

5,211

Jumlah passport tenaga kerja yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Filipina dan Indonesia

3,458

Jumlah tenaga kerja yang telah menghantar permohonan pengesahan biometrik

1,044

Jumlah tenaga kerja yang telah melengkapkan proses dan masih menunggu permit kerja

965

Jumlah tenaga kerja yang telah mendapatkan permit

Sebagai tambahan, FGV telah mengadakan perkongsian strategik bersama organisasi luar bagi menyokong peningkatan terhadap amalan tenaga kerja.

Latihan Hak Asasi Manusia



- FGV berkolaborasi bersama Tenaganita, sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk membangunkan modul latihan dan mengendalikan latihan bagi tenaga kerja migran. Latihan ini akan meliputi topik-topik seperti hak asasi manusia serta piawai perburuhan, dan dijadualkan bermula pada suku pertama tahun 2021. Sesi ini dijangka dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan tenaga kerja migran berkenaan tenaga kerja paksa dan pemerdagangan manusia. Terdapat juga bahagian di dalam latihan yang mengingatkan serta mengukuhkan kefahaman mereka berkenaan terma pekerjaan, hak, kelayakan, kebajikan dan tanggungjawab, serta akses kepada mekanisme rungutan.

Kempen meningkatkan kesedaran tentang hak asasi manusia dan keselamatan



FGV berkolaborasi bersama *Procter & Gamble Chemicals* (PGC) untuk menerbitkan material latihan berkenaan hak asasi manusia & keselamatan. Material tersebut disasarkan untuk pelbagai peringkat tenaga kerja FGV. Projek ini banyak memberi penekanan dalam penghasilan material latihan yang interaktif dan berkesan serta dapat menarik perhatian peserta, untuk mencapai matlamat berikut:

- Untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan tenaga kerja FGV akan prinsip asas hak asasi manusia dan tenaga kerja.
- untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penggunaan PPE oleh tenaga kerja di peringkat operasi dan di ibu pejabat korporat

Projek Penilaian Permasalahan bagi Tenaga Kerja Migran dan Rantaian Bekalan Tenaga Kerja, satu kolaborasi bersama *International Organization for Migration* (IOM) dan *Earthworm Foundation* (EF)



- Skop bagi projek kolaborasi ini termasuk mengkaji semula proses pengambilan tenaga kerja migran dan menambahbaik proses dan prosedur dalaman FGV selaras dengan piawai antarabangsa. Pada 3 September 2020, FGV telah menerima satu laporan daripada IOM dan EF berkenaan hasil bersama cadangan berikutan pelaksanaan pemetaan bekalan tenaga buruh. FGV memulakan implementasi cadangan-cadangan dari laporan tersebut pada tahun 2020.

Kerjasama dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia



- FGV berkolaborasi bersama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi menilai keadaan kehidupan dan pekerjaan tenaga kerja FGV. Pada Disember 2020, SUHAKAM telah menjalankan sesi lawatan tapak kerja bagi membantu FGV mengenal pasti dan mengatasi kelemahan di tempat kerja dan tempat tinggal tenaga kerja migran.

PENAMBAHBAIKAN KEBAJIKAN TENAGA KERJA

Sebagai majikan bertanggungjawab, FGV meletakkan prioriti dalam memenuhi keperluan perumahan yang memadai bagi tenaga kerjanya. Sepanjang tiga (3) tahun yang lalu, FGV telah melabur dalam anggaran sejumlah RM350 juta bagi menambahbaik perumahan tenaga kerja dengan membina perumahan baharu termasuk menyediakan kemudahan di perladangan Malaysia.

Usaha ini juga adalah sejajar dengan perundangan baru diperkenalkan oleh Kerajaan mengenai piawaian minimum bagi perumahan tenaga kerja untuk mengatasi kesesakan isi rumah yang telah dinyatakan sebagai punca peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan tenaga kerja migran.

Kami telah menyiapkan kerja-kerja penambahbaikan/pembinaan ke atas 387 blok perumahan tenaga kerja daripada 435 kesemuanya seperti tersenarai di bawah:

Semenanjung Malaysia

melengkapkan **87** blok daripada **126** blok yang dirancang

Sabah

melengkapkan **293** daripada **302** blok yang dirancang

Sarawak

melengkapkan **7** blok kediaman dalam tahun 2020

Perihal Kelestarian



e-Wallet FGV

FGV telah merintis dalam melaksanakan penggunaan dompet elektronik (*electronic wallet*), iaitu sistem pembayaran tanpa menggunakan wang tunai bagi tenaga kerja perladangan. Sistem *e-wallet* ini memperkasakan tenaga kerja untuk mengendalikan perihal kewangan mereka dengan lebih efisien. *e-wallet* telah berjaya dilaksanakan pada Februari 2020 bagi 1,500 pengguna berdaftar di 11 estet di Gua Musang, Kelantan.

FGV mensasarkan implementasi sistem *e-wallet* secara menyeluruh di semua perladangan Malaysia pada suku pertama tahun 2021.



Kotak Simpanan untuk penyimpanan Pasport

FGV telah melengkapkan kesemua perladangannya dengan 32,250 kotak keselamatan sebagai pilihan untuk tenaga kerja migran menyimpan pasport mereka dengan selamat.

UPAH BERPATUTAN

Selaras dengan komitmen kami untuk menyediakan pekerjaan yang baik dan adil, FGV memberi perhatian kepada undang-undang upah minimum di negara-negara di mana kami beroperasi.

Prioriti Masa Hadapan

Sebagai sebahagian daripada Pelan Tindakan FGV 2020, FGV berterusan fokus dalam mengukuhkan mekanisme pemantauan pematuan hak asasi manusia/sosial dan tenaga kerja. Pada November 2020, FLA telah menjalankan satu bengkel bagi membincangkan dan mengumpul informasi mengenai perkara ini. Seterusnya, FLA memberikan beberapa cadangan terhadap mekanisme pemantauan pematuan tenaga kerja, yang akan dilaksanakan pada tahun 2021.

PERIHAL KELESTARIAN: PERHUBUNGAN PEKERJA

Di FGV, kami percaya perhubungan yang baik dengan tenaga kerja akan menambah produktiviti dan dapat memastikan kepuasan mereka, ini sekaligus meningkatkan pembangunan lestari di FGV untuk jangka masa panjang. Sepanjang tahun, kami mengadakan beberapa inisiatif bagi mendapatkan maklum balas dan meningkatkan perhubungan dengan tenaga kerja.

Inisiatif Kerangka Komunikasi di Tempat Kerja (*Workplace Communication -WPC*)

Pada tahun 2020, FGV melaksanakan Kerangka WPC pada 15 Ogos 2020. WPC fokus dalam memperbaiki perhubungan, komunikasi dan kesejahteraan tenaga kerja.

Pelbagai inisiatif telah diimplementasi bagi menambahbaik perhubungan dengan tenaga kerja di FGV, ini termasuklah:

- Sesi Perkongsian Pengetahuan (*knowledge sharing*) keseluruhan kumpulan telah diadakan sebagai platform untuk tenaga kerja bersuara dan berkongsi pengetahuan. Sesi ini juga dilihat dapat mencipta persekitaran tenaga kerja yang empati selain menyiapkan tenaga kerja dalam menghadapi cabaran baharu di samping menyokong pembelajaran jangka masa panjang. Sesi ini dijangka akan berlangsung setiap bulan di setiap tapak kerja selama sekitar 45 minit (30 minit perkongsian dan 15 minit sesi soal jawab). Walau bagaimanapun, dengan adanya pandemik COVID-19, kekerapan sesi ini adalah bergantung kepada budi bicara ketua di setiap kawasan tapak kerja.

- Sesi meja bulat diadakan bagi tenaga kerja memberikan pandangan/cadangan secara terbuka bagi peningkatan Kumpulan/Bahagian dari segi isu di tempat kerja, haluan Kumpulan/Bahagian dan persekitaran tempat kerja. Setiap tempat kerja hendaklah mengadakan sesi ini sekurang-kurangnya sekali setiap bulan, mengikut jawatan, seperti sesi meja bulat untuk pengurus, eksekutif dan bukan eksekutif. Pada setiap peringkat, sekurang-kurangnya tiga (3) atau empat (4) sesi meja bulat perlu dijalankan dalam setahun. Setiap sesi meja bulat akan dipengerusikan oleh Ketua Bahagian/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan atau Ketua di tempat kerja. Semua isu yang dibangkitkan pada sesi yang diadakan akan diselesaikan dalam tempoh 60 hari. Perkara yang tidak dapat diselesaikan akan diusul kepada pengurusan tertinggi.

Bagi tahun 2020, sejumlah 259 sesi telah dirancang tetapi kesan daripada kawalan pergerakan COVID-19, hanya 192 sesi sahaja yang berjaya dilaksanakan.

- Kempen kesedaran PRIDE telah dilancarkan secara dalam talian melalui kiriman e-mel dari meja Sumber Manusia (*HRDesk*), di mana lapan (8) video dan tujuh (7) poster telah pun dilancarkan. Pelancaran itu diadakan pada 24 Jun 2020, dan kempen tersebut telah berlangsung sehingga Disember 2020. Matlamat kempen ini diadakan adalah untuk menyuntik kesedaran selain memberi inspirasi kepada tenaga kerja terhadap nilai-nilai P.R.I.D.E.

Kelab Sukan Kumpulan FGV Malaysia

Pada Februari 2020, FGV telah menubuhkan Kelab Sukan Kumpulan FGV Malaysia (KSFGV) bagi mengeratkan hubungan di antara tenaga kerja selain menyelaraskan semua aktiviti sukan/sosial/rekreasi. Sejak penubuhannya, Kelab ini telah mempromosikan pengambilan ahli yang telah membawa kepada 5,041 pendaftaran tenaga kerja sebagai ahli. Kelab ini akan terus mempromosikan keahliannya pada tahun 2021.

SUARA TENAGA KERJA

Tenaga kerja adalah penting bagi kami, dan kami komited dalam memastikan hak mereka dihormati dan dipenuhi. Di bawah pengkajian semula GSP FGV, kami telah mengukuhkan peruntukan berkenaan hak dalam kebebasan berpersatuan, dan kami akan menjalankan lebih banyak program bagi meningkatkan kesedaran tenaga kerja termasuk tenaga kerja migran mengenai perihal ini.

Bahagian Modal Insan Kumpulan FGV telah mengambil kira keperluan mereka dengan mengadakan interaksi bersama wakil kesatuan sekerja secara kerap. Kesatuan sekerja adalah satu platform yang penting bagi menyalurkan keputusan pengurusan selain mendapatkan maklum balas tentang sentimen serta rungutan tenaga kerja.

Di FGV, terdapat kesatuan sekerja dalaman dan kebangsaan yang mewakili tenaga kerja di dalam segmen kumpulan yang berbeza. Kami mengadakan perjumpaan bersama pihak kesatuan sekerja dua kali dalam setahun, atau lebih kerap sekiranya terdapat perkara-perkara berbangkit yang memerlukan penyelesaian segera.

Pada tahun 2020, selain daripada rutin mesyuarat yang diadakan, kami mengadakan tujuh (7) mesyuarat bersama kesatuan-kesatuan sekerja ini bagi membincangkan perihal berkaitan kebajikan tenaga kerja serta isu-isu terkini.

MEKANISME PENDEDAHAN MAKLUMAT & RUNGUTAN

Kebajikan tenaga kerja adalah penting bagi FGV dan kami memandang serius terhadap sebarang isu yang mereka hadapi. Sehubungan itu, kami telah menubuhkan satu platform rungutan bagi membolehkan tenaga kerja menyuarakan sebarang permasalahan, aduan atau rungutan.

FGV menubuhkan mekanisme bagi mengatasi rungutan yang disuarakan oleh tenaga kerja melalui saluran-saluran ini:



Kumpulan juga mempunyai mekanisme pendedahan maklumat (*whistleblowing*) bagi tenaga kerja dan pihak berkepentingan luar membuat aduan terhadap penyalahgunaan kuasa, korupsi dan perbuatan tidak beretika termasuk pelanggaran hak asasi manusia atau piawai kelestarian. Pada 2020, kami telah meningkatkan lagi proses yang membabitkan perlindungan identiti si pendedah maklumat. Ini menyumbang kepada aduan yang lebih banyak diterima, menunjukkan indikasi keyakinan dan kepercayaan terhadap mekanisme kami ini. Informasi lanjut berkenaan Mekanisme Pendedahan Maklumat FGV boleh didapati pada Bahagian 5 laporan ini.



Perihal Kelestarian

PERIHAL KELESTARIAN: PENGURUSAN BAKAT

Pengurusan bakat merupakan sebahagian daripada strategi perniagaan FGV iaitu dengan menarik serta mengekalkan bakat terbaik untuk Kumpulan walaupun terdapat persaingan sengit di dalam industri. Selain mengimplementasikan inisiatif dan program yang mantap dalam pengurusan bakat, kami juga sedang melaksanakan kerangka baharu bagi mengukuhkan tenaga kerja kami.

Sejak tahun 2019, FGV telah melaksanakan kerangka pengurusan prestasinya yang baharu bagi meningkatkan budaya berprestasi tinggi yang bertujuan menyepadukan konsep 'kecekapan' dalam kerangka pengurusan prestasi itu. Ini adalah berdasarkan rasional bahawa ia akan menyumbang kepada budaya berprestasi tinggi dan pengurusan kebolehan insan akan fokus kepada gabungan teknikal serta kepimpinan bagi meningkatkan produktiviti dan inovasi di FGV.

Pengurusan Bakat

Aliran Proses & Kerangka Pengurusan Bakat adalah seperti berikut:



MANFAAT DAN KEBAJIKAN UTAMA TENAGA KERJA

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab majikan, FGV menawarkan pelbagai manfaat kepada tenaga kerjanya. Ini juga bagi membantu Kumpulan menarik minat dan mengekalkan tenaga kerja berprestasi tinggi. Antara manfaat utama yang ditawarkan adalah seperti di dalam carta di bawah:



Kesihatan

meliputi tenaga kerja dan tanggungan



Perlindungan Insurans

- 1) Insurans hayat secara berkelompok
- 2) Insurans kemalangan diri secara berkelompok



Cuti Bergaji untuk Ibu Bapa:

Cuti Bersalin untuk Ibu

90 hari dan tertakluk untuk lima (5) kali kehamilan (Syarat Kerajaan Malaysia: 60 hari)

Cuti Bersalin untuk Bapa

Tiga (3) hari



Cuti

Cuti tahunan, cuti sakit, cuti sakit berpanjangan, cuti Haji bergaji, cuti ehsan, cuti untuk menduduki peperiksaan, dan pelbagai jenis cuti yang lain



Elaun dan Subsidi

subsidi tempat letak kereta, elaun sara hidup, subsidi telefon bimbit dan penggunaannya, anugerah perkhidmatan dan yuran keahlian profesional



Peruntukan Persaraan

dalam bentuk sumbangan KWSP yang lebih tinggi oleh pihak majikan



Bantuan Pendidikan

bagi tenaga kerja yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau untuk kelayakan profesional



Taska Wisma FGV

Ditubuhkan pada 2019, terletak di ibu pejabat di Kuala Lumpur, dan mampu menampung seramai 162 kanak-kanak berusia antara dua (2) bulan ke empat (4) tahun

Perihal Kelestarian



Memperkasakan Tenaga Kerja Kami sewaktu COVID-19

Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan dikeluarkan pada bulan Mac, FGV telah berjaya mengimplementasi beberapa program berkenaan Kecekapan Kepimpinan serta Bimbingan & Maklum Balas Efektif. Pandemik COVID-19 menghalang latihan dikendalikan secara bersemuka, maka kursus yang dijalankan adalah di dalam bentuk separa dalam talian dan separa fizikal.

Cabaran utama adalah penangguhan proses untuk melengkapkan tenaga kerja dengan pelbagai kemahiran insani dan juga teknikal. Walau bagaimanapun, kami akan mengadakan webinar pada bila-bila masa yang mungkin.

Melangkah ke hadapan, FGV terus meneroka cadangan-cadangan berkenaan pembelajaran elektronik bagi tenaga kerja. Pada 2021, kami akan meneruskan usaha menambahkan Pelan Latihan Tahunan walaupun pelaksanaan program tersebut hanya dapat dilakukan mengikut nasihat Kerajaan.

Memperkasakan Tenaga Kerja

FGV terus melabur dalam program-program pembelajaran dan pembangunan bagi memastikan tenaga kerjanya berprestasi tinggi dan profesional. Selain memperkasakan tenaga kerja dan menyediakan peluang pertumbuhan profesional, kami percaya program seperti ini adalah perlu bagi mengekalkan kualiti tenaga kerja yang mampu menyumbang kepada kelestarian dan pertumbuhan Kumpulan.

Inisiatif Pengurusan Bakat

Kecekapan Kepimpinan FGV dan Bimbingan & Maklum Balas untuk Pengurus

Ini merupakan satu program baharu yang direka khas untuk Pengurus, Pengurus Kanan, Pengurus Besar dan Pengurus Besar Kanan di FGV. Kursus dua (2) hari ini adalah khusus untuk mempromosi Kerangka Kecekapan Kepimpinan FGV yang baharu selain menguasai Budaya Bimbingan & Maklum Balas. Ia juga dijangka akan melahirkan pengurus-pengurus FGV yang berwibawa untuk menjadi pemimpin kepada pemimpin (*Leaders of Leaders*). Pada tahun 2020, sejumlah 1,410 para pengurus telah dibimbing oleh pelatih dalaman FGV.

Bengkel Kecekapan Kepimpinan PRIDE

Bengkel ini direka bagi Eksekutif Kanan dan Eksekutif. Objektifnya adalah untuk melatih peserta mengartikulasikan cabaran perniagaan dan perubahan global yang dihadapi FGV. Ini juga mempersiapkan mereka dengan kecekapan kepimpinan yang diperlukan untuk berjaya pada waktu-waktu mencabar selain membimbing mereka untuk membina pelan tindakan peribadi untuk mencorak perubahan sendiri.

Pada tahun 2020, sejumlah 236 tenaga kerja telah mengambil bahagian di dalam bengkel yang dijalankan oleh pelatih dalaman FGV ini.

Program Pensijilan Perakaunan FGV (FGV ACe Programme) - Kumpulan 1

Program ini adalah program baharu yang diperkenalkan pada 2020. Ia merupakan program latihan profesional bekerja sambil belajar bagi tenaga kerja menyiapkan diri mereka untuk peperiksaan perakaunan profesional dan seterusnya menjadi akauntan berkanun yang diiktiraf. Kumpulan pertama terdiri daripada Sembilan (9) tenaga kerja, dan kesemuanya merupakan siswazah baharu.


Carta di bawah merujuk kepada aliran utama di dalam Program ACe FGV:



Program Biasiswa FGV

Setakat Disember 2020, terdapat 83 pemegang biasiswa FGV di universiti seluruh Malaysia dan luar negara. Daripada angka tersebut, 49 telah menamatkan pengajian dan kini berkhidmat di FGV. Pada tahun 2020, 14 pemegang biasiswa telah menamatkan pengajian manakala 17 lagi dijadualkan pada 2021. Kami juga mempunyai tiga (3) pemegang biasiswa yang meneruskan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana.

| Program Biasiswa FGV | Tempatan | Luar Negara | Jumlah |
|--|-----------|-------------|-----------|
| Dalam Perkhidmatan | 22 | 27 | 49 |
| Tamat Pengajian pada 2020 | 11 | 3 | 14 |
| Dijangka Tamat Pengajian pada 2021 | 17 | - | 17 |
| Melanjutkan Pengajian Ke Peringkat Ijazah Sarjana (Dijangka Tamat Pengajian pada 2022 (1) / 2023 (2)) | 3 | - | 3 |
| Jumlah | 53 | 30 | 83 |



Young Shaper Programme (Kumpulan 1)

Program baharu ini telah dilancarkan pada tahun 2020 untuk membangunkan kumpulan bakat yang berpotensi tinggi. Progres peserta terpilih dipantau secara dekat menggunakan kad skor. Lima (5) peserta paling menonjol telah dianugerahkan biasiswa penuh (manakala 10 lagi peserta ditaja sebahagiannya) oleh Aimsnet Executive Sdn. Bhd. untuk meneruskan pengajian ke program Ijazah Sarjana.

8 daripada 15 petugas yang mendapat skor tertinggi akan diatur semula untuk meneroka cabaran baharu berdasarkan minat dan kecenderungan mereka pada tahun 2020. Kami memantau dan mengkaji semula perjalanan pembangunan kerjaya bagi peserta di dalam Kumpulan Hijau, bagi memastikan mereka dapat diasah sebaiknya untuk mengisi Kelompok Bakat Peringkat Tinggi Kumpulan.

Pembangunan Biasiswa – Program Mentor


Pada tahun 2020, FGV telah menjalankan satu program mentor di mana penerima biasiswa senior yang kini berkhidmat di syarikat menjadi mentor kepada 35 penerima biasiswa yang baru menyertai FGV sepanjang tahun. Program ini bermatlamat untuk mempercepatkan penyerapan budaya dan cabaran di FGV bagi tenaga kerja di bawah biasiswa. Pada masa yang sama, ini merupakan satu pembangunan profesional bagi mentor, untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan insan. Program ini juga berpotensi menjadi platform pembelajaran dua hala di mana mentor sendiri boleh memperoleh pandangan baharu selain meraikan perbezaan pendapat bagi meningkatkan prestasi dan produktiviti.

| Skor Tinggi | Hijau | Kuning | Menarik Diri |
|----------------|-------------|-------------|--------------|
| 15 | 14 | 3 | 6 |
| 37.5% | 35% | 7.5% | 15% |
| 4.70 & ke atas | 4.00 – 4.69 | 3.00 – 3.99 | |

Perihal Kelestarian

PRESTASI TENAGA KERJA

Sebagai sebahagian daripada pembangunan keupayaan, FGV mensyaratkan kakitangannya untuk dilatih dengan kemahiran khusus mengikut pekerjaan dan juga kemahiran insaniah. Butiran berkenaan latihan yang dijalani oleh tenaga kerja adalah seperti di bawah.



KAJIAN SEMULA PRESTASI

MENGIKUT KATEGORI 2020

| | Jumlah tenaga kerja | Jumlah tenaga kerja yang prestasinya dikaji semula | Peratusan tenaga kerja yang prestasinya dikaji semula berbanding kategori jumlah tenaga kerja |
|------------------|---------------------|--|---|
| Pengurusan Kanan | 49 | 46 | 93.88% |
| Pengurusan | 805 | 789 | 97.89% |
| Eksekutif | 2,039 | 1,956 | 95.93% |
| Bukan Eksekutif | 12,767 | 12,459 | 97.60% |

Prioriti Masa Hadapan

Sebagai kesinambungan bengkel Kecekapan Kepimpinan P.R.I.D.E., Program Pensijilan Perakaunan FGV (FGV ACe) dan *Young Shapers Programme*, prioriti terdekat kami adalah untuk mengendalikan bengkel-bengkel tentang cara bagaimana untuk menghasilkan Matlamat SMART bagi pasukan pengurusan sehingga ke pengurusan kanan. Sasaran kami adalah untuk melahirkan pengurus berprestasi tinggi yang menguasai aplikasi Matlamat SMART di tempat kerja. Program latihan baharu seperti Bengkel *Art of Execution* dan Program Pengaudit Bertauliah FGV akan dijalankan pada 2021.

Antara perancangan jangka masa sederhana ke jangka masa panjang kami termasuklah menganjurkan Program Pembangunan Pengurusan Pertengahan (MMDP), iaitu satu siri kursus dan intervensi pembelajaran peningkatan kepimpinan yang direka bagi bakat berprestasi tinggi di FGV. Program ini bermatlamat untuk mempercepatkan bakat-bakat terpilih untuk menerajui kepimpinan perniagaan FGV pada masa hadapan. Sebagai tambahan, kami juga akan menganjurkan bengkel KAIZEN dalam Pengurusan Sumber Manusia, yang dirancang untuk mengenal pasti dan menilai bidang yang berpotensi untuk ditambah baik.

FGV kini meneroka pelaksanaan sistem pengurusan & pembelajaran digital untuk:

SISTEM PENGURUSAN & PEMBELAJARAN DIGITAL FGV



membantu **memantau progress** tenaga kerja



mengurangkan kos pembelajaran, tempoh perjalanan dan **pengaturan** ruang lokasi



memberi **kebebasan** kepada pengguna untuk memilih lokasi pembelajaran sekaligus **meningkatkan mobiliti**



menjadikan **pembelajaran** lebih **menarik** melalui tutorial berveideo, klip, gamifikasi dll



memudahkan **informasi dicapai**, cepat dan **tepat**

PERIHAL KELESTARIAN: KESIHATAN & KESELAMATAN PEKERJAAN

FGV telah mengambil langkah proaktif bagi memupuk budaya sihat dan selamat di dalam semua aspek persekitaran pekerjaan sebagai sebahagian daripada komitmennya dalam menyediakan tempat kerja yang selamat dan meletakkan kesihatan dan keselamatan semua tenaga kerja sebagai prioriti utama.

FGV mendukung Pelan Induk Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (OSH) Kerajaan 2020. Pelan induk ini mensasarkan pengurangan kadar kemalangan pekerjaan, penyakit yang sekaligus akan meningkatkan kualiti kehidupan warga Malaysia. Kami juga menerapkan Ikrar Visi-Sifar (*Vision Zero*) Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) yang mengadakan pendekatan transformasi untuk membendung dengan cara menyepadukan tiga (3) dimensi iaitu kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan di semua peringkat kerja.

FGV terus gigih dalam usaha mengurangkan angka kemalangan dan risiko untuk terdedah kepada kemudaratan dari segi kesihatan dan keselamatan pekerjaan dalam Kumpulan, dan tanggungjawab ini digalas oleh Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSE).

PASUKAN TADBIR URUS HSE



Jawatankuasa Pemandu HSE

- Bagi membincangkan isu HSE yang berbangkit
- Untuk mendapatkan arahan pengurusan tertinggi tentang program dan inisiatif yang akan berlangsung sepanjang tahun di dalam Kumpulan FGV.



Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan (SHC)

- Menubuhkan Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan pada setiap subsidiari bagi mengawasi perihal OSH masing-masing.
- SHC merupakan platform membincangkan dasar keselamatan, prosedur dan undang-undang di tempat kerja. SHC juga bertanggungjawab menjalankan siasatan sekiranya berlaku kemalangan dan perlu kerap mengadakan perjumpaan untuk membincangkan isu kesihatan dan keselamatan Pekerjaan iaitu pada setiap tiga (3) bulan.



Jawatankuasa Pemantauan Pemuatan Peraturan Alam Sekitar (ERCMC)

- Bertindak sebagai Pegawai Perhubungan di antara HSE Kumpulan dan syarikat yang terlibat.
- Memastikan syarikat yang terlibat patuh kepada semua perundangan, peraturan dan keperluan persekitaran yang bersesuaian merangkumi seluruh Kumpulan.
- Mengadakan perjumpaan dua kali setahun atau lebih kerap mengikut keadaan semasa.



Pasukan Bertindak Kecemasan

- Berdaftar dengan Pasukan Bomba dan Penyelamat Sukarela Kuala Lumpur FGV di bawah Bahagian Perkhidmatan dan Kebakaran pada tahun 2015 sebagai sebuah organisasi tidak berasaskan keuntungan dengan objektif untuk bertindak sekiranya berlaku sebarang kebakaran dan lain-lain bentuk kecemasan di sekitar Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.
- Menjalankan aktiviti pencegahan setiap tahun seperti ceramah kesedaran, sesi bimbingan untuk topik terpilih, latihan kecemasan, mengambil bahagian dalam pertandingan kecekapan BOMBA dan larian BOMBA.
- Setakat akhir tahun 2020, kami telah mempunyai 22 orang ahli sukarelawan.

Perihal Kelestarian

Di FGV, kami menggalakkan komunikasi, konsultasi dan penyertaan tenaga kerja dalam perihal OSH. Kesemua kakitangan dan tenaga kerja FGV boleh menyatakan pandangan, maklum balas, pertanyaan dan aduan mengenai perkara berkaitan HSE melalui e-mel atau melalui wakil Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan.

VISI

VISI-SIFAR OSH
(Tempat kerja bebas-kecederaan)

NILAI



**Pencegahan
kemalangan**



**Budaya
keselamatan**



**Pendekatan
yang betul**

PEMACU UTAMA: 5E

Kejuruteraan



- Mengambil pendekatan berasaskan risiko melalui penerapan Program Pelaporan *Near Miss and Safety Observation (NeMSO)*
- Menghasilkan program Peralatan Perlindungan Diri (PPE) yang efektif
- Melaksanakan Program Duta Keselamatan untuk para Pengurus
- Menyelaraskan sistem komunikasi Hazad dengan menyeragamkan papan tanda keselamatan
- Mereplikakan model inisiatif Keselamatan Ladang/Kilang mengikut fasa merangkumi seluruh Kumpulan

Pendidikan



- Membangunkan latihan dan pembinaan kapasiti bagi Duta Keselamatan, Promoter Keselamatan, Pengesan Keselamatan dan Pihak Berkuasa Keselamatan

Galakan



- Menyuntik amalan dan pemikiran yang mementingkan keselamatan melalui 'BERHENTI Lima (5) Minit' ('*STOP for Five (5) Minutes*') bagi membolehkan penilaian risiko dinamik dilakukan dan menggunakan pakai Kawalan Penilaian Risiko Ringkas untuk Bahan Kimia (SiRAC)
- Menunjukkan kepimpinan dan komitmen yang kolektif melalui Lawatan Kepimpinan Keselamatan (SLV) oleh Pengurusan Kanan

Penguatkuasaan



- Meneguhkan budaya patuhan melalui pelaksanaan Prosedur Operasi Standard HSE sedia ada dan menyesuakannya dengan prosedur Pengurusan Akibat yang masih lagi dalam proses percubaan
- Menguatkuasakan budaya keselamatan yang teguh, membanteras amalan tidak selamat dan mencegah persekitaran kerja yang tidak selamat

Penilaian



- Memperkemas penunjuk prestasi utama bagi Papan Notis Prestasi HSE untuk menambahbaik kepantasan komunikasi serta keefisienan membuat keputusan dan memastikan ketelusan
- Menyelaraskan sesi 'Stand Down' dan 'Roll Call' bagi menyampaikan pengetahuan yang lebih berimpak, membudayakan amalan pencegahan dan amalan terbaik dalam keselamatan.

PENGURUSAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN

FGV mempunyai sebuah sistem pengurusan HSE yang komprehensif bagi mencapai piawai peraturan kesihatan dan keselamatan. Pada tahun 2020, Sistem Pengurusan HSE telah memastikan 22 premis kerja kami adalah patuh kepada OHSAS 18001:2007 dan 12 premis menepati piawaian ISO 14001:2015.

Pada tahun 2019, subsidiari FGV iaitu FGV Kernel Products Sdn. Bhd. telah berjaya memperoleh pensijilan ISO 45001:2018 dan merupakan syarikat di dalam FGV yang pertama diiktiraf. Melangkah ke hadapan, FGV mensasarkan untuk menggantikan pensijilan OHSAS 18001:2007 semasa kepada ISO 45001:2018 pada penghujung September 2021.

PROGRAM #GOHOMESAFE

Bagi mempercepatkan sasaran visi-sifar OSH, FGV telah melancarkan Program Keselamatan Utama yang dikenali sebagai #GOHOMESAFE pada 2019. Ia merupakan satu program keselamatan komprehensif yang mempromosi persekitaran kerja bebas-kecederaan dengan menyediakan latihan dan mengadakan kempen.

#GOHOMESAFE mempunyai tiga (3) mesej utama:




Program ini dimulakan dengan mengadakan dua (2) kempen iaitu Pelaporan *Near Miss and Safety Observation (NeMSO)* dan PATUH PPE di beberapa lokasi premis FGV.

Bagi memastikan program yang berlangsung adalah efektif dan menarik, FGV telah mencipta watak "Abang Selamat" sebagai duta keselamatan. Kami melantik 65 orang pengurus daripada Perniagaan Perladangan sebagai "Abang Selamat" di kawasan masing-masing.

Pada 2019, kami melancarkan #GOHOMESAFE di empat (4) tapak Konsep Perladangan Model (MPC) yang telah menghasilkan 20% penglibatan bersama tenaga kerja. Pada 2020, kami mengembangkan lagi program ini ke semua sektor perniagaan dan keterlibatan sebanyak 50% berjaya dicapai.

Secara keseluruhannya kami telah mengendalikan 16 sesi latihan di bawah program #GOHOMESAFE ini dan melibatkan 355 tenaga kerja dan kakitangan. Latihan yang diberi adalah merangkumi topik seperti Program Pemuliharaan Pendengaran, *Line of Fire*, Latihan Kiken Yochi (jangkaan bahaya) dan Keselamatan Berasaskan Amalan bagi Duta Keselamatan.

Sebagai tambahan, kami juga telah menjalankan latihan bagi 14 inisiatif HSE yang baharu diperkenalkan di lapan (8) tapak MPC pada 2020, berbanding hanya empat (4) pada 2019.



Perihal Kelestarian

MENGURUSKAN PANDEMIK COVID-19 – MENGAMBIL PERDULI HAL EHWAL KOMUNITI, TENAGA KERJA DAN KAKITANGAN

Pada tahun 2020, prioriti utama bagi Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan adalah menguruskan kesan risiko daripada pandemik COVID-19.

Kami memberi penekanan dalam mengambil langkah berwaspada di seluruh Kumpulan, dan mengguna pakai pendekatan mencegah bagi mengurangkan risiko COVID-19 dalam kalangan tenaga kerja dan kakitangan. Ini membawa kepada penubuhan Pasukan Petugas Khas COVID-19 pada 4 Mac 2020.



Pasukan Petugas Khas COVID-19

Bahagian HSE yang berkolaborasi bersama Pasukan Petugas Khas melaksanakan langkah keselamatan dan kesihatan yang ketat di seluruh persekitaran kerja selaras dengan saranan kerajaan. Kami juga berkomunikasi secara kerap bersama seluruh tenaga kerja tentang cara untuk mencegah dan mengurangkan risiko jangkitan. Antara langkah keselamatan yang diambil FGV bagi ruang pejabat, ladang-ladang, kilang-kilang, perladangan dan gudang adalah seperti berikut:

- Menyediakan pelitup muka (*face mask*) untuk semua tenaga kerja dan kakitangan
- Menyediakan *hand-sanitiser* di pintu masuk pejabat perladangan
- Mensyaratkan semua tenaga kerja menjalani pemeriksaan kesihatan di pusat kesihatan terdekat, manakala bagi tenaga kerja yang menjalani kuarantin hendaklah melapor dan menyatakan status kepada Bahagian Sumber Manusia (HR)
- Mewajibkan penyaringan suhu kepada semua tenaga kerja setiap hari

- Membangunkan garis panduan terperinci tentang cara-cara mengendalikan tenaga kerja yang disahkan positif COVID-19. Tenaga kerja yang dijangkiti hendaklah menjalani kuarantin selama 14 hari atau 10 hari
- Melakukan kepungan menggunakan pita pengasingan (*isolation hazard tape*) di asrama/perumahan serta kawasan penularan
- Pemantauan ketat terhadap proses kuarantin oleh pegawai keselamatan FGV
- Menyediakan tempat tinggal alternatif bagi tenaga kerja iaitu di dewan serbaguna bagi tujuan disinfeksi asrama tenaga kerja
- Melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap tenaga kerja, pelawat dan kontraktor di semua pintu masuk. Hanya mereka yang mencatat suhu 37.5 darjah *Celcius* dan ke bawah dibenarkan masuk ke dalam premis
- Menggalakkan tenaga kerja di pejabat untuk bekerja dari rumah pada bila-bila masa yang mungkin
- Mengadakan webinar dan mesyuarat secara maya
- Mematuhi penjarakan sosial secara tegas
- Mewajibkan penggunaan pelitup muka setiap kali berinteraksi
- Mencuci tangan dengan kerap
- Melakukan pembersihan (*sanitising*) tempat kerja dan kawasan umum sebelum dan selepas penggunaannya



KLINIK DI LADANG

FGV telah membina sebelas klinik di ladang di kawasan terpencil di bawah garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan tenaga kerja kami boleh mendapatkan pemeriksaan kesihatan dengan pantas. Di klinik ladang kami, tenaga kerja mempunyai akses kepada doktor atau pegawai kesihatan yang diiktiraf.

Perkhidmatan kesihatan secara percuma yang disediakan oleh FGV ini merangkumi rawatan pesakit luar dan pemeriksaan saringan kesihatan bagi tenaga kerja migran ladang kami. Pesakit akan diberi rawatan akibat kecederaan/kemalangan pekerjaan dan juga kemalangan bukan pekerjaan.

Klinik juga menyediakan khidmat pertolongan cemas kepada pesakit bagi mengelakkan berlaku kemudaratan sebelum dihantar ke hospital. Klinik mempunyai ambulan untuk pemindahan pesakit bagi tujuan ini. FGV juga mengaturkan pasukan perubatan untuk memberi latihan pertolongan cemas kepada tenaga kerja kami di beberapa lokasi.

Lokasi-lokasi

- | | | | |
|--|--|---|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> Aring 6 | <input checked="" type="checkbox"/> Kechau 2 | <input checked="" type="checkbox"/> Ladang Incosetia, APL | <input checked="" type="checkbox"/> PUP |
| <input checked="" type="checkbox"/> Selendang 3 | <input checked="" type="checkbox"/> Sahabat 36 | <input checked="" type="checkbox"/> Ladang Fortune, APL | <input checked="" type="checkbox"/> Sampadi 4 |
| <input checked="" type="checkbox"/> Lepar Utara 11 | <input checked="" type="checkbox"/> Yapid Mas | <input checked="" type="checkbox"/> Ladang BJ, APL | |



Pengenalpastian Hazad dan Risiko

Hazad pekerjaan yang paling sering berlaku adalah bunyi bising dan getaran daripada jentera dan juga faktor manusia berkaitan ergonomik.

FGV telah melaksanakan Program Pemuliharaan Pendengaran (*Noise Hearing Conservation Programme*) bagi mengurangkan impak bunyi bising berlebihan yang menjejaskan kesihatan tenaga kerja dan kakitangan. Selain menyediakan maklumat, latihan dan ujian audiometrik, program ini juga memastikan pelaksanaan Zon Perlindungan Pendengaran, Pelindung Pendengaran Diri (PHP) dan penyelenggaraan pencegahan/berjadual.

Apabila berhadapan dengan Hazad bunyi bising, satu proses penaksiran risiko akan dijalankan yang melibatkan Pengenalpastian Hazad, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC), laporan Penilaian Risiko Bunyi Bising (NRA), laporan pengawasan kesihatan, pemeriksaan tempat kerja/ laporan audit dan laporan pihak ketiga seperti RSPO/MSPO.

Kami juga memastikan proses ini diurus oleh pegawai yang diiktiraf. Laporan HIRARC dibentangkan secara terperinci di dalam meyarat SHC. Sebagai tambahan kepada HIRARC, FGV juga telah mengguna pakai inisiatif pelaporan NeMSO sebagai kaedah lain untuk mengenalpasti hazad dan risiko di dalam perladangan. Inisiatif pelaporan NeMSO menggalakkan tenaga kerja melaporkan insiden nyaris, tindakan tidak selamat dan amalan baik keselamatan.

FGV juga memperkenalkan latihan penilaian risiko yang dinamik yang dinamakan "BERHENTI 5 minit" bagi semua tenaga kerja untuk menghindarkan risiko kecederaan atau penyakit.

Perihal Kelestarian



KOMUNIKASI DAN LATIHAN KESELAMATAN

Latihan merupakan perkara yang penting dalam menjayakan program #GOHOMESAFE. Latihan bagi tenaga kerja migran dijalankan menggunakan bahasa ibunda masing-masing bagi memastikan kefahaman mendalam terhadap apa yang diharapkan sepatutnya dan piawaian keselamatan kami.

Semua tenaga kerja dikehendaki menghadiri latihan sama ada berbentuk generik atau khusus mengenai bidang kerja, serta yang berkaitan dengan aktiviti kerja yang merbahaya seperti yang telah dirancang oleh FGV.

Di peringkat korporat, FGV menjalankan latihan bertindak kecemasan bagi tenaga kerja, pasukan bertindak kecemasan, pasukan bomba dan penyelamat sukarela di WISMA FGV. Ini termasuk latihan kesihatan dan keselamatan serta latihan kebakaran. Berikutan pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan, implementasi latihan kebakaran seperti pengungsian bangunan secara total atau Latihan *Tabletop Exercise* terpaksa ditangguhkan. Walau bagaimanapun, kami berjaya mengadakan latihan mengikut norma baharu, dengan mengurangkan konsep bersemuka iaitu program secara dalam talian.

Sepanjang tahun, kami telah mengendalikan latihan berkaitan kecekapan pengawalseliaan, peruntukan undang-undang, kecekapan kemahiran dan Kesedaran HSE kepada 594 tenaga kerja.

AUDIT

Kerangka OSH kami menyokong amalan pencegahan. FGV menjalankan empat jenis audit kesihatan dan keselamatan sepanjang tahun yang merangkumi operasi perniagaan dan tempat kerja:

Audit pengoperasian OSH/ Pemeriksaan Tempat Kerja (WPI)

bagi memastikan pematuan terhadap OSHA 1994 di tempat kerja serta perundangan lain yang berkaitan.



Audit sistem pengurusan

bagi membantu persediaan subsidiari dalam pensijilan ISO (ISO 45001, ISO 14001).



Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH)

audit dalaman bagi membantu meningkatkan prestasi subsidiari yang mengambil bahagian dalam Anugerah MSOSH.



Audit Anugerah Presiden HSE FGV

bagi mengadili penyertaan untuk penganugerahan dan menentukan pemenang dalam pelbagai kategori



Pada tahun 2020, susulan daripada pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan (MCO), pengauditan OSH adalah terhenti.

PERINGKAT 1

Ketua Kumpulan OSH Peringkat-tinggi menunjukkan komitmen pengurusan tertinggi selain interaksi baik dengan operasi peringkat bawahan. Kebanyakan daripada mereka adalah ahli Jawatankuasa Pemandu HSE Kumpulan. Audit peringkat 1 dirangka untuk menilai kekuatan kepimpinan OSH di tapak kerja. 13 audit peringkat 1 telah dijalankan di beberapa lokasi sepanjang tahun 2018 dan 2019.

PERINGKAT 2

Bahagian HSE Kumpulan menjalankan penilaian keselamatan seluruh organisasi termasuk kesihatan pekerjaan dan higien perindustrian yang merangkumi cabaran sistem pengurusan, tahap kesedaran, keperluan latihan, perhubungan berkaitan tenaga kerja dan perihal berkaitan OSH yang lain. Pada 2019, Kumpulan meneruskan implementasi dan menambahbaik Audit Peringkat 2 dengan memperkasakan Pegawai Kesihatan dan Keselamatan (SHO) untuk mengendalikan Audit Peringkat 2 di tapak kerja masing-masing. Ini adalah bertujuan untuk memaksimumkan skop audit selain memanfaatkan tindakan kolektif dalam melaksanakan pematuan di tempat kerja.


Melangkah ke hadapan, Kumpulan kini sedang mengkaji semula Audit Operasi OSH yang lebih tersusun dan pendekatan yang berfokus dengan tujuan untuk memupuk budaya keselamatan, yang akan dijalankan pada 2021.

PERINGKAT 3

Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan dikehendaki melaksanakan pemeriksaan tempat kerja selaras dengan Peraturan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan) 1996.

KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA

FGV kini berusaha dengan agresif untuk mencapai Visi-Sifar OSH. Pada tahun 2020, terdapat 305 kemalangan yang dilaporkan dalam operasi kami. Kumpulan kekal berazam untuk meneruskan usaha dalam program keselamatan demi memastikan keselamatan tenaga kerja, di mana kami sedang berikhtiar menuju sasaran Kecederaan Sifar di dalam pengoperasian.



PRIORITI MASA HADAPAN

Bagi tahun 2021, FGV meletakkan prioriti untuk menerapkan budaya mementingkan keselamatan merentasi seluruh Kumpulan bersama PROGRAM #GOHOMESAFE dengan visi menyediakan tempat kerja bebas daripada kecederaan.

Perihal Kelestarian



#3

Pendekatan Terhadap Perubahan Iklim & Perlindungan Alam Sekitar

Dalam pada FGV mengembangkan sayap portfolio perniagaannya, kami terus mendukung prinsip pendekatan terhadap perubahan iklim dan perlindungan alam sekitar merangkumi operasi perniagaan dan rantai nilai. Susulan itu, kami telah mengukuhkan GSP kami pada tahun 2020.

Sebagai pemelihara alam sekitar di dalam perniagaan yang sangat bergantung terhadap sumber semula jadi, kami menyedari akan keperluan untuk melindungi alam sekitar dan menyumbang kepada pendekatan terhadap perubahan iklim. Selain komitmen kami dalam perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar, kami juga memberikan fokus dalam usaha memelihara kualiti air, mengurangkan kadar penghasilan sisa, merendahkan kadar penggunaan tenaga dan mengurangkan penggunaan kimia, sekiranya perlu.

Nadi kepada GSP 4.0 adalah komitmen terhadap “Tiada Pembasmian Hutan, Tiada Penanaman di Tanah Gambut, dan Tiada Eksploitasi” juga dikenali sebagai NDPE.

Kami melangkah maju dalam mengimplementasi amalan perniagaan baik dan bekerja rapat dengan rakan perniagaan serta pembekal bagi meningkatkan prestasi alam sekitar secara progresif di dalam rantai bekalan FGV.



Pendekatan Terhadap Perubahan Iklim



Pengurusan Tenaga & Tenaga Boleh Diperbaharui



Pengurusan Sisa



Pengurusan Air



Pengurusan Tanah & Biodiversiti

Inisiatif Pendekatan Terhadap Perubahan Iklim dan Perlindungan Alam Sekitar FGV 2020

KESELURUHAN KUMPULAN

Pendekatan Terhadap Perubahan Iklim

- Inisiatif inventori Gas Rumah Hijau (GHG)
- Komitmen dalam mengurangkan pembebasan karbon

PERNIAGAAN PERLADANGAN



Inisiatif Pengurusan Tenaga

- Sistem Pengurusan Tenaga
- Audit Tenaga
- Program Pengurusan Tenaga
- Pelaburan Kecekapan Tenaga dalam fasiliti pembuatan

Dasar Tiada Penanaman di Tanah Gambut

- Tiada penanaman baharu di tanah gambut
- Mengekalkan tanah gambut yang belum dibangunkan sebagai penampungan bagi mitigasi banjir
- Mengekalkan fungsi hidrologikal tanah gambut pada perladangan sedia ada
- Mengenal pasti kebolehan untuk penanaman semula di tanah gambut yang telah diusahakan

Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCSA)

- Pelaksanaan HCSA di kawasan baharu yang telah dikenal pasti untuk pembangunan minyak sawit

Mengurangkan pelepasan GHG dan menghasilkan tenaga boleh diperbaharui

- Mengurangkan pembebasan karbon dari kilang
- Menghasilkan tenaga boleh diperbaharui daripada pemerangkapan metana dan sisa sawit di kilang-kilang

Amalan Pengurusan Alam Sekitar

- Komited terhadap dasar pembakaran sifar
- Mengekalkan rizab riparian di dalam sistem sungai di perladangan bagi memastikan tapisan enapan di sungai secara semula jadi dan mengurangkan banjir
- Mengurangkan penggunaan baja kimia dengan mikrob sebagai ganti bagi untuk menggalakkan tumbesaran tanaman
- Penggunaan biojisim (EFB, pelepah, batang kelapa sawit) sebagai baja organik bagi menggantikan baja kimia
- Mengekalkan kawasan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV)
- Menambahbaik perkhidmatan eko-sistem dengan penanaman tanaman yang membawa manfaat untuk menarik perhatian perosak semula jadi
- Melebarkan simpanan sungai di koridor hidupan liar di kawasan Hilir Lembangan Kinabatangan

SEKTOR LOGISTIK & LAIN-LAIN



Berkolaborasi bersama MPOB dalam percubaan minyak mesra persekitaran

- Mengambil bahagian dalam percubaan diesel B20 bersama MPOB

Perolehan kenderaan yang mengikut Piawaian Pelepasan Eropah

- 89.7% trak FGV adalah patuh kepada piawaian tersebut

Pengurangan Jejak Karbon

- Perancangan logistik yang terperinci bagi mengoptimumkan penggunaan kenderaan dan perjalanan
- Sistem keefisienan bahan api yang automatik dan bersepadu

SEKTOR GULA



Pengurangan Jejak Karbon

- Mengguna pakai amalan perjalanan hijau (*green travel*) bagi pengurangan pelepasan perjalanan untuk tujuan perniagaan

Peningkatan kecekapan tenaga

Perihal Kelestarian

PERIHAL KELESTARIAN: PENDEKATAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM

FGV berkongsi keprihatinan global dalam pendekatan terhadap perubahan iklim dan kami kekal komited dalam memainkan peranan sebagai sebahagian daripada komuniti global untuk mencapai SDG 13 berkenaan Pendekatan Terhadap Perubahan Iklim selain menyokong *Nationally Determined Contribution* (NDC) Malaysia di bawah Perjanjian Iklim Paris (*Paris Agreement*) bagi mengurangkan intensiti pelepasan GHG sebanyak 45% menjelang 2030 berdasarkan garis dasar 2005.


Kami telah menjalankan langkah pendekatan terhadap perubahan iklim di dalam strategi perniagaan dan pelan tindakan, dan berhasrat meneruskan penerapannya dalam tatacara perniagaan bagi mengekang impak buruk kesan daripada perubahan iklim.

Antara inisiatif berkesan yang terawal kami lakukan adalah dengan mendapatkan Pensijilan Kelestarian dan Karbon Antarabangsa (ISCC) untuk kilang-kilang bagi memenuhi kehendak biofuel lestari di Eropah. Kami telah mendapatkan pengiktirafan ISCC bagi 15 kilang semasa permintaan terhadap biofuel berasaskan sawit (ester metil sawit) adalah tinggi. Kini, kami masih mengekalkan lapan (8) buah kilang yang diiktiraf ISCC.

Sebagai tambahan, kami juga melakukan pemerangkapan gas metana yang dilepaskan dari loji rawatan air sisa kilang kami dan memanfaatkannya menjadi tenaga boleh diperbaharui. Pada tahun 2020, kami mengendalikan 28 loji biogas yang menjadikan FGV sebagai salah satu syarikat perladangan dengan loji biogas terbesar di dunia.

Sejak operasi loji biogas bermula, kami memantau pengurangan pelepasan melalui pemerangkapan metana serta kebergunaannya. Pada tahun 2020, kami telah meningkatkan pengurangannya sebanyak 8% berbanding tahun 2019.

Pemantauan Pengurangan Pembebasan Karbon FGV di 13 Fasiliti Biogas 2019-2020 (MT CO₂e)



Penambahbaikan kedudukan FGV dalam Penilaian SPOTT

Penilaian *SPOTT* (*Sustainable Palm Oil Transparency Toolkit*) mengikuti perkembangan prestasi kelestarian syarikat-syarikat perladangan. Di FGV, kami menganggap Penilaian *SPOTT* sebagai penanda aras untuk kami mengukur pencapaian kami dalam usaha untuk memahami penambahbaikan yang kami boleh jalankan untuk meningkatkan kelestarian pengurusan dan tadbir urus Kumpulan.

Pada tahun 2020, FGV berada di kedudukan ke-23 daripada 100 buah syarikat yang mengambil bahagian di dalam penilaian *SPOTT* yang menilai ketelusan syarikat-syarikat sawit ke atas 181 angka maksima penunjuk alam sekitar, sosial dan tadbir urus merangkumi 10 kategori. Kami memperolehi 168% melebihi markah purata penilaian syarikat.

Dalam tahun 2020, FGV telah dinilai oleh *ZSL* (*Zoology Society of London*) di mana peningkatan dapat dilihat berbanding tahun sebelumnya iaitu dengan pertambahan 10.8.


Keputusan Tahun ke Tahun

59.1%

2019

69.9%

2020



Sepanjang tahun 2020, penggunaan tenaga di FGV tidak terjejas oleh pandemik COVID-19. Kami beroperasi seperti biasa semasa Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) dikeluarkan oleh kerajaan tempatan yang menyaksikan penutupan beberapa perniagaan lain.



Inventori GHG

Pada tahun 2020, FGV telah memulakan inisiatif inventori GHG yang merangkumi keseluruhan Kumpulan dan subsidiari FGV. Usaha ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pembebasan gas rumah hijau yang berpunca daripada operasi FGV.

Inventori GHG FGV ini mengikut Protokol dan Piawai Laporan dan Perakaunan Korporat (*GHG Protocol*). Inventori GHG FGV juga dibangunkan berasaskan Garis Panduan IPCC 2006 bagi Inventori Gas Rumah Hijau Kebangsaan, dan juga data khusus-negara berdasarkan penerbitan dan jurnal terkini, yang memberi anggaran pembebasan yang lebih tepat.

PERIHAL KELESTARIAN: PENGURUSAN TENAGA & TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI



FGV menggalakkan pengurusan tenaga secara aktif bagi mengurangkan kos operasi serta jejak karbon. Ini termasuk memberi kesedaran kepada semua kakitangan dan mengadakan prosedur untuk diikuti oleh semua sektor perniagaan.

Kami berkolaborasi bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) di dalam beberapa program yang bermatlamat untuk mengenal pasti inisiatif penjimatan tenaga bagi menghapuskan penggunaan tenaga tidak produktif dan membazir serta mengurangkan pelepasan GHG.

Program ini mengenal pasti pelbagai inisiatif yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga sehingga 20%. FGV akan mengusahakan kajian kebolehlaksanaan serta menganalisa manfaat-kos secara terperinci sebelum membuat keputusan untuk mengimplementasi inisiatif ini.

Audit Tenaga

FGV menjalankan audit tenaga di FKP, MSM, FPM dan FGVRI bagi meneroka penjimatan tenaga supaya terakru melalui perubahan cara pengguna serta keefisienan dalam penggunaan peralatan. Berdasarkan analisa manfaat kos, pengurusan membuat keputusan untuk mengguna pakai pendekatan penjimatan tenaga secara piramid, contoh: daripada peningkatan kesedaran, pelaburan bebas-kos dari bawah, pertengahan sehingga ke pelaburan kos tinggi mengikut tahap kompleks dan sumber bagi pelaksanaan inisiatif ini.

FGV menjalankan audit tenaga di dalam pelbagai operasi perniagaannya untuk menganalisa pola tenaga serta kadar penggunaan sepenuhnya. Hasil menunjukkan bahawa FGV mampu mencapai pengurangan dalam penggunaan tenaga sehingga 20%. Walau bagaimanapun, ini memerlukan pelaburan yang tinggi.

Pemilihan keputusan dalam pelaburan seperti ini adalah ditentukan oleh piramid pemuliharaan tenaga, yang mana berterusan bermula daripada langkah mencipta kesedaran tanpa kos, dengan kos rendah, kos sederhana dan membawa kepada pelaburan kos tinggi.

Pada tahun 2020, kami mengenal pasti beberapa inisiatif tanpa kos dan dengan kos rendah untuk dilaksanakan di keseluruhan Kumpulan dengan segera. Ia termasuk pemantauan berkala akan penggunaan tenaga bagi mengenal pasti kualiti bekalan tenaga dan mengenal pasti kemajuan operasi yang dapat memberi penjimatan tenaga, contohnya, urutan penggunaan motor dan jentera lain bagi mengoptimalkan pengeluaran tenaga. Bagi memantau pelaksanaan inisiatif ini, kami telah menubuhkan Jawatankuasa Tenaga.

Perihal Kelestarian

Sistem Pengurusan Tenaga Lestari

FGV juga berkolaborasi dengan pelbagai agensi termasuk Pusat Perubahan Iklim & Teknologi Hijau Malaysia turut diadakan bagi meneroka sistem pengurusan tenaga lestari yang boleh dilaksanakan merentasi seluruh operasi kami.

Kecekapan Tenaga

FGV akan meneruskan usaha meningkatkan kesedaran dan melaksanakan inisiatif keefisienan tenaga secara berterusan. Seseengah pelan tindakan pengoperasian telah mengenal pasti pelbagai inisiatif pelaburan sederhana ke pelaburan kos tinggi seperti pemasangan penyonsang (*inverters*). Walau bagaimanapun, pelaburan ini adalah berdasarkan prioriti pengoperasian, yang juga melibatkan langkah pelaksanaan keefisienan tenaga yang lain.

Sebagai sebahagian daripada keefisienan tenaga dan kos, subsidiari pembuatan FMCG FGV, Delima Oil Products Sdn. Bhd. (DOPSB) telah menggantikan lampu konvensional kepada sistem pencahayaan LED. Sebagai tambahan, kami memasang penyonsang motor bagi peralatan lebih saiz dan penghidup (*starter*) lembut untuk motor bersaiz besar melebihi 75kW dan juga bagi motor mula-henti secara kerap.

Kesemua dandang di seluruh operasi DOPSB menggunakan gas semula jadi secara sepenuhnya bagi meminimalkan pelepasan karbon dan sulfur sebagai sebahagian daripada inisiatif keefisienan dan penjimatan tenaga subsidiari.


Perniagaan gula telah membuat pelaburan besar dalam penggunaan turbin tekanan belakang di kilang penapisan gulanya. Turbin ini akan mengurangkan separuh daripada keperluan tenaga sendiri dengan menyalurkan semula wap ekzos ke proses pemanasan.

Kilang penapisan gula kami juga mengitar semula proses pemeluwapan untuk menjana semula wap dandang. Apabila perlu, kami menggunakan gas asli sebagai sumber tenaga di kedua-dua penapisan untuk mengurangkan penghasilan jelaga karbon dan pelepasan sulfur.

Sebagai tambahan, kami menggunakan sebuah sistem berinovasi yang menggabungkan fungsi evaporator *Mechanical Vapour Recompressor (MVR)* dan *Vertical Crystallisation Tower (VKT)* bagi mengurangkan jumlah stim yang diperlukan semasa proses pendidihan gula.

Bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB), kami menjana tenaga elektrik sendiri menggunakan Penjana Turbin Stim di kilang penapisan MSM. Bekalan dari TNB hanya diperlukan sekiranya terdapat kerosakan penjana atau semasa penutupan loji. Kami akan meneruskan inisiatif-inisiatif ini bagi pengurangan berterusan dalam penggunaan tenaga elektrik.

Memandang ke hadapan, MSM akan terus meneroka inisiatif untuk mengurangkan kos penapisan di setiap kilangnya melalui pemasangan dandang biojisim dan sistem solar fotovoltaik.



Loji Air Bertenaga Solar

Perniagaan Perladangan kini menjalankan kajian praktikal tentang penggunaan sistem ARUS (*Autonomous Solar Powered Single-Point Water Plant using Ultrafiltration Technology*). Sekiranya didapati bersesuaian, kami bercadang untuk memperkenalkan teknologi baharu ini bagi mengurangkan kos operasi selain menyediakan bekalan air bersih dan selamat bagi tenaga kerja pada masa yang sama. Loji air ini adalah 100% dikuasai oleh panel solar fotovoltaik di luar grid yang akan mengurangkan tahap pelepasan karbon. Sebagai tambahan, panel solar tersebut boleh mengubah foton kepada tenaga elektrik untuk kegunaan loji, dan tenaga yang berlebihan boleh disimpan bagi kegunaan kawasan persekitaran.

Perniagaan Perladangan kami telah melengkapkan sistem penilaian teknikal dan akan mengendalikan percubaan bagi memastikan tahap praktikal serta keberkesanan terhadap sistem di tapak kerja. Buat masa ini, FGV sedang mengenal pasti tapak kerja yang bersesuaian bagi tujuan percubaan tersebut.

Tenaga Boleh Diperbaharui

Sisa sawit kini dimanfaatkan dengan penghasilan tenaga boleh diperbaharui. Penghasilan biofuel melambangkan ekonomi kitaran seperti yang disokong oleh Program Alam Sekitar Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP). Strategi ini bakal memberi sumbangan dalam mencapai sasaran Kerajaan Malaysia iaitu untuk menjadikan tenaga boleh diperbaharui sebagai 20% daripada jumlah campuran kapasiti bahan api kebangsaan menjelang 2025.

Minyak sawit yang dieksport ke Kesatuan Eropah majoritinya digunakan untuk tujuan penghasilan biofuel. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, Suruhanjaya Eropah telah mengharamkan minyak sawit daripada menjadi sumber lestari bagi biofuel sebagai bantahan terhadap aktiviti huluan yang dianggap mengakibatkan pembasmian hutan. Dengan penurunan kehendak terhadap pasarnya, Kerajaan telah menggalakkan penggunaan biodiesel sawit di Malaysia dan bermatlamat mewajibkan penggunaan diesel B20 yang mempunyai 20% kandungan biofuel sawit kepada semua kenderaan diesel. Walau bagaimanapun, implementasi biodiesel sawit B20 telah ditangguhkan dari 2020 ke 2021 berikutan pandemik COVID-19 yang memberi kesan negatif kepada industri pengangkutan. Permintaan terhadap biodiesel sawit merosot secara menyeluruh sama ada di pasaran Malaysia ataupun antarabangsa akibat pandemik ini. Di FGV, biofuel sawit merupakan sebahagian daripada strategi 'Waste to Wealth' yang fokus kepada penghasilan tenaga boleh diperbaharui.

Kumpulan menghasilkan tenaga boleh diperbaharui atas dua (2) objektif, iaitu, bagi penggunaan dalaman dan penjualan kepada grid. Dengan penekanan yang diberikan terhadap keefisienan tenaga dan pengoperasian, kompleks kilang FGV telah meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sebagai sumber utama tenaganya. Subsidiari FGV juga sedang meneroka tenaga boleh diperbaharui sebagai pilihan kos paling efektif bagi menjana fasiliti dan peralatan dengan efisien.

Di FGV, penghasilan tenaga boleh diperbaharui adalah di bawah skop Bahagian Tenaga Boleh Diperbaharui yang mempunyai sebuah program Mekanisme Pembangunan Bersih (CDM) bagi mengurangkan emisi. Program ini menggunakan satu kaedah yang patuh terhadap mekanisme Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC). Data akan dicatat melalui sistem permeteran dan dihantar pula kepada Pasukan Kelestarian Kumpulan bagi tujuan penilaian setiap suku tahunan.

Biofuel sawit dihasilkan daripada produk sampingan sawit seperti tempurung isirung sawit (PKS), minyak enap cemar dan cebisan buah tandan sawit kosong. FGV merupakan pemilik loji biogas terbanyak di dunia di bawah naungan satu syarikat perladangan yang sama, dengan jumlah 28 loji daripada 68 buah kilang minyak sawit di seluruh Kumpulan.

Daripada 28 loji tersebut, 11 buah adalah diiktiraf sebagai projek tarif galakan (*Feed-in-Tariff*) dan mengeksport 15.4MW ke grid kebangsaan 2020. Dua (2) daripada loji biogas di Sabah pula terlibat dalam elektrifikasi kawasan pedalaman, sementara satu (1) loji lagi yang terletak di Sarawak membekalkan tenaga elektrik kepada kuarters perumahan tenaga kerja di dalam kawasan kompleks kilang kami. Di antara tahun 2018 ke 2020, FGV telah meraih tiga (3) anugerah bagi amalan lestari tenaga boleh diperbaharui. Pada 2020, FGV telah membangunkan loji biogas tenaga boleh diperbaharui yang terbesar di Pahang.

Kami juga mempunyai sebuah loji tenaga biojisim 7.5 MW di Sahabat, Sabah yang membekalkan stim dan tenaga elektrik kepada loji penapisan FGV, kilang pemecahan isirung sawit, fasiliti simpanan pukal dan bandar kecil di Desa Kencana.

FGV merupakan perintis kepada loji gas asli bio dimampatkan berasaskan sawit pertama dunia. Loji tersebut menghasilkan gas asli bio dimampatkan (BIO-CNG) daripada efluen kilang sawit (POME). Projek ini merupakan kolaborasi di antara FGV Palm Industries Sdn. Bhd. (FGVPI), Sime Darby Energy Solutions Sdn. Bhd. (SDES) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia. BIO-CNG adalah praktikal dari segi ekonomi dan merupakan alternatif yang lestari kepada gas semula jadi dan ia dijangka mendapat prospek yang baik di dalam sektor tenaga.

Antara cabaran yang dihadapi dalam menjana tenaga boleh diperbaharui adalah semasa mengimplementasi kaedah pengoperasian dan mengikuti perkembangan syarat baharu oleh pihak berkuasa. Pada 2020, satu lagi cabaran yang menduga adalah pandemik COVID-19 yang memerlukan kami membuat pemantauan terhadap prestasi loji biogas dan melaraskan prestasi kewangan kami mengikut kesesuaian.



Perihal Kelestarian

PERIHAL KELESTARIAN: PENGURUSAN SISA

FGV kini menuju ke arah pendekatan pengurusan sisa-sifar (*zero-waste*) dalam seluruh operasi kami. Bagi merealisasikan pendekatan ini, kami berterusan mengenal pasti cara baharu untuk menguruskan sisa dengan lebih efisien selain menyokong strategi perniagaan '*waste-to-wealth*' kami.

Penghasilan makanan haiwan

FGV telah melaksanakan perkembangan yang baik dalam mengubah dedak isirung sawit, iaitu salah satu produk sampingan berasaskan sawit, menjadi makanan haiwan untuk pasaran tempatan dan sesetengah pasaran antarabangsa. Dedak isirung sawit yang juga dikenali sebagai palm kernel cake (PKE), dihasilkan oleh kilang pemecahan isirung sawit. Setakat ini, penghasilan makanan haiwan adalah pellet makanan lembu ternakan oleh FGV Kernel Products Sdn. Bhd.

Program Kitar Semula

FGV juga mengitar semula produk sisa seperti buah tandan sawit kosong (EFB), pelepah sawit dan batang kelapa sawit kepada baja organik yang dijual di dalam pasaran tempatan. Sebagai tambahan, FGV juga menggunakan mikrob bagi menggalakkan pertumbuhan tanaman sebagai usaha mengurangkan kebergantungan terhadap baja kimia di perladangan kami.

Perniagaan hiliran kami melaporkan dua (2) jenis penghasilan sisa daripada operasi pembuatannya iaitu, sisa kering termasuklah plastik, pembalut kedap udara dan karton, manakala bagi sisa basah adalah seperti minyak enap cemar, lapisan buih kotoran dan efluen dalam bentuk yang lain. Sementara efluen ini dilupuskan mengikut tatacara peraturan Jabatan Alam Sekitar (DOE), sisa kering pula dijual kepada syarikat kitar semula untuk kegunaan alternatif.

Sistem rawatan sisa dengan penapisan nano yang canggih membolehkan pemprosesan sisa dilakukan di kilang penapisan kami. Hasil kerdak garam daripada proses itu berpotensi untuk diguna semula sebagai penjana damar, manakala baki selebihnya ditapis dan dibersihkan sebelum dibuang. Pengurusan sisa di kilang penapisan kami menggunakan khidmat luar daripada pembekal berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar untuk mengumpul, memindahkan, memproses dan melupuskan sisa mengikut piawai dan perundangan tempatan.



Penghasilan sisa

FGV memantau penghasilan sisa semasa pengoperasiannya.

| Perniagaan | Perladangan | | Logistik | | Gula | |
|-----------------------------|-----------------|-----------------|---------------|---------------|------------------|------------------|
| | 2019 (tan) | 2020 (tan) | 2019 (tan) | 2020 (tan) | 2019 (tan) | 2020 (tan) |
| Sisa Merbahaya | | | | | | |
| Diguna semula | tiada | 5.37 | tiada | tiada | tiada | tiada |
| Dikitar semula | tiada | tiada | tiada | tiada | tiada | tiada |
| Dibak pulih | 163.82 | 240.61 | 34.65 | 41.28 | 7.55 | 9.60 |
| Dibakar | 76.65 | 97.91 | tiada | tiada | 4.98 | 0.07 |
| Rawatan Kimia/Fizikal | 3.73 | 0.23 | tiada | tiada | 4.05 | 1.14 |
| Pemejalan | 0.53 | 0.12 | tiada | tiada | tiada | tiada |
| Tapak Pelupusan Selamat | 1,142.92 | 930.76 | 0.03 | tiada | 29.09 | tiada |
| Simpanan luar-tapak | 1.75 | 1.52 | tiada | tiada | tiada | tiada |
| Jumlah | 1,389.39 | 1,276.52 | 34.68 | 41.28 | 45.67 | 10.80 |
| Sisa Tidak-merbahaya | | | | | | |
| Diguna semula | 0.00 | 751.81 | tiada | tiada | tiada | tiada |
| Tapak Pelupusan | 421.53 | 799.37 | 389.94 | 506.04 | 37,392.01 | 51,748.20 |
| Jumlah | 421.53 | 1,551.18 | 389.94 | 506.04 | 37,392.01 | 51,748.20 |

Perihal Kelestarian

PERIHAL KELESTARIAN: PENGURUSAN AIR

Kami fokus dalam mengoptimumkan penggunaan air di perladangan, operasi pembuatan hiliran dan perkhidmatan logistik.

Terdapat sejumlah 135 sistem sungai yang signifikan terletak berdekatan dengan operasi perladangan FGV, dan kami memantau secara dekat akan impak operasi terhadap kualiti air di kawasan sekitar. FGV perlu memastikan air sungai bagi penggunaan aktiviti pemprosesan kilang akan disalurkan kembali ke sungai sebagai efluen selepas dirawat. Efluen ini perlu dirawat selaras dengan syarat DOE dalam Permintaan Oksigen Biologi (BOD) mengikut tahap yang dibenarkan. Setiap bulan, kami menghantar sampel efluen bagi tujuan penilaian kualiti di makmal berakreditasi untuk memastikan tahap BOD dipenuhi.

Masalah kekurangan air merupakan kebimbangan kami dalam perniagaan perladangan, iaitu apabila air berterusan digunakan melebihi daripada sasaran yang ditetapkan untuk kilang. Bagi meminimumkan penggunaan air dalam operasi kilang, kami membuat pemerhatian teliti akan penggunaan air berdasarkan harian, bulanan dan tahunan dengan meletakkan nisbah kurang daripada 1.20 (mt air: MT BTS terproses) sebagai kayu ukur. Sebagai tambahan, kebanyakan daripada bekalan air mentah adalah daripada sumber sungai yang berdekatan. Pada tahun 2021, kami akan lebih fokus dalam mengoptimumkan penggunaan air di 10 kilang yang mencatatkan penggunaan air tertinggi.

Penggunaan Air di Kilang: Prestasi 2019-2020

| Tahun Kewangan | Sasaran | Prestasi |
|----------------|----------------|----------------|
| 2019 | 1.20 MT/MT FFB | 1.29 MT/MT FFB |
| 2020 | 1.20 MT/MT FFB | 1.28 MT/MT FFB |

Prestasi Pengurusan Air 2019-2020

| | 2019 | 2020 |
|---|-------------------|-------------------|
| Penggunaan air | | |
| Penggunaan air (m³/tahun) | 18,453,672 | 17,406,383 |
| Pengeluaran air sisa buangan (m³/tahun) | 8,347,068 | 7,996,057 |



Di Delima Oil Palm Products (DOPSB), majoriti penggunaan air adalah bagi operasi dandang (penghasilan stim), untuk kegunaan menara penyejuk untuk memproses lemak (marjerin) dan bagi kegunaan umum (pembersihan tandas dan cucian umum). Sumber air didapati daripada jabatan bekalan air tempatan.

Lebih daripada 50% air tersebut digunakan bagi penghasilan stim di loji DOPSB yang tidak dapat beroperasi tanpa bekalan stim. DOPSB mempunyai tangki air simpanan yang boleh menyimpan air bagi memenuhi keperluan selama dua (2) hari. DOPSB juga mempunyai sistem penuaian air hujan bagi menyokong keperluan penggunaan air hariannya.

Di FGV Palm Kernel Products, air digunakan dalam proses penyejukan, di mana renjisan air dibuat kepada produk akhir. Air merupakan input utama sepanjang proses pembuatan seperti proses penyejukan dan penghasilan stim untuk loji pemecahan dan nyahbau.

Di FGV Biotechnologies (FGVB), air paip disimpan di dalam tangki air dan dipam ke kawasan operasi. Sisa air perbandaran dirawat dengan tempat tidur penapis septik sebelum dilepaskan di luar kawasan kilang. Air tercemar yang dihasilkan oleh operasi kami akan dirawat di Loji Rawatan Efluen Perindustrian sebelum dilepaskan ke luar kawasan kilang dengan kapasiti 96 m3/hari.

Sekiranya berlaku kekurangan air, terdapat tangki simpanan yang kapasitinya mampu menampung kegunaan air selama dua (2) hari.



Perlindungan Alam Sekitar

Malaysia mempunyai industri perladangan yang matang dengan adanya amalan-amalan dalam pengurusan impak terhadap alam sekitar. Walau bagaimanapun, perkembangan industri telah melahirkan kebimbangan secara berterusan terhadap pembasmian hutan dan kemerosotan alam sekitar.

Di Malaysia, Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA) 1974 menguasai prestasi alam sekitar syarikat yang dikehendaki mengambil langkah-langkah wajar bagi mengekang, mengurangkan dan mengawal pencemaran selain menambahbaik alam sekitar.

Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP) FGV mengambil serius terhadap undang-undang dan peraturan seperti yang tertakluk di dalam EQA 1974 termasuklah rangka kerja pihak berkuasa di kawasan perniagaan kami dijalankan. Sebagai tambahan, kami juga dipandu oleh aspirasi RSPO yang mensyaratkan kami untuk mematuhi piawai tinggi pengurusan alam sekitar.

Perihal Kelestarian

Pengurusan Air sisa

Semua pembuangan air sisa daripada kilang FGV adalah dirawat bagi memastikan permintaan oksigen biologi dan tahap parameter yang lain mematuhi syarat perundangan. Ketidakpatuhan terhadap parameter ini bakal mengakibatkan penggantungan lesen operasi. Di FGV, kami komited dalam memenuhi setiap parameter yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dalam semua operasi kami.

Kami menjalankan pemantauan prestasi efluen secara harian, mingguan dan bulanan dan ini melibatkan analisis makmal dan keadaan fizikal sistem rawatan POME. Setiap bulan, sampel air sisa akan diambil dan diuji oleh makmal berakreditasi untuk parameter kualiti.

Pada tahun 2020, FGV telah memasang 34 unit loji Sistem Enapcemar Teraktif dan tiga (3) unit penapis membran bagi meningkatkan prestasi loji rawatan efluen untuk memenuhi Permintaan Oksigen Biologi (BOD) iaitu 20 ppm dan ke bawah. Perbelanjaan yang dianggarkan adalah sehingga RM2 juta bagi setiap unit.

Air sisa di operasi perladangan kami kebanyakannya merupakan efluen kilang sawit (POME), iaitu sisa cecair pekat keperangan dengan cairan likat yang mengandungi 95%-96% air, 0.6%-0.7% minyak dan 4%-5% pepejal. Pembuangan POME yang tidak diurus dengan baik merupakan punca pencemaran sungai yang utama. Oleh itu, POME haruslah dirawat secara teliti dengan memenuhi syarat perundangan sebelum dibuang. Terdapat tiga (3) peringkat dalam amalan rawatan efluen di FGV iaitu:



Bagi menguruskan isu kekurangan air, kilang kami membuat pemerhatian ketat terhadap kawalan pemprosesan air dari segi daya memproses, pencemaran minyak dalam sistem rawatan efluen. Kami juga melakukan aktiviti nyah-cemar kolam dan pemantauan harian terhadap prestasi sistem rawatan efluen bagi memastikan peningkatan prestasi. Sebagai tambahan, kami sentiasa menambahbaik sistem sedia ada untuk mencapai kualiti pelepasan (kolam pengudaraan, loji polishing, membran bioreaktor) dan menggalakkan hubungan yang lebih baik dengan pihak berkuasa. Sekiranya terdapat perkara yang memerlukan tindakan pemulihan diambil, FGV akan memaksimumkan usaha wajarnya dalam SOP dan mengawal proses mengatasi keadaan efluen tersebut.

Pada tahun 2020, kami telah merekodkan peningkatan terhadap had pematuan parameter BOD3. Purata tahap pelepasan BOD3 adalah 78 mg/l berbanding 74 mg/l pada tahun 2019. FGV akan melakukan penambahbaikan secara berterusan untuk mencapai sasaran dalamannya. Pada tahun 2021, kami merancang untuk terus menambahbaik efluen dan akan bekerjasama bersama pihak berkuasa.

Pelepasan Akhir: Purata bagi Kilang

| Tahun Kewangan | Sasaran (Pelepasan Akhir BOD3, mg/L) | Prestasi pada TK2020 (mg/L) |
|----------------|--------------------------------------|-----------------------------|
| TK2019 | 60 | 74 |
| TK2020 | 50 | 78 |

Pengurusan Air dalam Sektor Logistik & Lain-lain (LO)

Bagi operasi logistik, penggunaan air di FGV Johor Bulkurs (FJB) majoritinya adalah untuk kegunaan pejabat dan operasi. Berpusat di Pasir Gudang, FJB beroperasi dalam perkhidmatan simpanan cecair pukat bagi minyak sayuran, oleokimia, biodiesel, dan produk minyak sayuran berkualiti tinggi yang lain.

Aktiviti operasi terminal menghasilkan air sisa kumbahan dengan jumlah yang agak banyak. Walau bagaimanapun, air sisa kumbahan ini akan dirawat di loji rawatan air (WWTP) dan hasil air yang terawat akan disalurkan ke loji Osmosis Berbalik (RO) sebelum digunapakai

bagi operasi dandang dan aktiviti operasi yang lain seperti pembersihan terminal. Air sisa dari FJB ini adalah tertakluk kepada peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (DOE). Prestasi loji rawatan air sentiasa di pantau rapi oleh Pihak Pengurusan FJB.

Pada tahun 2019 dan 2020, data menunjukkan FJB berjaya mencapai penjimatan penggunaan air bagi operasi dandang sebanyak 26% dan 25% masing-masing.

2019-2020: Prestasi Loji RO dan Loji Rawatan Air Sisa

| Tahun Kewangan | Prestasi WWTP | | Prestasi Loji RO | |
|----------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| | Sasaran | Prestasi pada TK2020 | Sasaran | Prestasi pada TK2020 |
| TK2019 | 4,900 MT/bulan | 5,017 MT/bulan | 1,800 MT/bulan | 2,051 MT/bulan |
| TK2020 | 4,900 MT/bulan | 4,897 MT/bulan | 1,900 MT/bulan | 1,975 MT/bulan |

| Tahun Kewangan | Jumlah penggunaan air dandang (MT) (air RO + air tambahan) | Penghasilan air RO | Penggunaan air tambahan (MT) | Penjimatan oleh air RO (%) |
|----------------|--|--------------------|------------------------------|----------------------------|
| TK2019 | 85,139 | 21,849 | 63,290 | 26% |
| TK2020 | 96,538 | 23,715 | 72,823 | 25% |

Pada tahun 2021, FJB bermatlamat untuk terus meningkatkan kecekapan kitar semula air sisa kumbahan dan seterusnya menjimatkan penggunaan sumber bekalan air mentah. Untuk jangka masa sederhana dan panjang, FJB bercadang untuk meningkatkan kecekapan dandang dalam mengoptimumkan bahan bakar dengan melakukan pemantauan terhadap penggunaan bahan bakar dandang berbanding jumlah tan minyak dipanaskan bagi memastikan penggunaan bahan api yang lebih efisien.

Perihal Kelestarian

PERIHAL KELESTARIAN: PENGURUSAN TANAH & BIODIVERSITI

PENGUNAAN EFISIEN SUMBER SEMULA JADI

Selain mengurangkan impak terhadap alam sekitar, penggunaan efisien sumber semula jadi membawa kebaikan dalam perniagaan. Kelapa sawit merupakan tumbuhan penghasil minyak paling efisien di dunia dari segi hasil perahan sehektar. Di FGV kami meneruskan usaha meningkatkan hasil dengan mendukung Amalan Pertanian Baik.

Sebagai pengeluar CPO terbesar dunia, kami fokus terhadap penambahbaikan produktiviti mengikut setiap unit kawasan operasi. Pada 2020, FGV berprestasi melangkaui tahap industri iaitu sebanyak 1% (16.96 MT/Ha vs 16.73 MT/Ha). FGV juga merekodkan peningkatan 2% dalam prestasi OER berbanding tahap industri pada tahun 2020 (20.32% vs 19.92%).

Kami telah memaksimumkan penggunaan tanah dengan pengambilan inisiatif tanaman selingan di dalam perladangan melibatkan tanaman kontan seperti pisang, nenas dan tembikai. Pendekatan ini dapat

melindungi tanah daripada hakisan semasa fasa kelapa sawit belum matang dan pada masa yang sama dapat menjana ekonomi tambahan. Sebagai tambahan, pengenalan kepada tanaman penutup bumi di peringkat awal penanaman semula, akan dapat memastikan proses pemulihan nitrogen berlaku untuk mengekalkan dan menambahbaik tahap kesihatan dan keadaan tanah.

Penglibatan kami dalam ekonomi kitaran telah membawa kepada peningkatan penggunaan biojisim sawit seperti pelepah, buah tandan sawit kosong dan batangnya. Selain itu, kami juga melakukan pengurusan sisa secara tegas dan menitikberatkan amalan pengurusan air bagi mengurangkan penggunaan sumber semula jadi yang bernilai ini.

GSP 4.0 mendukung NDPE sebagai amalan yang mandatori.

Dengan ini, Kumpulan disyaratkan untuk mematuhi amalan alam sekitar yang berikut:



Tiada tanaman baharu di tanah gambut, tanpa mengira kedalaman. Di bawah amalan ini, FGV mengekalkan penanaman semula jadi sebagai mitigasi banjir selain memulihkan fungsi hidrologi pada tanaman di tanah gambut selepas Ogos 2016. Sejak itu, FGV komited memulihara semua tanah gambut di dalam lingkungan operasinya tanpa mengira bila tanah itu diperolehi.



FGV menjalankan penilaian stok karbon tinggi berdasarkan Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCSA) dalam menentukan kawasan baharu untuk pembangunan kelapa sawit. Ujian kebolehaliran akan dijalankan untuk memastikan kesesuaian untuk penanaman semula di tanah gambut yang dipelihara.



FGV memastikan tiada pembangunan baharu di kawasan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) termasuklah hutan simpan semula jadi, hutan primer, kawasan perlindungan dan lain-lain kawasan yang membawa keprihatinan sosial.



Tiada pembakaran terbuka/penggunaan api di dalam premis FGV.

Pada Oktober 2019, CP RSPO telah mengarahkan FGV untuk mengambil tindakan berikut di FGVK Indonesia:

- Menjalankan tinjauan ke atas tanah baharu oleh pakar luaran, berdasarkan kelulusan dan kepastian daripada CP, untuk mengesahkan kawasan sebenar dan sempadan bagi tanah gambut dalam lingkungan kawasan penanaman semula PT Temila Agro Abadi (TAA) di Indonesia.
- Menyediakan perkembangan terkini yang bersesuaian bagi komuniti tempatan dalam proses dan pelan mitigasi.

MENGHADKAN PENGGUNAAN AGROKIMIA

FGV menerapkan penggunaan racun perosak, racun rumpai dan juga baja dalam perladangan secara bertanggungjawab. Dalam hal ini, kami mengikut garis panduan yang disediakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), selain mengelakkan penggunaan agrokimia yang tersenarai di dalam Kelas 1A dan 1B. Kami juga tidak menggunakan bahan kimia merbahaya dan agrokimia yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm dan Rotterdam kecuali pada situasi yang khusus.

Sejak beberapa tahun kebelakangan, kami mengurangkan penggunaan racun rumpai Kelas 1 secara progresif di perladangan, dan menghentikan penggunaan bahan kimia Kelas 1 pada 2019. Kami telah merekodkan pengurangan tahun-ke-tahun sejak 2019. Kami mengamalkan pengurusan perosak bersepadu dalam operasi dan lebih selesa menggunakan kaedah semula jadi dalam mengawal serangan perosak dan penyakit.



Kami juga memastikan agrokimia hanya diguna pakai oleh pegawai terlatih di bawah penyeliaan ketat dan mengikut undang-undang dan peraturan kebangsaan. Tenaga kerja yang mengendalikan agrokimia disyaratkan memakai PPE dan hendaklah menjalankan pemeriksaan kesihatan tahunan, yang ditanggung oleh FGV. Kami menghargai kesihatan dan kesejahteraan setiap tenaga kerja dan melaksanakan audit keselamatan secara kerap bagi memastikan mereka patuh kepada langkah keselamatan yang ditetapkan.

Sebagai sebahagian daripada strategi Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM), kami menggunakan burung pungguk jelapang (*Tyto alba*) sebagai kaedah kawalan biologi untuk menguruskan populasi tikus di perladangan. Pada tahun 2020, kami memperkenalkan burung pungguk jelapang ke perladangan Sabah yang bukan merupakan kawasan asalnya. Dengan lebih banyak kawasan di bawah kawalan biologi burung pungguk jelapang, penggunaan racun tikus telah dikurangkan dengan signifikan, sekaligus mencerminkan kos yang efektif dalam strategi operasi kami.

FGV mempromosi penggunaan baja organik dan bukan organik bagi meningkatkan pertumbuhan kelapa sawit dalam mengekalkan hasil yang optimum. FGV menjamin impak yang minimum terhadap alam sekitar dengan penggunaan baja secara optimum berdasarkan hasil analisis pendekatan saintifik terhadap tanah dan foliar. Potensi hasil kawasan juga merupakan penentu kepada jumlah penggunaan baja yang tepat untuk beberapa tahun. Baja organik adalah di dalam bentuk sisa sawit seperti pelepah sawit, kompos buah tandan sawit kosong (EFB) dan POME.


Kami juga memastikan penggunaan baja di perladangan hanya akan membawa impak yang minimum kepada alam sekitar. Mereka mempertimbangkan keputusan analisa daun, status nutrien tanah, umur sawit dan potensi hasil berbanding hasil yang dijangkakan pada tahun yang tertentu. Sesetengah sisa sawit telah dikompos untuk dijadikan baja organik.

MELINDUNGI HABITAT NILAI BIODIVERSITI TINGGI (HBV)/ KAWASAN NILAI PEMULIHARAAN TINGGI (HCV)

FGV memberi prioriti dalam memulihara biodiversiti, terutama bagi perladangan yang terletak berhampiran dengan hutan simpan semula jadi atau kawasan pemuliharaan yang merupakan habitat kepada spesies yang terancam, jarang ditemui dan hampir pupus (ERT). FGV berikrar untuk menjalankan inisiatif pemuliharaannya sebagai perlindungan yang berterusan kepada ekosistem semula jadi dan perkhidmatannya. Sejalan dengan GSP kami, pembangunan yang baharu dipastikan tidak menceroboh ke dalam kawasan persekitaran yang sensitif, iaitu kawasan HBV/HCV. Di mana yang sesuai, kami akan menanam tumbuhan bermanfaat yang menarik pemangsa semula jadi bagi perosak tanaman di ladang kami.

Sekitar 50% daripada perladangan kami terletak di muka bumi yang berbukit-bukau dan 5% daripada bank tanah berikut adalah di kawasan yang digazetkan. Secara semula jadi, kawasan ini memiliki elemen HBV/HCV yang perlu dipulihara. Kami telah menjalankan penilaian HBV/HCV di kawasan ini dan membangunkan plan pengurusan untuk mengekalkan dan menambahkan nilai yang dikenal pasti. Kami mengulangi penilaian yang sama sekali dalam setiap lima (5) tahun. Setakat tahun 2020, kami telah mengenal pasti sejumlah 12,180.61 ha dalam lingkungan sempadan tanah di Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak dan Indonesia. Jumlah kawasan HBV/HCV yang diuruskan mengikut kawasan digambarkan seperti di muka surat berikut.

Perihal Kelestarian



Kawasan HCV/HBV dalam lingkungan dan di sekitar perladangan FGV

| Negara/ Negeri/ Kawasan | Ladang | Kawasan HCV/HBV dalam lingkungan ladang (ha) | Nilai biodiversiti | Aspek HCV/HBV di sekitar ladang FGV |
|-------------------------------|--------------------------------|--|--|---|
| MALAYSIA | | | | |
| Pahang | Tembangau 05 | 0.6 | Dataran- Pengurusan pengaliran air deras | Tapak di Tasik Bera Ramsar |
| | Tembangau 06 | 235 | Dataran & air tawar. Kehadiran fauna yang terdedah kepada ancaman, menyokong hutan paya air tawar, dataran banjir yang bersambung dengan tapak Ramsar | Tapak di Tasik Bera Ramsar |
| Terengganu | Setiu 01 | 15.5 | Dataran- ekosistem tanah rendah | Hutan Simpan Gunung Tebu |
| Kelantan | Aring 10 | 45 | Dataran- Zon riparian dan dataran banjir berkeadaan baik | Hutan Simpan Lebir |
| | Aring 11 | 24.2 | Dataran- Zon riparian dan dataran banjir berkeadaan baik | Hutan Simpan Lebir |
| Perak | Tawai 1 | 101.78 | Dataran- Kehadiran hutan bukit dan ekosistem dataran rendah. Kehadiran fauna yang terdedah kepada ancaman, terancam dan sangat terancam | Kawasan pengagihan populasi gajah dan merupakan sebahagian daripada Kawasan Burung Penting Belum Terengor |
| | Tawai 2 | 65.76 | Dataran- Kehadiran fauna yang terdedah kepada ancaman, terancam dan sangat terancam | Kawasan pengagihan populasi gajah dan merupakan sebahagian daripada Kawasan Burung Penting Belum Terengor |
| Sarawak | Kompleks Sampadi | 575 | Dataran- Kawasan riparian utama, cerun curam, kehadiran fauna yang terdedah kepada ancaman dan terancam | Hutan Simpan Sampadi dan Taman Negara Gunung Gading |
| | Asian Plantation Limited (APL) | 4,717.82 | Dataran & air tawar. Kehadiran fauna yang sangat terancam, spesies endemik dan yang terancam | Tiada |
| Sabah | Kompleks Sahabat | 1,905 | Dataran- Kawasan riparian utama, cerun curam. Air tawar- kawasan tadahan air penting dan kehadiran fauna yang sangat terancam, spesies endemik dan yang terancam | Rizab Hidupan Liar Tabin, Rizab Hutan Dara Sg Kapar dan Hutan Simpan Kuala Maruap |
| | Kompleks Umas | 64.6 | Dataran- Ekosistem hutan tanah rendah dan kehadiran spesies terancam | Rizab Hutan Zon Pantai |

Perihal Kelestarian

| Negara/ Negeri/ Kawasan | Ladang | Kawasan HCV/HBV dalam lingkungan ladang (ha) | Nilai biodiversiti | Aspek HCV/HBV di sekitar ladang FGV |
|--------------------------------|--|--|---|---|
| MALAYSIA | | | | |
| Sabah | Kompleks Kalabakan | 538.7 | Dataran i. ekosistem hutan dataran rendah dan pokok bakau ii. kehadiran spesies endemik, fauna terancam dan yang terdedah kepada ancaman iii. kawalan cerun dan hakisan Air tawar i. sumber air penting ii. ekosistem darat-akuatik | Rizab Hutan Zon Pantai |
| | Pontian United Plantation (PUP) | 911.2 | Dataran i. ekosistem hutan dataran rendah ii. koridor hidupan liar utama bagi spesies sangat terancam, spesies endemik dan fauna ERT iii. kawalan hakisan dan bukit Air tawar i. sumber air penting ii. sungai yang berfungsi | Perlindungan Hidupan Liar Kinabatangan |
| | Yapidmas | 200.5 | Dataran- kehadiran fauna yang sangat terancam, spesies endemik, fauna yang terdedah kepada ancaman. | Tiada |
| JUMLAH DI MALAYSIA | | 9,400.66 | | |
| INDONESIA | | | | |
| Landak, Kalimantan Barat | PT TAA | 1,825.6 | Dataran i. zon penampungan hutan yang dilindungi ii. kawasan tanah gambut dalam Air tawar i. ekosistem tanah lembap ii. sumber air penting | Hutan Simpan Sebangki |
| | PT CNP | 954.35 | Dataran i. kehadiran fauna terancam dan yang terdedah kepada ancaman ii. habitat penting termasuk kawasan riparian, tanah gambut dalam dan cerun curam | Tiada |
| JUMLAH DI INDONESIA | | 2,779.95 | | |
| JUMLAH DI KUMPULAN FGV | | 12,180.61 | | |

Kami merancang untuk menambahbaik kawasan HCV dengan penanaman spesies tanaman asli dan terancam pada tahun yang mendatang. Pada 2020, kami telah mengenal pasti 300 hektar dalam lingkungan perladangan kami untuk tujuan penanam tanaman asli/bermanfaat dan penanaman ini dijangka bermula pada suku pertama tahun 2021. FGV bercadang untuk meneruskan program penanaman ini di kawasan HCV yang lain seperti kawasan tidak bertanam, zon riparian, penampungan hutan dan cerun curam. Beberapa kawasan telah disenarai pendek dan melalui penilaian tapak dari segi kesesuaian untuk tujuan ini.

Menangani konflik manusia-hidupan liar

Beberapa perladangan kami terletak di kawasan yang diklasifikasikan sebagai 'Kawasan Pengurusan Hidupan Liar' di mana terdapat kemungkinan konflik manusia-hidupan liar yang sebaik-baiknya perlu dielakkan. Untuk mencegah insiden ini daripada berlaku, kami telah mengadakan garis panduan untuk menguruskan konflik manusia-hidupan liar yang berpotensi. Garis panduan ini menyarankan supaya hidupan liar yang terancam di dalam dan sekitar kawasan perladangan dikenal pasti. Memandangkan matlamat kami adalah untuk memulihara spesies hidupan liar ini, tindakan yang kami ambil adalah seperti memantau dan meningkatkan kesedaran di kalangan tenaga kerja dan komuniti berdekatan dengan kawasan hidupan liar. Ini termasuklah mengharamkan sebarang aktiviti pemburuan hidupan liar secara haram di perladangan, kecuali keistimewaan khusus yang diberikan kepada komuniti tempatan oleh pihak berkuasa.

Skop garis panduan ini adalah sejajar dengan syarat Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Senarai Merah IUCN: Spesies yang terlibat dalam operasi FGV

| Risiko Kepupusan berdasarkan Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) | | | | | |
|---|-----------------|----------|-------------------------|-----------------|---------------------|
| Jumlah spesies yang terkesan akibat operasi FGV | Sangat terancam | Terancam | Terdedah kepada ancaman | Hampir terancam | Tidak membimbangkan |
| | 2 | 7 | 6 | 2 | 83 |

Program Pemuliharaan Beruang Matahari

Antara projek pemuliharaan terkemuka kami adalah Program Pemuliharaan Beruang Matahari (SBCP), iaitu satu kolaborasi di antara Persatuan Pencinta Alam Malaysia, PERHILITAN dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Beruang matahari merupakan spesies beruang terkecil yang merupakan hidupan asli di Asia Tenggara dan telah dikategorikan sebagai 'terdedah kepada ancaman' di dalam senarai merah IUCN bagi spesies terancam.

SBCP mengambil bahagian dalam aktiviti menyelamat dan rehabilitasi beruang matahari yang tercedera/yatim/berpindah tempat yang mana kemudiannya akan dilepaskan kembali ke dalam hutan. Pada tahun 2019, 13 ekor beruang matahari telah berjaya diselamatkan dan enam telah dilepaskan berdekatan Tasik Kenyir (Terengganu) dan Hutan Royal Belum (Perak). Dalam tahun 2020, 22 ekor telah diselamatkan, 16 direhabilitasi dan 13 dilepaskan. Dari tahun 2015 ke 2020, FGV mungkin telah membuat rekod dunia apabila 52 beruang matahari telah dilepaskan kembali ke habitat semula jadi melalui SBCP. Sebagai tambahan, SBCP kini sedang menyediakan modul latihan untuk sekolah rendah dan menengah bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan pemuliharaan beruang matahari.

Program SBCP ini, telah membangunkan tiga dokumen iaitu 'Garis panduan dalam menguruskan beruang matahari dalam jagaan', 'Garis panduan pengurusan konflik beruang matahari' dan 'Pelan tindakan pemuliharaan Beruang Matahari Malaya'. Kami menjangkakan garis panduan ini akan menjadi alat rujukan yang bermanfaat bagi pihak yang memerlukan seperti pusat pemuliharaan, zoo, pusat penyelidikan, NGO dan pemulihara hidupan liar.

FGV membiayai SBCP sepenuhnya dan setakat ini telah menyumbang sekitar RM2.3 juta. Kolaborasi ini mendapat sokongan baik daripada Kumpulan Tindakan Komuniti juga dikenali sebagai Sahabat Beruang Matahari yang meletakkan sasaran untuk menggalakkan keprihatinan dan empati komuniti dalam isu alam sekitar terutamanya hidupan asal seperti beruang matahari dan spesies hidupan liar lain yang terancam. Setakat 2020, terdapat lebih daripada 200 ahli di rantau, iaitu di Kuala Lipis (Pahang), Kuala Terengganu (Terengganu), Sahabat (Sabah), Gerik (Perak) dan Mersing (Johor).



Perihal Kelestarian

Aktiviti Menyelamat Gajah Borneo Spesies Pygmy

Pada April 2020, seekor anak gajah pygmy berusia dua (2) tahun telah ditemui berkeliaran di sekitar perladangan Sahabat 54 FGV di Lahad Datu oleh tenaga kerja di sempadan Rizab Hidupan Liar Tabin. Tenaga kerja FGV tersebut telah memberi perlindungan pantas dengan menyediakan tempat berlindung sementara bagi gajah pygmy yang cedera itu sementara menunggu Jabatan Hidupan Liar Sabah (SWD) dan Unit Penyelamat Hidupan Liar (WRU) tiba dengan misi menyelamat. Anak gajah tersebut didapati mengalami masalah penglihatan kesan daripada jangkitan yang buruk pada kedua-dua belah matanya mengakibatkan ia berkeliaran keluar daripada kelompoknya.

Gajah tersebut kemudiannya dipindahkan menggunakan kenderaan FGV untuk rawatan selanjutnya di Taman Hidupan Liar Lok Kawi di Kota Kinabalu. FGV membiayai semua kos rawatan kecederaan gajah pygmy yang dinamakan 'Sahabat' itu untuk tempoh enam (6) bulan iaitu sehingga betul-betul sembuh di mana keseluruhan perbelanjaan menelan jumlah RM16,000.00. 'Sahabat' berjaya dipulihkan penglihatannya di bawah penjagaan veterinar di SWD.

Ini bukanlah pertama kalinya tenaga kerja FGV menyelamatkan gajah Borneo di perladangan kami. Sebelum itu pada bulan Mac 2020, empat (4) ekor gajah Borneo spesies pygmy telah berjaya diselamatkan daripada terperangkap semalaman di dalam kolam yang terletak di Ladang Sahabat 50. Tenaga kerja kami terpaksa merendahkan sisi kolam untuk membolehkan gajah-gajah tersebut melepaskan diri dengan selamat dan kembali ke habitat hutan berdekatan. Gajah spesies pygmy ini merupakan salah satu spesies yang terancam dengan anggaran 2,000 ekor yang tinggal di dalam hutan di Sabah.





Projek Koridor Biodiversiti Mega

FGV mempunyai komitmen selama lima (5) tahun bersama Borneo Conservation Trust (BCT) dan Jabatan Hidupan Liar Sabah untuk mengambil bahagian di dalam Projek Pemuliharaan Koridor Biodiversiti Mega di hiliran Lembangan Kinabatangan. Melalui inisiatif ini, kami menyokong penubuhan semula, pemulihan dan perlindungan terhadap zon riparian bagi melindungi koridor hidupan liar yang penting ini bagi gajah Borneo spesies pygmy, Orangutan, monyet belanda dan spesies hidupan liar penting yang lain.

Inisiatif Pertanian Bersepadu dengan Biodiversiti

Penglibatan FGV dalam sektor pertanian bersepadu merupakan sumbangan kepada biodiversiti dan fungsi ekosistem di dalam operasi perladangan kami. Dengan wawasan menguruskan tanah dengan lebih baik dan Amalan Agrikultural Baik sebagai prosedur operasi standard, Kumpulan telah menceburi diri secara berskala komersial di dalam penanaman nanas MD2 di Johor dan Perlis, dan juga penanaman pisang *Cavendish* sebagai tanaman kontan di perantaraan perladangannya di Johor. Sektor ini juga memulihkan perladangan mangga Harumanis di Lembah Agro yang terletak di Chuping. FGV telah menceburi bidang penanaman padi dan mengadakan taman biji benih MRQ76 di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dan IADA Barat Laut Selangor.

TENTANG TADBIR URUS KAMI

- 164** Sekilas Pandang – Ahli Lembaga Pengarah
- 166** Profil Lembaga Pengarah
- 175** Sekilas Pandang – Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan
- 176** Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan
- 192** Penyata Tadbir Urus Korporat
- 227** Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman





Lembaga Pengarah



dari kiri

Datuk Mohd Anwar Yahya • Dr. Nesadurai Kalanithi • Datuk Wira Azhar Abdul Hamid (Pengerusi)
Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Yusli Mohamed Yusoff




Dr. Zunika Mohamed • Dr. Mohamed Nazeeb P. Alithambi
Datin Hoi Lai Ping • Dato' Shahrol Anuwar Sarman


Sekilas Pandang

KOMPOSISI DAN KEMAHIRAN LEMBAGA PENGARAH


Keseimbangan dan Komposisi*




Kepelbagaian Etnik*




Kepelbagaian Jantina*




Tempoh Perkhidmatan*



Kepelbagaian Umur*



Kemahiran dan Pengalaman



Lembaga Pengarah

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BUKAN BEBAS

Wakil Pemegang Saham Khas FGV

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid

Pengarah Lantikan Kerajaan

Dilantik sebagai Pengarah pada 8 September 2017

Hadir 11 daripada 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Dato' Shahrol Anuwar Sarman

Pengarah Lantikan Kerajaan

Dilantik sebagai Pengarah pada 17 November 2021

Hadir 1 daripada 2 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Dr. Zunika Mohamed

Pengarah Lantikan Kerajaan

Dilantik sebagai Pengarah pada 10 Februari 2020

Hadir 9 daripada 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Dato' Dr. Noor Zari Hamat

Pengarah Lantikan Kerajaan

Dilantik sebagai Pengarah pada 23 Julai 2019

Berhenti sebagai Pengarah pada 22 Januari 2020

Mohd Hassan Ahmad

Pengarah Lantikan Kerajaan

Dilantik sebagai Pengarah pada 26 September 2018

Berhenti sebagai Pengarah pada 31 Oktober 2020

Hadir 7 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Wakil Pemegang Saham Utama FGV

Dato' Amiruddin Abdul Satar

Dilantik sebagai Pengarah pada 26 Oktober 2020

Hadir 2 daripada 4 Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Dato' Dr. Othman Haji Omar

Dilantik sebagai Pengarah pada 1 Oktober 2018

Berhenti sebagai Pengarah pada 26 Oktober 2020

Hadir 7 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

Wakil Pemegang Saham Minoriti dan Orang Awam

Dato' Yusli Mohamed Yusoff

Dilantik sebagai Pengarah pada 6 September 2018

Dilantik semula sebagai Timbalan Pengerusi pada 2 Mac 2020

Hadir 11 daripada 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Datuk Mohd Anwar Yahya

Dilantik sebagai Pengarah pada 23 November 2017

Hadir 11 daripada 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Datin Hoi Lai Ping

Dilantik sebagai Pengarah pada 6 September 2018

Hadir 11 daripada 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Dr. Mohamed Nazeeb P. Alithambi

Dilantik sebagai Pengarah pada 31 Oktober 2017

Hadir 11 daripada 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Dr. Nesadurai Kalanithi

Dilantik sebagai Pengarah pada 1 Januari 2018

Hadir 11 daripada 11 Mesyuarat Lembaga Pengarah

*Pada 19 Mac 2021

Nota: Semua kehadiran mesyuarat adalah bagi tahun 2020

** Terdapat dua (2) Mesyuarat Lembaga Pengarah yang tidak memerlukan kehadiran Dato' Amiruddin Abdul Satar.

INED - Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

NINED - Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

 Pengerusi Ahli**JAWATAN KUASA AUDIT (AC)****Datuk Mohd Anwar Yahya**
INED

Dilantik pada 23 November 2017

Hadir 9 daripada 9 Mesyuarat

Datin Hoi Lai Ping
INED

Dilantik pada 6 September 2018

Hadir 9 daripada 9 Mesyuarat

Dato' Shahrol Anuwar Sarman
NINED

Dilantik pada 17 November 2020

Hadir 1 daripada 1 Mesyuarat

Mohd Hassan Ahmad
NINEDDilantik pada 26 September 2018
Berhenti pada 31 Oktober 2020

Hadir 7 daripada 7 Mesyuarat

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN (NRC)**Dato' Yusli Mohamed Yusoff**
INED

Dilantik pada 6 September 2018

Hadir 5 daripada 5 Mesyuarat

Dr. Zunika Mohamed
NINED

Dilantik pada 10 Februari 2020

Hadir 3 daripada 3 Mesyuarat

Datin Hoi Lai Ping
INED

Dilantik pada 15 Julai 2019

Hadir 5 daripada 5 Mesyuarat

Dato' Dr. Noor Zari Hamat
NINEDDilantik pada 23 Julai 2019
Berhenti pada 22 Januari 2020**Dr. Nesadurai Kalanithi**
INED

Dilantik pada 15 Julai 2019

Hadir 5 daripada 5 Mesyuarat

**JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO
LEMBAGA (BGRMC)****Dato' Yusli Mohamed Yusoff**
INED

Dilantik pada 6 September 2018

Hadir 6 daripada 6 Mesyuarat

Dr. Zunika Mohamed
NINED

Dilantik pada 10 Februari 2020

Hadir 5 daripada 5 Mesyuarat

Dr. Nesadurai Kalanithi
INED

Dilantik pada 15 Julai 2019

Hadir 6 daripada 6 Mesyuarat

Dato' Dr. Noor Zari Hamat
NINEDDilantik pada 23 Julai 2019
Berhenti pada 22 Januari 2020**JAWATANKUASA PELABURAN (IC)****Datin Hoi Lai Ping**
INEDDilantik sebagai Ahli pada 6
September 2018
Dilantik semula sebagai Pengerusi
pada 15 Julai 2019

Hadir 5 daripada 5 Mesyuarat

Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi
INED

Dilantik pada 23 November 2017

Hadir 5 daripada 5 Mesyuarat

Dato' Amiruddin Abdul Satar
NINED

Dilantik pada 26 Oktober 2020

Hadir 1 daripada 1 Mesyuarat

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
INED

Dilantik pada 15 Julai 2019

Hadir 5 daripada 5 Mesyuarat

Dato' Dr. Othman Haji Omar
NINEDDilantik pada 1 Oktober 2018
Berhenti pada 26 Oktober 2020

Hadir 4 daripada 4 Mesyuarat

JAWATANKUASA TENDER LEMBAGA (BTC)**Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi**
INEDDilantik sebagai Ahli pada 23
November 2017
Dilantik semula sebagai Pengerusi
pada 26 September 2018

Hadir 4 daripada 4 Mesyuarat

Dato' Shahrol Anuwar Sarman
NINED

Dilantik pada 17 November 2020

Hadir 1 daripada 1 Mesyuarat

Mohd Hassan Ahmad
NINEDDilantik pada 26 September 2018
Berhenti pada 31 Oktober 2020

Hadir 2 daripada 2 Mesyuarat

Datuk Mohd Anwar Yahya
INED

Dilantik pada 15 Julai 2019

Hadir 4 daripada 4 Mesyuarat

JAWATANKUASA KHAS LEMBAGA 1 (SBC 1)*****Datuk Mohd Anwar Yahya**
INED

Dilantik pada 30 Januari 2018

Hadir 1 daripada 1 Mesyuarat

Mohd Hassan Ahmad
NINED

Dilantik pada 26 September 2018

Hadir 1 daripada 1 Mesyuarat

Dr. Nesadurai Kalanithi
INED

Dilantik pada 30 Januari 2018

Hadir 1 daripada 1 Mesyuarat

Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi
INED

Dilantik pada 14 Februari 2018

Hadir 1 daripada 1 Mesyuarat

*** SBC1 telah dibubarkan pada 24 Ogos 2020 dan segala tanggungjawab di bawahnya diserahkan kepada AC.

Profil Lembaga Pengarah

59
tahun

Lelaki



DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID

Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

| Pelantikan ke Lembaga | Tempoh | Pelantikan semula |
|-----------------------|-----------|-------------------|
| 8 September 2017 | 3-4 tahun | 25 Jun 2019 |

Kehadiran Mesyuarat

Lembaga Pengarah dalam TK2020:

100%

Kelayakan:

- Ahli Fellow Association of Chartered Certified Accountant (ACCA), UK
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

- Pengurus Audit Dalaman, British Telecom PLC, UK (1989-1991)
- Ketua Audit Dalaman dan Ketua Kewangan, Malaysian Cooperative Insurance Society Ltd. (1992-1994)
- Pengawal Kewangan, Sime Darby Group untuk Sime Tyres International Sdn. Bhd., Pengarah Pembangunan Perniagaan di Sime Conoco Sdn. Bhd. Dan Pengurus Besar Kumpulan di Bahagian Kejuruteraan, Minyak & Gas (1994-2001)
- Ketua Pengerusi Kumpulan, Pemas International Holdings Berhad (2001-2002)
- Pengarah Perkembangan Perniagaan di Sime Darby Plantation Sdn. Bhd., Pengarah Urusan Tractors Malaysia Holdings Berhad, Pengarah Bahagian Kumpulan Sime Darby bagi Bahagian Perladangan & Makanan, Sime Darby Berhad, Pengarah Urusan, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd., EVP/Ketua Bahagian Perladangan & Perniagaan Agri (2003-2010)
- Pengerusi, Malaysian Palm Oil Association (2007-2010)
- Ketua Pegawai Eksekutif, Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (2011-2014)
- Presiden/Pengarah Urusan Kumpulan, Tradewinds Corporation Sdn. Bhd. (2015-2016)
- Pengerusi, Tradewinds Corporation Berhad (2016-2017)
- Pengarah Urusan Kumpulan, Malakoff Corporation Berhad (2016-2017)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam yang lain:

- Pengarah, Icon Offshore Berhad
- Pengarah, Hume Cement Industries Berhad (dahulunya dikenali sebagai Hume Industries Berhad)
- Pengarah, Ahmad Zaki Resources Berhad



AC

Jawatankuasa
Audit

NRC

Jawatankuasa
Pencalonan Dan
Imbuhan

BGRMC

Jawatankuasa
Tadbir Urus &
Pengurusan Risiko
Lembaga

IC

Jawatankuasa
Pelaburan

BTC

Jawatankuasa
Tender
Lembaga

SBC1

Jawatankuasa
Khas Lembaga

62

tahun



Lelaki



NRC

BGRMC

IC

DATO' YUSLI MOHAMED YUSOFF

Timbalan Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas**Pelantikan ke
Lembaga**

6 September 2018

Tempoh

2-3 tahun

**Pelantikan
semula**

25 Jun 2019

**Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah dalam TK2020:****100%****Kelayakan:**

- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli Institute of Chartered Accountants in England & Wales (ICAEW)
- Sarjana Muda Ekonomi, University of Essex, England, UK

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

- Senior Audit dan Pelatih Akauntan di Peat Marwick Mitchell di London (1981-1986)
- Pengerusi Akauntan, Hugin Sweda PLC di London (1986-1990)
- Pengurus Kanan, Hal Ehwal Korporat di HBN Management (Pejabat Kumpulan Pengurusan Renong Group) (1990-1992)
- Pengawal Kewangan, Faber Group (1992)
- Ketua Pegawai Operasi, Time Engineering Berhad (1993)
- Ketua Pegawai Operasi/Pengarah, Eksekutif Renong Berhad (1994-1995)
- Pengarah Urusan Kumpulan, Shahpadu Corporation (1995-1996)
- Ketua Pengurus Besar, Sime Merchant Bankers Berhad (1996-1998)
- Berkhidmat serentak sebagai Timbalan Pengerusi Eksekutif, Intria Berhad dan Pengarah Urusan, Metacorp Berhad (1998-1999)
- Ketua Eksekutif, CIMB Securities Sdn. Bhd. (2000-2004)
- Pengerusi, Association of Stockbroking Companies Malaysia (2003-2004)
- Ahli Lembaga Dana Pembangunan Pasaran Modal dan Ahli Exco Financial Reporting Foundation of Malaysia (2004-2011)
- Ahli Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur (2001-2004)
- Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif, Bursa Malaysia Berhad (2004-2011)
- Presiden, Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (2015-kini)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam yang lain:

- Pengerusi, KPJ Healthcare Berhad
- Pengerusi, Mudajaya Group Berhad
- Pengarah, Westports Holdings Berhad
- Pengarah, AirAsia X Berhad
- Pengarah, Australasia Resources & Minerals Berhad



Profil Lembaga Pengarah

57
tahun

Lelaki



IC

DATO' AMIRUDDIN ABDUL SATAR

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

| Pelantikan ke Lembaga | Tempoh | Pelantikan semula |
|-----------------------|-------------------------|-------------------|
| 26 Oktober 2020 | Kurang daripada setahun | Tidak berkenaan |

Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah dalam TK2020:



Kelayakan:

- Ahli Association of Chartered Certified Accountant (ACCA)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Henley Business School, University of Reading, UK

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

- Eksekutif Akauntan, UMW Toyota Berhad (1989-1990)
- Akauntan, Bousted Holdings Berhad (1990-1992)
- Pengurus Kewangan, INC Sdn. Bhd., anak syarikat Lembaga Tabung Haji (1992-1993)
- Pengurus Kewangan, KPJ Healthcare Berhad (KPJ) (1993-1996)
- Timbalan Pengurus Besar, KPJ (1996-2003)
- Pegurus Awam Kumpulan, KPJ (2003-2010)
- Ketua Pegawai Operasi, KPJ (2010-2012)
- Pengarah Eksekutif, KPJ (2011-2013)
- Presiden dan Pengarah Urusan, KPJ (2013-2020)
- Pengarah Besar, Federal Land Development Authority (2020-kini)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam yang lain:

- Pengarah, Ipmuda Berhad



Nota: Terdapat dua (2) Mesyuarat Lembaga Pengarah yang tidak memerlukan kehadiran Dato' Amiruddin Abdul Satar.

AC

Jawatankuasa
Audit

NRC

Jawatankuasa
Pencalonan Dan
Imbuhan

BGRMC

Jawatankuasa
Tadbir Urus &
Pengurusan Risiko
Lembaga

IC

Jawatankuasa
Pelaburan

BTC

Jawatankuasa
Tender
Lembaga

SBC1

Jawatankuasa
Khas Lembaga

66

tahun



Lelaki



AC

BTC

SBC1

DATUK MOHD ANWAR YAHYA

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas**Pelantikan ke
Lembaga**

23 November 2017

Tempoh

3-4 tahun

**Pelantikan
semula**

19 Jun 2020

**Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah dalam TK2020:****100%****Kelayakan:**

- Ahli Institute of Chartered Accountants in England & Wales (ICAEW)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
- Sarjana Muda Sains (Hons.), Ekonomi & Perakaunan, University of Hull, UK

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

- Pelatih Audit/Penyelia Audit, Touche Ross & Co. (1978-1982)
- Pengurus Kewangan, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (1982-1985)
- Ketua Pegawai Eksekutif, Permodalan Kelantan Berhad (1985-1990)
- Pengarah Kumpulan Teknologi di Management Consulting Practice, PricewaterhouseCoopers (1991-1992)
- Rakan Kongsi, PricewaterhouseCoopers (1993-2015)
- Pengarah Kanan/Penasihat, PricewaterhouseCoopers (2015-2017)
- Pengarah Eksekutif, Sage 3 Sdn. Bhd. (2018-kini)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam yang lain:

- Pengarah, Maybank Islamic Berhad
- Pengarah, Fraser & Neave Holdings Berhad
- Pengarah, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad
- Pengarah, Amanah Saham Nasional Berhad



Profil Lembaga Pengarah

68
tahun

Lelaki



IC

BTC

SBC1

DR. MOHAMED NAZEEB P.ALITHAMBI

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

| Pelantikan ke Lembaga | Tempoh | Pelantikan semula |
|-----------------------|-----------|-------------------|
| 31 Oktober 2017 | 3-4 tahun | 19 Jun 2020 |

Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah dalam TK2020:

100%

Kelayakan:

- PhD, Agronomi, Universiti Malaya
- Sarjana Muda Sains (Hons.), Universiti Malaya

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

- Pembantu Penyelidik dalam Post-Harvest Fruit Physiology Project dijalankan bersama oleh University of Malaya dan Malaysian Agricultural Research and Development Institute (1976-1977)
- Pengajar separuh masa dalam subjek Sains Biologi di University of Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia (1978-1979)
- Agronomis, Ebor Research, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. (1980-1988)
- Agronomis Kanan, Ebor Research, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. (1988-1995)
- Ketua Pengeluaran Tanaman, Ebor Research, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. (1995-2001)
- Pengarah Perladangan, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. (2002-2007)
- Ketua Penasihat Perladangan, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. (2007-2011)
- Ketua Penyelidikan & Pembangunan, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. (2011-2014)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam yang lain:

- Tiada



AC

Jawatankuasa
Audit

NRC

Jawatankuasa
Pencalonan Dan
Imbuhan

BGRMC

Jawatankuasa
Tadbir Urus &
Pengurusan Risiko
Lembaga

IC

Jawatankuasa
Pelaburan

BTC

Jawatankuasa
Tender
Lembaga

SBC1

Jawatankuasa
Khas Lembaga

59

tahun



Wanita



AC

NRC

IC

DATIN HOI LAI PING

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Pelantikan ke
Lembaga**

6 September 2018

Tempoh

2-3 tahun

**Pelantikan
semula**

25 Jun 2019

**Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah dalam TK2020:**

100%

Kelayakan:

- Ahli CPA Australia
- Sarjana Muda Ekonomi (Jurusan Perakaunan), Monash University, Victoria, Australia

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

- Hong Leong Finance Berhad (1983-1987)
- Commonwealth Bank of Australia (termasuk Tricontinental Merchant Bank dan State Bank of Victoria) (1988-1994)
- Pengurus, Accenture Kuala Lumpur (1999-1998)
- Rakan Kongsi Bersekutu, Accenture Kuala Lumpur (1999-2004)
- Rakan Kongsi, Accenture Kuala Lumpur (2005-2009)
- Pengarah, General Rewards Sdn. Bhd. (2011-kini)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam yang lain:

- Pengarah, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad



Profil Lembaga Pengarah

52
tahun

Wanita



NRC BGRMC

DR. ZUNIKA MOHAMED

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

| Pelantikan ke Lembaga | Tempoh | Pelantikan semula |
|-----------------------|-----------|-------------------|
| 10 Februari 2020 | 1-2 tahun | 19 Jun 2020 |

Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah dalam TK2020:



Kelayakan:

- Kedoktoran, Ekonomi, Universiti Putra Malaysia
- Sarjana Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Sarjana Muda Ekonomi, University of Texas, USA
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

- Pembantu Pengarah, Bahagian Pertanian, Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (1994-2003)
- Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pertanian, EPU di Jabatan Perdana Menteri (2003-2006)
- Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengedaran, EPU di Jabatan Perdana Menteri (2006-2008)
- Timbalan Pengarah, Bahagian Pengedaran, EPU di Jabatan Perdana Menteri (2008-2012)
- Timbalan Pengarah, Bahagian Makroekonomi, EPU di Jabatan Perdana Menteri (2012-2014)
- Timbalan Pengarah, Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam, EPU di Jabatan Perdana Menteri (2014-2016)
- Pengarah, Bahagian Pertanian, EPU di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2016-2018)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (2018-2019)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2019)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Makro), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2019)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Makro), EPU di Jabatan Perdana Menteri (2020-kini)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam yang lain:

- Tiada



AC

Jawatankuasa
Audit

NRC

Jawatankuasa
Pencalonan Dan
Imbuhan

BGRMC

Jawatankuasa
Tadbir Urus &
Pengurusan Risiko
Lembaga

IC

Jawatankuasa
Pelaburan

BTC

Jawatankuasa
Tender
Lembaga

SBC1

Jawatankuasa
Khas Lembaga

47

tahun



Lelaki



AC

BTC

DATO' SHAHROL ANUWAR SARMAN

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas**Pelantikan ke
Lembaga**

17 November 2020

Tempoh

Kurang daripada setahun

**Pelantikan
semula**

Tidak berkenaan

**Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah dalam TK2020:**

50%

Kelayakan:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Cardiff University, Wales, UK
- Sarjana Muda Kewangan, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

- Pembantu Setiausaha, Pengurusan Pinjaman dan Bahagian Dasar Kewangan, Kementerian Kewangan (1996-2003)
- Penolong Pengarah, Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Pentadbiran (Ketua Kewangan dan Unit Akaun), Agensi Anti-Rasuah Malaysia (2003-2004)
- Penolong Setiausaha Utama, Bahagian Industri Pembalakan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (2004-2006)
- Penolong Kanan Setiausaha Utama, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Timbalan Menteri Melaka (2006-2007)
- Setiausaha Kanan Peribadi kepada Setiausaha Agung Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (2007-2011)
- Pegawai Khas kepada Setiausaha Agung Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (2011-2012)
- Penasihat Kanan kepada Pengarah Eksekutif, World Bank Group di Washington D.C., USA (2012-2014)
- Setiausaha Kanan Peribadi kepada Setiausaha Agung Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (2014-2017)
- Di bawah Setiausaha, Pengurusan Strategik Badan Berkanun, Kementerian Kewangan (2017-2019)
- Di bawah Setiausaha, Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan (2019-kini)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam yang lain:

- Tiada



Profil Lembaga Pengarah

64
tahun

Wanita



NRC

BGRMC

SBC1

DR. NESADURAI KALANITHI

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Pelantikan ke
Lembaga**

1 Januari 2018

Tempoh

3-4 tahun

**Pelantikan
semula**

19 Jun 2020

**Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah dalam TK2020:**

100%

Kelayakan:

- PhD, Biokimia dan Biologi Molekul, University of Reading, UK
- Sarjana Sains, Sains Pemakanan, University of Reading, UK

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

- Saintis Penyelidikan Utama and Ketua Kumpulan Nutrisi, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (1984)
- Saintis Penyelidikan Pelawat, Pusat Haiwan Bioteknologi, University of Melbourne, Australia (2003-2004)
- Pengarah, Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (2008-2012)
- Kementerian Kedutaan Malaysia dan Misi Malaysia ke Kesatuan Eropah (2013-2017)

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam yang lain:

- Tiada



Tiada Pengarah yang mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan syarikat, hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/ atau Pemegang Saham Utama, atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan (selain kesalahan lalu lintas) dalam tempoh lima tahun yang lalu atau sebarang sekatan awam atau denda yang dikenakan oleh badan kawal selia berkaitan sepanjang tahun kewangan.




Butiran biografi penuh setiap Pengarah boleh didapati melalui laman web kami di www.fgvholdings.com.

SEKILAS PANDANG


JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC) ditubuhkan bagi menyokong GCEO dalam pengawasan kumpulan untuk memantau secara pusat prestasi Kumpulan, menyelaraskan pengurusan dan operasi perniagaan Kumpulan bagi mencapai visi, misi strategi Kumpulan FGV melalui prinsip tadbir urus korporat yang baik dan perniagaan dan amalan kawalan yang cemerlang berpandukan arahan, bimbingan, keputusan dan polisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. GMC telah mengadakan 24 mesyuarat sepanjang TK2020.


Kepelbagaian Jantina*



Kepelbagaian Etnik*



Kepelbagaian Umur*



* Pada 19 Mac 2021

Tiada ahli GMC yang mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan syarikat, hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau Pemegang Saham Utama, atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan (selain kesalahan lalu lintas) dalam tempoh lima tahun yang lalu atau sebarang sekatan awam atau denda yang dikenakan oleh badan kawal selia berkaitan sepanjang tahun kewangan.



Butiran biografi penuh setiap ahli GMC boleh didapati melalui laman web kami di www.fgvholdings.com.

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan



DATO' HARIS FADZILAH HASSAN

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

54
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

23 Januari 2019

Kelayakan akademik dan Professional

- Senior Program Pengurusan Pembangunan bagi Harvard Business School Alumni Club of Malaysia
- Program Pengurusan Lanjutan di Columbia Business School, New York, USA
- Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA), University of Miami, Coral Gables, Florida, USA
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (BBA), University of Miami, Coral Gables, Florida, USA

Pengalaman

Dato' Haris Fadzilah mempunyai pengalaman lebih 30 tahun di dalam bidang pembangunan strategi dan perniagaan, pengurusan projek dan operasi beberapa industri termasuk petroleum & gas, automobil dan perladangan. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1990 sebagai Jurutera Sistem di Matsushita Television Co. (M) Sdn. Bhd. Antara tahun 1992 dan 1997, beliau berkhidmat di PETRONAS dalam Bahagian Sumber Pengetahuan, Perancangan Korporat & Unit Pengurusan Pembangunan. Beliau kemudian bekerja di Waterfield-Portola sebagai Perunding Kanan selama setahun sebelum menyertai PROTON sebagai Pakar Strategi Pasaran pada Ogos 1998. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Ketua Unit Pelaburan Strategik, di mana beliau berkhidmat selama tiga tahun sebelum dilantik menjadi Ketua Bahagian Perancangan Korporat pada Disember 2000.

Beliau dilantik sebagai Ketua Projek Iran di bawah bahagian Perniagaan Antarabangsa di Proton Marketing Sdn. Bhd. pada November 2003 sebelum menjadi Ketua Bahagian Pembangunan Strategi & Perancangan Korporat di Proton Holdings Berhad pada Mei 2005. Seterusnya beliau menyertai Golden Hope Plantations sebagai Pengurus Besar Strategi Korporat & Pembangunan Perniagaan sebelum mengetuai Pejabat Pengurusan Projek (Perladangan) bagi Synergy Drive iaitu Syarikat Bertujuan Khas (*Special Purpose Vehicle - SPV*) untuk penggabungan syarikat Golden Hope Plantations, Kumpulan Guthrie dan Kumpulan Sime Darby. Selepas penggabungan pada tahun 2007, beliau menyandang jawatan sebagai Timbalan Presiden Kanan (SVP) II Strategi & Pembangunan Perniagaan di Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. Beliau kemudian meninggalkan Kumpulan itu pada April 2012 sebagai SVP I Perniagaan Hiliran bagi menyertai Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. sebagai Pengarah Hubungan Pihak Berkepentingan & Pengurusan Tanah.

Beliau memegang jawatan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif daripada Disember 2013 sehingga Februari 2014. Dato' Haris dilantik sebagai Pengarah Pengurusan Komersial dan Tanah pada Januari 2016 sehingga tahun 2019 sebelum beliau menyertai FGV Holdings Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Beliau juga merupakan pemegang amanah Yayasan Felda dan Pengerusi Pusat Hemodialisis Felda.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- MSM Malaysia Holdings Berhad



DATO' MOHD HAIRUL ABDUL HAMID

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

51
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

2 Januari 2019

Kelayakan akademik dan Professional

- Ahli Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Pengalaman

Dato' Mohd Hairul adalah Akauntan Bertauliah dan beliau memulakan kerjayanya di Sime Darby Berhad pada tahun 1994 sebagai Pelatih Pengurusan dan seterusnya menjadi Akauntan Kumpulan pada tahun 1997.

Pada Oktober 2002, beliau dilantik menjadi Pengurus Kewangan kepada Consolidated Plantations Berhad (CPB) iaitu anak syarikat Sime Darby Berhad. Pada Jun 2008, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Bahagian Perlindungan. Beliau meninggalkan Sime Darby Berhad pada Februari 2012 sebagai CFO Bahagian Tenaga & Utiliti.

Sebelum berkhidmat di FGV Holdings Berhad pada bulan Januari 2019, beliau merupakan CFO kepada Mass Transit Corporation Sdn. Bhd. daripada Mac 2012 sehingga Disember 2018.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Felda Holdings Berhad

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan



SYED MAHDHAR SYED HUSSAIN

Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan

60
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

12 November 2018

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Muda (Hons.) Kimia, Universiti Sains Malaysia

Pengalaman

Syed Mahdhar merupakan seorang saintis yang berpengalaman lebih daripada 34 tahun dalam industri pertanian. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1985 sebagai Ahli Teknologi Perladangan minyak sawit, getah dan koko di Kumpulan Guthrie Berhad di mana beliau berkhidmat sehingga tahun 2007.

Beliau merupakan Pengurus QA/QC daripada tahun 1992 sehingga 1995 dan Pengurus Kanan Keselamatan daripada 1995 sehingga 1999 sebelum menjadi Pengurus Besar Total Quality Environmental Management (TQEMS) pada tahun 2001. Selepas penggabungan syarikat pada tahun 2007, beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden Kanan (SVP) bahagian TQEMS di Sime Darby Berhad. Beliau kemudian dilantik sebagai Timbalan Presiden Kanan di bahagian Quality, Safety & Sustainability (PSQM) di Sime Darby Plantation Berhad di mana beliau berkhidmat selama lima (5) tahun sebelum menjadi Pengarah Bahagian Standard & Pematuhan di Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. pada tahun 2012.

Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Transformasi Kumpulan FGV Holdings pada April 2018 bagi mengetuai rancangan pemulihan Kumpulan. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi (COO) bagi Sektor Perladangan dan sebagai Ketua Kluster Huluan Sawit pada November 2018, mengekalkan jawatan COO Sektor Perladangan pada Ogos 2019 dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Bahagian Kumpulan bagi Sektor Perladangan pada Disember 2020.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada



SALMAN GHAZALI

Ketua Pegawai Strategi Kumpulan

39
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

13 September 2019

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Muda Sains (BSc.) dalam Perakaunan & Kewangan, London School of Economics & Political Science, London, UK

Pengalaman

Salman Ghazali memulakan kerjaya beliau di Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. (SDP) pada tahun 2005 dan kemudian telah mengumpul pengalaman lebih daripada 15 tahun dalam strategi, pembangunan perniagaan, pengurusan pelaburan, ekuiti swasta, dan perniagaan perbankan. Beliau berpindah ke Pejabat Pengarah Urusan di SDP pada tahun 2007 dan mengorak langkah sebagai Penolong Timbalan Presiden I – Kewangan Korporat, Strategi & Pembangunan Perniagaan. Ketika berada di SDP, beliau ditugaskan di bahagian Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA), PEMANDU pada tahun 2010 di mana beliau menjadi Ketua Bahagian Pemakanan Minyak Sawit & Asas Kesihatan Sektor Hiliran. Beliau kemudian menyertai Emery Oleochemicals yang merupakan 50:50 syarikat usaha sama antara SDP dan PTT Global Chemical dalam Strategi Global. Beliau meninggalkan Emery Oleochemical dan SDP pada Disember 2011 dan menyertai PETRONAS pada

tahun 2012 di Pejabat Pegawai Timbalan Presiden sebelum menyertai Khazanah Nasional Berhad sebagai Timbalan Presiden Pelaburan dan Pegawai Khas kepada Ketua Pegawai Pelaburan.

Pada tahun 2015, beliau menjadi rakan pengurusan RM Capital Partners & Associates, salah satu daripada firma ekuiti swasta terbesar di Malaysia di mana beliau memegang pelbagai jawatan sebagai Pengarah dan Jawatankuasa Pelaburan sehingga Ogos 2018. Sebelum menyertai FGV Holdings Berhad pada September 2019, beliau adalah Ketua Bahagian Perbankan Perniagaan di Malaysian Development Bank (Bank Pembangunan Malaysia Berhad).

Beliau bersekolah di Royal Military College (RMC) sebelum menerima biasiswa daripada Yayasan Sime Darby (YSD) bagi mempelajari bidang Perakaunan & Kewangan di London School of Economics & Political Science, London, UK (LSE).

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan



AZMAN AHMAD

Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Logistik & Lain-lain

59
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

1 Januari 2018

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Muda Teknologi Maritim, University of Wales Institute of Science and Technology, UK
- Diploma Pengurusan, Institut Pengurusan Malaysia

Pengalaman

Azman Ahmad memulakan kerjaya beliau pada tahun 1984 sebagai Eksekutif Operasi di Johor Bulk Sdn. Bhd., Johor. Beliau memiliki lebih 30 tahun pengalaman dalam operasi industri logistik. Pada tahun 2006, beliau menjadi Pengurus Besar dan dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif setahun kemudian sehingga tahun 2013 sebelum menyertai Kumpulan FGV sebagai Timbalan Presiden Pelaburan, Pemasaran, Logistik dan Lain-lain pada tahun 2014.

Seterusnya, beliau dilantik sebagai Eksekutif Timbalan Presiden bagi Kluster Hiliran Sawit di FGV Holdings Berhad pada tahun 2016 dan menjadi Ketua Bahagian Logistik setahun kemudian. Beliau kemudian dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi bagi Logistik & Lain-lain pada tahun 2018 dan sebagai Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Logistik & Lain-lain pada Disember 2020.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada



SYED FEIZAL SYED MOHAMMAD

Ketua Pegawai Eksekutif MSM Malaysia Holdings Berhad

56
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

1 Februari 2021

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Eksekutif), Charles Sturt University, Australia
- Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Elektrikal, University of Nebraska, Lincoln, USA
- Ahli Institusi Pengarah Korporat Malaysia

Pengalaman

Dengan lebih daripada 32 tahun pengalaman dalam syarikat multinasional dan konglomerat tempatan, Syed Feizal pernah berkhidmat dalam pelbagai sektor korporat dan perniagaan termasuk kejuruteraan dan pembinaan fasiliti minyak dan gas, petrokimia dan pelantar pemprosesan industri, penerokaan & pengeluaran, infrastruktur (air, kenderaan dan kuasa) dan perdagangan agro dan komoditi industri (minyak kelapa sawit, getah, beras dan gula) dan hidrokarbon. Pengalaman beliau dalam pelbagai projek mega berkaitan konsensualisasi dan pembangunan merangkumi beberapa negara dan rantau termasuk Asia Pasifik, Asia Selatan dan Timur Tengah.

Sebelum ini, Syed Feizal pernah memegang beberapa jawatan kepimpinan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Eksekutif Projek Tajaan dan peranan Ahli Lembaga Pengarah dalam menguruskan organisasi besar yang merangkumi lebih 3,000 pekerja dalam Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kanan Eksekutif mengawasi lebih daripada 7,000 pekerja di Asia Pasifik dengan lebih daripada 15 anak syarikat di sekitar China, Asia Tenggara dan Australia.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan



SITI NORBAYA MOHAMMAD SARIF

Ketua Pegawai Sumber Manusia

56
tahun

Wanita



Pelantikan jawatan

14 Oktober 2019

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Pembangunan Sumber Manusia, University of Hull, UK
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Arkansas State University (ASU), USA
- Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan (Sumber Manusia) Pengurusan Perniagaan & Sumber Manusia, ASU

Pengalaman

Siti Norbaya mempunyai 30 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan sumber manusia (HR) dan pernah berkhidmat dalam beberapa syarikat pelbagai industri. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1990 sebagai Eksekutif Sumber Manusia & Pentadbiran di PLUS Berhad, sebelum memegang jawatan sebagai Pengurus Sumber Manusia di Sony Technology Malaysia pada tahun 1993.

Beliau merupakan Pengurus Kanan Sumber Manusia di Ericsson Mobile Communications Sdn. Bhd. daripada tahun 2000 sehingga Jun 2001, dan di Flextronics Technology Shah Alam Sdn. Bhd. daripada Julai 2001 sehingga Januari 2003. Beliau kemudian berkhidmat di Gamuda Group of Companies selama tiga (3) tahun sebelum dilantik menjadi Pengurus Besar Sumber Manusia di Schenker Logistics Malaysia pada Oktober 2004.

Beliau dilantik menjadi Pengarah Pengarah Sumber Manusia bahagian operasi Malaysia Western Digital (M) Sdn. Bhd. pada Mei 2007. Sebelum menyertai FGV Holdings Berhad, beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Sumber Manusia Negara di Freescale (M) Sdn. Bhd. di bawah kumpulan NXP BV.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada



DATO' NAJMUDDIN ABDULLAH

Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan

52
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

2 Mac 2020

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Seni dalam Ekonomi, University of Toledo, Ohio, USA
- Sarjana Muda Seni dalam Ekonomi, University of Toledo, Ohio, USA
- Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Teknologi MARA

Pengalaman

Dato' Najmuddin memulakan kerjayanya di Malaysians Resources Corporation Berhad pada tahun 1997, sebelum menjadi Pengurus Penyunting & Ketua Bahagian Berita NTV7 antara tahun 2001 ke 2005. Pada tahun 2006, beliau dilantik menjadi Ketua Bahagian Pemasaran di TH Properties Sdn. Bhd. Beliau kemudian menyertai Celcom Axiata Berhad sebagai Timbalan Presiden Komunikasi Korporat pada tahun 2008.

Seterusnya beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kontena Nasional Global Logistics Sdn. Bhd. pada tahun 2010 sebelum menyertai Malaysia Airlines pada tahun 2013 sebagai Timbalan Kanan Presiden dan Ketua Bahagian Komunikasi Strategik.

Sebelum menyertai FGV Holdings Berhad pada Mac 2020, beliau merupakan Pengarah Komunikasi Strategik & Hubungan Pihak Berkepentingan di Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. dari September 2015 sehingga Februari 2020. Beliau memegang jawatan sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dari Disember 2018 sehingga Januari 2019. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjut di Columbia Business School, New York, USA dan Accelerating Your Impact Programme for High-Potential Leaders di The Wharton School, University of Pennsylvania, USA.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan



VINCENT CHUI TEE SUAN

Ketua Pegawai Produk Pengguna

52
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

16 Julai 2020

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Muda Sains (Hons.) Farmakologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Pengalaman

Vincent mempunyai 30 tahun pengalaman dalam pemasaran dan pengurusan produk khususnya dalam industri pemakanan dan minuman, bukan makanan, kewangan dan telekomunikasi. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1993 sebagai Eksekutif Pentadbiran dan Jualan di Herbal Link (M) Sdn. Bhd. Antara tahun 1995 ke 2000, beliau merupakan Pengurus Produk di Fonterra Brands (M) Sdn. Bhd. selama dua tahun sebelum menyertai The Boots Company (Far East) Pte Ltd. Beliau kemudian menyertai S.C. Johnson & Son (M) Sdn. Bhd. pada tahun 2000 selama enam tahun menguruskan pemasaran produk pengguna di Malaysia dan Singapura. Sepanjang tempoh khidmat, beliau berjaya menguruskan barangan rumah berjenama seperti Anlene, Optrex, Glade, Baygon dan lain-lain.

Pada tahun 2006, beliau dilantik sebagai Pengurus Kanan/ Ketua Bahagian Penggunaan 3G, Perayauan & IDD di Maxis Communications Bhd. memantau Pemasaran Jenama Maxis Pascabayar. Beliau berperanan dalam memperkenalkan servis 3G kepada pengguna, penjualan silang dan penjualan ke atas bagi VAS dalam segmen pascabayar dalam syarikat tersebut.

Seterusnya beliau menyertai Tune Money Sdn. Bhd. pada tahun 2007 sebagai Timbalan Presiden (Pemasaran) bagi khidmat kewangan, sekaligus pelopor di Malaysia dalam memperkenalkan produk insurans dan kad pra-bayar dalam talian terus kepada pengguna.

Beliau kemudian kembali kepada industri FMCG dengan menyertai Yeo Hiap Seng (Malaysia) Bhd. pada tahun 2009 selama lapan tahun sebagai Timbalan Presiden Pertama mengawasi pemasaran produk pengguna di Malaysia, Brunei dan Indonesia. Sepanjang tempoh khidmat, beliau memainkan peranan dalam menjadikan jenama Yeo's lebih relevan dan terbuka kepada golongan Gen Y atau milenial dengan produk bersasar dan kempen pemasaran. Sebelum menyertai FGV Holdings Berhad, beliau dilantik sebagai Pengarah Pemasaran di Lee Kum Kee (Malaysia) Sdn. Bhd. pada tahun 2017, berperanan menguruskan pemasaran serantau bagi produk pengguna di Asia Tenggara, India, Timur Tengah, dan Afrika dan menyumbang kepada mengembangkan perniagaan sos di Asia Tenggara.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada



ABDUL RAZAK AYA

Ketua Pertanian Bersepadu

50
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

1 Ogos 2019

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Sains (M.Sc.) dalam Pengurusan Perladangan
- Diploma Pertanian, Universiti Putra Malaysia

Pengalaman

Abdul Razak mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman terutamanya dalam strategik dan perancangan perniagaan, perladangan dan operasi ladang, bioteknologi, perincian pertanian, biosekuriti, pembangunan tanah ladang, dan juga pekerjaan keselamatan dan kesihatan. Beliau juga mempunyai pengalaman yang luas dalam industri penternakan lembu dan kambing, unggas, perikanan dan akuakultur, nanas, herba dan buah-buahan melalui penglibatan beliau dalam projek rantau ekonomi kerajaan.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1992 sebagai Eksekutif Teknologi Informasi di Creative Technology Computer Sdn. Bhd. Beliau kemudian menyertai Fakulti Perhutanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1993 sebagai Penyelidik Penderiaan Satelit sebelum menyertai Bahagian Pertanian Kerajaan Negeri Johor daripada tahun 1994 sehingga 1995.

Sebelum penggabungan Sime Darby, beliau telah dilantik sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan di Golden Hope Plantations Berhad pada tahun 1995 di mana beliau

berkhidmat selama 13 tahun. Seterusnya, beliau menyambung untuk menggalas portfolio yang sama pasca-gabung di syarikat yang dikenali sebagai Sime Darby Plantation Berhad sehingga tahun 2009.

Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Kanan Pertanian di Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) daripada tahun 2008 sehingga 2014 sebelum menyertai Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebagai Ahli Kekal Lembaga Gabenor sehingga 2016. Beliau kemudian berkhidmat sebagai Timbalan Presiden di Naza World Holdings Sdn. Bhd. pada tahun 2014, mengawasi Bahagian Agro dan Bio.

Sebelum menyertai FGV Holdings Berhad, beliau merupakan Pensyarah Tambahan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2019.

Beliau juga menghadiri Executive Leadership Programme di Bond University, Gold Coast Australia, Business Strategy and Supply Chain Management Programme di National University of Singapore dan Plantation Management Programme di Golden Hope Academy, Carey Island.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan



WAN NORMAN NASIR

Ketua Tadbir Urus Kumpulan & Pengurusan Risiko

48
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

1 Mei 2019

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Nottingham University Business School, UK
- Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian), King's College London, UK

Pengalaman

Wan Norman memiliki lebih daripada 15 tahun pengalaman dalam pengurusan risiko dan dasar dalam industri kewangan. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Undang-undang di Petrolia Nasional Berhad pada tahun 1995 sebelum menyertai Arthur Andersen & Co pada tahun 1998 sebagai Perunding dalam Bahagian Kewangan Korporat & Penasihat.

Wan Norman menjadi Pengurus Bahagian Dasar & Portfolio di Citibank Berhad daripada tahun 2002, dan mempunyai tugas ringkas di Hong Leong Bank pada tahun 2004 sebagai Ketua Pengurusan Risiko Kredit. Pada tahun 2005, beliau kembali berkhidmat di Citibank, memegang jawatan sebagai Ketua Risiko Kad dan menguruskan portfolio tersebut sehingga menjadi yang terbesar dan terbaik dalam negara. Beliau kemudiannya meninggalkan Citibank pada tahun 2011 untuk menyertai Al Rajhi Bank Berhad sebagai Ketua Risiko Peruncitan sebelum dilantik menjadi Ketua Pegawai Risiko di FGV Holdings Berhad pada tahun 2015. Peranan beliau dikembangkan bagi merangkumi fungsi tadbir urus apabila dilantik sebagai Ketua Tadbir Urus Kumpulan & Pengurusan Risiko pada tahun 2019.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada



NURUL HASANAH AHAMED HASSAIN MALIM

Ketua Kelestarian Kumpulan

41
tahun

Wanita



Pelantikan jawatan

1 Mac 2019

Kelayakan akademik dan Professional

- Sijil dalam Continuing Professional Development Programme di University of Glasgow, Scotland
- LLM dalam Undang-undang Hak Asasi Manusia, University of Nottingham, UK
- LLB (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Pengalaman

Nurul Hasanah mempunyai 17 tahun pengalaman dalam hak asasi manusia, undang-undang, dan pembangunan dasar. Beliau pernah bersama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) selama 15 tahun di mana beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Perundangan pada tahun 2003. Beliau kemudiannya menjadi Ketua Bahagian Aduan & Pertanyaan pada tahun 2006 sebelum mengetuai Bahagian Pertanyaan Nasional selama dua (2) tahun pada tahun 2010. Sepanjang tahun 2013 ke 2015, beliau menjadi Ketua Bahagian Pembangunan Penyelidikan dan Dasar, sebelum dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kumpulan Dasar dan Undang-undang berfungsi pada tahun 2015.

Pada tahun 2018, beliau meninggalkan suruhanjaya tersebut bagi menyertai Earthworm Foundation (sebelum ini dikenali sebagai The Forest Trust), sebuah organisasi bukan berkeuntungan. Di Earthworm Foundation, beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Kanan Palm Programme untuk Persekitaran, Sosial dan Hak Asasi Manusia.

Beliau memperoleh British Chevening Scholarship pada tahun 2009 di mana beliau mendapat anugerah Master of Law in Human Rights daripada University of Nottingham, UK. Pada tahun 2006, beliau merupakan penerima British Chevening Fellowship Award dan pemegang sijil dalam Continuing Professional Development Programme daripada University of Glasgow, Scotland. Beliau juga merupakan alumni kepada International Visitors Leadership Programme di bawah Bureau of Education and Cultural Affairs di Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan



NOR MARHAMAH YAHYA

Penasihat Undang-undang Kumpulan

44
tahun

Wanita



Pelantikan jawatan

1 Ogos 2019

Kelayakan akademik dan Professional

- Sarjana Muda (Kepujian), Universiti Teknologi MARA

Pengalaman

Nor Marhamah mempunyai lebih daripada 18 tahun pengalaman sebagai peguam korporat dan komersial. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pembantu Undang-undang di Messrs. Bustaman pada tahun 2002 sebelum menjadi Rakan Kongsi di Messrs. M.Y. Nor & Partners di pertengahan 2006. Kemudian beliau meninggalkan pekerjaan itu pada tahun 2008 bagi menjadi Pengamal Undang-undang Dalaman di Astro Entertainment Sdn. Bhd. sebagai Eksekutif Kanan Undang-undang dan kemudian menjadi Pembantu Timbalan Presiden di MEASAT Broadcast Network Systems Sdn. Bhd.

Pada Oktober 2012, beliau menyertai FGV Holdings Berhad Bahagian Kumpulan Undang-undang sebagai Pengurus Kanan, dinaikkan pangkat ke Pengurus Besar pada tahun 2015 sebelum dilantik sebagai Penasihat Undang-undang pada Ogos 2019.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada



SHAHARIZAN YUNUS

Ketua Kesihatan, Keselamatan & Persekitaran Kumpulan

42
tahun

Lelaki



Pelantikan jawatan

15 November 2019

Kelayakan akademik dan Professional

- Sijil Pegawai Keselamatan dan Kesihatan serta Sijil Train the Trainer dari NIOSH
- Sarjana Muda Sains Marin, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengalaman

Shaharizan memulakan kerjaya sebagai Eksekutif Bahagian Keselamatan Pekerjaan di NIOSH Malaysia Sdn. Bhd. pada tahun 2002. Antara Mei 2004 dan Disember 2008, beliau bekerja di Gas Malaysia Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Gas Malaysia Sdn. Bhd.) dan KLCC Urusharta Sdn. Bhd. sebagai Eksekutif Kesihatan, Keselamatan, Persekitaran (HSE) dan Kualiti.

Kemudian beliau menyertai IGB Corporation Berhad pada Disember 2008 sebagai Pengurus Keselamatan & Kesihatan sebelum menjadi Penasihat Kesihatan Pekerjaan dan Keselamatan di ABB Malaysia Sdn. Bhd. pada Oktober 2010.

Seterusnya beliau dilantik sebagai Ketua HSE Negara oleh Lloyd's Register (LR) Malaysia & Brunei pada November 2011 sebelum berpindah ke RAPID Pengerang Project Package 14 sebagai Pengurus HSE pada Mei 2017. Beliau kemudian menyertai FGV Holdings Berhad sebagai Pengurus HSE Kumpulan pada Julai 2018 dan dinaikkan pangkat bagi mengetuai bahagian itu pada November 2019.

Beliau merupakan Juruaudit Dalaman Berkelayakan untuk QMS, EMS, OHSAS Management System dan berkelayakan pangkat Perak sebagai Pengarah Sistem Arahan Insiden.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan



ZALILY MOHAMED ZAMAN KHAN

Ketua Juruaudit Dalaman

54
tahun

Wanita



Pelantikan jawatan

1 Mac 2012

Kelayakan akademik dan Professional

- Ahli CPA Australia
- Juruaudit Dalaman Bertauliah bagi Institute of Internal Auditors Inc. (IIA), USA
- Sijil dalam Penilaian Kendiri Kawalan dianugerahkan oleh Institute of Internal Auditors Inc. (IIA), USA
- Sijil dalam Jaminan Pengurusan Risiko dianugerahkan oleh Institute of Internal Auditors Inc. (IIA), USA
- Sarjana Muda Perakaunan, University of South Australia

Pengalaman

Zalily merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Malaysian Institute of Accountants dan Ahli CPA Australia. Beliau mengorak langkah dalam kerjayanya sebagai Juruaudit Luaran di Arthur Andersen & Co pada tahun 1990 dan kemudiannya mengumpul lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam audit dalaman dan luaran merangkumi fungsi kewangan.

Beliau menyertai Sapura Telecommunications Bhd. pada tahun 1994 sebagai Pengurus Kewangan Kumpulan di mana beliau mengetuai fungsi kewangan empat anak syarikat yang terlibat dalam pengedaran empat jenama terbesar telefon bimbit dan alat komunikasi yang lain serta perkhidmatan alat kelui. Dalam syarikat itu, beliau terlibat dalam pengendalian sistem pengedaran secara pantas dan seterusnya mengetahui pelaksanaan sistem SAP bagi syarikat-syarikat di bawahnya.

Seterusnya beliau menyertai Golden Hope Plantations Berhad pada tahun 2000 sebagai Timbalan Pengurus Besar Bahagian Audit Dalaman di mana beliau juga mengawal Negara Properties Berhad, anak syarikat bersenarai Golden Hope Plantations dalam pembangunan harta tanah. Selepas penggabungan Golden Hope Plantations Berhad dengan Kumpulan Guthrie Berhad dan Sime Darby Berhad pada tahun 2007, beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden Kumpulan Bahagian Jaminan Korporat bagi Bahagian Perladangan di Sime Darby Berhad.

Beliau kemudian menyandang jawatan sebagai Pengurus Besar dan Ketua Audit Dalaman di Bousted Holdings Berhad meliputi fungsi audit dalaman bagi tiga buah syarikat daripada pelbagai industri, i.e. UAC Berhad dalam bahan binaan, Bousted Heavy Industries Berhad dalam pembuatan kapal dan Pharmaniaga Berhad dalam farmaseutikal. Beliau menyertai FGV Holdings Berhad pada tahun 2012 dan peranannya meliputi pengendalian audit dalaman bagi MSM Malaysia Berhad iaitu anak syarikat FGV yang terlibat dalam industri gula.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada



KOO SHUANG YEN

Setiausaha Syarikat

58
tahun

Wanita



Pelantikan jawatan

30 Jun 2014

Kelayakan akademik dan Professional

- Ahli Chartered Institute of Management Accountant, UK

Pengalaman

Koo Shuang Yen merupakan Akauntan Bersijil dan memiliki hampir 30 tahun pengalaman dalam kewangan, perakaunan dan amalan kesetiausahaan korporat termasuk pelbagai latihan korporat termasuk persenaraian, usaha sama dan penggabungan dan pembelian.

Beliau merupakan Setiausaha Syarikat Felda Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikatnya daripada tahun 1995 sehingga 2012. Dalam masa yang sama, beliau memegang beberapa jawatan dalam pelbagai syarikat di bawah naungan Kumpulan Felda Holdings Berhad. Koo merupakan Ketua Bahagian Kewangan di Felda Engineering Services Sdn. Bhd. daripada tahun 1991 sehingga 2006 dan Felda Enterprises daripada tahun 2007 ke 2008. Pada tahun 2009, beliau dilantik menjadi Akauntan Kumpulan Bahagian Hiliran di Felda Holdings Berhad dan kemudiannya menjadi Pengurus Besar Kanan Kumpulan Kewangan pada tahun 2011.

Seterusnya beliau dilantik sebagai Setiausaha Syarikat bagi MSM Malaysia Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikatnya pada tahun 2011, jawatan yang beliau sandang sehingga ke hari ini. Selepas penyenaraian FGV Holdings Berhad pada tahun 2012, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Unit Kluster & Perakaunan daripada tahun 2013 sehingga Ogos 2016, dan juga menjadi Ketua Unit Bajet daripada tahun 2015 sehingga Ogos 2016. Pada Julai 2016, beliau dilantik sebagai Naib Presiden Kanan bagi Presiden Kumpulan/Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif di FGV Holdings Berhad.

Keahlian Lembaga di Syarikat Awam lain:

- Tiada


TADBIR URUS KORPORAT

PENYATA TINJAUAN

"Lembaga Pengarah mendukung integriti dan ketelusan dalam kaedah tadbir urus FGV dan kendalian perniagaannya. Kami adalah Lembaga yang peka dan sedia menasihati serta komited berkhidmat demi kepentingan FGV. Keputusan yang kami buat adalah berdasarkan maklumat pakar, data yang kukuh, serta kefahaman mengenai risiko dan akibat. Segala isu dan kekurangan dilihat sebagai pengajaran bagi mendorong Kumpulan ke arah pertumbuhan yang progresif.

Lembaga Pengarah tidak akan bertolak ansur dalam sebarang keputusan yang berpihak kepada mana-mana individu dalam apa jua keadaan atau kegagalan mematuhi tanggungjawab undang-undang atau etika perilaku yang tinggi seperti yang telah dimandatkan."

DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
Pengerusi



Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat (CGOS) ini dihasilkan selaras dengan syarat-syarat yang berkaitan, garis panduan dan amalan keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017).

CGOS ini perlu dibaca bersama Laporan Tadbir Urus Korporat yang boleh didapati melalui laman web kami, www.fgyholdings.com.

ISI KANDUNGAN

Tinjauan Tadbir Urus

muka surat 194 - 195

Kepimpinan dan Keberkesanan

- Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kami
- Panel Penasihat Bebas
- Tanggungjawab, Pengawasan dan Kebebasan
- Aktiviti Lembaga Pengarah 2020
- Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah / Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah
- Induksi dan Pembangunan Profesional Berterusan
- Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan

muka surat 196 - 206

Kebertanggungjawaban

- Laporan Jawatankuasa Audit
- Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga

muka surat 207 - 218

Imbuan

muka surat 219 - 222

Libat Urus Bersama Pihak Berkepentingan Kami


muka surat 223 - 225

Integriti dalam Pelaporan Korporat

muka surat 226

Tinjauan Tadbir Urus

LEMBAGA PENGARAH DENGAN SUKACITANYA MELAPORKAN PENYATA TINJAUAN TADBIR URUS KORPORAT (CGOS) YANG MENYEDIAKAN RINGKASAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT FGV SELAMA TAHUN KEWANGAN 2020 DENGAN MERUJUK KEPADA TIGA (3) PRINSIP MCCG 2017:



Lembaga Pengarah mendukung pematuan piawai tadbir urus korporat yang tinggi bagi FGV mengekalkan pertumbuhan dalam persekitaran korporat yang berkembang pesat. Ini menjadi dorongan serta desakan terhadap lanskap perniagaan yang semakin kompetitif dan mencabar.

Sebagai syarikat senarai awam, FGV bertanggungjawab untuk menjayakan nilai kelestarian kepada pelbagai pihak berkepentingan. Ini sekaligus menjadikan Kumpulan bertanggungjawab dalam segala amalan tadbir urus korporat tanpa berkompromi dan akur terhadap permintaan pihak berkepentingan

LEMBAGA PENGARAH

Bilangan sembilan (9) ahli Lembaga Pengarah adalah bersesuaian dengan saiz dan kepelbagaian operasi Kumpulan FGV. Ia merupakan gabungan kemahiran yang baik di mana lima (5) pengarah bebas ini membawa nilai tambahan dalam bidang tertentu seperti perladangan (huluan), kewangan, tadbir urus korporat, pengurusan perniagaan, agronomi, perundingan, kelestarian dan hiliran. FGV juga telah melepasi cadangan 30% penyertaan wanita dalam Lembaga Pengarah.

Fokus utama Lembaga Pengarah dalam tahun ini adalah untuk meningkatkan langkah rancangan strategi FGV yang memberi fokus pada peningkatan operasi dan pengukuhan tadbir urus dan bertanggungjawab dalam menangani krisis COVID-19. Pelaksanaan strategi perniagaan kami terus tercabar kerana ketidaktentuan yang berterusan kesan daripada pandemik COVID-19. Walaubagaimanapun, Lembaga Pengarah tetap yakin akan kekuatan rancangan strategik FGV dan kemampuan pengurusan untuk melaksanakannya dalam keadaan krisis.

Peranan Lembaga Pengarah adalah untuk mewujudkan nilai kelestarian jangka panjang untuk kepentingan pemegang saham dan pihak berkepentingan kami. Bagi mencapainya, ia sangat penting untuk kami mempunyai rangka kerja tadbir urus korporat yang mantap dan menyediakan sistem kawalan dan pemantauan bagi memastikan kebertanggungjawaban dan membuat keputusan yang tepat bagi Rancangan Perniagaan Kumpulan. Sebagai tambahan, Lembaga Pengarah juga melakukan semakan, kritikan yang membina serta meluluskan Rancangan Perniagaan keseluruhan Kumpulan.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

FGV telah mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan pindaan terbaharu terhadap Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 yang memberi tanggungjawab korporat ke atas syarikat sekiranya gagal untuk mencegah rasuah dan korupsi. Para Pengarah FGV telah diberi penerangan mengenai keperluan Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

BUDAYA KORPORAT

Lembaga telah menerapkan budaya dan nilai FGV bermula di peringkat atasan dengan penerapan nilai-nilai teras FGV: Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisme, Semangat (P.R.I.D.E.).

Salah satu teras strategik utama dalam Rancangan Perniagaan FGV adalah meningkatkan keupayaan modal insan untuk memacu perniagaan ke peringkat seterusnya. Kewujudan budaya korporat memerlukan bakat yang berkemampuan untuk menerapkan dan memperamerkan nilai-nilai teras FGV P.R.I.D.E.

Dalam usaha untuk membina organisasi yang berprestasi tinggi, Kumpulan telah melaksanakan penggunaan nilai-nilai teras PRIDE ke dalam Kerangka Kompetensi Kepemimpinan untuk Sistem Pengurusan Prestasi (PMS) 2020 di mana demonstrasi kecekapan, tingkah laku dan nilai kepemimpinan menyumbang kepada 40% daripada Skor PMS.

Budaya korporat ini diharapkan dapat membantu Kumpulan FGV memperkukuhkan amalan tadbir urus korporatnya dan memacu tingkah laku yang sejajar dengan tujuan, nilai dan strategi FGV.

KERANGKA TADBIR URUS DAN INTEGRITI

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengkaji keperluan dan integriti maklumat dalam pengurusan dan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Ini bagi memastikan rangka kerja tadbir urus dan integriti yang sedia ada dapat memantau proses tadbir urus supaya ianya selari dengan amalan terbaik dan kawalan selia yang disarankan oleh pihak luar.

Sebagai syarikat yang disenaraikan, FGV terus menerapkan kerangka tadbir urus dan integriti termasuk kepatuhan kepada keperluan yang mengatasi segala kepentingan. Oleh itu, kami telah menggunakan pendekatan integrasi bagi keseluruhan kumpulan sebagai usaha untuk meningkatkan dan mengukuhkan struktur dan proses tadbir urus di seluruh Kumpulan termasuk semua subsidiari. Kami juga akan berterusan menilai amalan tadbir urus mengikut keperluan semasa dan keperluan untuk megubahnya.

Kelestarian dianggap sebagai keutamaan tahap tertinggi bagi FGV. Oleh itu, Lembaga Pengarah telah menubuhkan Panel Penasihat Bebas (IAP) pada tahun 2019 yang terdiri daripada pakar global yang berperanan untuk memberi pandangan kepada Lembaga Pengarah mengenai piawai dan keberkesanan pengurusan kelestarian bertaraf dunia, terutama berkaitan dengan perakuan RSPO, hak asasi manusia dan pemeliharaan alam sekitar. Perincian inisiatif kelestarian FGV terdapat di Bahagian 4 laporan ini.

LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

FGV kerap berkomunikasi bersama pihak berkepentingan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka. Kami juga komited untuk memperkukuhkan hubungan bersama pihak berkepentingan dalam usaha untuk memenuhi keperluan dan berterusan menghasilkan nilai di dalam perjalanan kelestarian kami.

Mengekalkan komunikasi bersama semua pihak berkepentingan terus menjadi fokus utama Lembaga Pengarah. Melalui Surat daripada Pengerusi kepada pemegang saham, media siaran dan pihak berkepentingan, kami akan memastikan semua pihak berkepentingan mengambil maklum tentang perubahan strategik FGV ke arah menjadi peneraju kepada perniagaan agri di dunia. Mesyuarat Agung Tahunan juga menyediakan peluang utama kepada para pemegang saham untuk berkomunikasi bersama kami.

Maklumat lebih lanjut mengenai libat urus bersama pihak berkepentingan boleh didapati di muka surat 82 hingga 84 dan muka surat 223 hingga 225 laporan ini.

PENERAPAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2017 (MCCG 2017)

Untuk TK2020, FGV telah menerapkan prinsip dan amalan MCCG 2017 dan juga melaksanakan Amalan Yang Dipertingkatkan (*Step Up*), dengan pengecualian kepada Amalan 12.1, Amalan Yang Dipertingkatkan 7.3 dan Amalan Yang Dipertingkatkan 8.4. Sila rujuk muka surat 259 hingga 261 laporan ini.

Amalan Yang Dipertingkatkan 7.3

Syarikat-syarikat digalakkan untuk menzahirkan sepenuhnya imbuhan terperinci setiap ahli pengurusan kanan dan nama-nama mereka

Amalan Yang Dipertingkatkan 8.4

Jawatankuasa Audit hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas sahaja

Amalan 12.1

Notis Mesyuarat Agung hendaklah diberikan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya 28 hari sebelum tarikh mesyuarat

Mengambil maklum pengumuman berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan Malaysia untuk membendung penularan COVID-19, Nota Panduan Suruhanjaya Sekuriti berkaitan Tatalaku Mesyuarat Agung bagi Syarikat Tersenarai dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan para pemegang saham, FGV telah melaksanakan Amalan 12.3 dengan mengguna pakai kemudahan teknologi sebagai medium untuk penyertaan jarak jauh dan pengundian secara atas talian untuk Mesyuarat Agung Tahunan secara maya pada 19 Jun 2020. Maklumat lengkap berkaitan penerapan prinsip dan amalan MCCG 2017 dan Amalan Yang Dipertingkatkan boleh didapati dalam Laporan Tadbir Urus Korporat Kami, yang terdapat di laman web kami.



www.fgvholdings.com

PENGIKTIRAFAN

Komitmen FGV untuk mematuhi ketelusan dan kebertanggungjawaban piawai yang tinggi telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. Pada tahun ini, FGV telah memenangi anugerah Tadbir Urus Korporat Terbaik (Malaysia) dari *World Finance*, sebuah majalah perniagaan yang berpusat di London yang mempunyai jangkauan global.

Bagaimana Kami Ditadbir: Kepimpinan & Keberkesanan

KERANGKA TADBIR URUS DAN INTEGRITI FGV

PERANAN PENGAWASAN & SEMAKAN PENGURUSAN

LEMBAGA PENGARAH UTAMA

- Piagam Lembaga
- Tatacara Perniagaan
- Tataetika dan Tatakelakuan

JAWATANKUASA LEMBAGA

- Bidang Tugas


PANEL PENASIHAT BEBAS

PENGAWASAN TADBIR URUS

JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN

PENGURUSAN ATASAN

- GCEO
- GCFO
- Ketua Sektor
- Ketua Pusat Korporat



>>>

JAMINAN TADBIR URUS

>>>

PROSES & KAWALAN TADBIR URUS

KORPORAT

PENGAWAL SELIA
LUARAN & AMALAN
TERBAIK

SYARIKAT BERDAFTAR

- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Akta Syarikat 2016

SYARIKAT PERLADANGAN

- Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC)
 - Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO)
- Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO)

SYARIKAT SENARAI AWAM

- Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities)
 - Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (Keperluan Penyenaraian)
- MCCG 2017

SOKONGAN



KEPERLUAN TADBIR URUS

PANEL PENASIHAT BEBAS

Lembaga Pengarah FGV telah meluluskan penubuhan IAP pada bulan November 2019. IAP melapor terus kepada Lembaga Pengarah, dan memberikan cadangan serta panduan dalam mencapai hasrat FGV untuk menjadi peneraju kecekapan dalam tadbir urus korporat dan amalan perniagaan yang mampan. Peranan penasihat IAP akan melengkapkan usaha sedia ada FGV bagi memenuhi komitmennya sebagai entiti korporat yang bertanggungjawab.

- **Dato' Seri Ahmad Johan bin Mohammad Raslan**
Pengerusi Bebas
- **Datuk Dr Glen Reynolds**
Ahli Bebas
- **Rikke Jarvard Netterstrom**
Ahli Bebas
- **Datuk Wira Azhar Abdul Hamid**
Ahli Bukan Bebas
- **Dato' Yusli Mohamed Yusoff**
Ahli Bukan Bebas

Mesyuarat diadakan pada TK2020

- Tiga (3) mesyuarat rasmi IAP
- Empat (4) pertemuan dengan Lembaga Pengarah terpilih
- Enam (6) mesyuarat di antara Anggota Bebas IAP
- 16 mesyuarat dengan anggota Pengurusan Kanan yang terpilih

Senarai Laporan yang dihantar kepada Lembaga Pengarah

- Pandangan Bebas daripada Ahli Panel mengenai tindakan undang-undang terhadap RSPO, bertarikh 30 Julai 2020
- Cadangan oleh IAP, bertarikh 29 Ogos 2020
- Projek FGV di India - Nasihat Ahli Panel Bebas IAP, bertarikh 22 Oktober 2020
- Isu WRO CBP AS - Nasihat Ahli Panel Bebas IAP, bertarikh 3 November 2020

Perkara Utama Dibincangkan

- Strategi FGV, potensi pasaran baharu dan usaha transformasi
- Keberkesanan, risiko dan jurang dalam inisiatif kelestarian FGV dan peluang untuk dimanfaatkan
- Strategi Budaya dan Kemanusiaan
- Struktur tadbir urus, risiko dan pematuhan serta amalan terbaik
- Membangunkan mekanisme pendedahan maklumat yang tulus untuk Kumpulan
- Memperkukuhkan kebebasan Audit Dalaman dan perlindungannya
- Peluang untuk pelaporan perniagaan yang lebih baik

Bagaimana Kami Ditadbir: Kepimpinan & Keberkesanan

TANGGUNGJAWAB, PENGAWASAN DAN KEBEBASAN

PIAGAM LEMBAGA

Piagam Lembaga menetapkan peranan, komposisi dan tanggungjawab Lembaga Pengarah FGV. Ini juga merangkumi nilai, prinsip dan etos bagi keutamaan syarikat.

Piagam Lembaga bertujuan untuk membimbing Lembaga Pengarah FGV dalam peranannya sebagai pengelola Kumpulan berdasarkan Keperluan Penyenaraian Bursa Securities dan Akta Syarikat 2016. Di samping itu, ianya penting bagi tujuan penerapan amalan dan panduan daripada MCCG 2017, Panduan Tadbir Urus Korporat 2017 Bursa Securities, serta peraturan dan undang-undang lain termasuk amalan terbaik yang mengikut perubahan semasa.

Piagam Lembaga dikaji semula pada 17 November 2020 untuk mengubah syarat-syarat garis panduan baharu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengenai peranan para Pengarah syarikat tersenarai dan anak syarikatnya.

Piagam Lembaga boleh didapati melalui laman web kami, www.fgvholdings.com.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk keseluruhan urusan perniagaan Kumpulan dan mempunyai kuasa dan tugas yang dinyatakan dalam Piagam Lembaga. Secara amnya, Lembaga Pengarah:

1. Mengkaji dan melaksanakan Pelan Strategik yang mampan untuk perniagaan Kumpulan.
2. Memantau pengendalian perniagaan Kumpulan.
3. Mengenal pasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman dan langkah-langkah mitigasi yang sesuai.
4. Mengkaji perancangan penggantian, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Utama.
5. Memantau perkembangan dan pelaksanaan program Hubungan Bersama Pelabur dan Dasar Komunikasi Pemegang Saham.
6. Mengkaji kesediaan dalam integriti sistem maklumat pengurusan dan kawalan dalaman Kumpulan termasuk sistem untuk mematuhi undang-undang yang berkaitan, peraturan, arahan, panduan, kerangka tadbir urus dan integriti.

Butiran lanjut mengenai peranan dan tanggungjawab Lembaga dinyatakan dalam Piagam Lembaga Pengarah yang terdapat di laman web kami, www.fgvholdings.com.

PIAWAI ETIKA FORMALISASI

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah memantau segala prinsip etika seperti yang terkandung dalam Kod Etika dan Kelakuan FGV (CoEC) dan Kod Amalan Perniagaan FGV (CoBP) bagi Pengarah. Pihak pengurusan CoEC dan CoBP telah menggariskan piawai etika tingkah laku yang diharapkan dari semua Pengarah Kumpulan FGV. Semua Pengarah telah memberikan komitmen mereka dalam mematuhi Pengarah CoEC dan CoBP melalui perisytiharan yang ditandatangani. Pengurusan CoEC dan CoBP telah disediakan untuk setiap Pengarah dan boleh didapati di laman web kami. FGV juga mempunyai Kod Tata Laku dan Etika Perniagaan untuk kakitangan.

PERKARA YANG DIKHUSUSKAN BAGI PERTIMBANGAN LEMBAGA

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab bersama untuk mempamerkan kelestarian jangka panjang dan kejayaan Kumpulan dengan memberikan kepimpinan keusahawanan dalam kerangka kawalan yang berhemah dan berkesan. Dengan cara ini, Lembaga Pengarah akan terikat kepada piawai integriti dan etika yang tinggi. Perkara yang dihususkan untuk pertimbangan dan keputusan oleh Lembaga Pengarah termasuklah:

1. Perkara berkaitan pelantikan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga, GCEO dan Pengurusan Kanan Utama.
2. Perkara berkaitan imbuhan untuk Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, GCEO dan Pengurusan Kanan Utama.
3. Perkara berkaitan rancangan strategik, pelaburan, penyahlaburan, perwakilan pihak berkuasa dan sebarang perubahan besar dalam arah strategik Kumpulan.
4. Perkara berkaitan belanjawan tahunan, Penyata Kewangan, Keputusan Kewangan Suku Tahunan, dividen, perkara yang berkaitan dengan pengurusan risiko dan kawalan dan keputusan kewangan.

HAD KUASA

Lembaga Pengarah telah memberi kuasa kepada Jawatankuasa Lembaga dan GCEO selari dengan Piagam Lembaga yang jelas dinyatakan dalam Had Kuasa Kumpulan (LOA) yang diluluskan. Had ini menetapkan kerangka kerja kuasa dan kebertanggungjawaban yang baik dalam Kumpulan, termasuk pemisahan tugas, yang memudahkan pengambilan keputusan yang cepat, efektif dan berkualiti pada tahap yang sewajarnya dalam hierarki Kumpulan.

TANGGUNGJAWAB, PENGAWASAN DAN KEBEBASAN

JAWATANKUASA LEMBAGA

Walaupun Lembaga Pengarah mempunyai perkara-perkara penting yang dikhususkan untuk diputuskan oleh mereka, Lembaga melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan mewakilkan kepada Jawatankuasa Lembaga.

Semua Jawatankuasa Lembaga beroperasi menurut Bidang Tugas yang jelas, terutamanya untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan tanggungjawabnya sementara tanggungjawab utama untuk keputusan akhir tertakluk sepenuhnya pada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Lembaga memberikan fokus yang lebih besar pada bidang-bidang utama dengan membuat kajian yang lebih mendalam, sehingga memperoleh pemahaman dengan lebih terperinci.

Lembaga mempunyai lima (5) Jawatankuasa Lembaga utama seperti berikut:

1. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan;
2. Jawatankuasa Audit;
3. Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga;
4. Jawatankuasa Pelaburan; dan
5. Jawatankuasa Tender Lembaga.

Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan, Laporan Jawatankuasa Audit dan Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga boleh didapati di muka surat 204 hingga 218 laporan ini.

Jawatankuasa Pelaburan ditugaskan untuk memastikan pelaburan yang dilakukan sejajar dengan objektif, visi dan kecenderungan risiko keseluruhan Kumpulan sementara Jawatankuasa Tender Lembaga ditugaskan untuk mengkaji, memantau dan mengesyorkan kepada Lembaga tentang perkara-perkara penting yang berkaitan dengan perolehan Kumpulan selaras dengan Had Kuasa Kumpulan FGV yang ada.

Semua pertimbangan dan keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Lembaga didokumenkan dan dicadangkan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga sebelum dikemukakan sebagai kertas Lembaga untuk perbincangan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Ketua bagi setiap Jawatankuasa Lembaga akan memberikan laporan mengenai kegiatan Jawatankuasa mereka pada mesyuarat Lembaga Pengarah berikutnya, dan saranan dari mesyuarat tersebut akan disampaikan kepada Lembaga Pengarah jika perlu.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN (GCEO)

Lembaga Pengarah menyemak kuasa dan Bidang Tugas Jawatankuasa Lembaga dari semasa ke semasa untuk memastikan kaitannya.

Bidang Tugas Jawatankuasa Lembaga (Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan, Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga, Jawatankuasa Tender Lembaga dan Jawatankuasa Pelaburan) terdapat di laman web kami, www.fgvholdings.com.

Komposisi Jawatankuasa Lembaga dan rekod kehadiran mereka boleh didapati di muka surat 165 laporan ini.

Lembaga Pengarah mewakili pelaksanaan strategi, operasi dan pengurusan harian Kumpulan kepada GCEO. GCEO melapor terus kepada Lembaga Pengarah.

GCEO bertanggungjawab untuk melaksanakan program bagi mencapai matlamat dan visi Syarikat dan Kumpulan untuk masa depan, sesuai dengan strategi, kecenderungan risiko, dasar, program dan keperluan prestasi yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Objektif utama GCEO adalah untuk mencari dan mencapai kejayaan berterusan Kumpulan dengan bertanggungjawab terhadap semua aspek pengurusan pembangunannya. GCEO sangat penting dalam membimbing Kumpulan untuk mengembangkan cara baru dan imaginatif untuk menjalankan perniagaan yang dikendalikan dengan baik dan harus mempunyai pengetahuan dalam industri dan kredibiliti untuk memenuhi peranan tersebut.

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas antara Pengerusi Lembaga dan GCEO.

Maklumat lengkap mengenai tanggungjawab Pengerusi dan GCEO dinyatakan dalam Piagam Lembaga yang terdapat di laman web kami, www.fgvholdings.com.

JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN

Sebagai tambahan kepada peranan Jawatankuasa Lembaga, Lembaga Pengarah juga telah menyerahkan beberapa tanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC). Ini termasuk hal-hal pentadbiran dan persetujuan perkara-perkara di mana Lembaga Pengarah telah meluluskan prinsip menyeluruh.



Komposisi Jawatankuasa Lembaga dan catatan kehadiran mereka boleh didapati di muka surat 165 laporan ini. Terma Rujukan mereka boleh didapati melalui laman web kami, www.fgvholdings.com.



Komposisi GMC dan perincian lengkap mengenai tugas dan tanggungjawab GMC dinyatakan pada muka surat 176 - 191 laporan ini.

Bagaimana Kami Ditadbir: Kepimpinan & Keberkesanan

AKTIVITI LEMBAGA 2020

AKTIVITI-AKTIVITI LEMBAGA PADA TAHUN INI

Aktiviti lembaga disusun untuk meluluskan, mengawasi, dan mendukung pengurusan eksekutif dalam melaksanakan strategi Kumpulan secara telus mengikut kerangka pelaksanaan. Perkara-perkara utama yang dipertimbangkan oleh Lembaga dan dibangkitkan kepada Lembaga pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

Strategi, Risiko dan Kelestarian

- Analisis Impak COVID-19.
- Pelan Pembangunan Strategik FGV.
- Anggaran TK2021 dan Pelan Strategik 3 tahun (Pelan Perniagaan) yang memfokuskan pada peningkatan operasi dan memperkukuhkan tadbir urus dan kebertanggungjawaban sejajar dengan status FGV sebagai syarikat tersenarai awam.
- Penunjuk Prestasi Utama (KPI) TK2020 untuk GCEO.
- KPI TK2020 untuk Pengurusan Kanan.
- Penyemakan semula struktur organisasi.
- Laporan suku tahunan mengenai risiko yang merangkumi 10 risiko teratas Kumpulan, Penyata Kecenderungan Risiko, risiko utama di luar daftar risiko, risiko projek, risiko baru muncul dan risiko reputasi.
- Laporan suku tahunan mengenai kelestarian terbaharu dan inisiatif utama.
- Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (CBP AS) Perintah Pelepasan Tahan (WRO) terhadap FGV, anak syarikatnya dan syarikat usaha sama mengenai produk sawit dan minyak sawit.
- Pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO).
- Laporan mengenai kebolehkasan buah tandan segar.

Pelaburan dan Penyahlaburan

- Rasionalisasi dan pelan tindakan untuk perniagaan bukan teras dan perniagaan tidak berprestasi.
- Penyahlaburan, pembubaran dan pengguguran perniagaan bukan teras dan perniagaan tidak berprestasi bagi syarikat subsidiari dan usaha sama.
- Perjanjian Usaha sama dan Memorandum Persefahaman.
- Penyusunan semula anak syarikat FGV
- Perniagaan pertanian bersepadu dan produk pengguna.
- Penilaian pernyataan minat oleh Perspective Land (M) Sdn. Bhd. untuk menjadi pemegang saham tunggal terbesar FGV melalui penyuntikan aset perladangan ke dalam FGV bagi pertimbangan saham.
- Penilaian dan pernyataan rasmi oleh FGV mengenai rancangan potensi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) untuk menamatkan Perjanjian Penyewaan Tanah (LLA).
- Tawaran Pengambilalihan Wajib Tanpa Syarat oleh FELDA melalui Maybank Investment Bank Berhad untuk memperoleh semua baki saham biasa dalam FGV (Saham FGV) (tidak termasuk saham perbendaharaan) yang belum dipegang oleh FELDA dan orang yang bertindak bersama dengannya termasuk semua Saham FGV di bawah Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) FGV dengan pertimbangan tunai sebanyak RM1.30 setiap tawaran saham.

Perancangan Penggantian, Pelantikan, Imbuhan dan Lain-lain

- Kerangka PMS yang dikemas kini - memasukkan nilai teras P.R.I.D.E ke dalam Kompetensi Kepimpinan di mana demonstrasi kecekapan, tingkah laku dan nilai kepimpinan yang diperlukan menyumbang 40% daripada Skor PMS (budaya korporat).
- Keberkesanan pengurusan prestasi - pengenalan maklum balas dan mekanisme bimbingan.
- Inisiatif penjimatan kos - pengurangan 20% yuran Lembaga dan elaun kereta Pengurusan Kanan dari Julai-Disember 2020 dan 6.67% pengurangan gaji pokok Pengurusan Kanan kerana cuti tanpa gaji dua hari sebulan dari Julai hingga Disember 2020.
- Imbuhan dan faedah pekerja Kumpulan FGV - rasionalisasi kos pekerja dan faedah perubatan (mengalihkan fokus pekerja daripada rawatan perubatan kepada pencegahan demi kesihatan dan kesejahteraan).
- Kajian Setaraf Sepenuh Masa (FTE).
- Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2020.
- Perancangan Penggantian Pengurusan Kanan.
- Penilaian Prestasi Lembaga / Penilaian Keberkesanan Lembaga.
- Penilaian tahunan mengenai kebebasan Pengarah Bebas.
- Penyemakan semula komposisi Jawatankuasa Lembaga.
- Pelantikan Pengarah yang dilantik oleh Kerajaan dan wakil Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas wakil Pemegang Saham Utama.
- Pelantikan semula Dato' Yusli Mohamed Yusoff sebagai Timbalan Pengerusi dan elaun bulanannya sebagai Timbalan Pengerusi.
- Pelantikan Calon Pengarah dalam Kumpulan FGV dan Calon Pengarah Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad dalam Kumpulan FGV.
- Pelantikan Pengurusan Kanan.
- Pemilihan semula Pengarah FGV.
- Bayaran tahunan untuk Jawatankuasa Lembaga dan Lembaga Pengarah.
- Pembayaran bonus prestasi dan pembayaran merit kepada pekerja dari Kumpulan FGV.
- Kenaikan gaji untuk pekerja Kumpulan FGV.
- Pelarasan gaji Pengurusan Kanan.
- Meletak saham terhad di bawah LTIP kepada Pengurusan Kanan.
- Meletak saham prestasi di bawah LTIP kepada pekerja Kumpulan FGV.

Tadbir Urus

- Pelaksanaan Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti mengenai tatalaku para Pengarah penerbit tersenarai dan anak syarikatnya.
- Penyemakan Piagam Lembaga FGV
- Penyemakan Bidang Tugas IAP dan kelulusan belanjawan bagi pembayaran yuran untuk anggota IAP serta semua perbelanjaan yang berkaitan dengan operasi IAP.
- Penyemakan Had Kuasa Kumpulan (LOA), Dasar Modal Insan Kumpulan, Dasar Pendedahan Maklumat, Dasar Kelestarian Kumpulan, Dasar Perolehan Kumpulan dan Dasar Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti Luar.
- Keberkesanan Dasar Pengurusan Dokumen Sulit.
- Pembentukan Dasar Penyertaan Tender Luar.
- Penyemakan Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah serta Pelan Pembangunan Tadbir Urus Korporat dan Integriti Perniagaan: Pelan Anti-Rasuah FGV.
Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga hanya terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif yang sebahagian majoritinya merupakan Pengarah Bebas. Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga adalah seperti berikut:

- **Berhubung dengan tadbir urus, etika dan integriti:**
 - Untuk mengarahkan dan menyelia perumusan kerangka kerja tadbir urus Kumpulan dengan tujuan untuk memupuk kesedaran etika dan tadbir urus selaras dengan kecenderungan risiko Lembaga Pengarah, berpanduan saranan MCG 2017.
 - Untuk mengarahkan dan menyelia perumusan dasar dan program Kumpulan untuk menyokong pelaksanaan kerangka kerja tadbir urus Kumpulan dan mengesahkan kerangka tindakan dan dasar untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
 - Untuk menyemak laporan tentang status dan ketersediaan prosedur berkaitan operasi dan anak syarikat Kumpulan dalam pelaksanaan dasar Kumpulan.
 - Untuk memantau status dan kemajuan perumusan dan pelaksanaan kerangka kerja tadbir urus berkaitan, rangka tindakan dan dasar; dan sewajarnya melaporkan status kepada Lembaga Pengarah untuk mencadangkan kelulusan dan/atau pindaan kerangka kerja tadbir urus, rangka tindakan dan dasar Kumpulan.
- **Berhubung dengan pengurusan risiko:**
 - Untuk mengarahkan dan menyelia perumusan kerangka kerja dan strategi keseluruhan pengurusan risiko Kumpulan, termasuk dasar, prosedur, sistem, keupayaan dan parameter untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko dalam memastikan kesesuaiannya dengan kedudukan dan perniagaan Kumpulan.
 - Untuk memberikan nasihat dan laporan kepada Lembaga Pengarah berkaitan keseluruhan kecenderungan risiko perniagaan, toleransi dan strategi dalam menguruskan risiko perniagaan.

- Untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah, risiko perniagaan utama dan mendapatkan kelulusannya terhadap pengurusan risiko perniagaan utama yang selaras dengan kecenderungan risiko Kumpulan.
- Untuk memantau keberkesanan dan kemajuan pengurusan risiko perniagaan utama dan sewajarnya melaporkan status risiko perniagaan utama kepada Lembaga Pengarah.
- Untuk mencadangkan kelulusan dan/atau pindaan terhadap kerangka kerja dan strategi pengurusan risiko Kumpulan, termasuk dasar, prosedur, sistem, keupayaan dan parameter yang berkaitan kepada Lembaga Pengarah.

- **Berkaitan dengan kelestarian:**

- Untuk mengarahkan dan menyelia perumusan strategi dan inisiatif kelestarian keseluruhan Kumpulan, termasuk prinsip dan dasar yang selaras dengan peraturan dan piawaian berkaitan.
- Untuk memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif kelestarian keseluruhan yang diluluskan oleh Kumpulan, termasuk prinsip dan dasar.
- Untuk menyemak Laporan Kelestarian atau Pernyataan Kelestarian atau maklumat yang mempunyai kesan utama terhadap kewangan dan/atau reputasi kepada Kumpulan, yang akan diterbitkan secara terbuka oleh Kumpulan atau dimasukkan ke dalam Laporan Bersepadu Tahunan Syarikat.
- Untuk mengatasi isu legasi kelestarian yang masih berterusan seperti RSPO dan Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat yang mempunyai kesan pada operasi perniagaan dan prestasi syarikat.

Komposisi Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga untuk TK2020, termasuk nama, jawatan (untuk Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah bagi menunjukkan sama ada Pengarah adalah bebas atau sebaliknya) berserta dengan jumlah mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga yang diadakan semasa TK2020 dan perincian kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga boleh didapati di muka surat 165 laporan ini.



Perincian lebih lanjut mengenai Bidang Tugas Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga boleh didapati di laman web kami www.fgvholdings.com. Laporan ini harus dibaca bersama dengan Laporan Tadbir Urus Korporat kami, juga tersedia di laman web kami.

Ringkasan Kerja Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga

Pada 2020, Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga melakukan aktiviti utama berikut dalam melaksanakan tanggungjawabnya:

| BIDANG TUMPUAN | PERKARA YANG DIPERTIMBANGKAN |
|--|---|
| Tadbir Urus, Etika dan Integriti | <ul style="list-style-type: none"> a. Semakan LOA Kumpulan, Dasar Modal Insan Kumpulan, Dasar Pendedahan Maklumat, Dasar Kelestarian Kumpulan, Dasar Perolehan Kumpulan dan Dasar Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti Luar. b. Menerima perkembangan mengenai Ikrar Integriti Dalam Talian yang dilancarkan di seluruh Kumpulan FGV termasuk jumlah responden. c. Memberi taklimat mengenai status pendedahan maklumat yang merangkumi jumlah kes, jenis kes, pelajaran yang dipelajari dan senarai penambahbaikan. d. Menilai keberkesanan Dasar Pengurusan Dokumen Sulit. e. Pembentukan Dasar Penyertaan Tender Luar. f. Semakan Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah serta Pelan Pembangunan Tadbir Urus Korporat dan Integriti Perniagaan: Pelan Anti-Rasuah FGV. g. Menerima pengemaskinian sorotan penting pertemuan antara SPRM dan Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus FGV. h. Menerima pengemaskinian analisis pematuan integriti 2019 dan tindakan yang disyorkan. i. Menyemak status pematuan terhadap MCCG 2017. j. Menyemak laporan mengenai aktiviti tadbir urus yang dirancang untuk tahun ini dan inisiatif yang sudah diselesaikan. |
| Pengurusan Risiko | <ul style="list-style-type: none"> a. Menilai dan membincangkan status risiko Kumpulan menerusi Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV yang merangkumi 10 risiko teratas Kumpulan, Pemantau Profil Risiko, risiko utama di luar daftar risiko -strategi, risiko reputasi dan risiko baru muncul, dan pengurusan risiko utama dan aktiviti tadbir urus. b. Menyemak laporan mengenai Analisis Impak COVID-19. c. Menyemak laporan mengenai aktiviti pengurusan risiko yang dirancang untuk tahun ini dan inisiatif yang sudah diselesaikan. |
| Kelestarian | <ul style="list-style-type: none"> a. Laporan suku tahunan mengenai perkembangan kelestarian dan inisiatif utama. b. Laporan mengenai Perintah Pelepasan Tahan (WRO) yang Dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat terhadap FGV, anak syarikatnya dan syarikat usaha sama terhadap produk sawit dan minyak sawit. c. Laporan mengenai pensijilan RSPO dan MSPO. d. Laporan mengenai kebolehkesanan sumber buah tandan segar. |
| Menyemak Penyata yang Disertakan dalam Laporan Bersepadu Tahunan FGV 2019 | <ul style="list-style-type: none"> a. Menyemak Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam, CGOS, Laporan Tadbir Urus Korporat dan Penyataan Kelestarian untuk disertakan dalam Laporan Bersepadu Tahunan 2019 FGV dan mencadangkan kelulusannya oleh Lembaga Pengarah. |

Urusan Utama Dilaporkan kepada Lembaga Pengarah

Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko melaporkan perkembangan kepada Lembaga Pengarah tentang perkara yang dianggap paling penting dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga serta cadangannya. Salinan minit yang disahkan bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dalam mesyuarat Lembaga Pengarah seterusnya. Antara perkara penting yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

| PERKARA PENTING | KAEDAH PERKARA INI DITANGANI OLEH JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA |
|---|---|
| 1 Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV | <ul style="list-style-type: none"> • Membincangkan risiko utama yang berkaitan dengan perniagaan dan operasi Kumpulan yang merangkumi 10 risiko dan mitigasi teratas Kumpulan. Memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai risiko yang memerlukan tambahan perhatian serta profil dan prospek risiko lazim. |
| 2 Laporan Analisis Impak COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> • Menyemak empat laporan dan membincangkan penilaian risiko dari empat perspektif: secara global, Malaysia, industri sawit dan operasi FGV; potensi kesan pandemik dan tindakan mitigasi. • Tahap potensi pendedahan risiko yang timbul daripada wabak pandemik global yang belum pernah terjadi sebelumnya. |

Bagaimana Kami Ditadbir: Kebertanggungjawaban

| PERKARA PENTING | KAEDAH PERKARA INI DITANGANI OLEH JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA |
|--|--|
| 3 Ikrar Integriti Dalam Talian | <ul style="list-style-type: none"> Disarankan kepada Pengurusan untuk mempertimbangkan pelaksanaan ikrar janji bebas rasuah bagi kakitangan setiap enam bulan melalui penyerahan dalam talian. |
| 4 Pendedahan Maklumat | <ul style="list-style-type: none"> Menyemak dan membincangkan bilangan kes pendedahan maklumat, mengikut kategori, cadangan dan pengajaran dari kes penyiasatan. Mengesyorkan semakan Dasar Pendedahan Maklumat yang diluluskan bagi memperkukuhkan mekanisme pendedahan maklumat dan proses yang berkaitan. |
| 5 Laporan Kelestarian Kumpulan | <ul style="list-style-type: none"> Membincangkan inisiatif utama kelestarian, dalam memperkukuhkan amalan buruh di FGV, progres pensijilan kelestarian (MSPO/RSPO), peningkatan inisiatif kebolehesanan FGV dan libat urus bersama pelbagai pihak berkepentingan termasuk pelanggan, pertubuhan masyarakat awam, agensi kerajaan, badan antarabangsa dan wakil masyarakat mengenai perkara yang berkaitan dengan kelestarian. Mengkaji Laporan Kelestarian FGV 2018/2019. |
| 6 Perintah Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (CBP AS) Perintah Pelepasan Tahan (WRO) terhadap minyak sawit dan produk minyak sawit yang dibuat oleh FGV, anak syarikatnya dan usaha sama | <ul style="list-style-type: none"> Meneliti WRO yang dikeluarkan oleh CBP AS terhadap produk sawit dan minyak sawit yang dibuat oleh FGV, anak syarikatnya dan usaha sama serta kesannya terhadap operasi FGV. Memantau secara ketat dan berusaha untuk berhubung dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dalam menangani masalah ini. Mencadangkan tindakan mitigasi dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Tenaga Kerja Asing, yang dipengerusikan oleh Pengerusi FGV bagi mengambil pendekatan holistik untuk menangani perkara yang berkaitan dengan tenaga kerja migran. |
| 7 Pensijilan RSPO dan MSPO | <ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan pendekatan praktikal untuk menangani isu yang dibangkitkan oleh badan pensijilan yang boleh menjejaskan langkah pensijilan RSPO dan MSPO. Memantau progres pensijilan bagi memastikan konsistensi dengan perancangan semasa. Mencadangkan pendekatan untuk mengatasi rintangan dalam program pensijilan bagi memastikan kemajuan dalam mencapai pensijilan RSPO dan MSPO. |
| 8 Kebolehesanan buah tandan segar (FFB) | <ul style="list-style-type: none"> Meneliti inisiatif kebolehesanan Kumpulan dan risiko yang berkaitan dengan sumber buah tandan segar. Berpandukan kepada tindakan mitigasi bagi mengurangkan risiko. Menyelia program pengesanan dan pemetaan risiko yang bertujuan mengenal pasti pembekal dan menyokong mereka dalam menangani ketidakpatuhan kelestarian dengan perhubungan secara kerap untuk memaklumkan komitmen FGV terhadap NDPE dan Dasar Kelestarian Kumpulan. Mencadangkan pentingnya berurusan dengan pembekal teratas FFB dan dalam usaha FGV mengurangkan risiko ketidakpatuhan kepada dasar dan prinsip kelestarian yang berkaitan. |
| 9 Dasar Kumpulan | <ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan semakan Kumpulan LOA, Dasar Modal Insan Kumpulan, Dasar Pendedahan Maklumat, Dasar Kelestarian Kumpulan, Dasar Perolehan Kumpulan dan Dasar Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti Luar bagi kelulusan Lembaga Pengarah. |
| 10 Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) | <ul style="list-style-type: none"> Menyemak Manual ABMS yang disemak semula dengan mempertimbangkan keperluan yang dinyatakan dalam ISO 37001: 2016 dan mencadangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Menilai Pelan FGV Anti-Rasuah FGV dan mencadangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. |

PENILAIAN PRESTASI



Pada tahun kewangan ini, Lembaga Pengarah menilai prestasi Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga dan takat pencapaian Bidang Tugas Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini merupakan sebahagian daripada penilaian tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah, berkaitan dengan penilaian Jawatankuasa Lembaga.

Laporan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 31 Mac 2021.

Bagaimana Kami Ditadbir: Imbuhan

IMBUHAN SAKSAMA DAN DIPERTIMBANGKAN

Imbuhan Pengarah

Selaras dengan amalan industri dan tindak balas terhadap wabak COVID-19, Lembaga Pengarah menunjukkan sokongan terhadap inisiatif kewangan dan atas cadangannya, sebulat suara bersetuju untuk menerima potongan 20% bagi yuran Lembaga mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020.

Ringkasan Dasar Imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif

Pakej imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif mencerminkan pengalaman, kepakaran dan tahap tanggungjawab yang digalas oleh Pengarah Bukan Eksekutif. Imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif termasuk yuran, manfaat barangan dan manfaat lain termasuk elaun mesyuarat.

Struktur yuran para Pengarah Bukan Eksekutif dinyatakan disenaraikan di bawah:

| LEMBAGA PENGARAH/ JAWATANKUASA LEMBAGA | YURAN TAHUNAN |
|---|---|
| Lembaga Pengarah | RM300,000.00 (Pengerusi) RM120,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif) |
| Jawatankuasa Audit | RM 64,000.00 (Pengerusi) RM 32,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif) |
| Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan | RM 35,000.00 (Pengerusi) RM 20,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif) |
| Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga | RM 32,000.00 (Pengerusi) RM 16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif) |
| Jawatankuasa Pelaburan | RM 32,000.00 (Pengerusi) RM 16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif) |
| Jawatankuasa Tender Lembaga | RM 32,000.00 (Pengerusi) RM 16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif) |
| Jawatankuasa Khas Lembaga | RM 36,000.00 (Pengerusi) RM 24,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif) |

Jawatankuasa Lembaga Khas 1 dibubarkan pada 24 Ogos 2020 dan tanggungjawabnya dipindahkan ke Jawatankuasa Audit.

Butiran manfaat Pengarah Bukan Eksekutif menurut struktur imbuhan (tidak termasuk Bayaran pengarah) dinyatakan di bawah:

ELAUN MESYUARAT

Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif

- **Tempatan:** RM2,000.00
- **Luar negara** (Masa penerbangan <= 8 jam): RM2,000.00
- **Luar negara** (Masa penerbangan > 8 jam): RM5,000.00
- **Telesidang:** RM1,000.00

MANFAAT LAIN

Pengerusi Bukan Eksekutif

- Elaun kereta syarikat (RM15,000.00 sebulan termasuk petrol, bayaran tol dan penyelenggaraan kereta)
- Pemandu (sebenar)
- Keahlian kelab (RM10,000.00 setahun)
- Bil telefon bimbit (sebenar)
- Hiburan peribadi (RM24,000.00 setahun)
- Satu (1) pengawal peribadi yang boleh dipilih oleh Pengerusi di Malaysia (sebenar)
- Perlindungan perubatan RM100,000.00 setahun
- Perlindungan insurans Kemalangan Diri Berkelompok sebanyak RM200,000.00 setahun

Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif

- Elaun (RM3,000.00 sebulan)
- Perlindungan perubatan RM100,000.00 setahun
- Perlindungan insurans Kemalangan Diri Berkelompok sebanyak RM200,000.00 setahun

Pengarah Bukan Eksekutif

- Perlindungan perubatan RM100,000.00 setahun
- Perlindungan insurans Kemalangan Diri Berkelompok sebanyak RM200,000.00 setahun

Bagaimana Kami Ditadbir: Imbuhan

Imbuhan Pengarah bagi TK2019 secara agregat daripada FGV dan Kumpulan, dengan pengkategorian mengikut komponen, membezakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dengan Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, dinyatakan di bawah:

| NAMA PENGARAH | YURAN TAHUNAN ¹ | | | |
|---|-----------------------------|-------------------------------|---|-----------------------------------|
| | LEMBAGA PENGARAH (RM) | JAWATANKUASA AUDIT (RM) | JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN (RM) | JAWATANKUASA PELABURAN (RM) |
| Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas | | | | |
| Datuk Wira Azhar Abdul Hamid | 270,000.00 | - | - | - |
| Dato' Shahrol Anuwar Sarman ³ | 11,733.33 | 3,934.00 | - | - |
| Dr. Zunika Mohamed ⁴ | 94,896.55 | - | 17,814.00 | - |
| Dato' Amiruddin Abdul Satar ⁵ | 17,548.39 | - | - | 2,929.00 |
| Mohd Hassan Ahmad ⁶ | 92,000.00 | 26,667.00 | - | - |
| Dato' Dr. Othman Haji Omar ⁷ | 90,709.68 | - | - | 13,115.00 |
| Dato' Dr. Noor Zari Hamat ⁸ | 7,096.77 | - | 1,202.00 | - |
| Pengarah Bukan Eksekutif Bebas | | | | |
| Dato' Yusli Mohamed Yusoff ⁹ | 108,000.00 | - | 35,000.00 | 16,000.00 |
| Datuk Mohd Anwar Yahya | 108,000.00 | 64,000.00 | - | - |
| Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi | 108,000.00 | - | - | 16,000.00 |
| Dr. Nesadurai Kalanithi | 108,000.00 | - | 20,000.00 | - |
| Datin Hoi Lai Ping | 108,000.00 | 32,000.00 | 20,000.00 | 32,000.00 |
| JUMLAH | 1,123,984.72 | 126,601.00 | 94,016.00 | 80,044.00 |

Nota:

1 Yuran tahunan tidak termasuk Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST).

2 Jawatankuasa Khas Lembaga 1 dibubarkan pada 24 Ogos 2020.

3 Dato' Shahrol Anuwar Sarman dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 17 November 2020.

4 Dr. Zunika Mohamed dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 10 Februari 2020.

5 Dato' Amiruddin Abdul Satar sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 26 Oktober 2020..

| | | | YURAN TAHUNAN DARIPADA ANAK SYARIKAT (RM) | FAEDAH BERBENTUK BENDA (RM) | FAEDAH LAIN (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|--------------------------------------|---------------------|---------------------|
| JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA (RM) | JAWATANKUASA TENDER LEMBAGA (RM) | JAWATANKUASA KHAS LEMBAGA ² (RM) | | | | |
| - | - | - | 131,250.00 | 73,347.23 | 202,000.00 | 676,597.23 |
| - | 1,967.00 | - | - | 1,053.00 | 5,000.00 | 23,687.33 |
| 14,251.00 | - | - | - | 1,053.00 | 23,000.00 | 151,014.55 |
| - | - | - | - | 1,053.00 | 4,000.00 | 25,530.39 |
| - | 13,333.00 | 15,541.00 | - | 1,053.00 | 24,000.00 | 172,594.00 |
| - | - | - | - | 1,053.00 | 16,000.00 | 120,877.68 |
| 962.00 | - | - | - | 1,053.00 | - | 10,313.77 |
| 32,000.00 | - | - | - | 1,053.00 | 68,903.23 | 260,956.23 |
| - | 16,000.00 | 23,311.00 | - | 1,053.00 | 35,000.00 | 247,364.00 |
| - | 32,000.00 | 15,541.00 | - | 1,416.00 | 28,000.00 | 200,957.00 |
| 16,000.00 | - | 15,541.00 | - | 1,053.00 | 33,000.00 | 193,594.00 |
| - | - | - | - | 1,053.00 | 44,000.00 | 237,053.00 |
| 63,213.00 | 63,300.00 | 69,934.00 | 131,250.00 | 85,293.23 | 482,903.23 | 2,320,539.18 |

6 Mohd Hassan Ahmad meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 31 Oktober 2020.

7 Dato' Dr. Othman Haji Omar meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 26 Oktober 2020.


8 Dato' Dr. Noor Zari Hamat berhenti menjadi Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 22 Januari 2020.

9 Dilantik sebagai Timbalan Pengerusi pada 2 Mac 2020.

Bagaimana Kami Ditadbir: Imbuhan

DASAR IMBUHAN PENGURUSAN KANAN

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan menyemak kerangka kerja imbuhan Pengurusan Kanan setiap tahun. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mengambil kira prestasi FGV untuk memastikan kemampunan pakej imbuhan dalam jangka masa panjang. Struktur imbuhan FGV terdiri daripada imbuhan tetap dan boleh ubah yang diukur rujuk berbanding dengan industri untuk menjamin keselarasan dan daya saing.



Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai prestasi GCEO, Setiausaha Syarikat dan Ketua Juruaudit Dalam. Prestasi Pengurusan Kanan lain dinilai oleh GCEO.

Secara umumnya, Bonus Prestasi Pengurusan Kanan ditentukan berdasarkan Kumpulan, Sektor, Bahagian dan prestasi individu. Berat relatif (%) perniagaan dan prestasi individu telah ditentukan berdasarkan kedudukan kakitangan di dalam Syarikat (garis pandang), untuk memberi kesan secara langsung dan dipertanggungjawabkan atas pencapaiannya dan prestasi keseluruhan Syarikat.

LTIP, berdasarkan mekanisme yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah kami pada bulan Februari 2016, dan peletakan hak saham, dalam tiga tahun berdasarkan nisbah 30:30:40, bergantung pada tahap prestasi pekerja. Sebanyak 2,901,400 saham diberikan kepada pekerja yang layak pada tahun 2020.

Dalam menyokong inisiatif kewangan dan tindak balas terhadap pandemik COVID-19, Pengurusan Kanan bersetuju untuk mengurangkan 20% elaun kereta Pengurusan Kanan dari Julai hingga Disember 2020 dan 6.67% pengurangan gaji pokok Pengurusan Kanan kerana cuti tanpa gaji dua hari sebulan dari Julai hingga Disember 2020.

Imbuhan Pengurusan Kanan Lima (5) Teratas bagi TK2020

| |
|--|
| Dato' Haris Fadzil Hassan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan |
| RM1,750,001 ke RM1,800,000 |
| Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan |
| RM1,400,001 ke RM1,450,000 |
| Syed Mahdhar Syed Hussain Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan |
| RM1,050,001 ke RM1,100,000 |
| Azman Ahmad Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Logistik & Lain-lain |
| RM950,001 ke RM1,000,000 |
| Dato' Khairil Anuar Aziz Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, MSM Malaysia Holdings Berhad (Berhenti berkhidmat berkuatkuasa 5 Oktober 2020) |
| RM850,001 ke RM900,000 |

Tadbir urus di FGV: Hubungan Dengan Pihak Berkepentingan Kami

LIBAT URUS PIHAK BERKEPENTINGAN

PENDEKATAN KAMI

FGV tetap teguh dalam komitmennya untuk memastikan semua pihak berkepentingan mengikuti perkembangan dalam Kumpulan, dan menyampaikan strategi kami yang membantu mewujudkan nilai.

Kami telah melaksanakan program komprehensif yang dipacu oleh pasukan Perhubungan Pelabur berdedikasi yang berusaha untuk mengekalkan dan mewujudkan dialog yang telus serta berterusan bersama para pemegang saham dan komuniti pelaburan. Ini disokong oleh Dasar Komunikasi Pemegang Saham FGV.

Dasar Pendedahan Korporat FGV menyediakan rangka kerja dan garis panduan yang sesuai untuk mentadbir penyiaran maklumat material dan sensitif supaya tidak mengelirukan pihak awam dan pemegang saham. Sebagai contoh, kami tidak akan mendedahkan maklumat yang sensitif terhadap harga atau yang boleh dianggap sebagai maklumat penting yang tidak diketahui sehingga maklumat tersebut telah didedahkan dengan betul ke domain awam.

Kami menjawab pertanyaan setiap hari dan telah menyediakan bahagian khusus di laman web kami yang memaparkan maklumat terkini, relevan dan mengandungi perihal yang boleh didedahkan. Semua hasil kewangan dan pembentangan korporat kami juga terdapat di laman web kami, www.fgvholdings.com.

MESYUARAT BERSAMA PELABUR

Kami mengadakan mesyuarat bersama pelabur institusi utama, kumpulan pemegang saham individu dan penganalisis kewangan untuk berkongsi pandangan mengenai strategi perniagaan kami dan juga untuk menerangkan prestasi perniagaan kami. Sesi ini telah dihadiri oleh GCEO, beberapa ahli Pengurusan Kanan dan pasukan Perhubungan Pelabur. Pelabur institusi juga bertemu dengan Pengerusi mengikut keperluan.

PERTANYAAN

Pertanyaan pelabur boleh diposkan ke alamat berikut, dan maklumat lanjut Perhubungan Pelabur terdapat di muka surat 12 laporan ini.

Fairul Nizam Che Rus

Ketua Perhubungan Pelabur
Tingkat 20, Wisma FGV
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Malaysia.

Kalendar Perhubungan Pelabur yang terperinci untuk tahun 2020 boleh didapati di laman web FGV di www.fgvholdings.com di bawah bahagian Hubungan Pelabur.

KALENDAR HUBUNGAN PELABUR 2020

JAN 07

Hari Korporat Malaysia
ke-12 CGS-CIMB 2020

FEB 28

Taklimat Penganalisa &
Media S4 TK2019

MEI 28

Taklimat Penganalisa &
Media S1 TK2019

JUN 19

Mesyuarat Agung Tahunan
ke-12 FGV

JUL 06

Maybank Kim-Eng
Invest ASEAN 2020
Minggu Malaysia

JUL 09

Mesyuarat dengan
Pemegang Saham Utama

JUL 15

Libat Urus Bersama Lembaga
Pengaroh FELDA

OGO 24

Taklimat Penganalisa &
Media S2 TK2019

DIS 21-22

Lawatan ladang - Estet
Maokil & Tembangau

NOV 19

Libat Urus Bersama Majlis
Pelabur Institusi Malaysia
(IIC)

NOV 17

Taklimat Penganalisa &
Media S3 TK2019

NOV 13

Mesyuarat dengan
Pemegang Saham Utama

OKT 02

Taklimat Penganalisa
tentang Perintah Pelepasan
Tahan (WRO) oleh Jabatan
Kastam dan Perlindungan
Sempadan Amerika
Syarikat (CBP AS) terhadap
FGV, anak syarikatnya
dan syarikat usaha sama
mengenai produk sawit
dan minyak sawit.

SEP 23

Mesyuarat dengan
Pemegang Saham Utama

SEP 18

Libat Urus Bersama
Pemegang Saham -
Kerajaan Negeri Pahang

Tadbir urus di FGV: Hubungan Dengan Pihak Berkepentingan Kami

BERKOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Ringkasan Minat Pelabur

Hasil daripada pelbagai libat urus yang dilakukan sepanjang tahun 2020, termasuk perbincangan secara maya yang disebabkan oleh sekatan pergerakan akibat pandemik COVID-19. Hubungan Pelabur mengenal pasti kebimbangan utama pihak berkepentingan yang diringkaskan seperti di bawah:

| BIDANG TUMPUAN | TINDAK BALAS FGV |
|---|--|
| Isu Kelestarian | <p>Dua isu kelestarian pada tahun 2020</p> <ol style="list-style-type: none"> Audit RSPO <ol style="list-style-type: none"> FGV mengemukakan rayuan terhadap Panel Pengaduan RSPO (CP) dengan arahan untuk menghentikan audit RSPO pada 13 Januari 2020, tetapi ditolak oleh CP atas alasan prosedur. FGV terus melaksanakan pelan tindakannya untuk menangani arahan CP pada 28 November 2018. Pengesahan Audit bermula pada 13 November 2020 tetapi lawatan tapak audit ditangguhkan kerana Perintah Kawalan Bersyarat (CMCO). WRO CBP AS terhadap produk sawit dan minyak sawit yang dibuat oleh FGV, anak syarikat dan usaha sama <ol style="list-style-type: none"> CBP mengeluarkan Perintah Pelepasan Tahan (WRO) untuk produk FGV dan Lembaga Pengarah FGV memberi respons terhadap langkah yang diambil seterusnya. <p>c. Untuk PT Temila Agro Abadi, FGV melantik juruukur tanah pihak ketiga bagi melakukan tinjauan tanah seperti yang diarahkan oleh CP. FGV juga melakukan latihan sosialisasi yang melibatkan masyarakat setempat.</p> |
| Penamatan LLA | <p>Ketika penamatan LLA diumumkan, FGV memaklumkan bahawa tiada surat bertulis rasmi diterima mengenai hal ini dan hanya akan membuat pengumuman setelah Kumpulan menerima surat bertulis rasmi tentang penamatan.</p> <p>Berkenaan dengan pampasan penamatan, Kumpulan menjangkakan nilai pampasan antara RM3.5 hingga RM4.3 bilion dan ini tidak termasuk operasi kilang.</p> |
| Prestasi operasi dan kewangan & COVID-19 | <p>Prestasi Operasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> FGV memberikan panduan operasi seperti jumlah BTS, hasil dan OER bagi tahun 2020. Panduan tersebut telah disemak dan dikongsi dengan penganalisis semasa pengumuman hasil suku tahunan. FGV menjangkakan harga Minyak Sawit Mentah (CPO) akan menjadi lebih baik pada sekitar RM2,400 hingga RM2,500 untuk tahun 2020, tetapi keuntungan diimbangi oleh kesan sela waktu disebabkan musim kemarau dan kesan COVID-19. Dengan Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) dan pengumuman penutupan sempadan oleh Kerajaan, perniagaan perladangan telah mengemas kini status tenaga kerja migran setiap suku tahun. <p>Prestasi kewangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> FGV melaporkan hasil suku tahunan kewangannya dengan penjelasan terperinci mengenai prestasi Kumpulan dan segmen perniagaan. Sebagai tambahan, Kumpulan telah memaklumkan mengenai potensi kerugian akibat pandemik COVID-19. Kumpulan juga telah memberi jaminan bahawa tidak akan ada penurunan besar pada tahun 2020 berserta status baki tunai dan kesetaraan. FGV mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 2020 secara maya dan berkomunikasi secara atas talian dengan penganalisis, pihak berkepentingan luar, pihak ketiga dan seumpamanya. Sepanjang tahun ini, tenaga kerja kami mematuhi arahan SOP Kerajaan. FGV juga melaksanakan dasar bekerja dari rumah selain menerapkan cara kerja yang menggunakan teknologi sedia ada di syarikat. |
| Pengambilalihan & Penggabungan | <ol style="list-style-type: none"> Ahli Lembaga Pengarah FGV menerima notis daripada Lembaga Pengarah FELDA memaklumkan bahawa mereka telah membuat perjanjian untuk memperoleh 13.88% kepentingan FGV. Ini meningkatkan pegangan saham FELDA kepada 35.12%. Ini membolehkan FELDA (bersama dengan pihak yang terlibat) untuk mengemukakan tawaran pengambilalihan wajib. Lembaga FGV berpendapat bahawa ini merupakan tindakan korporat oleh pemegang sahamnya. Oleh itu, Lembaga Pengarah akan tetap objektif dalam tindakannya dan akan mengikut proses yang sesuai bagi kepentingan terbaik pemegang saham minoriti. Lembaga Pengarah dan Pengurusan juga akan terus menjalankan tugas mereka seperti biasa sehingga pelaksanaan korporat ini selesai. FGV akan terus berusaha untuk mencapai hasil yang baik demi kepentingan semua pihak. |
| Strategi Pelan Perniagaan dan Penyahlaburan | <p>FGV mengumumkan progres bagi Strategi Pelan Perniagaannya semasa taklimat hasil suku tahunan seperti yang dinyatakan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pembelian saham utama Bright Cow dan strategi Kumpulan untuk pertanian bersepadu. Melancarkan tiga keperluan makanan penting di bawah jenama Beras SAJI, Gula SAJI dan Santan SAJI. Diberikan hak dalam lesen borong beras oleh Kementerian Industri Pertanian dan Makanan. Kilang susu segar baru dengan kapasiti 30,000 liter sehari dijadualkan lengkap pada suku pertama TK2021. Dua proses penyahlaburan yang telah selesai melibatkan Kao Malaysia dan FGV Cambridge Nanosystem dengan nilai yang dianggarkan sekitar RM57.2 juta. |

Libat Urus Lain Dengan Pihak Berkepentingan

TAKLIMAT HASIL SUKU TAHUNAN

FGV secara konsisten mengadakan taklimat dan/atau telesidang bersama penganalisis dan media perniagaan tentang Hasil Suku Tahunan kami. Dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO) dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO), platform ini membolehkan pemegang saham dan pihak berkepentingan memahami prestasi Kumpulan dengan lebih baik dan meminta penjelasan mengenai sebarang masalah, jika ada.

Pada tahun 2020, sebahagian besar libat urus dengan pihak berkepentingan dilakukan secara atas talian kerana sekatan pergerakan disebabkan oleh pandemik COVID-19.

LANAMAN WEB KORPORAT

Laman web korporat FGV di www.fgvholdings.com merangkumi profil korporat kami, pengumuman yang dibuat kepada Bursa Securities, ringkasan perkara penting yang dibincangkan di AGM, siaran akhbar, hasil kewangan, perubahan baru dalam pemegangan saham, pembentangan kepada pelabur, taklimat penganalisa, berita korporat dan maklumat Perhubungan Pelabur bagi membolehkan orang ramai untuk mengajukan sebarang pertanyaan. Laman web korporat dikemas kini secara berkala untuk memberikan maklumat terkini, lengkap dan komprehensif mengenai Kumpulan. Pada bulan Mac 2020, FGV telah melancarkan laman web korporatnya yang diperbaharui.

LIPUTAN MEDIA

Media adalah rakan perantara penting bagi FGV dan masyarakat. Ini memudahkan komunikasi dan penyebaran maklumat penting bagi menyiarkan aktiviti yang berkaitan dengan penciptaan nilai Kumpulan. Liputan media memberi peluang penilaian masyarakat terhadap FGV, dan memberi fungsi penting untuk memastikan masyarakat terlibat secara aktif dalam pencapaian Kumpulan.

Bagi FGV, setiap tindakan dan aktiviti yang dilakukan oleh Kumpulan dianggap sebagai maklumat bernilai dan respon yang diterima dapat menunjukkan sama ada ia bersifat positif atau sebaliknya. Kami juga menggunakan media cetak dan elektronik untuk menghantar siaran akhbar sekurang-kurangnya seminggu sekali, bagi membolehkan para pelabur dan orang ramai lebih memahami perniagaan Kumpulan dan cabaran yang dihadapi. Kami juga berkongsi berita di platform media sosial FGV seperti *Facebook*, *Instagram*, *LinkedIn* dan *YouTube* bagi mendapatkan jangkauan yang luas dari orang ramai. Perkongsian info di media sosial juga dilakukan sekurang-kurangnya empat hingga lima kali seminggu dan menawarkan pelbagai produk keluaran FGV bagi melibatkan mereka.

Di samping itu, Perhubungan Media juga memainkan peranan penting dalam memastikan liputan media yang positif dan konsisten. Membalas pertanyaan media merupakan elemen penting dalam memberikan maklumat dan penjelasan yang cepat dan tepat bagi pihak Kumpulan. FGV juga menjalin hubungan baik dengan media dalam memenuhi tarikh akhir yang diberikan, dan bersifat responsif dalam memberi maklumbalas pada hari yang sama atau sekurang-kurangnya dua hingga tiga hari sebagai amalan biasa.

Maklumat lebih lanjut mengenai libat urus bersama pihak berkepentingan boleh didapati di muka surat 82 hingga 84 laporan ini.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat agung menjadi wadah utama untuk interaksi dua arah secara langsung dan bertindak sebagai forum utama untuk dialog antara pemegang saham, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC).

Pada tahun 2020, oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan dan ketidakpastian untuk menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), FGV menghantar notis AGM dan pekeliling yang berkaitan kepada pemegang saham 21 hari sebelum tarikh AGM pada 28 Mei 2020. Notis AGM telah diiklankan di akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris serta boleh didapati di laman web kami di www.fgvholdings.com.

AGM ke-12 pada 19 Jun 2020 dijalankan secara maya bagi mengelakkan perhimpunan besar semasa penularan wabak COVID-19. Ini sesuai dengan Nota Panduan Suruhanjaya Sekuriti dan Soalan Lazim mengenai pengendalian Mesyuarat Agung bagi Penerbit Tersenarai yang dikeluarkan pada 18 April 2020, 14 Mei 2020, 11 Jun 2020 dan selaras dengan keperluan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (RMCO) yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia.

FGV telah memanfaatkan teknologi bagi memudahkan penyertaan pemegang saham secara jarak jauh dan pengundian secara elektronik untuk mendorong penyertaan pemegang saham yang lebih besar. Pemegang saham dapat melihat prosiding AGM melalui siaran langsung, mengemukakan soalan kepada Lembaga Pengarah/Pengurusan Syarikat, dan mengemukakan undian mereka dari jauh. Pengerusi, ahli Lembaga Pengarah, GCEO, GCFO, Setiausaha Syarikat, Juruaudit Luar dan Pengawal Bebas hadir di tempat penyiaran sementara ahli Lembaga Pengarah dan GMC yang lain hadir melalui telesidang.

GCEO membentangkan laporan prestasi FGV untuk TK2019. Jawapan terhadap soalan yang dikemukakan oleh Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) kemudian dikongsi semasa AGM dengan para pemegang saham. Pemegang saham yang mengambil bahagian dalam talian digalakkan untuk turut serta dengan mengemukakan soalan secara masa nyata. Pemegang saham diberi peluang yang cukup untuk meminta penjelasan mengenai kegiatan Kumpulan, prospek resolusi yang diusulkan, operasi Kumpulan secara umum serta menyatakan jangkaan dan kebimbangan mereka dan mereka dapat mula mengajukan pertanyaan satu jam sebelum waktu AGM hingga sesi pungutan undi dimulai. Pengerusi dan GCEO kemudian menjawab soalan yang diajukan dan memberikan penjelasan sebagaimana yang dikehendaki oleh pemegang saham. Soalan yang belum dijawab telah diatasi melalui e-mel selepas AGM. Perkara utama yang dibincangkan disiarkan di laman web korporat.

Pemegang saham diberikan masa yang cukup untuk mengemukakan suara mereka dari permulaan AGM pada jam 11.00 pagi sehingga akhir sesi pengundian. Keputusan undian dikemukakan kepada pemegang saham yang mengambil bahagian dalam talian setelah disahkan oleh *Independent Scrutineers*.

Pada masa hadapan, FGV merancang untuk mempunyai moderator bebas pada AGM ke-13 yang akan diadakan pada tahun 2021.



Hasil daripada AGM 2020 diumumkan kepada Bursa Securities selepas mesyuarat selesai dan ringkasan minit AGM 2020 boleh didapati di laman web kami di www.fgvholdings.com.

Tadbir urus di FGV: Integriti dalam Pelaporan Korporat

PELAPORAN DAN PENDEDAHAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah FGV berusaha untuk memberikan penilaian yang seimbang dan menyeluruh kepada para pemegang saham mengenai prestasi, cabaran dan pandangan kewangan Kumpulan. Untuk memudahkan ini, Kumpulan menyediakan Penyata Kewangan dan hasil suku tahunan yang diaudit yang selanjutnya disokong oleh Perutusan Pengerusi, Mesej dari GCEO dan Ulasan Perniagaan Kumpulan dalam AIR 2020.

Lembaga Pengarah juga komited untuk membuat pengumuman tepat pada masanya berkenaan dengan prestasi Kumpulan. Dalam konteks Penyata Kewangan, Kumpulan mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), Keperluan Penyenaraian Bursa Securities dan Akta Syarikat 2016, serta undang-undang dan peraturan di negara masing-masing di mana FGV beroperasi. Penyata Kewangan tahunan dan laporan suku tahunan kami juga dikaji oleh Jawatankuasa Audit untuk memastikan perwakilan Kumpulan dan Syarikat secara adil.

Lembaga Pengarah komited untuk memberikan penilaian yang adil dan objektif mengenai kedudukan dan prospek kewangan Kumpulan dalam keputusan hasil suku tahunan, penyata kewangan tahunan, Laporan Bersepadu Tahunan dan semua laporan atau pernyataan lain kepada pemegang saham, pelabur dan pihak berkuasa yang berkaitan.



Penyataan Tanggungjawab Para Pengarah berkenaan dengan penyediaan Penyata Kewangan Diaudit oleh FGV dinyatakan di muka surat 1.

LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU

Laporan ini ialah Laporan Bersepadu Tahunan keenam FGV dan Laporan Tahunan kesembilan yang dihasilkan sejak penyenaraian kami di Bursa Securities pada 28 Jun 2012. Laporan Bersepadu Tahunan (AIR) ini menyediakan laporan komprehensif tentang operasi dan prestasi kewangan Kumpulan pada tahun 2020. FGV memenangi Laporan Bersepadu Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia (Perak) dari NACRA 2020.



Versi AIR dalam talian juga terdapat di laman web kami di www.fgvholdings.com.

PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah membincangkan, menyemak dan memberi kelulusan bagi Penyata ini dan Kumpulan telah memenuhi kewajibannya berdasarkan perenggan yang berkaitan dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, Akta Syarikat 2016, MCCG 2017, Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Securities 2017 dan undang-undang lain dan peraturan yang berkaitan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 31 Mac 2021.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

SOROTAN UTAMA TAHUN INI

Anugerah **World Finance Corporate Governance** 2020

Pemenang bagi kategori
Tadbir Urus Korporat Terbaik (Malaysia)



Pelan Anti-Korupsi FGV (FGVACP)



Usaha Anti-Korupsi FGV **DIGUBAL, DIPERTINGKAT & DIPERKUKUH** melalui pelaksanaan Pelan Anti-Korupsi FGV (FGVACP)



Ikrar Integriti Atas Talian

Ikrar Integriti atas talian telah dilaksanakan kepada seluruh **kakitangan** di seluruh Kumpulan FGV

Pengurusan Pandemik COVID-19: **Pelan Tindakan Menyeluruh**

Pasukan Petugas Khas COVID-19

Analisa Impak COVID-19

Penilaian Risiko COVID-19

Indikasi Kesan Utama (KII)

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

PERISTIWA PENTING 2020

PADA 2020, FGV MENERUSKAN PELAN PEMULIHANNYA DENGAN MENGUKUHKAN SECARA RAPI TADBIR URUS, PENGURUSAN RISIKO DAN SISTEM KAWALAN DALAMAN TERMASUK AMALAN YANG RESPONSIF TERHADAP PELBAGAI RINTANGAN YANG DIHADAPI OLEH PERNIAGAAN TERMASUK PANDEMIK COVID-19 YANG TIDAK PERNAH BERLAKU SEBELUM INI. DENGAN BERLATARBELAKANGKAN PERKARA INI, BEBERAPA PERISTIWA PENTING TELAH DICAPAI.

Pengiktirafan oleh *World Finance*

FGV berjaya merangkul Anugerah Tadbir Urus Korporat Terbaik 2020 (Malaysia) daripada *World Finance* yang berpangkalan di London dan menerbitkan cetakan suku tahunan dan atas talian berkaitan kewangan dunia dan ekonomi. Anugerah ini merupakan pengiktirafan dunia kepada usaha FGV yang jitu untuk menerapkan integrasi budaya tadbir urus korporat di seluruh Kumpulan seperti yang dinyatakan dalam kriteria anugerah ini. Pemenang anugerah daripada Malaysia sebelum ini juga adalah nama-nama syarikat besar daripada pelbagai sektor seperti telekomunikasi dan perbankan.

Anugerah ini berdasarkan kriteria seperti di bawah:

- Struktur Dalaman
- Polisi Pengauditan Dalaman dan Pihak Ketiga
- Hubungan Bersama Pihak Berkepentingan
- Komposisi Lembaga Pengarah dan Ahli Lembaga Pengarah Bebas
- Hak Pemegang Saham
- Polisi Kawalan Risiko
- Pendedahan dan Ketelusan
- Gaji dan Imbuhan
- Pelan Penggantian

Pelan Anti-Korupsi FGV (FGVACP)

Pada April 2020, lembaga pengarah telah meluluskan FGVACP yang selari dengan Pelan Organisasi Anti-Korupsi (OACP) yang diterima pakai oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLCs). Ini merupakan keperluan di bawah Pelan Anti-Korupsi Kebangsaan bagi mendukung agenda kerajaan ke arah membasmi korupsi.

Sorotan daripada penguatkuasaan Akta SPRM 2009, Seksyen 17(A) Liabiliti Korporat, FGVACP telah memperkukuhkan tadbir urus dan amalan integriti dengan meletakkan pelbagai inisiatif strategik anti-korupsi.

FGVACP ini telah merangkumi semua pelan pembangunan yang bermula daripada Pensijilan Pengurusan Anti-Korupsi FGV yang diterima pada Disember 2019. Pelan baharu ini telah dibangunkan dengan memperkukuhkan Tadbir Urus Korporat FGV yang sedia ada dan Pelan Integriti Perniagaan FGV. Ianya telah mengenal pasti kelemahan, pengukuhan keefisienan dan mengurangkan peluang ke arah korupsi, penipuan dan penyalahgunaan kuasa.

FGVACP menjadi lambang kepada usaha kepimpinan yang konsisten bagi menjadikan FGV salah satu organisasi yang telus dan dihormati dan toleransi sifar bagi rasuah.

Ikrar Integriti Atas Talian

Menyedari bahawa setiap kakitangan FGV perlu berwaspada dan komited kepada ketelusan yang berpiawaian tinggi setiap masa dan memberi sokongan dalam melawan korupsi, FGV telah memandatkan seluruh kakitangan untuk menunjukkan komitmen mereka dengan menandatangani Ikrar Integriti Atas Talian.

Dilancarkan pada Julai 2020, ikrar ini sebagai peringatan kepada setiap kakitangan untuk bertanggungjawab ke atas tindakan mereka, bertindak atas kepentingan FGV, menjadi teladan dengan menunjukkan kelakuan diri yang berintegriti dan melaporkan segala kes korupsi dengan segera melalui saluran yang betul.

Walaupun pandemik COVID-19 melanda dan bekerja dari rumah menjadi norma baharu, lebih 90% kakitangan FGV setakat 31 Disember 2020, telah menandatangani Ikrar Integriti Atas Talian ini.

Pengurusan Pandemik COVID-19

Pada 2020, dunia telah berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19. FGV telah bertindak dengan pelan tindakan komprehensif yang dilaksanakan di seluruh Kumpulan. Ini termasuk;

PASUKAN PETUGAS KHAS COVID-19



Pasukan khas telah ditubuhkan pada Januari 2020 dan kemudiannya diformalkan menjadi Pasukan Petugas bagi menyediakan tindakan FGV ke atas pandemik COVID-19. Pasukan petugas khas ini meliputi:

- Kesihatan & Keselamatan Kumpulan • Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Kumpulan
- Modal Insan Kumpulan • IT Kumpulan • Komunikasi Strategik Kumpulan
- Transformasi Kumpulan • Pengurusan Fasiliti • Perkhidmatan Sekuriti FGV

Pasukan petugas khas ini telah membangunkan polisi, garis panduan COVID-19 yang spesifik iaitu Pelan Tindakan Pandemik dan segala SOP yang kemudiannya dikongsi ke seluruh sektor di FGV untuk penerapan dan pelaksanaan. Setiap ahli pasukan petugas khas ini akan menyumbang formulasi dan kaedah pelaksanaan mengikut fungsi mereka kepada pelan tindakan COVID-19. Antara pelan mitigasi utama yang telah diambil adalah seperti berikut:

- Berkongsi maklumat dan arahan daripada pengurusan melalui pengkongsian e-mel kepada semua kakitangan secara kerap. Sebagai tambahan, poster dinding, gegantungan, notis kaunter penerimaan, dan papan LED sebagai panduan dan penyelarasan pergerakan tenaga kerja dan pelawat di pelbagai kawasan, sekiranya diperlukan.
- Antara langkah yang diambil bagi memenuhi syarat penjarakan sosial yang dilaksanakan adalah dengan menandakan penyusunan kedudukan di kerusi, di

dalam lif, platform mesyuarat atas talian, protokol bagi majlis korporat dan kod QR kedatangan;

- Kakitangan yang disahkan atau suspek COVID-19 wajib dipantau secara berkuarantin di rumah atau dengan prosedur kesihatan yang lain seperti saranan MKN/KKM;
- Penyediaan bekalan makanan kepada tenaga kerja di ladang ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP); dan
- Sebagai sebahagian daripada langkah pro-aktif FGV, program saringan COVID-19 telah dijalankan secara berperingkat bagi memastikan tahap kesihatan tenaga kerja migran. Perniagaan yang terkesan akibat pandemik ini juga disarankan untuk memantau dan menyatakan permasalahan perniagaan yang dialami dengan mengguna pakai Indikasi Kesan Utama (seperti di bawah) bagi pengumpulan data, pelaporan dan pengawasan kes-kes berpotensi serta penutupan tempat kerja apabila terkesan atau diperlukan.

Ahli pasukan petugas khas ini sentiasa berkongsi dan mengikuti perkembangan terbaharu berkaitan pandemik sama ada di luar mahupun di dalam persekitaran kerja. Segala aktiviti pasukan petugas khas juga tertakluk kepada arahan daripada pengurusan kanan dan lembaga pengarah termasuk arahan muktamad daripada pihak berkuasa kerajaan.

PENILAIAN RISIKO COVID-19



Dengan berpandukan kesan daripada pandemik COVID-19 yang tidak menentu, FGV telah mengambil langkah untuk membuat penilaian menyeluruh di seluruh Kumpulan ke atas kesan pandemik COVID-19 kepada pengoperasian perniagaan. Berikutan itu, kami mengambil inisiatif bagi proses permintaan dan mengarahkan sektor perniagaan untuk mengenal pasti dan menganalisa kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan Kerajaan terhadap prestasi operasi dan perniagaan mereka. FGV kemudiannya

telah menyediakan dan melaksanakan templat asas penilaian risiko COVID-19 yang menunjukkan pelbagai permasalahan yang mungkin timbul, penyebab, kesan dan langkah mitigasi yang telah disahkan oleh setiap sektor perniagaan.

Pada suku kedua 2020, wakil daripada bahagian risiko telah mula menggabungkan risiko berkaitan COVID-19 dan mitigasi ke dalam pendaftaran risiko yang kemudiannya dipantau oleh Bahagian Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan (GGRM).

ANALISA IMPAK COVID-19



GGRM telah menyediakan pelbagai laporan berkaitan pandemik COVID-19 dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kanan, Pengurusan Risiko & Tadbir Urus Lembaga dan Lembaga Pengarah sepanjang tahun 2020. Laporan ini merangkumi analisa dan penilaian kepada risiko dan potensi kesan daripada pandemik melalui empat perspektif: global, Malaysia, industri minyak sawit Malaysia, sebelum memberi fokus kepada status dan risiko kepada pengoperasian FGV. Laporan ini juga termasuk saranan berkaitan langkah mitigasi untuk menangani pandemik dan mengharungi wabak yang melanda seluruh dunia ini.

Empat laporan Analisa Impak COVID-19 telah dikeluarkan setiap tiga bulan bermula April 2020. Laporan ini menyediakan pandangan bukan sahaja tentang status terkini pandemik di peringkat global dan Malaysia melalui perspektif makro, tetapi juga

daripada industri minyak sawit Malaysia di mana FGV merupakan pengeluar minyak sawit terbesar negara – dalam mengharungi gelombang Korona.

Keseluruhannya, laporan ini dilaksanakan berhati-hati tetapi penuh dengan keyakinan. Pastinya, FGV tidak boleh lari daripada pandemik ini namun operasi teras kekal utuh walaupun beberapa ladang dan kilang sawit ditutup disebabkan kes COVID-19 yang tinggi pada Oktober 2020. Dalam waktu ini, kami telah mengurangkan kepadatan tempat kerja di ladang dan juga menguatkuasakan SOP bagi penjarakan sosial mengikut garis panduan dan saranan daripada MKN. Hasilnya, operasi FGV tidak terkesan secara menyeluruh dalam waktu yang mencabar ini dan telah mencatatkan prestasi kewangan yang positif bagi tahun kewangan berakhir.

INDIKASI KESAN UTAMA (KII)



Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan pada 18 Mac 2020, FGV telah menghasilkan metodologi bagi mengenal pasti kesan operasi yang kritikal dan status keberjangkitan di kalangan kakitangan. Ini termasuk mengenal pasti dan menyaranan indikasi kepada pemantauan setiap perniagaan. Sejumlah enam indikasi telah dikenal pasti atau dikenali sebagai 6 KII. Ianya meliputi keberjangkitan, penutupan operasi, kemusnahan aset, rantai nilai dan kesan kepada IT. Input daripada 6 KII telah dikumpul, dilaporkan dan dipantau oleh sektor perniagaan dan

telah dibentangkan kepada Pasukan Petugas Khas COVID-19 termasuk setiap sektor perniagaan dalaman.

GGRM telah menjalankan beberapa sesi libat urus bersama sektor perniagaan untuk menghuraikan kegunaan KII termasuk analisa data KII yang dikemukakan oleh sektor perniagaan dan menyediakan pandangan sebagai rujukan oleh Pasukan Petugas Khas COVID-19.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Pendekatan Kami Terhadap Risiko


Pencapaian strategi yang menjadi ketetapan dalam pelan strategik memerlukan pendekatan yang kukuh serta tertumpu kepada risiko dalam memastikan Kumpulan sentiasa mengenal pasti dan bersedia menangani pelbagai risiko yang bakal mengancam perniagaan.

Pendekatan ini perlulah disokong oleh keutuhan kerangka kerja kawalan dan pengawasan dalaman yang merupakan prasyarat wajar bagi mencapai objektif Kumpulan.

Tinjauan Keseluruhan Pendekatan Kami

Pengurusan risiko yang efektif merupakan perkara penting dalam melengkapkan model perniagaan yang bertujuan untuk meneroka peluang daripada risiko, mengurangkan potensi impak apabila risiko telah dikenal pasti serta melindungi reputasi kami dalam memastikan keuntungan termasuk mengembangkan perniagaan supaya terus kekal utuh.

Matriks untuk pemantauan, jaminan, pengurusan risiko dan kawalan dalaman tersedia jelas di dalam FGV. Pendekatan pemantauan pengurusan risiko dilakukan bersandarkan kepada empat baris pertahanan yang menyelaraskan pelbagai pihak untuk bergabung termasuk libat urus mereka dalam memupuk budaya risiko secara lebih berkesan.



Tanggungjawab dan Kebertanggungjawaban

Lembaga Pengarah memahami setiap risiko utama dalam semua aspek perniagaan dalam Kumpulan dan menyedari bahawa segala keputusan perniagaan yang dibuat adalah wajar setelah mengambil kira segala risiko. Lembaga Pengarah perlu memastikan adanya sistem yang berkesan dalam memantau secara efektif dan menguruskan segala risiko yang dihadapi.

Dalam pelbagai perkara berkaitan pengurusan risiko dan kawalan dalaman ini, Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap perkara berikut:

- I. Menentukan kecenderungan risiko keseluruhan Kumpulan, tahap toleransi risiko dan mengenal pasti, menilai serta memantau risiko perniagaan utama secara aktif untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan, dan berkomunikasi dengan Pengurusan Kanan tentang perkara ini.
- II. Menilai risiko semasa utama dan yang berpotensi bagi Kumpulan serta menyelia kesediaan prosedur pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang wajar.
- III. Mempertimbangkan dan meluluskan strategi dan kerangka kerja risiko-ganjaran keseluruhan Kumpulan untuk menguruskan semua kategori risiko semasa dan berpotensi yang melibatkan kelestarian perniagaan Kumpulan serta kesejahteraan Kumpulan dan pihak berkepentingan, selaras dengan tahap toleransi risiko.
- IV. Memastikan pelaksanaan yang betul dalam mengkaji sistem kawalan dalaman Kumpulan yang sentiasa dipertingkatkan untuk mengatasi risiko semasa dan yang berpotensi bagi Kumpulan.

LEMBAGA PENGARAH

Memastikan terdapat sistem yang berfungsi dalam memantau dan menguruskan risiko ini secara efektif

Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga ditugaskan untuk mengarahkan dan menyelia perumusan mekanisme berstruktur dalam Kumpulan untuk mengukuhkan budaya tadbir urus, etika, integriti dan pengurusan risiko dalam Kumpulan.

Jawatankuasa Audit ditugaskan untuk menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman berbanding dengan risiko, lingkungan kawalan dan keperluan pematuhan Kumpulan.

Jawatankuasa Pelaburan ditugaskan untuk memastikan pelaburan dibuat sejajar dengan wawasan dan kecenderungan risiko keseluruhan Kumpulan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan bertugas memastikan kerangka kerja imbuhan Kumpulan dapat menarik minat dan mengekalkan bakat yang tepat dengan kecekapan yang bersesuaian bagi meningkatkan kebolehan organisasi dan sumber manusia.

Jawatankuasa Tender Lembaga ditugaskan untuk mengkaji semula, memantau dan memberi panduan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara penting berkaitan perolehan Kumpulan selaras dengan Prosedur dan Polisi Perolehan Kumpulan.



Butiran lanjut mengenai Rujukan Terma Jawatankuasa Lembaga dinyatakan melalui laman web kami di www.fgvholdings.com

Kerangka Kerja Pengurusan Risiko


Lembaga Pengarah percaya bahawa tadbir urus dan risiko yang dijalankan oleh Bahagian Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan adalah bebas dan melapor terus kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga. Pengurusan risiko kami diperkukuhkan dengan Kerangka Kerja Pengurusan Risiko yang mengenal pasti keperluan pengurusan yang sistematik dan meneliti profil risiko FGV secara kerap pada peringkat strategik, kewangan, pematuhan dan pengoperasian.

Kerangka kerja ini bertujuan untuk mengurangkan terjadinya risiko dan memaksimumkan hasil perniagaan dengan membenarkan kami untuk:

- Memahami lingkungan risiko, dan menilai risiko tertentu serta keseluruhan potensi pendedahan.

- Menentukan cara terbaik untuk menangani risiko ini dalam pengurusan keseluruhan potensi pendedahan.
- Menguruskan risiko yang dikenal pasti dengan cara yang sesuai.
- Memantau dan mendapatkan jaminan tentang keberkesanan pengurusan risiko ini dan membuat campur tangan untuk perbaikan jika perlu.
- Memanjangkan perkembangan kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah secara berkala tentang cara pengurusan risiko yang signifikan dikendali, diselia, dijamin dan pengambilan langkah mitigasi.

Tinjauan keseluruhan Struktur Pelaporan Risiko digambarkan seperti di bawah:




Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Proses Pengurusan Risiko

FGV menguruskan, memantau dan melaporkan risiko dan ketidakpastian utama yang mampu menjejaskan kebolehan kami untuk menyampaikan strategi sementara mencipta nilai jangka panjang pemegang saham.

Sistem pengurusan kami, menerusi struktur organisasi, dasar dan prosedur, nilai teras dan tatalaku, bergabung membentuk sistem kawalan dalaman yang mentadbir kaedah pengendalian perniagaan FGV dan pengurusan risiko berkaitan.


Proses pengurusan risiko kami disokong oleh dasar dan prosedur yang selaras dengan Piawaian Pengurusan Risiko ISO 31000 yang dibangunkan untuk membantu kakitangan dalam melaksanakan tanggungjawab pengurusan risiko mereka.



Maklumat lebih lanjut mengenai hubungan antara perkara penting, strategi dan risiko boleh didapati di muka surat 85 ke 91.

Bahagian Tadbir Urus & Pengurusan Risiko (GGRM)

Di peringkat Pengurusan, Lembaga Pengarah disokong oleh Bahagian Tadbir Urus & Pengurusan Risiko (GGRM), bahagian yang khusus untuk menjalankan tanggungjawab dalam lingkungan Strategik, Operasi, Etika & Integriti dan Pendedahan Maklumat (*Whistleblowing*) & Pengesanan.



Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Menerapkan Budaya Tadbir Urus & Pengurusan Risiko

Inisiatif Utama 2020

FGV telah mengambil pendekatan menyeluruh dalam pengurusan risiko untuk memastikan keputusan yang diambil di peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan disalurkan ke bawah untuk tindakan seluruh hierarki organisasi. Kumpulan melihat ini sebagai kunci bagi menerapkan budaya pengurusan risiko yang dinamik di dalam Kumpulan.


Integrasi berterusan di antara strategi, tadbir urus dan pengurusan risiko telah dijalankan bagi memastikan pendekatan yang sesuai diterapkan dalam membuat keputusan perniagaan dan selaras dengan objektif dan aspirasi strategik Kumpulan.

INISIATIF UTAMA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO

Menerapkan kerangka kerja tadbir urus & pengurusan risiko yang sesuai bagi membuat keputusan perniagaan dan pelaburan selaras dengan objektif strategik Kumpulan dengan melaksanakan inisiatif utama di bawah



INIASITIF DI ATAS TELAH MEMANFAATKAN DAN MENGUKUHKAN PELBAGAI BAHAGIAN, FUNGSI DAN PROSES DI SELURUH PERINGKAT KUMPULAN



BUDAYA TADBIR URUS DAN PENGURUSAN RISIKO

Di bawah ini adalah aktiviti tadbir urus dan pengurusan risiko utama yang dilakukan oleh GGRM untuk memperkukuhkan budaya tadbir urus dan pengurusan risiko dalam Kumpulan.

Penilaian Risiko Projek (PRA)

Menguatkan proses pengurusan risiko bagi membuat keputusan perniagaan dan cadangan projek dengan melakukan analisa risiko sebagai pra-syarat untuk penilaian GMC sebelum mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan. GGRM akan memastikan semua perkara material di dalam cadangan pelaburan adalah mencukupi dan ditentukan dengan menilai dan menerapkan pengurusan risiko yang diperlukan untuk melakukan keputusan serta metodologi yang bersesuaian dalam dimensi dan kuantiti risiko projek dan perniagaan yang relevan.

Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV (QRR)

Platform QRR digunakan untuk pelaporan kepada pengurusan kanan dan lembaga pengarah risiko utama yang memberi kesan kepada Kumpulan dalam tempoh tersebut atau masa panjang. Laporan risiko ini dibuat dengan kerjasama jitu daripada pemilik perniagaan berkaitan dan pihak berkepentingan meliputi 10 Risiko Utama Kumpulan FGV, risiko strategik, risiko reputasi dan risiko berbangkit, pemantauan profil risiko, laporan kemalangan utama dan aktiviti utama tadbir urus dan pengurusan risiko dan disertakan satu muka surat berkenaan ringkasan risiko dan tadbir urus secara bulanan.

Analisa Senario/ Impak

Analisa senario ini adalah aktiviti pandangan jangka masa panjang yang diambil untuk mengukur daya tahan dan kesiapan organisasi ketika berdepan dengan krisis luar jangkaan yang berpotensi memberi kesan yang buruk kepada organisasi. Aktiviti ini mengguna pakai pelbagai isu topikal. Sebagai tambahan, analisa impak adalah aktiviti yang dilakukan untuk mengukur risiko dan kesan kemungkinan yang timbul daripada peristiwa berkaitan. Beberapa peristiwa telah dipilih untuk analisa dijalankan seperti kegawatan disebabkan pandemik, kelembapan ekonomi dunia dan senario politik Malaysia.

Pemantauan Profil Risiko (RPM)

GGRM telah merombak dan menggantikan Penyata Keinginan Risiko (RAS) kepada RPM yang menyediakan skop pemacu risiko yang lebih luas meliputi pelbagai bidang seperti ekonomi, strategik, isu-isu global yang tidak disediakan secukupnya di dalam RAS terdahulu. Taksiran kepada setiap pemacu diperolehi daripada tinjauan bagi menguatkan perspektif pandangan jangka masa panjang bagi profil risiko.

Pengurusan Risiko Perniagaan (ERMS) dan Latihan Pendaftaran Risiko

Kesedaran ERMS dan latihan pendaftaran risiko dijalankan bagi memberi tunjuk ajar kepada fungsi sistem dan menyediakan kemudahan proses penilaian risiko. Latihan ERMS juga disediakan bagi pengguna baharu dan pengguna sedia ada yang memerlukan kursus ulangkaji yang sesuai dengan peranan mereka sebagai pemilik risiko, ketua risiko (champion) ataupun mereka yang mengesah atau meluluskan. Pengguna diberi tunjuk ajar dalam proses penilaian risiko secara terperinci termasuk memasukkan data dan peningkatan aliran risiko kepada sektor berkaitan bagi memastikan pendaftaran risiko mereka berjalan lancar. Dalam sesi ini, GGRM juga mengambil peluang menerangkan sumbangannya dalam pemilihan dan penggabungan risiko utama kumpulan dan sektor untuk pelaporan kepada Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah.

Pengurusan Kesenambungan Kumpulan (BCM)

Kajian BCP telah dilakukan bagi memastikan fungsi kritikal dan impak kepada penilaian risiko yang menggambarkan persekitaran operasi terkini. Ujian BCP dilaksanakan bagi memastikan FGV berupaya dalam menguruskan risiko kejadian dan berupaya mengendalikan rintangan yang kritikal bagi operasi dan fungsi. Latihan kesedaran BCM telah dijalankan bagi mendidik kakitangan memahami objektif, polisi dan prosedur BCM termasuk peranan dan tanggungjawab dalam melaksanakan BCM. Demi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan oleh pihak berkuasa dan polisi penjarakan sosial yang selamat, GGRM telah menukar kepada pendekatan atas talian bagi menjalankan ujian BCP (*call tree test*) dan sesi latihan kesedaran.

Dasar dan Prosedur

Membantu memformulasikan polisi dan prosedur baharu termasuk penyemakan semula bagi memastikan kepatuhan kepada Polisi Induk, menjalankan proses semak imbang dan bekerjasama dengan pemilik polisi sehingga mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah. Dasar dan prosedur yang telah diluluskan akan dimasukkan ke dalam Sistem Pengurusan Kepatuhan.

Laporan Tadbir Urus Korporat

GGRM telah berjaya menyemak Amalan 3.1, 3.2, 9.1, 9.2 di dalam laporan Tadbir Urus Korporat selaras dengan Amalan Terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2017.

Program Kesedaran Integriti & Etika


Menjalankan inisiatif integriti & etika termasuklah program kesedaran pendedahan maklumat bagi mendidik kakitangan FGV melalui sesi atas talian, pengkongsian e-mel, poster dan hub GGRM.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Struktur Kawalan Dalam

Kerangka kerja kawalan dalaman bersepadu kami dapat memastikan pencapaian yang objektif secara strategik. Kerangka kerja ini boleh digunapakai untuk semua subsidiari dalam Kumpulan kecuali syarikat usaha sama dan syarikat bersekutu yang tidak diuruskan oleh kami. Walau bagaimanapun, kami akan memastikan bahawa kepentingan dan pelaburan kami dilindungi menerusi wakil Lembaga Pengarah dan/atau wakil yang dilantik dalam setiap syarikat usaha sama dan/atau syarikat bersekutu.

Elemen penting dalam struktur kawalan dalaman kami adalah seperti yang berikut:



DASAR DAN PROSEDUR



Komitmen kami terhadap kawalan dalaman jelas ditakrifkan dalam Dasar & Prosedur formal (P&P) kami, melalui formulasi dan kajian semula P&P berpandukan Tata Kelola Dasar & Prosedur. Bagi penubuhan dan penyempaan semula dasar yang baharu, akan ada proses perdebatan oleh jawatankuasa kerja P&P yang khusus untuk memastikan amalan tadbir urus yang baik serta skop P&P mencukupi dan diterapkan secara konsisten di seluruh Kumpulan. P&P ini dibentuk dengan merujuk kepada Piawaian Antarabangsa seperti, inter alia, ISO 37001, ISO 9001, ISO 14001, OSHAS 18001, dan RSPO, dan juga memudahkan pemantauan terhadap peraturan, penyenaraian dan keperluan tadbir urus. P&P akan dikaji secara berkala untuk memastikan keberkesannya serta kekal relevan dalam menyokong aktiviti perniagaan Kumpulan setiap masa sejajar dengan perkembangan dan transformasi di dalam mahupun di luar Malaysia.

P&P disimpan di dalam Sistem Pengurusan Pematuan (hub dalaman) supaya mudah diakses oleh tenaga kerja dan untuk tujuan perkongsian melalui e-mel kepada seluruh Kumpulan. Dalam memastikan P&P dilaksanakan dan dipatuhi, program kesedaran juga dilakukan secara berkala melalui aktiviti jerayawara dan forum.

Baru-baru ini juga kami telah mengkaji dan menyemak semula P&P seperti di bawah:

- Dasar Modal Insan Kumpulan
- Dasar Perolehan Kumpulan
- Dasar Kelestarian Kumpulan
- Dasar Material Mentah Pembajaan
- Dasar Pendedahan Maklumat
- Had Kuasa Kumpulan

ETIKA DAN INTEGRITI



FGV begitu komited untuk menerapkan etika tingkah laku dan integriti tertinggi dalam menjalankan kegiatan perniagaannya dengan menerapkan Dasar & Prosedur sebagai asas untuk kawalan dalaman. Ini juga selaras dengan Panduan Prosedur yang Memadai untuk Liabiliti Korporat, yang didasarkan pada lima prinsip panduan T.R.U.S.T. Dalam memperketatkan kawalan dalaman Kumpulan, FGV telah mengembangkan dan menambah baik dasar-dasar berikut:

- **Penyataan Dasar Anti Rasuah**
FGV komited dalam mendorong ketelusan tingkah laku yang beretika serta menjunjung tinggi imej integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam semua aspek perniagaannya
- **Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan (CoBCE) untuk Kakitangan**
CoBCE membimbing kakitangan kami untuk menerapkan nilai-nilai Kumpulan dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berlaku melalui amalan perniagaan yang jujur, telus dan beretika. CoBCE merangkumi bidang seperti pematuan, integriti, tingkah laku di tempat kerja, tingkah laku perniagaan, perlindungan aset Kumpulan, kerahsiaan dan konflik kepentingan.

ETIKA DAN INTEGRITI



- **Dasar Hadiah, Hiburan & Hospitaliti Luar (GEH)**

Dasar GEH didasarkan pada amalan baik untuk mengatur pemberian dan penerimaan hadiah, hiburan dan hospitaliti kepada atau dari pihak ketiga dengan penekanan pada integriti, piawai etika dan kepatuhan kepada undang-undang.

Kumpulan berusaha untuk mengekalkan tahap integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang tinggi dalam semua aspek perniagaannya melalui kecekapan, produktiviti dan tingkah-laku berdisiplin.

- **Dasar Pengisytiharan Kepentingan Peribadi/Aset (APID)**

Dasar APID bertujuan untuk mencerminkan ketelusan para Pengarah termasuk tenaga pekerja kepada Kumpulan. Ini juga untuk memastikan bahawa aset dan kepentingan peribadi diperoleh melalui cara yang sah mengikut undang-undang berdasarkan kemampuan kewangan mereka dan bebas daripada situasi konflik kepentingan.

- **Dasar Tajaan & Sumbangan**

Menyelaraskan amalan tajaan & sumbangan di dalam Kumpulan FGV untuk melindungi aset FGV dan sejajar dengan Pelan Integriti Nasional yang bermatlamat mengurangkan dan membanteras rasuah dan penyelewengan perniagaan.

- **Dasar Rujukan**

Dasar ini memberikan panduan parameter dalam memastikan protokol rujukan dipatuhi ketika maklumat diterima, hasil penyiasatan dan segala hal lain yang berkaitan dengannya. Kakitangan Kumpulan

FGV harus menegakkan prinsip integriti dalam operasi perniagaan mereka. Semua tenaga kerja harus bekerjasama dan menyokong semua inisiatif untuk mencegah salah laku atau kesalahan jenayah.

- **Dasar Konflik Kepentingan**

Semua kakitangan dan pihak ketiga Kumpulan FGV hendaklah bertindak, pada setiap masa, demi kepentingan Kumpulan FGV dan tidak berdasarkan kepentingan peribadi mereka. Kakitangan tidak boleh meletakkan diri mereka dalam kedudukan di mana mereka terlibat dalam aktiviti untuk keuntungan peribadi, untuk diri mereka sendiri, 'saudara', 'pihak bersekutu' atau pihak ketiga, atau sebarang aktiviti yang bertentangan dengan kepentingan Kumpulan FGV.

- **Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat**

Dasar ini adalah untuk menetapkan peraturan dan prinsip untuk proses pengelolaan aduan, penyiasatan dan perlindungan bagi pemberi informasi. Ini menyediakan pelbagai jalan bagi mana-mana kakitangan atau orang awam, termasuk pemegang saham minoriti, untuk melaporkan sebarang tatalaku yang tidak wajar (salah laku atau kesalahan jenayah) yang dilakukan atau yang akan dilakukan.

FGV komited untuk memupuk budaya integriti dan kebertanggungjawaban, kemudian mendidik kakitangan untuk meningkatkan keprihatinan mengenai tindakan yang tidak wajar (kesalahan jenayah atau salah laku) dan memberi jaminan saluran yang selamat dan mudah diakses serta perlindungan kepada pemberi maklumat.

KECEKAPAN



Sepanjang 2020, FGV terus menjalankan program yang dirancang bagi meningkatkan lagi kecekapan modal insan berdasarkan Model Kecekapan Kepimpinan yang dibangunkan pada 2019. Ini merupakan tambahan kepada program pembangunan kecekapan teknikal yang disediakan oleh kumpulan FGV atau menggalakkan penyertaan daripada kakitangan. Sebahagian daripada program utama/latihan yang dijalankan pada tahun 2020 adalah:

- **Program Kadet di Perladangan & Pengurusan (CPMP)**

Program ini bertujuan membangunkan penyelia terbaik/pembantu pengurus yang baru dilantik untuk menjadi pembantu pengurus yang cekap.

- **Penilaian Kecekapan Pengurus Ladang**

Program bagi membangunkan kebolehan organisasi dengan menilai ruang kecekapan fungsi & kepimpinan bagi pengurus ladang dan kilang sebagai sebahagian Analisa Latihan Keperluan dan latihan pusingan yang lebih baik.

- **Bengkel Latihan Kecekapan Kepimpinan & Maklum Balas yang Efektif**

Program bagi menyediakan eksekutif dan ke atas dengan kefahaman berkaitan 18 Kecekapan Kepimpinan FGV yang selari dengan nilai teras P.R.I.D.E dan menyediakan lagi teknik kejurulatihan bagi membolehkan mereka untuk membantu dan melatih tenaga kerja menggunakan Model BEST (Membina Hubungan Baik – Pertukaran Maklumat- Mencapai Kesepakatan – Mengambil Tindakan).

- **Program Bakal Pengurus Ladang (PEMP)**

Program bagi melahirkan penolong pengurus yang terbaik untuk menjadi pengurus ladang yang cekap.

- **Program Bakal Penyelia Ladang (PESP)**

Program bagi membangunkan penolong ladang/penyelia ladang yang baru dilantik untuk menjadi penyelia yang cekap.

- **Bengkel Kecekapan Kepimpinan PRIDE**

Program bagi menyediakan eksekutif dan ke atas dengan pengetahuan nilai teras FGV (P.R.I.D.E) dan kecekapan kepimpinan melalui kelakuan/kemahiran yang bersesuaian dengan budaya kerja.

- **Latihan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) bagi 50-100 peserta**

Program bagi memastikan akauntan FGV mengikuti perkembangan pembangunan digital bagi fungsi perakaunan dan kewangan.

- **Pelancaran Program Pensijilan Perakaunan FGV (ACe)**

Program mentor dalam-tugasan bagi sembilan kakitangan FGV yang bekerja sambil belajar untuk menduduki peperiksaan perakaunan profesional. Ini merupakan sebahagian daripada pembangunan bakat profesional FGV.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

MAKLUMAT & PEMANTAUAN



Prestasi FGV berbanding dengan pelan perniagaan dan belanjawan tahunan dinilai dan dipantau menerusi mekanisme berikut:

Papan Pemuka Prestasi Atas Talian *Tableau*

Kakitangan utama terpilih menggunakan *Tableau* sebagai papan pemuka prestasi dalam talian untuk memantau prestasi bulanan perniagaan, untuk menganalisis dan membuat keputusan perniagaan yang sesuai dengan tujuan untuk mencapai matlamat organisasi Kumpulan. Papan pemuka prestasi *Tableau* merangkumi parameter kewangan dan operasi.

Papan pemuka ini disemak oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dan boleh diakses oleh Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi FGV.

Semakan Kewangan dan Operasi

GCEO dan GCFO mengemukakan analisis Penyata Kewangan dan Prestasi Operasi Suku Tahunan Kumpulan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Penyata Kewangan dan Prestasi Operasi Suku Tahunan Kumpulan yang telah diluluskan seterusnya diumumkan kepada Bursa Securities.

Selain itu, semakan kewangan dan operasi bulanan dijalankan pada peringkat Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan.

KUASA DAN TANGGUNGJAWAB



Struktur Organisasi

Pada tahun 2020, kumpulan FGV telah melakukan beberapa perubahan ke atas struktur Kumpulan berikutan pertumbuhan 2 bidang perniagaan baharu; Pertanian Bersepadu dan Produk Pengguna dan keduanya melapor terus kepada GCEO. Sektor produk pengguna diketuai oleh Ketua Pegawai Produk Pengguna yang menyertai FGV pada Jun 2020 dan ditubuhkan untuk memberi fokus kepada pemasaran dan pengedaran produk pengguna FGV. Bahagian pertanian bersepadu pula, yang dahulunya di bawah sektor perladangan, kini melapor terus kepada GCEO.

Had Kuasa Kumpulan FGV (LOA)

Had kuasa kumpulan FGV yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah FGV mempamerkan kecekapan organisasi dengan memberi kuasa kepada pengurusan dalam menjalankan aktiviti perniagaan seharian FGV dan selari dengan tatalaku perniagaan kumpulan dan toleransi risiko. LOA kumpulan menetapkan kerangka kerja yang baik dan memupuk kebertanggungjawaban dalam Kumpulan, termasuk pengasingan tugas, yang memudahkan pengambilan keputusan tepat pada masanya, berkesan dan berkualiti selain kawalan kewangan yang lebih ketat.

Pada tahun ini, pihak pengurusan meneruskan semakan dan mengemas kini LOA Kumpulan bagi memastikan kegunaannya dan sejajar dengan dasar-dasar Kumpulan yang lain.

Ulasan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

Dengan semangat untuk terus memperkukuh sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman, FGV menjalankan proses semakan berikut pada tahun kewangan:

PENILAIAN KAWALAN

Unit perniagaan dengan kerjasama GGRM, menilai keberkesanan kawalan terhadap bidang risiko utama dalam lingkungan operasinya dan inisiatif lain. Usaha ini bertujuan untuk menentukan sama ada kawalan yang disediakan adalah memadai dan beroperasi seperti yang disasarkan atau memerlukan penambahbaikan dalam menyelesaikan kelemahan yang dikenal pasti secara sepenuhnya.

SEMAKAN DAFTAR RISIKO

GGRM menyelaraskan semakan suku tahunan daftar risiko dengan unit perniagaan untuk memastikan perubahan profil risiko disimpan di dalam sistem ERMS, ditaksir dan dinilai serta langkah mitigasi yang sesuai diformulasikan.

SEMAKAN AUDIT DALAMAN KUMPULAN SECARA BEBAS

Bahagian Audit Dalaman Kumpulan menjalankan semakan secara tetap dan bersistem untuk memberikan jaminan bebas dan objektif kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan, menitikberatkan kecukupan dan keberkesanan kawalan dalam tadbir urus, pengurusan risiko dan proses.

Pendekatan Pengurusan Risiko Untuk Subsidiari Tersenarai FGV

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), sebagai subsidiari tersenarai FGV, melaksanakan tanggungjawab pengurusan risiko dan kawalan dalaman menerusi Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga untuk perbincangan seterusnya oleh Lembaga Pengarah MSM. Sebarang risiko yang dikenal pasti memberikan kesan yang ketara kepada Kumpulan FGV dilaporkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga dan sekiranya boleh menjejaskan kewangan Kumpulan secara langsung, dilaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit FGV, dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah FGV.

Semakan Penyata Oleh Juruaudit Luaran

Seperti yang disyaratkan dalam Perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luaran telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan jaminan terhadap mereka dijalankan mengikut Panduan Amalan Audit dan Jaminan (AAPG) tiga (3) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG 3 tidak memerlukan pendapat juruaudit luaran tentang kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan.

Penyata Lembaga Pengarah

Berdasarkan proses dan langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya sepanjang tahun kewangan serta jaminan munasabah yang disediakan oleh GCEO dan GCFO, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa Kerangka kerja Pengurusan Risiko dan sistem kawalan dalaman seperti yang diterangkan dalam Penyata ini telah beroperasi secara memadai dan berkesan dalam semua aspek penting untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingan kami.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 31 Mac 2021.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- 242** Pergerakan Harga Saham
- 243** Kalendar Kewangan
- 244** Analisis Pemegang Saham
- 248** 10 Hartanah Utama Kumpulan FGV
- 250** Pendedahan Tambahan
 - Pengguna Hasil Perolehan
 - Yuran Bukan Audit
 - Kontrak Material
 - Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP)
 - Skim Terbitan Saham
 - Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Bersifat Hasil Atau Dagangan (RRPT)
- 259** Penerapan Prinsip dan Amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017)
- 262** Notis Mesyuarat Agung Tahunan 2020 yang Ke-13




FGV



Pergerakan Harga Saham

PRESTASI HARGA SAHAM FGV 2020



Kalendar Kewangan

KALENDAR KEWANGAN 2020

KEPUTUSAN SUKU TAHUNAN

- I 28 Februari 2020**
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-4 berakhir 31 Disember 2019
- II 28 Mei 2020**
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun pertama berakhir 31 Mac 2020
- III 24 Ogos 2020**
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-dua berakhir 30 Jun 2020
- IV 17 November 2020**
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-tiga berakhir 30 September 2020

AKAUN TAHUNAN DIAUDIT

- I 28 April 2020**
Pengumuman Akaun Tahunan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan penerbitan Laporan Bersepadu Tahunan 2019

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- I 28 Mei 2020**
Notis Mesyuarat Agung Tahunan kedua belas (ke-12)
- II 19 Jun 2020**
Mesyuarat Agung Tahunan kedua belas (ke-12)

KALENDAR KEWANGAN 2021

KEPUTUSAN SUKU TAHUNAN

- I 26 Februari 2021**
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-4 berakhir 31 Disember 2020

AKAUN TAHUNAN DIAUDIT

- I 28 April 2021**
Pengumuman Akaun Tahunan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan penerbitan Laporan Bersepadu Tahunan 2020

Analisis Pemegang Saham

SETAKAT 19 MAC 2021

Bilangan Saham Terbitan dan Modal : 3,648,151,500 saham biasa dan 1 saham khas
 Pengelasan Saham : Saham biasa
 Saham Khas
 Hak Mengundi : Satu (1) undi bagi setiap saham biasa

ANALISA BAGI SAIZ PEMEGANG SAHAM

| Kategori | Bil. Pemegang Saham | | Jumlah Bil. Pemegang Saham | | Bil. Saham Terbitan | | Jumlah Bil. Saham Terbitan | |
|---|---------------------|------------|----------------------------|---------------|----------------------|--------------------|----------------------------|---------------|
| | Malaysia | Asing | Bil. | Peratus (%) | Malaysia | Asing | Bil. | Peratus (%) |
| Kurang daripada 100 | 611 | 3 | 614 | 2.15 | 4,382 | 93 | 4,475 | 0.00 |
| 100 hingga 1,000 | 19,227 | 23 | 19,250 | 67.38 | 14,983,559 | 13,236 | 14,996,795 | 0.41 |
| 1,001 hingga 10,000 | 6,075 | 55 | 6,130 | 21.45 | 28,807,734 | 294,538 | 29,102,272 | 0.80 |
| 10,001 hingga 100,000 | 2,207 | 44 | 2,251 | 7.88 | 69,168,373 | 1,809,100 | 70,977,473 | 1.95 |
| 100,001 kurang daripada 5% saham yang diterbitkan | 282 | 39 | 321 | 1.12 | 479,192,687 | 152,754,040 | 631,946,727 | 17.32 |
| 5% dan ke atas bagi saham diterbitkan | 5 | 0 | 5 | 0.02 | 2,901,123,758 | 0 | 2,901,123,758 | 79.52 |
| JUMLAH | 28,407 | 164 | 28,571 | 100.00 | 3,493,280,493 | 154,871,007 | 3,648,151,500 | 100.00 |

ANALISA STRUKTUR EKUITI

| Bil. | Kategori Pemegang Saham | Bil. Pemegang Saham | | Bil. Saham Terbitan | | Peratus (%) Saham Terbitan | |
|------|---|---------------------|------------|----------------------|--------------------|----------------------------|-------------|
| | | Malaysia | Asing | Malaysia | Asing | Malaysia | Asing |
| 1. | Individu | 9,934 | 97 | 115,809,070 | 4,238,012 | 3.17 | 0.12 |
| 2. | Badan Korporat | | | | | | |
| | a. Bank/Syarikat Kewangan | 7 | 0 | 3,431,700 | 0 | 0.09 | 0.00 |
| | b. Amanah Perlaburan/Yayasan/Badan Amal | 0 | 0 | 0 | 0 | 0.00 | 0.00 |
| | c. Syarikat Industri dan Komersial | 163 | 7 | 567,941,410 | 8,383,700 | 15.57 | 0.23 |
| 3. | Agensi Kerajaan/Institusi | 10 | 0 | 407,137,300 | 0 | 11.16 | 0.00 |
| 4. | Calon-calon | 18,293 | 60 | 2,398,961,013 | 142,249,295 | 65.76 | 3.90 |
| 5. | Lain-lain | 0 | 0 | 0 | 0 | 0.00 | 0.00 |
| | JUMLAH | 28,407 | 164 | 3,493,280,493 | 154,871,007 | 95.75 | 4.25 |

PEMEGANG SAHAM UTAMA (5% DAN KE ATAS)

| Bil. | Nama | Kepentingan Langsung | | Kepentingan Tidak Langsung/ Anggap Faedah | |
|------|---|------------------------|----------------------------------|--|----------------------------------|
| | | Bil. Saham Terbitan | Peratus (%) Saham Terbitan | Bil. Saham Terbitan | Peratus (%) Saham Terbitan |
| 1. | LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA) | | | | |
| | - Akaun Sendiri | 3,188,300 | | | |
| | - Akaun Sendiri (MOF - Akaun Jaminan Pinjaman Kerajaan Persekutuan) | 400,000,000 | | | |
| | - Maybank Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. | 1,493,953,491 | | | |
| | - Maybank Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. | 371,841,500 | | | |
| | - Maybank Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. | 125,601,100 | | | |
| 2. | FELDA ASSET HOLDINGS COMPANY SDN. BHD. | | | | |
| | - Akaun Sendiri | 452,921,192 | 452,921,192 | 12.42 | - |
| 3. | KERAJAAN NEGERI PAHANG | | | | |
| | - Maybank Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. | 182,407,575 | 182,407,575 | 5.00 | - |

PEMEGANG SAHAM OLEH AHLI LEMBAGA PENGARAH

| Bil. | Nama | Kepentingan Langsung | | Kepentingan Tidak Langsung/Anggap Faedah | |
|------|--------------------------------|------------------------|-------------------------------|---|-------------------------------|
| | | Bil. Saham Terbitan | Peratus (%) Saham Terbitan | Bil. Saham Terbitan | Peratus (%) Saham Terbitan |
| 1 | DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID | - | - | - | - |
| 2 | DATO' YUSLI MOHAMED YUSOFF | - | - | - | - |
| 3 | DATO' AMIRUDDIN ABDUL SATAR | - | - | - | - |
| 4 | DATUK MOHD ANWAR YAHYA | - | - | - | - |
| 5 | DR. MOHAMED NAZEEB P.ALITHAMBI | 7,000 | 0.00 | - | - |
| 6 | DATIN HOI LAI PING | - | - | - | - |
| 7 | DR. ZUNIKA MOHAMED | - | - | - | - |
| 8 | DATO' SHAHROL ANUWAR SARMAN | - | - | - | - |
| 9 | DR. NESADURAI KALANITHI | - | - | - | - |

Nota:

1. Kepentingan Pengarah dalam Saham FGV dan perbadanan berkaitan dinyatakan dalam Laporan Pengarah, Penyata Kewangan FGV bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.
2. Dato' Haris Fadzilah Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, yang bukan Pengarah FGV, mempunyai kepentingan tidak langsung dalam 25,000 saham dalam FGV.

Analisis Pemegang Saham

SENARAI 30 PEMEGANG SAHAM TERBESAR

| Bil. | Nama | Bil. Saham Terbitan | Peratus (%) Saham Terbitan |
|------|--|---------------------|----------------------------|
| 1 | MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (564212105881) | 1,493,953,491 | 40.95 |
| 2 | FELDA ASSET HOLDINGS COMPANY SDN. BHD. | 452,921,192 | 12.42 |
| 3 | MINISTER OF FINANCE AKAUN JAMINAN PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN | 400,000,000 | 10.96 |
| 4 | MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (464016811369) | 371,841,500 | 10.19 |
| 5 | MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR KERAJAAN NEGERI PAHANG | 182,407,575 | 5.00 |
| 6 | MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN | 125,601,100 | 3.44 |
| 7 | KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD | 100,748,208 | 2.76 |
| 8 | CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN. BHD. UBS AG | 83,799,117 | 2.30 |
| 9 | UOB KAY HIAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. SDB ASSET MANAGEMENT SDN. BHD. FOR CHIEF MINISTER STATE OF SABAH | 65,934,066 | 1.81 |
| 10 | AFFIN HWANG NOMINEES (ASING) SDN. BHD. EXEMPT AN FOR LEI SHING HONG SECURITIES LIMITED (CLIENTS A/C) | 22,000,000 | 0.60 |
| 11 | UOB KAY HIAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. SDB ASSET MANAGMENT SDN. BHD. FOR EKUITI YAKINJAYA SDN. BHD. | 20,869,113 | 0.57 |
| 12 | RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. OSK CAPITAL SDN. BHD. FOR YAYASAN ISLAM TERENGGANU | 16,455,100 | 0.45 |
| 13 | CGS-CIMB NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. EXEMPT AN FOR CGS-CIMB SECURITIES SDN. BHD. (FELDA IPO SMF) | 11,832,300 | 0.32 |
| 14 | HSBC NOMINEES (ASING) SDN. BHD. CREDIT SUISSE (HONG KONG) LIMITED | 10,098,400 | 0.28 |
| 15 | BIMSEC NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. EXEMPT AN FOR BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (FGVH) | 6,872,800 | 0.19 |
| 16 | TOKIO MARINE LIFE INSURANCE MALAYSIA BHD AS BENEFICIAL OWNER (PF) | 6,400,700 | 0.18 |
| 17 | MIDF AMANAH INVESTMENT NOMINEES (ASING) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR FOXTON CONSULTING - F.Z.E (CTS-FCF0001C) | 5,965,000 | 0.16 |
| 18 | ALLIANCE GROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LIM NYUK SANG @ FREDDY LIM (8071811) | 5,618,300 | 0.15 |

| Bil. | Nama | Bil. Saham Terbitan | Peratus (%) Saham Terbitan |
|------|--|---------------------|----------------------------|
| 19 | HSBC NOMINEES (ASING) SDN. BHD. EXEMPT AN FOR CREDIT SUISSE AG (DUB CLT N-TREAT) | 4,373,800 | 0.12 |
| 20 | KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD | 3,961,700 | 0.11 |
| 21 | CHIN CHIN SEONG | 3,754,000 | 0.10 |
| 22 | MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. ETIQA LIFE INSURANCE BERHAD (GROWTH) | 3,668,400 | 0.10 |
| 23 | MIDF AMANAH INVESTMENT NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR BARNES & BARRETT (M) SDN. BHD. (CTS-BAB0003C) | 3,521,400 | 0.1 |
| 24 | HSBC NOMINEES (ASING) SDN. BHD. HSBC-FS P FOR HSBC POOLED VC ASIA PACIFIC EX JAPAN EQUITY FUND | 3,485,600 | 0.1 |
| 25 | MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR ZULKIFLI BIN ISMAIL | 3,350,000 | 0.09 |
| 26 | MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. ETIQA LIFE INSURANCE BERHAD (DANA EKT PRIMA) | 3,205,600 | 0.09 |
| 27 | LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA) | 3,188,300 | 0.09 |
| 28 | MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LIM NYUK SANG @ FREDDY LIM | 3,150,000 | 0.09 |
| 29 | CGS-CIMB NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LIM NYUK SANG @ FREDDY LIM (MQ0423) | 3,109,500 | 0.09 |
| 30 | AMSEC NOMINEES (TEMPATAN) SDN. BHD. EXEMPT AN FOR AMBANK ISLAMIC BERHAD (FELDA) | 2,881,800 | 0.08 |

10 Hartanah Utama Kumpulan FGV

| Lokasi | Tempoh | Tahun Pajakan Tamat | Kawasan Anggaran (Hektar) | Butiran | Tahun Pemilikan | Nilai Buku Bersih (RM'000) |
|---|---------|---------------------|---------------------------|--|-----------------|----------------------------|
| 1. Sabah Sahabat 07, Sahabat 30, Sahabat 40, Sahabat 41, Sahabat 42, Sahabat 43, Sahabat 46, Sahabat 48, Sahabat 50, Sahabat 51, Sahabat 52, Sahabat 53, Sahabat 54, Sahabat 21, Sahabat 22, Sahabat 23, Sahabat 24, Sahabat 25, Sahabat 26, Sahabat 28, Sahabat 31, Sahabat 33, Sahabat 34, Sahabat 35, Sahabat 36, Sahabat 09, Sahabat 10, Sahabat 11, Sahabat 12, Sahabat 16, Sahabat 17, Sahabat 20, Sahabat 38, Sahabat 39, Sahabat 44, Sahabat 45, Sahabat 55, Sahabat 56, Kalabakan Selatan, Kalabakan Utara 01, Umas 05, Umas 06, Tenegang, Sahabat, Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Umas, Baiduriayu, Kalabakan, Embara Budi, Fajar Harapan, Merchu Puspita, Hamparan Badai, Kembara Sakti, Nilam Permata, Jeragan Bistari, Lanchang Kemudi. | Pajakan | 2028 - 2887 | 128,692 | Estet kelapa sawit, kilang kelapa sawit dan kilang penapisan | 1996-2013, 2016 | 1,120,702 |
| 2. Sarawak Lot 15 Dulit Land Batang Tinjar, Baram. Lot 20 Dulit Land Long Aya, Tinjar, Baram. Lot 10 Dulit Land Along Batang Tinjar, Baram. Lot 16 Dulit Land Batang Tinjar, Baram. Lot 68, Bok Land, Sg Bok, Dulit, Baram. Lot 23 Dulit Land Sg Bok, Dulit, Baram. Lot 17, 18 & 19 Patah Land District, Sg Aran & Sg Tema-ah, Miri. Sampadi 01, Sampadi 03, Sampadi 04, Sampadi 05, Sampadi 06, Sampadi. | Pajakan | 2063 - 2111 | 32,803 | Estet kelapa sawit dan kilang kelapa sawit | 2012-2014 | 216,121 |
| 3. Pahang Darul Makmur Berabong 01, Selendang 03, Selendang 04, Selanchar 06, Selanchar 08, Selanchar 09, Chegar Perah 02, Kechau 02, Kechau 03, Kechau 06, Kechau 07, Kechau 08, Kechau 10, Kechau 11, Krau 02, Krau 04, Telang 01, Bera Selatan 01, Bera Selatan 03, Bera Selatan 04, Bera Selatan 05, Bera Selatan 07, Keratong 11, Mengkarak 01, Mengkarak 02, Tembangau 03, Tembangau 05, Tembangau 06, Tembangau 08, Tembangau 07, Tembangau 09, Bukit Sagu 04, Bukit Sagu 06, Bukit Sagu 07, Bukit Sagu 08, Lepar Hilir 05, Lepar Hilir 06, Lepar Hilir 08, Merchong, Chini Timur 04, Lepar Utara 05, Lepar Utara 07, Lepar Utara 08, Lepar Utara 09, Lepar Utara 11, Lepar Utara 14, Terapai 01, Terapai 03, Triang 02, Triang 04, Triang Selatan 01, Jengka 21, Keratong 2, Bkt Mendi, Pdg Piol, Kepayang, Gelanggi, Neram, Chini 3, Tementi, Mompaga, Kemasul, Keratong 3, Seroja, Tersang, Keratong 9, Selendang A, Lepar Utara 4, Chini 2, Jengka 8, Lepar Hilir, Bukit Sagu, Lepar Utara 6, Panching, Triang, Kerau, Kechau A, Kechau B, Tanjung Gelang. | Pajakan | 2027 - 2111 | 143,902 | Estet kelapa sawit, kilang kelapa sawit dan kilang penapisan | 2012 | 226,716 |

| Lokasi | Tempoh | Tahun Pajakan Tamat | Kawasan Anggaran (Hektar) | Butiran | Tahun Pemilikan | Nilai Buku Bersih (RM'000) |
|--|----------------|---------------------|---------------------------|---|-----------------|----------------------------|
| 4. Johor Darul Takzim Inas Selatan, Kledang 02, Maokil 06, Maokil 07, Nitar Timur, Paloh, Tenggaroh 09, Tenggaroh 11, Tenggaroh 12, Tenggaroh 13, Tenggaroh Timur 02, Palong Timur 04, Palong Timur 05, Semencu, Bukit Besar, Air Tawar, Penggeli, Kahang, Lok Heng, Selanchar 2A, Tenggaroh 4, Adela, Moakil, Nitar, Selanchar 2B, Belitong, Wa Ha, Tenggaroh Timur, Kulai, Plentong, Pasir Gudang, Tanjung Langsat Industrial Complex. | Pajakan | 2018 - 2111 | 33,915 | Estet kelapa sawit, kilang kelapa sawit, kilang, gudang, bangunan pejabat dan kilang penapisan gula | 2012-2015 | 257,064 |
| 5. Kelantan Darul Naim Aring 02, Aring 03, Aring 04, Aring 05, Aring 06, Aring 08, Aring 10, Chiku 04, Chiku 08, Aring B, Kemahang, Chiku, Aring A. | Pajakan | 2111 | 24,620 | Estet kelapa sawit dan kilang kelapa sawit | 2012 | 99,178 |
| 6. Perlis Indera Kayangan PN 37, Lot No : 2040, Kampong Baru, Chuping. PN 39, Lot No : 2035, Bukit Merah, Chuping. PN 40, Lot No : 2038, Store Chia, Chuping. PN1755, Lot 18794, Mukim Chuping. PN 43, Lot No : 2037, Air Hujan, Chuping. HS (D) 145, PT, Chuping. | Pajakan | 2061 - 2062 | 4,340 | Getah dan tanaman perladangan lain dan bangunan | 2011 | 76,821 |
| 7. Amerika Syarikat 740-760, 749-773, dan 780 Washington Street, Quincy, Massachusetts, 02169 Amerika Syarikat. | Pegangan bebas | | Luas kawasan binaan: 4.38 | Pengeluaran asid lemak dan gliserin dengan fasiliti pengagihan bagi penghantaran laut dan melalui jalan kereta api. | 2008-2009 | 60,126 |
| 8. Terengganu Darul Iman Chador 01, Cherul 03, Rantau Abang 01, Semaring 01, Setiu 01, Jerangau Baru, Jerangau Barat, Kertih, Chalok. | Pajakan | 2111 | 13,395 | Estet kelapa sawit dan kilang kelapa sawit | 2012 | 39,024 |
| 9. Negeri Sembilan Palong 17, Palong 18, Palong 21, Serting Hilir 08, Serting, Serting Hilir, Palong Timur, Pasoh. | Pajakan | 2111 | 12,867 | Estet kelapa sawit dan kilang kelapa sawit | 2012 | 25,597 |
| 10. Perak Besout 06, Besout 07, Lawin Tengah, Nenering 02, Tawai 01, Tawai 02, Trolak, Besout. | Pajakan | 2111 | 15,551 | Estet kelapa sawit dan kilang kelapa sawit | 2012 | 20,078 |

Pendedahan Tambahan

PENGUNAAN HASIL PEROLEHAN

Tiada perolehan yang diperolehi daripada cadangan korporat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

YURAN BUKAN AUDIT

Jumlah yuran bukan audit bagi perkhidmatan yang diberikan kepada Kumpulan oleh juruaudit luaran, PricewaterhouseCoopers PLT (PwC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 berjumlah RM602,000 dan menurut had yang dibenarkan.

KONTRAK MATERIAL

Tiada kontrak material yang dimeterai oleh Syarikat atau anak syarikatnya sama ada yang masih wujud pada akhir tahun kewangan berakhir 2020 atau yang dimeterai sejak akhir tahun kewangan sebelumnya berakhir 31 Disember 2019.

PELAN INSENTIF JANGKA PANJANG (LTIP)

Butiran LTIP disediakan di muka surat 3 dalam Penyata Kewangan Diaudit FGV 2020.

SKIM TERBITAN SAHAM

Tiada Skim Terbitan Saham diisytiharkan atau dilaksanakan pada 2020.

URUS NIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN BERSIFAT HASIL ATAU DAGANGAN

Pada Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) ke-12 yang diadakan pada 19 Jun 2020, Syarikat telah memperoleh mandat am daripada Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan (RRPT) sedia ada yang bersifat hasil atau dagangan untuk FGV dan Kumpulan Syarikatnya (Kumpulan FGV) seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham yang bertarikh 28 Mei 2020 (Mandat Pemegang Saham RRPT). Mandat Pemegang Saham RRPT tersebut sah sehingga tamatnya MAT ke-13 Syarikat.

Menurut perenggan 10.09(2)(b) dan perenggan 3.1.5 Nota Amalan 12 daripada Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, butiran urus niaga berulang pihak berkaitan bersifat hasil atau dagangan yang dijalankan semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| Perkara | Urus Niaga Pihak Berkaitan | | Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengaruh dan individu yang berkaitan dengan mereka | Jenis RRPT | Nilai Urus Niaga (RM'000) |
|---------|--|--------------|---|---|---------------------------------|
| | Penerima | Penyedia | | | |
| 1 | Anak Syarikat Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat MSM & FGV Trading | Kumpulan FGV | Pemegang Saham Utama Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> FELDA FAHC Pengarah Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> Dato' Amiruddin Abdul Satar Dato' Shahrol Anuwar Sarman Dato' Othman Omar Mohd Hassan Ahmad Pengarah Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> KPF | Penyediaan khidmat pengurusan dan khidmat bersama | 64,293 |

| Perkara | Urus Niaga Pihak Berkaitan | | Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengaruh dan individu yang berkaitan dengan mereka | Jenis RRPT | Nilai Urus Niaga (RM'000) |
|---------|---|-----------------------------|--|--|---------------------------------|
| | Penerima | Penyedia | | | |
| 2. | Kumpulan FGV | Anak Syarikat Berkaitan KPF | Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC | Perkhidmatan bekalan baja, biji benih kelapa sawit dan khidmat rundingan berkaitan baja. | 511 |
| | | | Pengaruh Berkepentingan: • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad | Sewaan bangunan/rumah di pelbagai tempat yang mempunyai tempoh sewa kurang dari 3 tahun dengan berdasarkan purata ansuran bulanan atau tahunan, untuk tujuan dijadikan pejabat, bilik stor, makmal, rumah pam, kuarters staff dan lain-lain. | 1,334 |
| | | | Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF | Belian BTS | 105,988 |
| 3. | Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat FELDA | Anak Syarikat Berkaitan KPF | • FELDA • FAHC | Peruntukan perkhidmatan rundingan kejuruteraan dan pengurusan projek | 55 |
| | | | Pengaruh Berkepentingan: • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad | | |
| | | | Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF | | |
| 4. | Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Syarikat Berkaitan KPF, Yayasan Felda | FGV Prodata | Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC | Sewaan komputer dan pencetak; jualan dan sewaan khidmat IT; sewaan dan khidmat komputer | 61,162 |
| | | | Pengaruh Berkepentingan: • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad | | |
| | | | Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF • Yayasan Felda | | |
| 5 | Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Syarikat Berkaitan KPF, Yayasan Felda | Anak Syarikat Berkaitan KPF | • FAHC | Peruntukan perkhidmatan keselamatan | 54,316 |
| | | | Pengaruh Berkepentingan: • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad | | |
| | | | Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* Individu berkepentingan berkaitan: • KPF • Yayasan Felda | | |

Pendedahan Tambahan

| Perkara | Urus Niaga Pihak Berkaitan | | Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengaruh dan individu yang berkaitan dengan mereka | Jenis RRPT | Nilai Urus Niaga (RM'000) |
|---------|---|--------------------------------|--|---|---------------------------------|
| | Penerima | Penyedia | | | |
| 6 | Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM, Syarikat Berkaitan KPF | Anak Syarikat Berkaitan KPF | <p>Pemegang Saham Utama Berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> FELDA FAHC <p>Pengaruh Berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Dato' Amiruddin Abdul Satar Dato' Shahrol Anuwar Sarman Dato' Othman Omar Mohd Hassan Ahmad <p>Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF*</p> <p>Individu berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> KPF | Penyediaan perkhidmatan logistik (termasuk kurier, pengangkutan, khidmat penghantar barang) | 191,786 |
| 7 | Kumpulan Syarikat FELDA & Syarikat Berkaitan KPF | Anak Syarikat Berkaitan KPF | <p>Pemegang Saham Utama Berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> FELDA FAHC <p>Pengaruh Berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Dato' Amiruddin Abdul Satar Dato' Shahrol Anuwar Sarman Dato' Othman Omar Mohd Hassan Ahmad <p>Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF*</p> <p>Individu berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> KPF | Komisen jeti; penyediaan perkhidmatan kurier | 736 |
| 8 | Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Anak Syarikat Berkaitan KPF dan Syarikat Berkaitan KPF | Kumpulan FGV | <p>Pemegang Saham Utama Berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> FELDA FAHC <p>Pengaruh Berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Dato' Amiruddin Abdul Satar Dato' Shahrol Anuwar Sarman Dato' Othman Omar Mohd Hassan Ahmad <p>Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF*</p> <p>Individu berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> KPF | Penyediaan perkhidmatan perjalanan dan penginapan | 1,039 |
| 9 | Kumpulan FGV | Anak Syarikat Berkaitan KPF | <p>Pemegang Saham Utama Berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> FELDA FAHC <p>Pengaruh Berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Dato' Amiruddin Abdul Satar Dato' Shahrol Anuwar Sarman Dato' Othman Omar Mohd Hassan Ahmad <p>Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF*</p> <p>Individu berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> KPF | Peruntukan perkhidmatan tol (tolling) | 79,249 |

| Perkara | Urus Niaga Pihak Berkaitan | | Pemegang Saham Berkepentingan/ Pengaruh dan individu yang berkaitan dengan mereka | Jenis RRPT | Nilai Urus Niaga (RM'000) |
|---------|---|---|--|---|---------------------------------|
| | Penerima | Penyedia | | | |
| 10 | Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM | Kumpula Syarikat FELDA & Syarikat Berkaitan KPF | Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC | Belian BTS | 3,345,812 |
| | | | Pengaruh Berkepentingan: • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad | Bayaran insentif untuk kesejahteraan peneroka kepada Jawatankuasa Perundingan Bersama (JCC)/FELDA | 12,398 |
| | | | Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* | Sewaan premis pejabat dan sewaan tanah kurang dari 3 tahun berdasarkan purata ansuran bulanan atau tahunan | 17,416 |
| | | | Individu berkepentingan berkaitan: • KPF | | |
| 11 | Kumpulan Syarikat FELDA, Anak Syarikat Berkaitan KPF, Syarikat Berkaitan KPF | Kumpulan FGV | Pemegang Saham Utama Berkepentingan: • FELDA • FAHC | Jualan produk pukal | 158 |
| | | | Pengaruh Berkepentingan: • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Dato' Othman Omar • Mohd Hassan Ahmad | Jualan produk (abu tandan) | 760 |
| | | | Pengaruh Berkepentingan dalam Anak Syarikat Berkaitan KPF* | | |
